

Penerokaan Pengenalan

Imej dan persepsi

(satu sesi)

Bagi anda apakah imej konflik bersenjata?

Apakah pandangan anda tentang usaha-usaha untuk menghadkan penderitaan yang diakibatkan oleh konflik bersenjata?

Apakah itu maruah manusia?

IMEJ DAN PERSEPSI:

Suatu penerokaan tentang apa yang para pelajar tahu dan fikirkan tentang konflik bersenjata dan usaha-usaha untuk menghadkannya.....13

KONSEP:

Had-had kepada konflik bersenjata
Maruah manusia

KEMAHIRAN YANG DIPRAKTIKKAN:

Perbincangan
Mendengar
Menyatakan ketidaksetujuan secara bersopan
Menyokong pendapat dengan alasan

© International Committee of the Red Cross
Geneva 2001, kemaskini 2002

Kebenaran diberi untuk mencetak semula, menterjemah atau menyingkatkan buku ini untuk tujuan bukan komersial. Namun, apa bentuk penggunaan ini atau adaptasi mesti dibenarkan oleh ICRC dalam tulisan dan harus memaparkan logo ICRC dan logo EDC (boleh diperolehi dari ICRC). Pihak Kementerian Pelajaran dan Persatuan Kebangsaan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah boleh juga memuatkan logo mereka.

KERANGKA KURSUS MENEROKA UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN

PENEROKAAN PENGENALAN:

Penerokaan Pengenalan: Imej dan persepsi

MODUL 1: PERSPEKTIF KEMANUSIAAN

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?	[cerita tentang tindakan kemanusiaan]
Penerokaan 1B: Memahami tindakan kemanusiaan	[suara daripada peperangan]
Penerokaan 1C: Dilema penyaksi	[senario dilema]

MODUL 2: HAD-HAD DALAM KONFLIK BERSENJATA

Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan	[foto, kolaj foto, peraturan-peraturan asas]
Penerokaan 2B: Peraturan mengikut peredaran masa	[contoh peraturan peperangan]
Penerokaan 2C: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak	[kolaj foto, video, peta]
Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api pembinasa anggota	[video, peta]

MODUL 3: PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG

Penerokaan 3A: Mengenal pasti pencabulan	[suara daripada peperangan]
Penerokaan 3B: Dari perspektif kombatan	[senario dilema]
Penerokaan 3C: Siapakah yang bertanggungjawab?	
Kajian kes – My Lai	[video dan main peranan]

MODUL 4: MENEGAKKAN KEADILAN

Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan	[bahan bacaan]
Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa	[bahan bacaan]

MODUL 5: MENYAHUT CABARAN AKIBAT PEPERANGAN

Penerokaan 5A: Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan	[kolaj foto]
Penerokaan 5B: Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan	
Penerokaan 5C: Fokus terhadap melindungi tahanan	[video]
Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan	[kolaj foto]
Penerokaan 5E: Etika tindakan kemanusiaan	[senario dilema]

PENEROKAAN PENUTUP:

Penerokaan penutup: Ke manakah kita akan pergi dari sini? [video]

ISTILAH

JADUAL KURSUS

BAGI SEMUA MODUL			
KEMAHIRAN			
KONSEP			
<p>Maruah manusia</p> <p>Halangan kepada tingkah laku kemanusiaan</p> <p>Dilema</p> <p>Kesan</p> <p>Kepelbagaian perspektif</p>	<p>Perbincangan</p> <p>Mendengar</p> <p>Menyatakan ketidaksejukan secara bersopan</p> <p>Menyokong pendapat dengan alasan Sumbangsan</p> <p>Alasan berlandaskan undang-undang</p>	<p>Memilih Perspektif</p> <p>Main peranan</p> <p>Menganalisa cerita</p> <p>Bercerita</p> <p>Menganalisa dilema</p> <p>Mengenal pasti masalah</p>	<p>Mengenal pasti kesan</p> <p>Menjejak kesan</p> <p>Menganalisa masalah</p> <p>Menilai keperluan</p> <p>Mengenal pasti penyelesaian</p> <p>Menyimpan rekod</p>
			<p>Menganggarkan skop</p> <p>Menganggarkan usaha</p> <p>Bekerja dalam kumpulan</p> <p>Merancang</p> <p>Menilai projek</p>

MODUL-MODUL

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
PENEROKAAN PENGENALAN	<p>Bagi anda apakah imej konflik bersenjata?</p> <p>Apakah pandangan anda tentang usaha-usaha untuk menghadkan penderitaan yang diakibatkan oleh konflik bersenjata?</p> <p>Apakah itu maruah manusia?</p>	<p>Had-had kepada konflik bersenjata</p> <p>Maruah manusia</p> <p>Dilema</p>	<p>Imej dan persepsi</p>	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk menyedari persoalan utama yang menjadi asas kepada undang-undang kemanusiaan. ◆ Untuk menyedari bahawa sesetengah persoalan yang timbul dalam meneroka undang-undang kemanusiaan tidak mempunyai jawapan yang mudah. ◆ Untuk membina satu definisi awal tentang maruah manusia. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Konsep maruah manusia adalah idea asas kepada Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa. Konsep ini akan berulang semula di sepanjang Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan (EHL). ◆ Sesetengah persoalan yang ditimbulkan semasa Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan tidak mempunyai satu jawapan yang tepat atau apa-apa jawapan yang mudah. Salah satu matlamat Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan adalah untuk mengenal pasti persoalan sedemikian dan menerokanya.

Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 1 Perspektif kemanusiaan	Apakah itu penyaksi? Apakah dilema yang dihadapi oleh penyaksi? Apakah kesan tindakan penyaksi? Apakah ciri-ciri tindakan kemanusiaan?	Penyaksi Tindakan kemanusiaan Tekanan sosial	1A Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk memahami kesan tindakan penyaksi terhadap tindakan orang lain. ◆ Untuk menyedari akan contoh-contoh tindakan penyaksi dalam situasi keganasan untuk melindungi nyawa dan maruah manusia. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Penyaksi adalah manusia biasa yang semasa waktu keganasan, boleh bertindak melindungi nyawa dan maruah orang lain, orang yang mungkin mereka tidak kenali. ◆ Penyaksi selalunya bertindak walaupun berkemungkinan menghadapi risiko atau kehilangan nyawa. ◆ Orang awam di merata-rata tempat telah bangkit menentang tindakan kezaliman untuk melindungi manusia yang lemah.
			1B Memahami tindakan kemanusiaan	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk memahami konsep tindakan kemanusiaan. ◆ Untuk memahami pengaruh tekanan sosial dalam situasi apabila nyawa atau maruah manusia menghadapi risiko. ◆ Untuk mengenal pasti tindakan kemanusiaan dalam berita dan kehidupan seharian. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Tindakan-tindakan kemanusiaan ialah tindakan yang melindungi nyawa seseorang atau maruahnya daripada ancaman, terutamanya untuk seseorang yang pada kebiasaannya tidak menerima perlindungan. Tindakan-tindakan sedemikian mungkin akan melibatkan risiko peribadi. (Ini ialah salah satu definisi yang telah diterima pakai bagi maksud Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan). ◆ Sesuatu tindakan kemanusiaan, yang bertujuan untuk melindungi nyawa dan maruah, mungkin sukar dalam sesetengah konteks sosial, terutamanya apabila tindakan tersebut melibatkan membantu seseorang yang dianggap sebagai sebahagian daripada kumpulan "musuh".
			1C Dilema penyaksi	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk mengenal pasti kemuskilan yang mungkin dihadapi oleh penyaksi apabila penyaksi ancaman terhadap maruah manusia. ◆ Untuk mempelajari bagaimana menganalisa sesuatu dilema. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Dalam kebanyakan tindakan kemanusiaan, penyaksi akan menghadapi dilema untuk memilih sama ada untuk menghulurkan bantuan melindungi seseorang atau tidak kerana ia berhadapan dengan risiko yang tinggi. ◆ Apa sahaja pilihan yang dibuat akan mengakibatkan kesulitan dan membawa akibat jangka panjang kepada semua pihak yang terlibat.

Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 2 Had-had dalam konflik bersenjata	Apakah had-had yang diperlukan dan kenapa? Asal-usul had-had ini? Bagaimanakah undang-undang untuk menghadkan peperangan berkembang?	Had kepada peperangan Orang awam, bukan kombatan (<i>hors de combat</i>) Hak asasi manusia Perlindungan Keperluan kanak-kanak Senjata yang sembarangan Kesan kocakan (<i>ripple effect</i>)	2A Menghadkan kemusnahan	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk memahami kenapa peraturan-peraturan diperlukan bagi konflik bersenjata. ◆ Untuk memahami persamaan undang-undang hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa. ◆ Untuk mengetahui beberapa peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Undang-undang kemanusiaan bertujuan untuk melindungi nyawa dan maruah semasa konflik bersenjata. Ini dilakukan dengan menghadkan cara dan kaedah peperangan bagi mengurangkan penderitaan dan untuk melindungi orang yang bukan kombatan dan terutamanya mereka yang tidak lagi terlibat di dalam peperangan. ◆ Kedua-dua undang-undang hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa berkongsi tujuan asas yang sama iaitu untuk melindungi nyawa dan maruah manusia. ◆ Undang-undang Kemanusiaan bertindak secara eksklusif semasa konflik bersenjata kerana ia dicipta khusus untuk situasi melampaui yang sebegitu.
			2B Peraturan mengikut pederaran masa	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk menyedari bahawa manusia telah mencipta peraturan untuk mengawal konflik bersenjata. ◆ Untuk menyedari contoh larangan yang telah wujud dalam peraturan awal. ◆ Untuk menunjukkan hubungan di antara sesuatu kejadian dan perkembangan norma-norma kemanusiaan. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Usaha-usaha manusia untuk menghadkan kejahatan peperangan adalah sejagat. ◆ Sejarah membuktikan bahawa pelbagai peraturan telah diguna pakai oleh masyarakat yang berlainan untuk mengurangkan penderitaan dan kemusnahan semasa peperangan.
			2C Fokus terhadap "askar" kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk menyedari skop amalan penggunaan kanak-kanak sebagai kombatan dan akibat penggunaannya. ◆ Untuk memahami keperluan mengadakan umur minima bagi pengambilan sebagai kombatan. ◆ Untuk mengetahui bahawa pengambilan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun ke dalam angkatan bersenjata ialah suatu pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan bahawa usaha-usaha sedang dilakukan kini untuk meningkatkan umur minima kepada 18 tahun. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Kanak-kanak perlu dilindungi semasa keadaan konflik bersenjata. Salah satu bentuk perlindungan ialah dengan menghadkan umur minima bagi perekrutan di dalam kumpulan ketenteraan. ◆ IHL menetapkan umur yang wajib dan perekrutan secara sukarela di dalam angkatan tentera pada 15 tahun. Mengikut Perikara 8 Statut Mahkamah Jenayah Antarabangsa, adalah satu jenayah peperangan. ◆ Usaha-usaha antarabangsa sedang dijalankan untuk meningkatkan umur minima kepada 18 tahun.

Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 2 Had-had dalam konflik bersenjata (<i>sambungan</i>)			2D Fokus terhadap periuk api peminasa anggota	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk memahami kenapa sesetengah senjata yang tidak boleh membezakan mangsa dan yang boleh menyebabkan penderitaan yang tidak sepatutnya dilarang penggunaannya. ◆ Untuk membolehkan menjejaki rantaian kesan akibat penggunaan periuk api. ◆ Untuk memahami bagaimana pendapat orang awam dan tekanan sosial orang awam boleh menyumbang kepada perkembangan undang-undang kemanusiaan. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Senjata seperti periuk api serta senjata biologiikal dan kimia adalah senjata yang dilarang kerana senjata ini tidak dapat membezakan mangsa, iaitu antara kombatan dan orang awam. Penggunaan senjata ini juga menyebabkan penderitaan yang keterlaluan. ◆ Penggunaan periuk api bukan sahaja mengakibatkan kecederaan jasmani dan emosi, malah ia membawa kesan sosial dan ekonomi kepada mangsa, keluarga, masyarakat dan negara. ◆ Pengharaman pengeluaran dan penggunaan periuk api peminasa anggota berdasarkan Trito Ottawa 1997 ialah contoh bagaimana undang-undang kemanusiaan antarabangsa berkembang mengikut peredaran zaman hasil usaha-usaha masyarakat awam.
MODUL 3 Pelaksanaan undang-undang	Undang-undang yang manakah yang sering dicabul dan kenapa? Apakah dilema yang dihadapi oleh kombatan-kombatan? Siapakah yang bertanggung-jawab untuk memastikan bahawa undang-undang kemanusiaan antarabangsa dihormati?	Pencabulan Perbezaan di antara orang awam/kombatan Rantaian kesan dan akibat	3A Mengenal pasti pencabulan	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk mengenal pasti beberapa pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa. ◆ Untuk meneliti contoh-contoh tentang bagaimana sesuatu pencabulan membawa kepada pencabulan yang seterusnya. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Peraturan-peraturan IHL direka secara khusus bagi keadaan-keadaan semasa konflik bersenjata. ◆ Pencabulan selalunya membawa kepada satu rantaian kesan akibat bagi pencabulan seterusnya. ◆ Orang memberikan pelbagai alasan bagi pencabulan yang kadangkala berlaku. Alasan-alasan itu termasuklah membalas dendam, peperangan di kawasan-kawasan perumahan, mengandaikan bahawa orang awam sedang membantu pihak musuh, arahan tidak sah (<i>//legal/orders</i>) daripada pihak atasan, dsb.

Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 3 Pelaksanaan undang-undang (<i>sambungan</i>)			3B Dari perspektif kombatan	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk mengenal pasti dilema yang kadangkala timbul dalam mematuhi IHL dalam situasi peperangan. ◆ Untuk mengenal pasti masalah dalam menegakkan IHL apabila perbezaan di antara kombatan dan orang awam tidak jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Mematuhi peraturan-peraturan IHL semasa konflik bersenjata seringkali melibatkan dilema. ◆ Banyak dilema timbul akibat kesukaran untuk membezakan antara kombatan dan orang awam. ◆ Kadangkala orang sengaja mengaburkan perbezaan itu, dan kadangkala ia dikaburkan apabila peperangan itu berlaku di kawasan penempatan. ◆ Sekiranya tidak pasti sama ada seseorang itu orang awam atau anggota tentera, orang itu hendeklah dianggap sebagai orang awam.
			3C Siapakah yang bertanggung-jawab?	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk memahami siapakah di antara para kombatan yang bertanggungjawab untuk memastikan peraturan-peraturan dipatuhi. ◆ Untuk mengenal pasti bagaimana tanggungjawab itu dilaksanakan. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Pelbagai pihak bertanggungjawab untuk memastikan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dihormati. Walaupun ia hanya mengambil seorang sahaja untuk mencabuli IHL, namun ia memerlukan gandingan usaha pihak kerajaan, tentera dan kombatan untuk memastikan peraturan IHL dihormati. ◆ Adalah penting untuk sesebuah negara memastikan agar undang-undang kemanusiaan antarabangsa dipatuhi.
			3D Kajian kes — "My Lai": Apa yang salah? Apa yang betul?	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk menyedari pelbagai cara tindak balas manusia apabila berhadapan dengan pencabulan dahsyat undang-undang kemanusiaan. ◆ Untuk memahami beberapa isu dan dilema yang terlibat dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan IHL. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Kombatan tidak perlu mematuhi arahan yang tidak sah (<i>illegal orders</i>). ◆ Realiti pertempuran moden boleh mengugut pelaksanaan undang-undang kemanusiaan antarabangsa. ◆ Sesetengah negara mungkin menghadapi masalah untuk membawa anggota tentera mereka ke muka pengadilan sekiranya berlaku pencabulan undang-undang kemanusiaan.

Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 4 Menegakkan keadilan	Kenapakah keadilan diperlukan? Bagaimanakah keadilan boleh dicapai? Siapa yang sepatutnya mengadili tertuduh?	Pelaksanaan Penguatkuasaan Perbezaan di antara orang awam/kombatan Arahan yang tidak sah Tekanan sosial Tanggungjawab individu Tanggungjawab kepimpinan Jenayah peperangan Kelayakan untuk mengadili	4A Rasional bagi keadilan	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk memahami bagaimana pengurusan manusia yang mencabul undang-undang kemanusiaan antarabangsa dapat membawa kesan terhadap kesejahteraan masyarakat selepas konflik bersenjata. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Undang-undang kemanusiaan memerlukan orang yang melakukan atau mengarahkan pencabulan yang serius dibawa ke muka pengadilan. ◆ Setiap negara yang menandatangani Konvensyen Geneva bertanggungjawab untuk menyebarkan, menghormati dan menguatkuasakan IHL.
			4B Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk memahami perkembangan usaha-usaha masyarakat antarabangsa untuk membawa penjenayah peperangan ke muka pengadilan. ◆ Untuk menyedari beberapa isu yang terlibat di dalam mengadili jenayah peperangan. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Mahkamah Jenayah Antarabangsa telah terbentuk hasil daripada perkembangan pelbagai masalah yang timbul dalam mengenal pasti kuasa dan cara menghukum jenayah peperangan. ◆ Apabila individu melakukan pencabulan sama ada mengikut arahan atau tidak, dia tetap tidak terlepas daripada kesalahan tersebut.
MODUL 5 Menyihat cabaran akibat peperangan	Apakah akibat peperangan? Apakah usaha yang dikehendaki untuk memberi bantuan kemanusiaan? Apakah dilema yang terlibat dalam tindakan kemanusiaan?	Keperluan asas Keperluan bukan berbentuk kebendaan Pelarian dan orang yang kehilangan tempat tinggal Prinsip berkecuali Keseksamaan	5A Menyihat cabaran akibat kemusnahan peperangan	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk memahami bagaimana peperangan menjejaskan keperluan asas kehidupan biasa manusia. ◆ Untuk menyedari tentang skop tindakan kemanusiaan yang diperlukan untuk mengurangkan dan menghalang penderitaan yang disebabkan oleh konflik bersenjata. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Konflik bersenjata mengakibatkan kehilangan yang amat besar dari segi sumber-sumber dan menjejaskan keperluan asas kehidupan biasa manusia. ◆ Apabila terdetusny konflik bersenjata, kehidupan dan maruah manusia mudah terjejas dan perlindungan khusus diperlukan. ◆ Tanggungjawab untuk memperbaiki sokongan terhadap kehidupan memerlukan tindakan bersama oleh pelbagai agensi kemanusiaan.

Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 5 Menyebut cabaran akibat peperangan (<i>sambungan</i>)			5B Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk menyedari skala usaha yang diperlukan untuk membantu memenuhi keperluan manusia akibat kehilangan tempat tinggal, termasuk keselamatan diri. ◆ Untuk menyedari beberapa aspek bantuan dan perlindungan yang diperlukan oleh manusia yang kehilangan rumah akibat konflik bersenjata. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Bantuan kepada keperluan-keperluan individu yang terpaksa berpindah disebabkan konflik bersenjata memerlukan perancangan dan usaha yang terperinci. ◆ Di samping keperluan-keperluan biologiikal yang mendasak (air, makanan, tempat perlindungan, penjagaan perubatan, dsb.), keperluan-keperluan sosial dan psikologiikal juga perlu diberikan perhatian. Ini termasuklah membolehkan mereka berdikari secepat yang mungkin.
			5C Fokus terhadap melindungi tahanan	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk menyedari beberapa cara bagaimana undang-undang kemanusiaan boleh melindungi nyawa dan maruah tahanan. ◆ Untuk memahami dilema yang dihadapi oleh petugas-petugas kemanusiaan dalam melindungi tahanan. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Nyawa dan maruah manusia orang yang diambil sebagai tahanan akibat konflik bersenjata akan menghadapi risiko. ◆ Undang-undang kemanusiaan antarabangsa memberi perlindungan kepada tahanan dan lawatan ke penjara oleh petugas-petugas kemanusiaan memastikan agar tahanan diberi perlindungan semasa dalam tahanan. ◆ Petugas-petugas-petugas kemanusiaan boleh menghadapi dilema semasa menjalankan tugas mereka.
			5D Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk menyedari keperluan ahli keluarga yang terpisah semasa peperangan. ◆ Untuk memahami skala usaha yang dikehendaki untuk mengembalikan dan mengekalkan hubungan antara ahli keluarga. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Konflik bersenjata mengakibatkan sebilangan besar orang ramai yang terpisah daripada keluarga mereka tanpa sebarang saluran komunikasi. ◆ Berdasarkan undang-undang kemanusiaan antarabangsa, langkah-langkah diambil untuk memulihkan hubungan antara ahli keluarga yang terpisah, termasuk langkah-langkah untuk menyatukan keluarga. ◆ Pelbagai langkah yang perlu diambil untuk mengesan dan menyatukan kembali ahli-ahli sesuatu keluarga.

Jadual Kursus

MODUL	SOALAN UTAMA	KONSEP	PENEROKAAN	OBJEKTIF	IDEA-IDEA UTAMA
MODUL 5 Menyebut cabaran akibat peperangan (<i>sambungan</i>)			5E Etika tindakan kemanusiaan	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk menyedari tentang beberapa prinsip, seperti berkecuali dan kesaksamaan, yang menjadi asas kepada tindakan kemanusiaan. ◆ Untuk memahami dilema yang dihadapi oleh petugas-petugas kemanusiaan dalam melaksanakan tugas mereka. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Keperluan untuk mewujudkan satu kod etika untuk perubahan kemanusiaan semasa menjalankan aktiviti bantuan kemanusiaan. ◆ Petugas-petugas perubahan kemanusiaan haruslah berkecuali dan saksama dalam memberi perlindungan dan bantuan untuk mendapatkan serta mengekalkan keyakinan daripada semua pihak yang terlibat dalam sesuatu konflik. ◆ Petugas-petugas perubahan kemanusiaan sering mengalami dilema etika dalam menjalankan tugas mereka. Walaupun tiada satu jawapan atau keputusan terbaik yang boleh dicapai dalam sesuatu situasi, adalah penting untuk memahami bahawa dengan tidak melakukan apa-apa pun juga merupakan satu keputusan yang akan membawa kesan yang tersendiri.
PENEROKAAN PENUTUP	<p>Bagaimanakah anda boleh menggalakkan rasa hormat terhadap maruah manusia?</p> <p>Apakah yang boleh anda lakukan untuk membawa perubahan?</p> <p>Bagaimanakah anda dapat mengembangkan kesedaran pada orang lain?</p>	<p>Pengeralahan golongan muda</p> <p>Kumpulan sasaran</p> <p>Matlamat projek</p> <p>Kekuatan dan sumber masyarakat</p> <p>Maruah manusia</p>	<p>Ke manakah kita akan pergi dari sini?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Untuk mengapikasi sesuatu yang telah dipelajari untuk merancang suatu projek yang memartabatkan maruah manusia. ◆ Untuk menjalankan suatu projek yang memartabatkan maruah manusia. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Terdapat pelbagai cara bagaimana seseorang itu boleh membantu memartabatkan maruah manusia. Antara cara yang terbaik ialah dengan melibatkan diri dalam sesuatu projek yang bersesuaian dengan kemahiran dan minat seseorang. ◆ Apabila menjalankan tugas bagi pihak orang lain, adalah penting untuk mengambil kira perspektif mereka. ◆ Penilaian perlu dijalankan untuk meninjau pelaksanaan sesuatu projek untuk membolehkan rancangan untuk masa hadapan dapat dinilai semula secara berkala.

Penerokaan pengenalan: Imej dan persepsi

Penerokaan pengenalan ini digubal untuk memberikan guru pandangan sepintas lalu tentang pengetahuan, persepsi dan sikap pelajar tentang peperangan dan usaha-usaha untuk menghadkan penderitaan yang diakibatkan olehnya. Ia juga bertujuan untuk memperkenalkan corak program dengan contoh-contohnya sendiri: suatu perbincangan terbuka antara guru dan pelajar meneroka persoalan-persoalan yang sukar bersama-sama dan cuba mencari kesefahaman. Pada peringkat permulaan, sering “tiada jawapan betul” dan pelajar tidak diharapkan mempunyai pemahaman dalam subjek ini.

Aktiviti pilihan selama 15 minit, “Kenapa tidak mengharamkan peperangan?”, bolehlah digunakan semasa penerokaan ini jika masa mengizinkan, atau dalam mana-mana penerokaan lain bila persoalan mengenai ditimbulkan.



Istilah “peperangan” selalunya merujuk kepada konflik bersenjata di antara sekurang-kurangnya dua negara. “Konflik bersenjata” pula lebih umum dan termasuklah keadaan konflik bersenjata dalaman seperti perang saudara. Bahan-bahan dalam modul ini menggunakan istilah ini secara saling berganti.

Objektif:

- ▲ untuk menyedarkan pelajar akan persoalan-persoalan utama yang menjadi asas kepada undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL)
- ▲ untuk menyedari bahawa sesetengah persoalan yang timbul dalam meneroka undang-undang kemanusiaan tidak mempunyai jawapan yang mudah
- ▲ untuk membina suatu definisi awal tentang maruah manusia

Rujukan guru:

- ▲ Soalan-soalan perbincangan pengenalan
- ▲ Mengenai usaha mengharamkan peperangan

Persediaan:

- ▲ mengulang kaji nota perbincangan di dalam *Panduan Metodologi*, termasuk bengkel pertama.
- ▲ tonton bahagian video latihan yang berkenaan, sekiranya ada masa

Masa:

Satu sesi 45 hingga 60 minit

1. Pengenalan dan menetapkan corak (5 minit)

Maklumkan kepada pelajar bahawa perbualan ini akan menunjukkan secara ringkasnya apa yang mereka fikirkan apabila mereka mula belajar IHL. Oleh itu, pelajar tidak diharapkan untuk benar-benar memahami subjek ini, dan pelajar tidak perlu bercakap jika mereka merasa kurang selesa tentang isu yang dibangkitkan.

Beri peraturan-peraturan untuk perbincangan:

- ▲ Dengar dengan teliti apa yang diperkatakan oleh orang lain, dan tunggu sehingga mereka habis bercakap.
- ▲ Anda tidak semestinya bersetuju dengan pendapat orang lain, tetapi anda hendaklah sentiasa menghormati orang lain dan juga pendapat mereka.

2. Mengendalikan perbincangan (30-45 minit)

Konsep maruah manusia adalah landasan dan tema utama dalam meneroka undang-undang kemanusiaan. Kerangka undang-undang yang membentuk undang-undang kemanusiaan (dan juga hak asasi manusia) bertujuan untuk melindungi nyawa dan maruah manusia.

Penerokaan pengenalan: Imej dan persepsi

Gunakan sumber guru: “Soalan-soalan perbincangan pengenalan” untuk memulakan proses sumbangsaan bagi perkataan-perkataan dan frasa-frasa sebagai tindak balas terhadap persoalan pembukaan mengenai maruah manusia.

Kemudian teruskan perbincangan dengan memberi perhatian kepada soalan-soalan berikut. Galakkan pelajar memberi alasan-alasan dan menggunakan contoh-contoh yang kukuh.

3. Penutup: maruah manusia dalam konflik bersenjata (10 minit)

- ▲ Tutup perbualan dengan kembali kepada konsep maruah manusia

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah maksud maruah manusia semasa konflik bersenjata?
- Bagaimanakah apabila berada dalam peperangan mempengaruhi maruah manusia bagi orang awam dan tentera?

Minta para pelajar bersama-sama menghasilkan suatu definisi bagi istilah “maruah manusia”. Rekodkan definisi mereka dan kemukakannya sebagai rujukan sepanjang tempoh program.

IDEA UTAMA

- ◆ Konsep maruah manusia adalah idea asas kepada undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Konsep ini akan berulang semula di sepanjang *Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan* (EHL).
- ◆ Sesetengah persoalan yang ditimbulkan semasa EHL tidak mempunyai satu jawapan yang tepat atau apa-apa jawapan yang mudah. Salah satu matlamat EHL adalah untuk mengenal pasti persoalan sedemikian dan menerokanya.

Sudut “Tiada Jawapan Mudah”

Pada bila-bila masa, para pelajar berkemungkinan membangkitkan persoalan yang perlu diberikan perhatian semasa kursus (seperti “Kenapa tidak buat peraturan-peraturan terhadap peperangan?” atau “Siapakah yang akan membuat orang ramai mematuhi peraturan-peraturan itu?”).

Sediakan suatu tempat di dalam bilik di mana anda boleh menulis soalan tersebut. Jawapan kepada sebahagian soalan ini mungkin sukar. Beritahu para pelajar bahawa soalan-soalan ini akan dijawab semasa perjalanan kursus.

Pamerkan senarai soalan tersebut. Tambahkan soalan kepadanya sepanjang kursus bila berkenaan. Kembali kepada soalan khusus atas senarai itu apabila ia dibangkitkan atau dirujuk semasa kursus.

Penerokaan pengenalan: Imej dan persepsi

Aktiviti lanjutan



Bahas/Perbincangan — Kenapa tidak mengharamkan peperangan?

Aktiviti ini akan menjawab persoalan tentang idea mengenai adanya undang-undang peperangan — soalan seperti “Bukankah dengan menggubal undang-undang tentang perlakuan semasa peperangan menjadikan peperangan itu sah?” “Bukankah peraturan menjadikan peperangan seperti permainan?” “Kenapa tidak haramkan sahaja peperangan?”

Untuk meneroka soalan sedemikian

➤ Pertimbangkan cadangan:

Undang-undang peperangan adalah tidak perlu jika dunia menjadikan konflik bersenjata sebagai sesuatu yang tidak sah.

➤ Teroka beberapa akibat yang menjadikan konflik bersenjata sebagai tidak sah.

Contohnya: Apakah yang akan berlaku jika peperangan diharamkan dan suatu negara kemudiannya menceroboh negara lain? Bagaimanakah peraturan akan dikuatkuasakan? Apakah yang anda tahu tentang apa-apa cubaan dalam sejarah untuk menghapuskan peperangan?

Jika masa yang mencukupi diberikan bagi penerokaan sedemikian, kesimpulan yang selalu dicapai ialah bahawa walaupun peperangan diharamkan secara rasmi, larangan itu akan menjadi sukar untuk dilaksanakan. [Lihat sumber guru: “Mengenai usaha mengharamkan peperangan”.]

Selepas perbincangan, tulis suatu karangan yang membentangkan kesimpulan anda dan alasannya.

Karangan boleh dipamerkan pada halaman EHL di laman web ICRC.

Komunikasi — Wawancara mengenai pengalaman

Wawancara seseorang yang ada pengalaman tentang beberapa aspek penderitaan semasa peperangan, seperti berada dalam keadaan kebakaran, kebuluran, cedera atau cacat secara fizikal, terpisah daripada keluarga, diculik, hilang atau ditawan. Tuliskan perihal pengalaman itu. Masukkan bagaimana perasaan orang itu, fikirannya, cara bagaimanakah nyawa dan maruah seseorang itu terancam dan apakah bantuan yang diberikan, jika ada.

Pendapat mengenai wawancara ini bolehlah dipersembahkan pada sesi yang akan datang, apabila pengalaman mangsa semasa konflik bersenjata dibincangkan.

Penulisan dan pentafsiran — Tanggungjawab terhadap maruah manusia

Bincangkan salah satu daripada kata-kata berikut.

▲ Apabila ditanya mengapa dia mengambil risiko terhadap nyawanya sendiri untuk menyelamatkan seseorang daripada diseksa, seorang pemuda menjawab seperti berikut:

Bapa saya pernah berkata bahawa dunia ini seperti suatu rantai yang besar. Jika satu bahagian terputus maka rantai akan putus dan tidak berguna lagi.

▲ Penulis Rusia Dostoevsky telah menulis seperti berikut:

Kita semua bertanggungjawab kepada sesama sendiri.

- Apakah maksud kenyataan ini? Adakah anda bersetuju dengannya? Jelaskan kenapa ya atau tidak.
- Bagaimanakah semangat kenyataan ini boleh diaplikasi kepada konflik bersenjata?
- Adakah anda tahu tentang kata-kata lain atau peribahasa yang menggambarkan semangat yang sama?



Soalan-soalan perbincangan pengenalan

Maruah manusia

Apakah maruah manusia? Bagaimanakah anda mendefinisikannya?

Peperangan

Apakah imej yang terlintas di minda anda apabila anda mendengar perkataan “peperangan” atau “konflik bersenjata”?

Peperangan apakah yang sedang berlaku di dunia hari ini?

Apakah peperangan yang lepas yang anda tahu?

Apakah itu peperangan?

Cara peperangan

Adakah segala-galanya dibenarkan semasa konflik bersenjata?

Perluakah mana-mana senjata dilarang semasa konflik bersenjata?

Yang mana satu? Kenapa?

Idea mengenai “musuh”

Bagaimana anda mendefinisikan “musuh”?

Apakah musuh layak dilindungi semasa konflik bersenjata?

Orang awam

Siapakah orang awam?

Bagaimana orang awam patut dilayan semasa konflik bersenjata? Kenapa?

Adakah orang awam pernah diserang?

Bolehkah serangan ke atas orang awam dijustifikasikan? Bagaimana?

Bagaimana jika orang awam membawa makanan kepada askar musuh?

Bagaimana jika orang awam membekalkan senjata kepada musuh?

Kanak-kanak

Mengapakah kanak-kanak kadangkala terlibat di dalam konflik bersenjata?

Perluakah ada usia minimum bagi seseorang untuk melibatkan diri di dalam peperangan?

Jika ada, apakah had usia yang sepatutnya? Mengapa?

Bolehkah penglibatan kanak-kanak di dalam pertempuran dijustifikasikan?

* CATATAN: Siasatan tentang mengapa sebahagian daripada senjata (seperti periuk api, senjata biologi, kimia atau atom) perlu dilarang adalah penting kerana ia membawa kepada dua prinsip asas undang-undang kemanusiaan: (1) keperluan menghindari penderitaan yang tidak seharusnya berlaku dan (2) larangan ke atas senjata sembarangan (yang boleh mencederakan tanpa membezakan kombatan atau bukan kombatan dan di antara objek orang awam atau objek ketenteraan). Senjata seperti periuk api, senjata biologi dan kimia sememangnya telah diharamkan kerana ia tidak dapat membezakan di antara orang awam dan tentera dan kerana ia menyebabkan penderitaan yang melampau.



Kombatan yang tercedera

Pada pendapat anda, bagaimanakah seorang kombatan musuh yang tercedera perlu dirawat?

Tawanan

Bagaimanakah seorang tawanan musuh perlu dilayan? Kenapa?

Bagaimana jika tawanan musuh mencederakan seseorang di dalam keluarga anda?

Adakah adil menyiksa seseorang tawanan untuk mendapatkan maklumat?

Jika ya, di bawah keadaan yang bagaimana?

Wanita

Pernahkah wanita terlibat secara langsung di dalam pertempuran?

Apakah pendapat anda tentang itu?

Pada pendapat anda perlukah wanita awam diberi perlindungan istimewa semasa peperangan? Apakah jenis perlindungan itu?

Orang lain yang dilindungi

Adakah mana-mana orang lain memerlukan perlindungan istimewa semasa peperangan? Siapa? Kenapa?

Tempat yang dilindungi semasa peperangan

Adakah mana-mana tempat yang anda fikir tidak patut diserang?

Di manakah tempat itu? Kenapa?

Bolehkah kita terima serangan dibuat terhadap hospital dan kemudahan perubatan?

Kenapa ya atau tidak? (Jika ya, dalam keadaan yang bagaimana?)

Bolehkah kita terima tempat keagamaan diserang?

Kenapa ya atau tidak? (Jika ya, dalam keadaan yang bagaimana?)

Bolehkah kita terima rumah orang ramai, bandar atau kemudahan infrastruktur dimusnahkan?

Kenapa ya atau tidak? (Jika ya, dalam keadaan yang bagaimana?)

Undang-undang

Apakah undang-undang?

Dari mana ia datang?

Pada fikiran anda adakah munasabah supaya undang-undang yang menghadkan konflik bersenjata diadakan?

Kenapa ya atau tidak?

Adakah undang-undang sedemikian wujud?

(Jika ya) apakah yang dinyatakan oleh undang-undang itu?

Organisasi kemanusiaan

Tahukah anda mana-mana organisasi yang bertugas untuk melindungi dan membantu orang semasa peperangan?

Yang mana satu? Apakah yang mereka buat?

Maruah manusia

Apakah yang dimaksudkan dengan maruah manusia semasa konflik bersenjata?



Mengenai usaha mengharamkan peperangan

Dalam 3,400 tahun catatan sejarah, hanya terdapat 250 tahun kedamaian. Sejak tahun 1945 sahaja terdapat lebih daripada 400 konflik bersenjata di seluruh dunia.

— Sumber: Kurikulum Persatuan Palang Merah New Zealand

Selepas Perang Dunia 1

Perjanjian Gabungan Negara 1919

Pihak Berkontrak Agung,

Dalam menggalakkan kerjasama antarabangsa dan mencapai kedamaian dan keselamatan antarabangsa

- ▲ dengan penerimaan tanggungjawab untuk tidak berperang,
- ▲ dengan pemberian hubungan yang terbuka, adil dan bermaruah di antara negara,
- ▲ dengan penubuhan yang kukuh kefahaman undang-undang antara-bangsa sebagai peraturan tatacara kelakuan yang sebenar di antara Kerajaan, dan
- ▲ dengan mengekalkan keadilan dan penghormatan yang berhati-hati bagi semua tanggungjawab triti dalam berurusan dengan kumpulan orang antara satu sama lain,

Bersetuju kepada Perjanjian Gabungan Negara ini.

PERKARA 11

Mana-mana peperangan atau ancaman peperangan adalah dengan ini diisytiharkan sebagai perkara yang merisaukan kesemua Gabungan, dan Gabungan hendaklah mengambil apa-apa tindakan yang boleh dianggap sebagai bernas dan berkesan untuk menjaga kedamaian negara.

PERKARA 12

Ahli-ahli Gabungan bersetuju bahawa, jika timbul pertikaian di antara mereka yang membawa kepada perpecahan, mereka akan mengemukakan perkara itu kepada pihak penimbang tara atau penyelesaian kehakiman atau untuk penyiasatan oleh Majlis, dan mereka bersetuju bahawa di dalam mana-mana kes untuk tidak memilih peperangan sehinggalah tiga bulan selepas award diberikan oleh penimbang tara atau keputusan mahkamah, atau laporan oleh Majlis.

PERKARA 15

Jika laporan Majlis dipersetujui sebulat suara oleh ahli-ahli tersebut, Ahli-ahli Gabungan bersetuju bahawa mereka tidak akan berperang dengan mana-mana pihak pertikaian yang mematuhi cadangan dalam laporan itu.

Jika Majlis gagal mencapai suatu laporan yang sebulat suara dipersetujui oleh ahli-ahli tersebut, Ahli-ahli Gabungan hendaklah ada hak untuk mengambil apa-apa tindakan seperti yang difikirkan perlu bagi mengekalkan hak dan keadilan.

[Perlu diambil maklum bahawa, Perjanjian ini tidak melarang peperangan atau penggunaan kekerasan, tetapi ia menetapkan tatacara yang direka untuk menyekat peperangan ke satu tahap yang boleh diterima. Surat cara antarabangsa yang pertama yang mengharamkan peperangan ialah Perjanjian Kellogg-Briand 1928.]



Mengenai usaha mengharamkan peperangan – 2

Selepas Perang Dunia II

Program Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1945

MUKADIMAH

Kami rakyat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berjanji

- ▲ untuk menyelamatkan generasi yang akan datang daripada bencana peperangan, yang dua kali semasa hayat kami telah membawa kesedihan yang tidak dapat diceritakan kepada manusia sejagat, dan
- ▲ untuk mengukuhkan kepercayaan hak asasi manusia, dari segi maruah dan nilai kemanusiaan seseorang, hak sama rata lelaki dan perempuan dan negara sama ada besar atau kecil, dan
- ▲ untuk mengadakan syarat yang di bawahnya keadilan dan kehormatan terhadap tanggungjawab yang timbul daripada triti dan sumber undang-undang antarabangsa yang lain boleh dikekalkan, dan
- ▲ untuk menggalakkan perkembangan sosial dan taraf hidup yang lebih baik dalam kebebasan yang lebih luas,

DAN BAGI TUJUAN INI

- ▲ untuk mengamalkan tolak ansur dan hidup bersama dengan berdamai antara satu sama lain sebagai jiran yang baik, dan
- ▲ untuk menyatukan kekuatan supaya mengekalkan kedamaian dan keselamatan antarabangsa, dan
- ▲ untuk memastikan bahawa dengan penerimaan prinsip dan amalan kaedah, konflik bersenjata tidak akan digunakan, kecuali bagi kepentingan bersama ...

PERKARA 2

Semua ahli hendaklah mengelakkan ancaman atau penggunaan kekerasan terhadap integriti wilayah atau kebebasan berpolitik mana-mana Negara dalam hubungan antarabangsa mereka.

PERKARA 42

Majlis Keselamatan boleh mengambil apa-apa tindakan yang perlu melalui pasukan udara, laut atau darat untuk mengekalkan atau mengembalikan kedamaian dan keselamatan antarabangsa.

PERKARA 51

Tiada apa-apa di dalam Piagam ini boleh melemahkan hak asasi individu atau hak pertahanan diri secara bersama jika serangan bersenjata berlaku terhadap ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

1 Modul

Perspektif Kemanusiaan

(lima sesi)

Apakah itu penyaksi?

*Apakah dilema yang dihadapi
oleh penyaksi?*

*Apakah kesan tindakan
penyaksi?*

*Apakah ciri-ciri tindakan
kemanusiaan?*

PENEROKAAN:

- | | | |
|--|------------------|----|
| 1A. Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi? | (tiga sesi)..... | 23 |
| 1B. Memahami tindakan kemanusiaan | (satu sesi)..... | 47 |
| 1C. Dilema penyaksi | (satu sesi)..... | 55 |

KONSEP:

Penyaksi
Dilema
Tindakan Kemanusiaan
Tekanan sosial

Dalam semua modul:

Maruah manusia
Halangan kepada tingkah laku kemanusiaan
Dilema
Rantaian kesan dan akibat
Pelbagai perspektif

KEMAHIRAN YANG DIPRAKTIKKAN:

Memilih perspektif
Main peranan
Menganalisa cerita
Bercerita
Menganalisa dilema
Mengetahui pasti masalah

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Penerokaan 1A adalah mengenai cerita manusia biasa yang, apabila berseorangan, semasa peperangan atau keganasan, bertindak untuk melindungi nyawa dan maruah manusia lain yang pada kebiasaannya tidak akan mereka lakukan. Mereka bertindak walaupun menghadapi risiko atau mungkin kehilangan nyawa.

Semua cerita ini diperoleh daripada kehidupan sebenar. Setiap cerita mempunyai sesuatu yang berbeza untuk ditawarkan — masa dan tempat di dalam sejarah, bentuk keganasan (konflik bersenjata, keganasan kaum, geng remaja, ...), kewarganegaraan, dsb. Cerita-cerita ini dilampirkan bersama catatan tentang perkara-perkara utama mengenai mereka. Soalan-soalan yang digunakan bersama-sama semua cerita akan dimuatkan di dalam langkah 3 “Meneroka sebahagian cerita”.

Pilih beberapa cerita untuk kumpulan anda. Disarankan agar guru menumpukan sekurang-kurangnya dua sesi untuk meneroka cerita supaya para pelajar dapat merasai tindakan dan kesan yang dihadapi oleh pelbagai penyaksi melalui beberapa pendekatan pedagogi (main peranan, perbincangan kumpulan kecil, analisa dan pembentangan).

1

Objektif:

- ▲ Untuk memahami kesan tindakan penyaksi terhadap tindakan orang lain
- ▲ Untuk menyedari akan contoh-contoh tindakan penyaksi dalam situasi keganasan untuk melindungi nyawa dan maruah manusia

Sumber:

- ▲ Cerita
- ▲ Peta dunia (jika boleh) untuk menempatkan lokasi bagi cerita yang berlainan



Rujukan guru:

- ▲ Maklumat latar belakang untuk cerita

Persediaan:

Pilih cerita yang akan digunakan dan turutannya.

Di dalam *Panduan Metodologi*, rujuk nota mengenai penggunaan cerita, main peranan dan kumpulan kecil termasuklah bengkel yang berkenaan.

Masa:

Dua atau tiga sesi 45-60 minit

Selalunya akan ada suatu ketika dalam kehidupan kita apabila pilihan moral dibuat. Kebiasaannya oleh kerana satu cerita, sebuah buku ataupun seseorang individu, kita boleh membuat satu pilihan yang berlainan, iaitu satu pilihan untuk kemanusiaan, untuk kehidupan.

– Elie Wiesel, *Courage to Care*.

1. Sumbangsan (5 minit)

- Apakah yang akan membuatkan kita melakukan sesuatu yang merbahaya atau tidak digemari untuk membantu seseorang yang nyawanya atau maruahnyanya berada dalam risiko?

2. Mendefinisikan penyaksi (5 minit)

Cuba beri definisi penyaksi sebagai “seseorang yang hadir, tetapi tidak terlibat, di dalam sesuatu kejadian di mana nyawa dan maruah orang lain dalam keadaan bahaya. Seorang penyaksi mungkin akan mengambil keputusan untuk campur tangan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) di dalam kejadian itu”.

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

3. Meneroka beberapa cerita (masa bergantung kepada cerita yang dipilih dan pendekatan berbeza yang digunakan)

Cadangan pendekatan:

- ▲ Setiap kumpulan kecil membaca dan berbincang cerita yang berbeza, kemudian menceritakan kepada kumpulan lain mengenai isi kandungan cerita.
- ▲ Pelajar mempersembahkan cerita dalam bentuk drama, di mana pelajar ditugaskan melakonkan watak dalam cerita tersebut dan menganalisa watak itu.
- ▲ Guru bercerita kepada kumpulan dan berhenti pada satu titik penentuan yang ditandakan (←→) di dalam cerita tersebut supaya kumpulan itu boleh berbincang tentang apa yang mereka fikirkan mengenai tindakan selanjutnya yang perlu dibuat oleh watak yang terlibat.

[Cadangan untuk aktiviti cerita yang berturutan bermula pada muka surat 1A-5.]



Soalan untuk laporan dan perbincangan cerita:

- Bila dan di mana cerita itu bermula?
- Bagaimanakah risiko kehidupan atau maruah manusia menghadapi risiko di dalam situasi sebegini?
- Apakah halangan yang dihadapi oleh penyelamat?
- Siapakah penyaksi dan apakah pilihan mereka? Mengapa? Apakah tekanan dihadapi dan risiko yang terlibat?
- Apakah kesan akibat tindakan penyaksi? Pada permulaan? Kemudian?

Penutup — selepas sesi terakhir mengenai cerita (15 minit)

Guru mengingatkan pelajar bahawa perkara sebegini berlaku di seluruh dunia, walaupun tidak kesemuanya dilaporkan.

Minta pelajar:

- ▲ Membuat ringkasan suatu situasi di dalam cerita kehidupan yang sebenar yang kumpulan mereka telah teroka
- ▲ mengkaji semula halangan yang terpaksa diatasi oleh penyaksi, risiko yang mereka ambil, dan kesan dalam percubaan untuk melindungi orang lain

Soalan yang mungkin:

- Adakah anda mempunyai apa-apa contoh daripada pengalaman di sekolah, kawasan tempat tinggal anda, di mana seorang penyaksi melakukan sesuatu untuk melindungi nyawa atau maruah seseorang?

Baca kenyataan berikut oleh seorang cendekiawan, Ervin Staub mengenai pengaruh penyaksi terhadap kelakuan orang lain. Minta para pelajar memberi bukti daripada cerita tersebut untuk memberikan gambaran tentang makna tiap-tiap kenyataan.

Ketidakacuhan kita terhadap kejahatan menjadikan kita sekutu dalam jenayah itu.

– Egil Aarvik, dianugerahkan Hadiah Nobel Kedamaian 1986

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Penyaksi mempunyai pengaruh yang kuat. Mereka boleh mempengaruhi yang lain ke arah bersimpati atau bersikap tidak acuh.



Di dalam keadaan kecemasan, kemungkinan untuk membantu meningkat apabila penyaksi mengatakan bahawa situasi itu adalah serius atau memberitahu orang lain untuk mengambil tindakan.



Malah kelakuan kerajaan juga boleh dipengaruhi dengan kuat oleh penyaksi, individu, kumpulan atau kerajaan yang lain.

– Ervin Staub, (*The roots of evil*)

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Penyaksi adalah manusia biasa yang semasa waktu keganasan, boleh bertindak melindungi nyawa dan maruah orang lain, orang yang mungkin tidak mereka kenali.
- ◆ Penyaksi selalunya bertindak walaupun berkemungkinan menghadapi risiko atau kehilangan nyawa.
- ◆ Orang awam di merata-rata tempat telah bangkit menentang tindakan kezaliman untuk melindungi manusia yang lemah.

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?



Setiap isu memberikan kesan langsung terhadap saya. Jika anda memberitahu saya bahawa beberapa orang telah ditahan tanpa perbicaraan di beberapa kampung, saya merasa sebenarnya saya yang bertanggungjawab. Anda tidak boleh hanya duduk sahaja di situ. Ia tidak boleh dinyatakan sebagai sesuatu yang bukan masalah anda.

– Wawancara dengan Unity Dow
Tindakan Amnesti, 1999

Cerita

Disertakan di sini beberapa pilihan cerita kehidupan yang sebenar daripada bahagian dunia yang berlainan. Semuanya melibatkan ancaman terhadap nyawa dan maruah manusia yang terjadi akibat konflik bersenjata atau apa-apa keganasan lain.

Penyaksi di dalam setiap cerita

- ▲ ialah orang biasa
- ▲ orang yang akan meletakkan nyawanya atau kesejahteraannya dalam bahaya
- ▲ akan melindungi seseorang yang pada kebiasaannya tidak akan dia lindungi

Gunakan beberapa cerita ini dan anda digalakkan untuk menggantikannya dengan cerita yang sama yang anda sendiri alami.

Contoh lain boleh didapati pada halaman *Meneroka undang-undang kemanusiaan* (EHL) di laman web ICRC.

Setiap cerita menawarkan sesuatu yang berlainan untuk diteroka dari perspektif kemanusiaan. Carta di bawah menunjukkan beberapa ciri istimewa setiap cerita dan cadangan penggunaannya. Ia diikuti oleh cadangan susunan dan aktiviti untuk membantu para pelajar menghayati dan menganalisa cerita tersebut.

Sorotan Cerita:	Tajuk Cerita:	Cadangan Penggunaan:
Remaja di dalam bahaya akibat gangguan orang awam	Bersendirian di atas bangku	permulaan yang baik bagi sesetengah pelajar kerana mereka mungkin boleh menghubungkaitkan dengan mangsa, yang juga berada dalam persekitaran yang berkaitan dengan sekolah
Keganasan remaja	Peniaga yang berani	tindakan kemanusiaan melebihi kepentingan diri
Kesan luar biasa penyaksi	Akibat pertempuran seorang saksi tampil ke hadapan	bagus untuk menjejak rentetan peristiwa yang bermula daripada kesan serta-merta dan kesan jangka panjang oleh hanya seorang penyaksi
Perkembangan tingkah laku kemanusiaan	Langkah demi langkah	peluang untuk menganalisa contoh perubahan yang meningkat di dalam tingkah laku kemanusiaan seseorang penyelamat – satu cerita yang bagus untuk main peranan dengan empat watak utama
Pembahagian etnik	Penduduk kampung mengubati kesakitan di kem	menunjukkan orang yang tidak mengendahkan hubungan etnik dalam membantu orang yang berada dalam risiko semasa suatu konflik bersenjata

Bahan latar belakang disediakan bagi setiap cerita. Bagi sesetengah cerita cadangan tentang titik penentuan ditunjukkan dengan simbol berikut:



Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

1

Cadangan susunan dan aktiviti

Merasai ancaman terhadap maruah manusia

“Bersendirian di atas bangku” atau “Peniaga yang berani” (35-40 minit)

Mulakan dengan meminta para pelajar memikirkan tentang pengalaman dalam kehidupan mereka yang mirip latar cerita itu (hari pertama ke sekolah atau pergi ke sekolah baru buat pertama kali, berada di dalam persekitaran yang asing atau kawasan kejiranan yang tidak menerima mereka, dsb.). Cungkil daripada mereka pandangan dan perasaan yang mereka mungkin rasai apabila berada dalam keadaan tersebut dan sebab-sebab bagi pandangan atau perasaan sedemikian.

Baca cerita itu. Sebelum berbincang mengenainya, minta para pelajar tuliskan apa yang mereka percaya mungkin difikirkan oleh remaja yang berada dalam risiko semasa kejadian itu.

Mulakan perbincangan dengan tindak balas pelajar terhadap cerita itu. Bantu mereka untuk memfokuskan kepada bahaya semasa keadaan itu dan ancaman terhadap maruah manusia.

Kemudian minta pelajar tuliskan pendapat mereka mengenai apa yang penyelamat mungkin fikirkan. Apakah situasi bagi peniaga atau bagi Grace Lorch? Apakah risiko atau tekanan yang dihadapi olehnya? Apa yang mungkin menyebabkan orang itu bertindak?

Walaupun di saat paling menderita di dalam penjara, apabila rakan saya dan saya paling terseksa, saya nampak sekelumit sifat kemanusiaan dalam salah seorang pengawal, mungkin hanya sesaat, tetapi ia cukup untuk meyakinkan saya dan membuatkan saya terus bertahan.

– Nelson Mandela, *Perjalanan panjang ke arah kebebasan (Long Walk to Freedom)*

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah halangan yang dihadapi oleh penyelamat?
- Pada fikiran anda apakah keputusan yang dibuat oleh setiap orang?
- Pada fikiran anda apakah yang difikirkan oleh orang yang menyebabkan bahaya?
- Apakah kesan yang diakibatkan oleh tindakan kemanusiaan? (Apakah yang akan dilakukan oleh penyerang pada masa hadapan? Pada pendapat anda, kenapakah orang ramai tidak memberhentikan Grace Lorch daripada melindungi Elizabeth Eckford?)

Minta pelajar berbincang tentang apakah yang menyebabkan peniaga atau Grace Lorch untuk campur tangan dan melindungi remaja yang sedang berada dalam risiko.

Galakkan pelajar untuk menghubungkan cerita itu dengan kehidupan mereka. Adakah mana-mana pelajar yang mempunyai pengalaman yang sama? Apakah fikiran atau perasaan yang mereka dapat ingat? Pernahkah di antara pelajar yang berada dalam kedudukan yang sedemikian? Apakah yang mereka pertimbangkan untuk lakukan? Apakah yang telah mereka lakukan?

Menjejaki suatu rantaian kesan akibat

“Akibat sesuatu peperangan” (30-45 minit)

Perkenalkan cerita itu sebagai sesuatu yang menceritakan tentang tindakan seseorang, yang secara tidak sengaja, memerhatikan penderitaan yang melampau selepas peperangan Solferino dalam tahun 1859. Semasa perbincangan cerita itu, bantu pelajar untuk melihat medan peperangan sebagaimana seorang penyaksi pada masa itu telah melihatnya.

Tanya pelajar apa yang memeranjatkan mereka mengenai kejadian ini dan kenapa.

[Contohnya, tiada sesiapa yang berada di situ untuk membantu orang yang tercedera dan askar yang hampir mati, atau tiada penduduk tempatan yang datang membantu]

Minta pelajar menilai kesan tindakan “seorang sahaja” terhadap tindakan orang lain.

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Soalan-soalan yang mungkin:

- Bagaimanakah tingkah laku seorang penyaksi memberi kesan terhadap tingkah laku orang lain?
- Apakah rantaian kesan akibat yang mungkin berlaku apabila seorang penyaksi berkelakuan dengan tidak berperikemanusiaan, seperti tidak mempedulikan rayuan meminta tolong atau mencuri daripada askar yang hampir mati?

Para pelajar boleh membuat laman web “rantaian kesan akibat” dengan menulis tindakan kemanusiaan daripada cerita ini dan kemudian menulis tindakan-tindakan lain yang membawa kepada keadaan itu, setiap tindakan mempunyai hubungan dengan tindakan seterusnya. Minta para pelajar jelaskan tentang rantaian yang mereka dapati dalam cerita ini.

Minta pelajar bayangkan hubungan rantaian kesan akibat yang akhirnya membawa kepada kewujudan aktiviti Palang Merah/Bulan Sabit Merah di seluruh dunia.

Bagaimanakah tindakan yang semakin meningkat membina kekuatan tindak balas kemanusiaan

“Langkah demi langkah” (kumpulan kecil dan main peranan) (45 minit)

Mulakan perbincangan tentang apa yang menyebabkan manusia membalas dengan cara berperikemanusiaan:

- Apa yang diperlukan untuk melakukan sesuatu yang sukar, merbahaya atau tidak popular dalam usaha untuk melindungi seseorang yang nyawanya atau maruahnyanya yang berada dalam risiko?

[Contohnya: semangat diri sendiri, moral yang tinggi atau kepercayaan agama, tidak tahu akan kemungkinan bahaya, pernah mengalami keadaan yang sama, dsb.]

Galakkan pelajar untuk menggunakan cerita yang telah mereka pelajari dan juga contoh daripada pengalaman mereka sendiri.

Guru memperkenalkan diri “Langkah demi langkah”. Kemudian tugaskan empat watak itu kepada pelajar. Minta setiap daripada mereka untuk membayangkan diri mereka sebagai watak yang telah ditugaskan dan kemudian menulis mengenai apa yang mungkin difikirkan oleh orang itu dan perasaan mereka pada masa cerita itu berlaku.

Selepas 5-10 minit, bahagikan pelajar kepada kumpulan berdasarkan watak yang diberikan kepada mereka. Mereka mestilah bincangkan soalan-soalan berikut di dalam kumpulan kecil mereka.

- Sebagai watak ini, apakah yang anda cuba lakukan dan kenapa?
- Sebagai watak ini, apakah harapan dan ketakutan yang anda ada di setiap peringkat cerita itu?

Minta pelajar lakonkan situasi itu.

Anda mungkin boleh memulakan main peranan itu seperti berikut:

Situasi ini berlaku di Poland pada tahun 1942. Jerezy dan Stefa telah menyembunyikan Irena di dalam rumah pangsa satu bilik mereka selama beberapa bulan. Pada satu petang, Jerezy pulang daripada kerja. Baginya, keadaan telah menjadi terlalu merbahaya.

Kebaikan, seperti kejahatan, selalunya bermula dalam kadar yang sedikit. Hero tidak dilahirkan; mereka berevolusi. Sering kali penyelamat hanya membantu sedikit pada permulaan — untuk menyembunyikan seseorang untuk sehari atau dua. Tetapi apabila mereka telah mengambil langkah itu, mereka mula melihat diri mereka dalam keadaan yang berbeza, sebagai orang yang membantu.

— Ervin Staub (*The roots of evil*)

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

1

Daripada pengalaman yang lepas kita telah belajar bahawa apabila manusia berucap bagi pihak manusia lain yang kurang bernasib baik, bantahan mereka mempunyai kesan. (...) Walaupun usaha kita tidak menjadikan penyeksa itu seorang yang berbeza, usaha itu tetap berhasil, kerana ia membawa rasa lega dan senang kepada mangsa itu.

– Elie Wiesel, *Newsday*

Selepas main peranan, mulakan perbincangan untuk menggalakkan pelajar untuk menggambarkan pengalaman mereka dan pilihan yang dibuat oleh seseorang.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apa pendapat anda tentang pilihan yang telah anda buat? Kenapa?
- Apakah pendapat anda tentang pilihan yang dibuat oleh tiga pelajar lain?

Cuba kesan semula langkah yang menyebabkan penglibatan penyelamat. Untuk membantu pelajar memahami bahawa setiap individu adalah berbeza (sebagai contoh) dari segi pembawaannya, oleh itu manusia akan bertindak dengan cara yang berbeza apabila berhadapan dengan risiko, bincangkan:

- Apakah sumbangan mereka supaya Irena masih terus hidup?
- Bagaimanakah tindakan membantu seseorang boleh memberi kesan terhadap tindakan orang lain?
- Kenapakah semua orang tidak sama dari segi keupayaan untuk melakukan apa yang perlu?
- Pada pendapat anda apakah maksud tajuk cerita ini?

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Mencari tindakan kemanusiaan di seluruh dunia

Minta pelajar mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari kepada cerita lain yang menggambarkan situasi orang biasa daripada pelbagai tempat yang bertindak untuk melindungi nyawa atau maruah manusia dalam pelbagai jenis keganasan. Contoh-contoh ini menunjukkan pelbagai jenis pengarang, lokasi dan konteks:

Cerita	Konteks	Tempat	Pengarang
Penduduk kampung mengubati kesakitan di kem	peperangan	Bosnia	seorang wartawan
Seorang saksi tampil ke hadapan	pergolakan sivil	Afrika Selatan	autobiografi oleh Nelson Mandela
Peniaga yang berani (jika belum digunakan)	keganasan di bandar	Thailand	seorang guru

Cerita tambahan boleh digunakan daripada sejarah anda sendiri dan sumber berita tempatan atau di halaman EHL di laman web www.ICRC.org.

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Aktiviti Lanjutan

Penyelidikan dan pengumpulan cerita

Selidik cerita sejarah, legenda dan agama anda untuk mencari laporan oleh penyaksi yang bertindak melindungi seseorang yang mereka tidak sangka akan mereka lindungi.

➤ Apa yang membuatkan mereka bertindak? Apakah hasilnya?

Gambarkan dan jadikan suatu buku atau pameran mengenai cerita yang dikumpulkan itu.

Kata-kata

Berikan tafsiran anda sendiri tentang ayat berikut oleh Jelaluddin Rumi, seorang penyajak sufi kurun ke-14.

Jadilah lampu, atau bot penyelamat, atau tangga.

Anda boleh tafsirkan kata itu dalam bentuk lukisan, tulis mengenainya atau mencipta lagu berdasarkan-kannya.

Gunakan sumbangsaran untuk mengumpulkan ayat atau kata-kata yang pernah anda dengar yang menggambarkan pandangan kemanusiaan. Terangkan bagaimana setiap kata itu boleh dihubungkan dengan pandangan kemanusiaan. Contohnya, apabila seseorang pelajar mencadangkan “Bapa borek, anak rintik, pelajar lain menjustifikasikan apa yang dikatakannya itu atas alasan bahawa manusia mengikut contoh yang dilakukan oleh manusia lain, dan ini juga sama bagi tindakan kemanusiaan dan juga tingkah laku yang lain.

Kumpulkan (daripada keluarga dan sumber lain) kata-kata tradisi yang menggambarkan pandangan kemanusiaan. Bekerjasama dalam kumpulan untuk membuat suatu risalah atau kolaj daripada kata-kata itu.

Daripada ingin membalas dendam, buatlah suatu contoh yang baik.

— seorang pelajar dari Djibouti

Belas kasihan menyatukan dunia.

— seorang pelajar dari Thailand

Hadith oleh Rasulullah saw, sabda baginda: Sesiapa di antara kamu yang melihat tindakan yang tidak adil hendaklah dia mencelah dan cuba mengubah dengan tangannya, jika tidak berdaya, maka dengan lidahnya, dan jika tidak berdaya maka dengan hatinya dan ini ialah yang paling minimum.

— seorang pelajar dari Mesir

Malah seorang pemburu tidak boleh membunuh burung yang pergi kepadanya untuk berlindung.

— Pepatah Jepun

Jejaki kesan dan akibat

Analisa kesan terhadap penyaksi terhadap perlindungan nyawa dan maruah manusia.

Pilih salah satu daripada yang berikut dan buat gambar rajah untuk menunjukkan suatu jaringan rantaian kesan akibat.

- suatu tindakan yang anda lakukan sebagai penyaksi bagi pihak orang lain
- suatu tindakan yang orang lain lakukan sebagai penyaksi

Tuliskan tindakan penyaksi dalam suatu bulatan di tengah-tengah jaringan. Kemudian tunjukkan kesan tindakan itu dengan menghubungkan bulatan itu kepada seberapa ramai orang dan kejadian yang anda boleh fikirkan.



Latar belakang “Akibat selepas peperangan”



Solferino ialah sebuah bandar kecil yang pada masa kini terletak di utara Itali. Walaupun penduduk semenanjung Itali berkongsi bahasa dan kebudayaan yang sama, sebelum tahun 1860an Itali bukanlah merupakan suatu bangsa yang bersatu semenjak kejatuhan Empayar Rom. Semenanjung Itali merupakan tempat tinggal bagi sekumpulan kerajaan, yang selalunya didominasi oleh jirannya yang lebih berkuasa, seperti Perancis dan Austria. Walaupun kedua-dua bangsa cuba untuk mengawal utara Itali, kebanyakan penduduk yang tinggal di bandar dan kawasan sekitarnya bukan terdiri daripada rakyat Perancis ataupun Austria.

Revolusi Perancis dan tempoh semasa Perancis mendominasi utara Itali telah mencetuskan suatu gerakan bagi sebuah negara Itali yang bersatu, bebas daripada dominasi luar. Gerakan ini berakrab dengan beberapa siri revolusi dalam tahun 1848. Semua revolusi ini gagal, dan gerombolan dari

Austria telah datang untuk menjajah kebanyakan kawasan utara dan tengah Itali. Satu bahagian di semenanjung Itali yang masih mengekalkan sedikit kebebasan ialah Kerajaan Piedmont (Sardinia), yang diperintah oleh Raja Victor Emmanuel II.

Kejadian yang membawa kepada cerita ini: Piedmont dan Perancis telah membentuk suatu pakatan ketenteraan dalam tahun 1850. Rancangan mereka ialah agar Austria mengisytiharkan perang terhadap Piedmont supaya Perancis boleh datang dan memberi bantuan. Rancangan ini berhasil, dan Austria telah mengisytiharkan perang dalam tahun 1859. Semasa Peperangan Solferino, tentera Perancis dan Sardinia, di bawah Napoleon III, menentang tentera Austria daripada Maharaja Francis Joseph I. Pada 24 Jun 1859, kira-kira 300,000 tentera yang kelaparan dan keletihan akibat beberapa hari dipaksa berkawat, bertempur sepanjang hari di dalam dan di sekitar bandar Solferino sehinggalah pihak Austria terpaksa berundur. Dataran di mana berlakunya peperangan telah bertukar menjadi kawasan yang becak akibat hujan lebat, pergelutan dan tapak kaki kuda. Pada keesokan paginya apabila orang ramai datang ke kawasan tersebut untuk melihat akibatnya, mereka mendapati bahawa kawasan itu dilitupi oleh beribu-ribu mayat yang bergelimpangan dan askar yang hampir mati.

Sumber:

<http://www.Infoplease.com>

<http://www.FunkandWagnalls.com>

Encyclopedia Britannica

Caroline Moorehead, *Dunant's dream: War, Switzerland and the history of the Red Cross*, Carrol & Graf Publishers, Inc., New York, 1998.




1

Latar belakang “Seorang saksi tampil ke hadapan”



Afrika Selatan terletak di hujung selatan benua Afrika dan mempunyai seramai 43.5 juta penduduk.

Seluruh kawasan itu pada asalnya diduduki oleh sebilangan besar puak orang asli Afrika sehinggalah pihak Belanda menubuhkan suatu jajahan di hujung benua Afrika pada tahun 1652. Britain telah mengalahkan Belanda dan memperolehi kawalan ke atas kawasan itu dan dalam tahun 1910, Persekutuan Afrika Selatan telah ditubuhkan sebagai salah satu ahli negara-negara Komanwel British. Kerajaan dan ekonominya telah dibentuk dengan didominasi oleh orang kulit putih. Kerajaan telah menggubal undang-undang secara perlahan-lahan untuk menguatkan lagi penguasaan orang kulit putih. Kebanyakan undang-undang ini telah diluluskan oleh Parti Nasional, yang memerintah Afrika Selatan dari tahun 1948 hingga 1994. Sistem yang berteraskan diskriminasi ini dipanggil “apartheid”. Sistem apartheid ini menggunakan klasifikasi bangsa sebagai asas untuk menghadkan orang ramai akan tempat tinggal mereka, jawatan yang boleh disandang oleh mereka, peluang pendidikan serta penglibatan orang ramai di dalam politik.



Kejadian yang membawa kepada cerita ini: Kongres Nasional Afrika (ANC) telah ditubuhkan dalam tahun 1912 dengan tujuan untuk mencapai persamaan antara orang bukan berkulit putih dan yang berkulit putih di Afrika Selatan. Dalam tahun 1960, kerajaan Afrika Selatan telah meninggalkan pertubuhan Komanwel British dan mengambil langkah-langkah untuk memperkukuhkan lagi sistem apartheid. Dalam tahun 1970an dan 1980an, kerajaan Afrika Selatan telah kehilangan sokongan antarabangsa dan masyarakat dunia

menolak dasar apartheid yang diamalkan oleh kerajaan Afrika Selatan berikutan liputan media tentang penggunaan keganasan oleh kerajaan tersebut.

Menjelang 1990, telah jelas kelihatan bahawa dasar apartheid telah hampir musnah. Pertubuhan anti-apartheid yang utama seperti ANC telah menerima pengesahan dan pemimpin-pemimpinnya telah dilepaskan dari penjara dan ada yang dibenarkan pulang dari buangan. Kebanyakan undang-undang yang dibuat semasa apartheid telah dimansuhkan. Kerajaan dan parti-parti politik yang utama telah menggubal perlembagaan yang baru dan mengadakan proses perundingan untuk menginstitusikan pemerintahan majoriti. Rundingan ini gagal pada Jun 1992 akibat ANC menuduh pihak kerajaan terlibat dengan serangan terhadap penyokong-penyokongnya. Proses perundingan ini bersambung semula pada Mac 1993 selepas kerajaan memikul tanggungjawab untuk melindungi ahli-ahli ANC. Hasil proses perundingan ini, dasar apartheid telah dimansuhkan dan pilihan raya bebas yang pertama telah diadakan pada tahun 1994.

* Pembahagian penduduk pada tahun 1995, Kulit Warna 11%, Kulit Putih 13% dan Kulit Hitam 76%

Sumber:
Rita M. Byrnes., editor, South Africa: A country study, Federal Research Division, Library of Congress, Washington DC: May 1996.
Online edition: <http://lcweb2.loc.gov/frd/cs/zatac.html>



Latar belakang “Bersendirian di atas bangku”



Arkansas ialah sebuah negeri yang terletak di utara Amerika Syarikat. Little Rock ialah bandar terbesar dan merupakan ibu negerinya. Pada penghujung tahun 1950an, penduduk Arkansas terdiri daripada 77% orang kulit putih dan 22% orang keturunan Amerika-Afrika.

Sebelum tahun 1954, kebanyakan sekolah-sekolah di negeri-negeri di selatan Amerika diasingkan atas dasar perkauman. Pelajar keturunan Amerika-Afrika tidak dibenarkan bersekolah dalam sekolah yang sama dengan pelajar kulit putih. Sekolah-sekolah bagi pelajar Amerika-Afrika amnya mendapat kurang bantuan berbanding sekolah untuk pelajar

kulit putih. Sekolah-sekolah ini seringkali perlu dibaiki dan kekurangan kemudahan-kemudahan asas. Dalam tahun 1954, Mahkamah Agung Amerika Syarikat memutuskan bahawa pembahagian sekolah berdasarkan perkauman adalah tidak sah. Mahkamah telah memerintahkan supaya sekolah-sekolah yang dikhususkan untuk pelajar “kulit putih sahaja” dibuka kepada pelajar-pelajar keturunan Amerika Afrika “dengan kadar yang segera”.

Kejadian yang membawa kepada cerita ini: Untuk mematuhi arahan Mahkamah Agung ini, Lembaga Sekolah Bandar Little Rock mengumumkan bahawa sekolah menengah yang dikhususkan untuk pelajar kulit putih itu akan menerima pelajar berkulit hitam. Sembilan pelajar keturunan Amerika-Afrika telah merancang untuk bersekolah di Sekolah Tinggi Pusat Little Rock (*Little Rock's Central High School*) pada hari pertama persekolahan pada bulan September 1957. Pada suatu mesyuarat sehari sebelum hari persekolahan, Penguasa sekolah memberitahu ibu bapa pelajar-pelajar Amerika-Afrika bahawa dia tidak dapat melindungi mereka jika mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Gabenor Arkansas telah menghantar Pengawal Kebangsaan (suatu pasukan angkatan tentera yang dikawal oleh Kerajaan Negeri) ke Little Rock, atas alasan menyatakan bahawa kemungkinan akan berlakunya keganasan. Pengawal Kebangsaan telah menghalang kanak-kanak Amerika-Afrika daripada memasuki sekolah. Sekumpulan besar orang kulit putih telahpun berkumpul di sekitar sekolah untuk menghalang pelajar-pelajar tersebut daripada memasuki sekolah.

Sumber:

<http://www.funlandwagnalls.com>

Daniel Boorstin and Brooks Kelley with Ruth Boorstin, *A history of the United States*, Ginn and Company, Lexington, MA 1981

<http://www.infoplease.com>

Daisy Bates, *The long shadow of Little Rock*, David McKay, New York 1962



Latar belakang “Langkah demi langkah”



Pada permulaan Perang Dunia Kedua, Poland terdiri daripada wilayah seluas 375,000 kilometer persegi. Sebahagian daripada negara Poland dituntut oleh Nazi Jerman dan Soviet Union.

Sebelum Perang Dunia II, Poland juga mempunyai sebilangan penduduk minoriti bangsa Jerman, Rusia dan Ukraine. Menurut sejarah, orang Yahudi yang ditindas dan dibuang negara dari kebanyakan negara Eropah telah diterima di Poland. Di sana, mereka mengamalkan agama mereka dan membina sekolah mereka sendiri. Orang Yahudi di Poland terus mempunyai hubungan yang istimewa dengan pemerintah Poland. Ini merupakan salah

satu sebab kenapa sebahagian besar komuniti Yahudi berkembang di Poland. Apabila Perang Dunia II bermula, hampir 3,350,000 orang Yahudi menetap di Poland. Hanya 90,000 penduduk Yahudi Poland yang terselamat kemudiannya.

Pencerobohan Poland oleh Jerman pada 1 September 1939 menandakan permulaan Perang Dunia II. Kurang daripada tiga minggu kemudian, Soviet Union juga menakluki Poland. Kerajaan Poland melarikan diri ke London. Banyak angkatan tenteranya melarikan diri ke negara-negara Eropah yang lain untuk terus menentang Jerman. Kumpulan bawah tanah Poland, mengabdikan diri mereka untuk menentang Jerman, dan sangat aktif, terutamanya di Warsaw. Pada Jun 1941, Nazi Jerman menakluki Soviet Union dan bahagian Poland yang diduduki oleh tentera Soviet. Pada penghujung bulan itu, seluruh negara Poland jatuh ke tangan Jerman.

Kejadian yang membawa kepada cerita ini: Nazi telah menubuhkan banyak kem-kem tahanan di Poland. Kem-kem ini digunakan untuk menghapuskan orang Yahudi Poland, orang Poland yang menentang pendudukan Jerman dan orang Yahudi yang dibawa dari negara lain. Orang Yahudi Warsaw seramai 450,000 orang adalah kumpulan pertama yang dibawa ke satu kawasan bandar yang diasingkan dan dikenali sebagai “ghetto”. Mereka kemudiannya dipindahkan ke kem tahanan.

Pada 1 Ogos 1944, pasukan bawah tanah Poland mengubah taktiknya. Ia memulakan pergelutan bersenjata secara terbuka terhadap Nazi. Pada 2 Oktober, pemimpin pejuang Poland menyerah diri. Selepas penyerahan diri itu, Nazi telah menghantar kebanyakan penduduk Warsaw ke kem-kem di Jerman atau memaksa mereka untuk berpindah ke bandar atau pekan Poland yang lain.

Sumber:


<http://www.infoplease.com/index.html>

<http://www.FunkandWagnalls.com>

Encyclopedia Britannica



Latar belakang “Peniaga yang berani”



Thailand ialah sebuah negara di Asia Tenggara, bersempadan dengan Myanmar (dahulu dikenali sebagai Burma) di sebelah utara dan barat, Laos di sebelah utara dan timur, Cambodia di sebelah timur, dan Malaysia dan Teluk Thailand di sebelah selatan. Bangkok ialah bandar terbesar dan ibu negara Thailand.

Sebelum Perang Dunia II, ekonomi negara Thailand berasaskan pertanian. Sejak kebelakangan ini, ekonomi negara Thailand berubah hala dengan berfokus kepada perindustrian. Walaupun perubahan ini telah meningkatkan kekayaan negara secara keseluruhannya, ia juga telah mengakibatkan banyak masalah sosial. Masalah alam sekitar dan kekurangan tanah telah memaksa penduduk Thailand untuk berhijrah dari luar bandar ke bandar. Walaupun sesetengah daripada mereka berjaya mendapatkan pekerjaan, ramai juga yang tidak berjaya. Ini menyebabkan peningkatan masalah ketiadaan tempat tinggal di bandar-bandar dan masalah

jenayah. Thailand juga telah mengalami peningkatan masalah kumpulan remaja di Bangkok dan kawasan-kawasan bandar yang lain.

Sumber:

Thailand: A country study — edited by Barbara Leitch LePoer. Washington DC: Federal Research Division, Library of Congress, September 1987.

Online edition: <http://lcweb2.loc.gov/frd/cs/thtoc.html#th0046>

Infoplease.com (Almanac) <http://www.infoplease.com/index.html>

Funk and Wagnalls.com <http://www.funkandwagnalls.com/>



Latar belakang “Penduduk kampung mengubati kesakitan di kem”



Bosnia-Herzegovina bersempadan dengan Croatia dan Republik Persekutuan Yugoslavia. Perkampungan Batkovic terletak di timur laut Sarajevo, berhampiran dengan Republik Serbia yang berada di bawah Republik Persekutuan Yugoslavia.

Semasa banci pada tahun 1991, sejumlah 4,365,000 penduduk tinggal di Bosnia-Herzegovina; 31% ialah orang Serbia dan anggota Gereja Ortodoks Serbia; 49% ialah Muslim yang nenek moyang mereka memeluk Islam semasa kawasan itu diperintah oleh Empayar Ottoman. Baki penduduk yang lain kebanyakannya merupakan Katolik Roman Croatia.

Bosnia dan Herzegovina diperintah oleh Empayar Ottoman dari pertengahan abad ke-15 sehinggalah 1908 apabila empayar itu runtuh dan kedua-dua wilayah digabungkan ke dalam Empayar Austro-Hungarian. Pada penghujung Perang Dunia I, Empayar Austro-Hungarian telah berpecah. Bosnia dan Herzegovina dicantumkan menjadi satu wilayah

dalam Kerajaan Serbia, manakala Croatia dan Slovenes (kemudiannya dinamakan semula sebagai Kerajaan Yugoslavia). Pada tahun 1945, Bosnia-Herzegovina telah menjadi salah satu republik dalam Republik Persekutuan Sosialis Yugoslavia. Yugoslavia diketuai oleh Josip Broz Tito, pemimpin 'Partizans', pergerakan penentang bersenjata yang utama yang menentang pendudukan Jerman di Yugoslavia semasa Perang Dunia II.

Kematian Tito pada tahun 1980, ditambah dengan Soviet Union yang semakin lemah, telah membolehkan semangat nasionalisme berkembang menjadi kuat dan mencetuskan tekanan. Pada tahun 1991, Slovenia dan Croatia mengisytiharkan kemerdekaan daripada Yugoslavia.

Kejadian yang membawa kepada cerita ini: Semasa musim bunga 1992, penduduk Islam dan Croatia di Bosnia-Herzegovina telah mengundi untuk kemerdekaan daripada Yugoslavia. Penduduk Serb-Bosnia, yang telah memboikot referendum itu, telah menubuhkan kerajaan mereka sendiri. Dengan sokongan daripada unit ketenteraan Serbia, mereka menentang penduduk Islam Bosnia dan Croatia. Orang awam diancam, dibunuh, dipenjarakan di kem-kem tahanan dan dipaksa keluar dari kawasan-kawasan dalam satu taktik yang dipanggil “pembersihan etnik”. Peperangan saudara tiga-hala yang kompleks telah berlarutan sehingga tahun 1995 apabila Perjanjian Perdamaian Dayton menamatkan peperangan itu.

Sumber:

<http://www.FunkandWagnalls.com> (1991 Census Data)

<http://www.Infoplease.com/>

Columbia Encyclopedia

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Akibat selepas peperangan

Pada 24 Jun 1859, tentera Austria dan Perancis telah bertempur di Solferino, sebuah bandar di utara Itali. Selepas enam belas jam bertempur, 36,000 orang telah mati atau tercedera. Pada tahun 1859, walaupun kuasa senjata untuk memusnahkan manusia semakin berkembang, keupayaan untuk merawat kecederaan akibatnya masih berkurangan.

Pada suatu petang selepas berlakunya suatu pertempuran, Henry Dunant, seorang warga Switzerland yang muda, tiba di Solferino untuk misi perniagaan yang tidak berkaitan dengan peperangan. Perniagaan Dunant telah semakin merosot dan dia yakin bahawa Maharaja Perancis pada masa tersebut boleh menolongnya. Dia tahu bahawa peperangan yang berlaku akan membawa maharaja ke kawasan tersebut dan dia berharap agar mendapat peluang untuk berjumpa dengan baginda. Tetapi apa yang ditemuinya hanyalah kesan peperangan. Berikut ialah apa yang diingatinya:

Erangan mereka yang kesakitan memecahkan keheňangan malam, dengan dngusan penuh azab yang tersekat-sekat dan terseksa. Suara yang menghiris hati meminta pertolongan.

Apabila matahari terbit, badan-badan manusia dan kuda melitupi medan peperangan. Tentera yang tercedera pucat lesi dan keletihan. Sesetengah daripada mereka yang lukanya terdedah telah menunjukkan tanda-tanda infeksi, dan hampir gila akibat kesakitan. Mereka merayu-rayu meminta supaya ditamatkan daripada penderitaan itu. Kekurangan air semakin dirasai dengan peritinya; parit semakin kering, dan tentera-tentera itu cuma ada air yang payau di sebahagian besar kawasan itu.



Diadaptasikan daripada Henry Dunant, *A memory of Solferino*, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, Geneva, 1986.

Semasa Dunant berjalan di antara tentera-tentera yang tercedera, mereka merayu-rayu meminta air daripadanya, waktu itulah dia sedar betapa kurangnya perhatian yang diberikan oleh orang terhadap mereka. Dia telah mengumpulkan beberapa orang wanita dan membahagikan mereka kepada kumpulan-kumpulan untuk membawa makanan dan air kepada askar yang tercedera; dan juga untuk mencuci badan mereka yang berlumuran darah supaya luka mereka boleh dirawat; dia kemudian mendirikan suatu hospital sementara di dalam gereja. Dia kemudiannya mengumpulkan kain untuk membuat pembalut dan membawa makanan dan bekalan ubat-ubatan dari bandar yang berhampiran; dia juga mengarahkan sekumpulan kanak-kanak lelaki untuk mendapatkan air di dalam baldi dan meminta bantuan seorang pelancong, seorang wartawan, dan pengusaha cokelat untuk membantu. Mereka ini telah merawat luka, membawa air, menulis surat "sela-mat tinggal" kepada ahli keluarga tentera yang nazak. Dunant mendapati bahawa semua orang yang memberikan rawatan dan bantuan tidak menghiraukan kerakyatan atau bangsa mereka yang dirawat; mereka kini sebagai 'tutti fratelli' iaitu semua telah menjadi seperti saudara.

Dunant terjumpa seorang kopal berumur 20 tahun yang sebelah kiri badannya ditembusi peluru. Kopal tersebut sedar yang dia akan mati akibat kecederaannya. Dunant memberikan air kepada Kopal itu dan dia mengucapkan terima kasih kepada Dunant, dan dengan linangan air mata berkata, "Tuan, bolehkah tuan menulis surat kepada bapa saya untuk menenangkan ibu saya". Dunant telah menulis surat tersebut. Inilah satu-satunya berita yang mereka terima daripada anak mereka.

Perniagaan Dunant akhirnya gagal. Niat asalnya untuk bertemu dengan Maharaja pada hari itu telah beraltih. Dia kemudiannya menulis sebuah

buku yang berjudul "A memory of Solferino" menggambarkan apa yang telah dia lihat dan telah mengemukakan suatu cadangan.

Adakah mungkin, semasa aman, diwujudkan satu persatuan bantuan yang terdiri dari sukarelawan yang berkebolehan dengan tujuan untuk membantu mereka yang tercedera akibat peperangan?

Hasil penulisan buku tersebut, suatu "jawatankuasa untuk membantu orang-orang yang tercedera semasa peperangan" telah terbentuk, yang kemudiannya berkembang menjadi Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah. Visinya juga telah membawa kepada perkembangan persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah di seluruh dunia.

Soalan: Apakah kesan tindakan Dunant pada masa itu? Apakah kesan jangka masa panjang?



Foto: dari filem "d'Homme à Homme"

Sumber 1
1 daripada 6

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Saksi tampil ke hadapan

Pada April 1993, perjuangan Afrika Selatan menentang apartheid sudah hampir kepada penghujungnya, tanpa pertumpahan darah. Nelson Mandela, Presiden Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), yang memang terkenal kerana sifat kepimpinannya, telah dibebaskan setelah 27 tahun dalam penjara. Beliau kemudiannya bersama-sama dengan Presiden F.W. de Klerk telah berunding mengenai proses peralihan sistem politik kepada pemerintahan majoriti.

Pada 10 April, Chris Hani, seorang pemimpin yang disegani dalam ANC telah dibunuh. Dia telah ditembak dari jarak dekat di hadapan kediamannya di Boksburg, Johannesburg. Mereka yang telah melakukan pembunuhan tersebut mengakui bahawa mereka memilih Hani sebagai sasaran mereka kerana kematiannya akan membawa kepada kekacauan di dalam negara, dan membenarkan puak kanan untuk merampas kuasa.

Berikut ialah petikan daripada kisah Mandela tentang kejadian itu di dalam autobiografinya:

Kematian Chris merupakan suatu tamparan peribadi kepada saya dan kepada pergerakan. Dia merupakan hero di kalangan pemuda Afrika Selatan, seseorang yang bercakap bahasa mereka dan dihormati oleh mereka. Jika ada seseorang yang boleh mengubah belia yang sukar dikawal semasa perundingan penyelesaian, orang itu ialah Chris.

Negara dalam keadaan tidak stabil. Ada kebimbangan yang kematian Chris Hani mungkin mencetuskan rusuhan kaum, dengan golongan muda mempercayai bahawa hero mereka sepatutnya menjadi 'syahid' dan mereka sanggup menyerahkan nyawa mereka untuk membalas dendam ... Pembunuhan itu merupakan suatu tindakan terdesak yang melampau, suatu cubaan untuk mengganggu proses rundingan.

Tetapi pada hari itu, seorang wanita telah menelefon polis dan memberitahu nombor pendaftaran kenderaan pembunuhan tersebut dan wanita ini merupakan seorang yang berkulit putih.

Pada malam itu, Mandela diminta untuk menjelaskan keadaan kepada rakyat. Di dalam autobiografinya, dia melaporkan apa yang telah dijelaskan olehnya:

Saya telah menyatakan bahawa proses perdamaian dan perundingan tidak boleh terhenti. Dengan seluruh kuasa yang ada pada saya, saya berkata:

Saya merayu kepada seluruh rakyat untuk bertenang dan menghormati pemergian Chris Hani dengan terus mengekalkan keamanan ... Malam ini saya ingin merayu kepada semua penduduk Afrika Selatan, hitam atau putih. Orang kulit putih yang penuh prejudis dan kebencian, datang ke negara kita dan melakukan perbuatan yang sungguh kejam hinggakan seluruh bangsa kita sekarang ini hampir-hampir berada diambang kemusnahan. Seorang wanita kulit putih (...) telah meletakkan nyawanya dalam bahaya supaya kita tahu, dan membawa ke muka pengadilan akan pembunuhan itu.

Pembunuhan itu telah gagal untuk mencetuskan kekacauan dan peperangan kaum, dan proses perdamaian dan perundingan diteruskan.

Soalan: Apakah risiko yang diambil oleh wanita itu dengan tampil ke hadapan?

Diadaptasikan daripada Nelson Mandela, *Long Walk to Freedom: Autobiografi Nelson Mandela*, Back Bay Books, Little, Brown and Company, Boston, 1994.



Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Sumber 1
3 daripada 6

Bersendirian di atas bangku

Sehingga tahun 1954, terdapat undang-undang yang memisahkan kaum di sesetengah negeri di Amerika Syarikat yang melarar pelajar-pelajar berkulit hitam daripada menghadiri sekolah yang sama dengan pelajar-pelajar berkulit putih. Apabila Mahkamah Agung Amerika Syarikat memansuhkan undang-undang tersebut di seluruh negara, Gabenor Wilayah Arkansas bersumpah untuk tidak mematuhi perintah itu. "Darah akan mengalir di jalan jika pelajar-pelajar Negro cuba memasuki Sekolah Menengah Central", kata beliau.

Lembaga sekolah bandar Little Rock, Arkansas, merancang sebaliknya. Pada permulaan tahun persekolahan 1957, Sekolah Menengah Central yang khusus bagi pelajar berkulit putih bersejuru untuk mengambil sembilan pelajar berkulit hitam. Elizabeth Eckford merupakan salah seorang daripada sembilan pelajar itu.

Sehari sebelum sekolah bermula, Lembaga sekolah Little Rock meminta ibu bapa sembilan para pelajar itu agar tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana bimbang kehadiran ibu bapa berkulit hitam ke sekolah akan mengapi-apikan kumpulan perusuh yang sudah bersedia untuk mengadakan tunjuk perasaan. Persiapan telah dibuat supaya kesemua sembilan pelajar itu berjumpa dan diiringi oleh seorang peguam. Walau bagaimanapun, Elizabeth tidak menyedari akan rancangan itu. Oleh itu dia telah pergi bersendirian.

Apabila dia menuruni bas berhampiran dengan Sekolah Menengah Central, Elizabeth nampak sekumpulan orang berkulit putih yang sedang marah dan beratus-ratus askar bersenjata yang telah dihantar oleh Gabenor untuk menghalang sembilan pelajar itu daripada memasuki sekolah. Elizabeth fikir bahawa dia akan selamat jika dia berjatan di belakang askar Arkansas ke pintu masuk sekolah. Namun askar-askar itu membolehkan dia berpatah balik.

Orang ramai mula mengikuti saya, mereka mencari saya. Tiba-tiba lutut saya menggeletar dan saya mula terfikir bolehkah saya melepasi semua ini. Itu merupakan perjalanan paling jauh yang pernah saya lalui sebelum hidup saya. Namun begitu, saya tidaklah begitu takut, kerana saya fikir pengawal akan melindungi saya.

Apabila saya berada di hadapan sekolah, saya terus berjalan dengan pengawal sekali lagi tetapi dia hanya memandang terus ke hadapan dan tidak bergerak ke tepi untuk membenarkan saya masuk. Pada masa yang sama seorang pengawal membenarkan beberapa pelajar berkulit putih masuk. Apabila saya cuba meloskan diri melaluinya, dia telah mengangkat bayonetnya.

Seseorang mula menjerit, "Gantung dia! Gantung dia!" Saya cuba mencari wajah yang bersimpati. Saya bersembung mata dengan seorang wanita tua, tetapi dia meludah ke arah saya. Saya melihat sepanjangan blok bangunan dan nampak sebuah bangku di perhentian bas. Saya berlari ke bangku itu dan duduk.

Sebahagian daripada orang ramai mengikuti Elizabeth ke bangku itu dan berteriak "Seret dia ke pokok", suatu cara untuk menyatakan bahawa mereka akan menggantungnya.

Semasa Elizabeth duduk di bangku itu, dia rasakan seperti bertahun-tahun lamanya. Tiba-tiba muncul seorang wanita berkulit putih

bernama Grace Lorch yang mencelah di tengah-tengah orang ramai dan bercakap dengan Elizabeth. Perlahan-lahan Elizabeth mengangkat matanya dan memandang ke arah orang asing itu, kemudian dia bangun. Dia berjalan sehampir yang mungkin dengan wanita itu, dan dia dibawa ke perhentian bas yang terdekat. Elizabeth menaiki bas dan melarikan diri daripada perusuh.

Soalan: Kenapakah orang ramai tidak memberhentikan Grace Lorch daripada mengiringi Elizabeth supaya selamat?



Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Langkah demi langkah

Apabila Nazi Jerman menakluki Poland semasa Perang Dunia Kedua, mereka telah mengamalkan polisi penghambaan dan pembunuhan terhadap orang-orang Yahudi. Sesiapa yang ditangkap kerana menyembunyikan seorang Yahudi di Poland akan menghadapi hukuman mati. Sebahagian daripada mereka akan digantung dan ditinggalkan di medan orang ramai sebagai satu amaran kepada yang lain. Walau bagaimanapun, ada segelintir yang memilih untuk membantu menyelamatkan orang Yahudi. Stefa, seorang pekerja kilang berbangsa Katolik, sanggup mengharungi kepayahan untuk menyelamatkan seorang yang tidak dia kenali.

Pada tahun 1942, Laminski, seorang anggota polis yang bertugas sebagai anggota bawah tanah Poland, telah meminta suami Stefa, Jerezy untuk menyembunyikan Irena, seorang wanita Yahudi, untuk beberapa hari. Pasangan tersebut menyediakan satu tempat persembunyian untuk beliau di dalam rumah pangsa satu bilik mereka. "Beberapa hari" berterusan menjadi seminggu; kemudian seminggu menjadi sebulan. Selepas beberapa bulan, Jerezy menuntut supaya Irena dikeluarkan, tetapi Stefa mendesak supaya wanita tersebut terus bersembunyi di dalam rumah mereka. Dalam keadaan marah, Jerezy meninggalkan flat tersebut, bersumpah akan memberitahu pihak Nazi yang Stefa sedang menyembunyikan Irena.

Apakah yang dilakukan oleh Stefa?

Saya memanggil Laminski dan dia telah bercakap dengan suami saya. Dia berkata kepada Jerezy "Ini pistol saya; kalau kamu membuka rahsia mengenai Stefa dan Irena, kamu tidak akan hidup lebih dari lima minit. Peluru yang pertama akan menembusi kepala kamu." Selepas itu, suami saya tidak kembali lagi. Peristiwa ini mengakhiri perkahwinan kami, tetapi anggota polis tersebut, Laminski terus membantu kami.

Adakah Stefa mengetahui akan bahaya terhadap dirinya?

Sudah tentu saya mengetahuinya. Semua orang tahu apa akan berlaku pada mereka yang menyembunyikan orang Yahudi, Irena berkata "Jika saya membebaskan kamu, saya akan pergi." Tetapi saya rasa, "Sehingga kini kamu masih lagi di sini dan kita telah berjaya, oleh itu mungkin semua akan berjaya. Mengapa kamu mahu menyerah kalah?" Saya tahu yang saya tidak akan lepaskan dia pergi.

Pada tahun 1944, penduduk Warsaw bangkit menentang kependudukan Nazi, tetapi tewas. Sebagai balasan, pihak Nazi mula memindahkan semua orang kecuali ibu-ibu yang mempunyai anak kecil. Bagi Irena, yang akan dikenali sebagai Yahudi, sungguhpun dia tetap memakai pembalut pada mukanya, berpindah bererti mati. Menyadari akan bahaya tersebut, Stefa telah membuat suatu keputusan yang berat. Beliau menanganis ketika menceri-

pemindahan: mengambil seseorang dari rumah mereka dan menghantar mereka ke kem tahanan bawah tanah: seseorang secara rahsia bekerja menentang pemerintah Nazi, cuba untuk mengusir mereka keluar dari negara.



takan kisah selanjutnya.

Apabila kami mula dipindahkan, saya memberitahu Irena supaya mengambil bayi saya. Saya berkata "Saya akan cuba untuk bersama kamu. Sekiranya saya tersesat, jagalah bayi ini, seperti anak kamu sendiri". Apabila pegawai Jerman ternampak beliau dengan bayi tersebut, dia mengarahnya pulang ke rumah pangsa. Walau bagaimanapun saya juga dibenarkan mengikut beliau.

Bagaimana Stefa mengambil risiko kehilangan bayinya?

Saya tahu Irena akan menjaga bayi tersebut dengan baik. Lagipun, tiada siapa yang tahu apa yang akan berlaku kepada saya nanti. Kemungkinan saya juga akan mati.



Diadaptasi daripada Nechama Tec, *Bila cahaya menembusi kegelapan (When light pierced the darkness)* Universiti Oxford, New York, 1986.

Perspektif Kemanusiaan

Sumber 1
4 daripada 6

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Sumber 1
5 daripada 6



Peniaga yang berani

Terdapat penjuru di suatu jalan di Bangkok di mana pergaduhan di antara kumpulan-kumpulan budak lelaki sering berlaku. Suatu hari, sekumpulan budak lelaki daripada sekolah mekanik telah memilih seorang budak daripada sekolah lain sebagai mangsa dan mengajarnya ke hujung jalan. Budak yang bernasib malang itu lari untuk menyelamatkan diri sehingga dia sampai ke satu kedai di penjuru jalan tersebut. Budak-budak lelaki yang mengejar itu merupakan pelanggan harian kedai tersebut.

Tuan punya kedai nampak apa yang berlaku. Budak lelaki itu mengetuk pintunya.



Dengan pantas, peniaga itu membuka pintu belakang kedainya untuk membenarkan budak lelaki itu masuk. Dia membenarkan budak lelaki itu bersembunyi di dalam kedainya.

Peniaga yang berani itu tidak dihalangi oleh fikiran bahawa apa akan terjadi sekiranya kumpulan budak-budak lelaki itu masuk dan terjumpa musuh mereka di dalam kedainya, atau apa yang akan terjadi kepada perniagaannya pada masa hadapan sekiranya budak-budak itu mengetahui bahawa dia telah menyelamatkan mangsa mereka.

**Soalan: Apakah pilihan peniaga itu ada apabila dia temampak budak lelaki berada di hadapan pintunya?
Apakah akibat setiap pilihannya?**

Sumber: Achara Permpool

Ilustrasi: Tanchanok Taksiri

Penerokaan 1A: Apakah yang boleh dilakukan oleh penyaksi?

Penduduk kampung mengubati kesakitan di kem

Batkovic, Bosnia-Herzegovina, 24 Januari 1993

Sepanjang musim panas yang lalu, bas dan trak yang sarat dengan banduan Islam dan Croat bergerak dengan berat di atas jalan tadang yang sempit melepasi ladang sayur Ilija Gajic. Pihak tentera tidak pernah berunding dengan penduduk kampung apabila mereka mendirikan kem di bangsai-bangsai tempat menyimpan bijirin. Gajic bimbang sekiranya sejarah Balkan yang buruk akan berulang sekali lagi.

"Kem-kem tahanan tidak pernah membawa apa-apa manfaat kepada sesiapa", kata seorang berbangsa Serb yang berumur 62 tahun yang mengetahui perjumpaan penduduk kampung seramai 4,000 orang. "Saya merasa sedih melihat apa yang berlaku ini."



Apabila keluar laporan tentang keganasan dan kematian, dia serta pemimpin kampung yang lain memutuskan untuk memprotes. Kisahnya merupakan salah satu kisah yang tidak pernah diceritakan di dalam perang yang tidak pernah terhenti daripada keganasan ini — kisah orang-orang Serb yang mengambil risiko untuk memperbaiki keadaan rakan seegarannya.

"Kami ingin membuat tanda muhibah. Kami ingin mereka dilayan seperti mana kami mahu pihak yang satu lagi melayan banduan-banduan kami", katanya.

Pada awal September, Gajic telah mengetahui suatu delegasi ke ibu pejabat tentera yang berhampir di Bijelina dan meminta agar pengawal yang telah memukul banduan-banduan digantikan. "Mereka bukan dari kawasan sini. Ada di kalangan keluarga pengawal-pengawal tersebut yang menjadi mangsa peperangan oleh itu mereka ingin membalas dendam", kata Gajic. "Jadi kami minta pihak berkuasa untuk menempatkan penduduk tempatan sebagai pengawal."

Dia masih ingat tentang pemerintah tentera yang pada mulanya menolak walaupun hanya untuk memberitahu siapakah yang bertanggungjawab terhadap kem tersebut. Nada perbincangan menjadi semakin runcing. Salah seorang delegasi memberitahu pemerintah tentera bahawa "kami tidak mahu seorang Jasenovic", iaitu rujukan kepada kem tahanan yang didirikan oleh Fasis Croat semasa Perang Dunia II, di mana beribu tentera Serb, Yahudi dan gipsi telah dibunuh.

"Mana-mana orang yang baik akan berkata begitu", kata Gajic. "Kami tidak mahu membenarkan kampung ini diduduh bagi apa-apa yang berlaku. Kami mahu menyelamatkan reputasi kampung ini."

Di hadapan pengawal, banduan-banduan masih enggan untuk bercakap tentang kekejaman yang telah berlaku sebelum ini. Tetapi mereka mengesahkan apa yang telah diberitahu oleh tahanan-tahanan yang telah dilepaskan tentang pukulan yang dibuat menggunakan kayu yang tebal", sakit cirit-birit yang teruk akibat keadaan bilik air yang teruk dan tipu helah untuk memperbodohkan delegasi yang melawat supaya berfikir bahawa tiada sesiapa di kem itu yang berumur di bawah 18 tahun atau melebihi 60 tahun.

Menurut tahanan-tahanan, sekurang-kurangnya 20 orang telah mati akibat dipukul atau dianiaya sehingga bulan September, tetapi keadaan telah bertambah baik dengan nyata sekali selepas campur tangan penduduk kampung.

Keadaan masih kekal primitif, tetapi beberapa ratus tahanan sekarang ini pergi bekerja enam hari seminggu di kilang yang berhampir, di mana mereka mempunyai makanan yang lebih baik, walaupun tiada bayaran. Tahanan-tahanan memuji pengawal-pengawal dan para pengawal suka akan puji-pujian itu. "Kami merasakan bahawa kami tidak perlu memukul banduan-banduan", kata Dragolic, salah seorang pengawal rakyat tempatan yang baru. "Kami bercakap dengan mereka." Sekarang ini malah terdapat televisyen di tiap-tiap bangsal, dan semasa Tahun Baru, pengawal-pengawal membawa minuman buah plum kepada tahanan-tahanan itu.

"Saya rasa orang-orang Serb tidaklah seburuk seperti yang digambarkan", kata Gajic. "Mungkin ada contoh lain bagi keadaan sebegini yang bukan hanya di Batkovic."

Soalan: Apakah pilihan dan tekanan sosial yang dirasai oleh orang-orang yang berada di tempat kejadian?

Sumber: Roy Gutman, *Saksi Kepada Penghapusan Bangsa (A Witness to Genocide)*, Macmillan, London, 1993

Penerokaan 1B: Memahami tindakan kemanusiaan

Di dalam Penerokaan 1A, para pelajar telah membaca, melakonkan dan menganalisa beberapa cerita mengenai penyaksi. Penerokaan 1B direka untuk membantu para pelajar untuk cuba mendefinisikan konsep tindakan kemanusiaan, satu tingkah laku di dalam intipati setiap cerita.

Definisi yang digunakan bagi sesuatu tindakan kemanusiaan di dalam penerokaan ini ialah: “orang biasa yang bertindak untuk melindungi seseorang yang pada kebiasaannya tidak akan dia lindungi di mana nyawa atau maruah mereka sedang berada dalam bahaya”.

Selepas mendefinisikan tindakan kemanusiaan dan mengenal pasti dimensi tentang kemungkinan risiko dan halangan, para pelajar dibawa mengkaji beberapa contoh tindakan kemanusiaan semasa konflik bersenjata, dan membincangkan jenis risiko dan halangan yang dihadapi.

Objektif:

- ▲ untuk memahami konsep tindakan kemanusiaan
- ▲ untuk memahami pengaruh tekanan sosial dalam situasi apabila nyawa atau maruah manusia menghadapi risiko
- ▲ untuk mengenal pasti tindakan kemanusiaan dalam berita dan kehidupan seharian

Sumber:

- ▲ Suara peperangan — 1

Persediaan:

Kaji semula “Nota kepada guru 10: Mengenai pengumpulan cerita dan berita”.

Sediakan dua paparan yang digunakan dalam aktiviti ini.

[1. Ciri-ciri tindakan kemanusiaan; 2. Tekanan sosial]

Masa:

Satu sesi 45 hingga 60 minit

1. Konsep tindakan kemanusiaan (15 minit)

Pamerkan tiga ciri tindakan kemanusiaan berikut dan minta pelajar berikan contoh daripada cerita dalam Penerokaan 1A untuk menggambarkan setiap ciri.

Ciri-ciri tindakan kemanusiaan

- ▲ melindungi nyawa dan maruah manusia
- ▲ memberikan perlindungan kepada seseorang yang pada kebiasaannya tidak akan anda lindungi
- ▲ berkemungkinan akan melibatkan risiko dan kehilangan peribadi

Tindakan kemanusiaan selalunya menghendaki seseorang untuk bertindak terhadap tekanan sosial untuk melindungi seorang mangsa. Gunakan garis **Tekanan sosial** berikut untuk menunjukkan betapa kuatnya tekanan sosial menyokong atau menentang sesuatu tindakan kemanusiaan.

Tekanan sosial

menentang
perlindungan

menyokong
perlindungan



Penerokaan 1B: Memahami tindakan kemanusiaan

Dengan menggunakan cerita yang telah dipelajari atau peristiwa yang pelajar anda sudah biasa, kemudian tanya pada mereka

- Di manakah pada garisan itu anda akan letakkan tindakan itu, dan kenapa?
- Bagaimanakah menampil ke hadapan untuk melindungi nyawa atau maruah seseorang dipengaruhi oleh konteks sosial?

[Contohnya, tekanan sosial terhadap “jangan jaga tepi kain orang” atau tekanan sosial untuk turut serta dalam penganiayaan/penindasan membuatnya lebih sukar bagi seseorang untuk menyelamatkan seorang mangsa]

Soalan-soalan yang mungkin:

- Kenapakah penyaksi lain tidak membantu?
- Bagaimanakah tindakan seorang penyaksi mengubah jangkaan/harapan orang lain untuk membantu?
- Kenapakah penyaksi di dalam suatu cerita TIDAK diharapkan untuk membantu? Apakah tekanan sosial yang mereka bantah kerana ingin membantu?
- Apakah contoh daripada sejarah di mana budaya, kelas atau agama yang mempengaruhi sama ada orang ramai akan melindungi mangsa?
- Bolehkah anda fikirkan contoh mengenai kesan yang baik dan buruk sesuatu tekanan sosial?

Galakkan para pelajar untuk merujuk kembali kepada cerita yang telah mereka analisa atau contoh lain yang mereka ketahui.

2. Pertimbangan tindakan kemanusiaan dalam konflik bersenjata yang terkini (20 minit)

Guru memperkenalkan lembaran “Suara peperangan — 1”

Berikan pelajar suatu petikan dan minta mereka tuliskan gambaran tindakan kemanusiaan. Kemudian, minta mereka menghuraikan secara ringkas kejadian yang menunjukkan:

- ▲ apa yang terjadi
- ▲ di manakah mereka akan meletakkan sesuatu tindakan pada garisan **Tekanan Sosial** dan kenapa.

CATATAN: Sekiranya perlu, pada mulanya bincangkan suatu petikan dengan seluruh kumpulan bagi menunjukkan bagaimanakah keadaan dan perasaan semasa peperangan memberikan tekanan yang menentang tindakan kemanusiaan.

Bincangkan tugas mereka.

Soalan yang mungkin:

- Adakah sebarang perbezaan jika seseorang yang berada dalam risiko ialah seseorang yang tidak kita kenali atau seseorang yang kita anggap sebagai musuh?

3. Buat penilaian tentang kesukaran dalam memutuskan sama ada untuk bertindak. (10 minit)

Bincangkan ciri ketiga tindakan kemanusiaan — “yang mungkin akan melibatkan risiko atau kehilangan peribadi”.



Di luar jangkauan saya untuk memahami kenapa jiran dan rakan tidak membantu kita, tidak mengucapkan “hello” kepada kita. Mereka mengatakan bahawa mereka tidak dibenarkan untuk berbuat demikian. Saya tidak boleh menerima alasan itu kerana saya tidak akan bertindak sedemikian. Sekurang-kurangnya saya akan bertanya kepada askar, apa yang sedang berlaku dan akan cuba memberhentikan mereka.

– mangsa “pembersihan etnik”

Penerokaan 1B: Memahami tindakan kemanusiaan

Saya membaca buku mengenai Scarlet Pimpernel semasa Revolusi Perancis yang menyelamatkan orang yang dihukum mati. Dia seolah-olah menyukai risiko. Saya rasa personalitinya menjadikannya mudah mem-buat tindakan kemanusiaan.

— pelajar Amerika

- Apakah jenis risiko yang mungkin dihadapi?

[Contohnya, emosi, sosial, psikologi, fizikal]

Minta pelajar memilih salah satu tindakan kemanusiaan dan senaraikan kesukaran atau risiko yang mereka fikir mungkin terlibat.

Bantu pelajar untuk mengenali bahawa perbezaan personaliti individu, dan juga keadaan kehidupan yang berbeza-beza, memberi kesan terhadap tindak balas kemanusiaan.

Penutup (5 minit)

Buat kesimpulan dengan mengulangkaji ciri-ciri tindakan kemanusiaan. Gambarkan setiap ciri, jika boleh, dengan contoh yang diberikan oleh pelajar.

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Tindakan-tindakan kemanusiaan ialah tindakan yang melindungi nyawa seseorang atau maruahnyanya daripada ancaman, terutamanya untuk seseorang yang pada kebiasaannya tidak menerima perlindungan. Tindakan-tindakan sedemikian mungkin akan melibatkan risiko peribadi.

(Ini ialah salah satu definisi yang telah diterima pakai bagi maksud penerokaan ini.)

- ◆ Sesuatu tindakan kemanusiaan, yang bertujuan untuk melindungi nyawa dan maruah, mungkin sukar dalam sesetengah konteks sosial, terutamanya apabila tindakan tersebut melibatkan membantu seseorang yang dianggap sebagai sebahagian daripada kumpulan “musuh”.

Aktiviti Lanjutan



Sejarah dan budaya

Tulis mengenai suatu tindakan kemanusiaan yang anda ketahui (daripada pengalaman anda sendiri atau daripada wayang, radio, TV, pembacaan, sejarah atau peristiwa di tempat anda).

Media

Cari di dalam media cerita tindakan kemanusiaan. Buat suatu koleksi dalam buku catatan atau pameran di dinding.

Tuliskan ringkasan cerita yang anda temui dan ceritakan di mana dan bilakah tindakan kemanusiaan itu berlaku, dari sumber media manakah bahan tersebut diperolehi.

Buat analisa tentang tindakan itu berdasarkan tiga ciri tindakan kemanusiaan:

- ▲ melindungi nyawa dan maruah
- ▲ biasanya untuk seseorang yang tidak akan anda lindungi
- ▲ mungkin akan melibatkan risiko atau kehilangan peribadi

Penerokaan 1B: Memahami tindakan kemanusiaan

Sumber 1



Orang yang terlibat dalam peperangan baru-baru ini menggambarkan tindakan kemanusiaan yang telah mereka alami, saksikan atau dengar.

1 Apabila pihak musuh membawa suami saya pergi dan mengurungnya di dalam kem tahanan, seorang lelaki daripada pihak musuh telah membawa makanan dan pakaian kepadanya tanpa diketahui oleh sesiapa. Walaupun dia tidak berupaya untuk menghalang suami saya daripada dibawa pergi oleh pihak musuh, tetapi dia telah membantu suami saya setakat mana yang dia boleh. Saya ingin berjumpa lelaki ini.

– seorang wanita yang suaminya hilang semasa peperangan

2 Di kampung saya, ada sebuah rumah yang didiami oleh pihak musuh — satu keluarga. Bapa saya melindungi rumah itu, dan saya bangga dengan tindakannya. Orang ramai mahu membunuh mereka, supaya mereka meninggalkan rumah itu, tetapi bapa saya telah melindungi mereka.

– seorang ibu

3 Saya telah membantu seseorang yang rumahnya musnah akibat bom, dan orang ini telah membunuh salah seorang ahli keluarga saya. Saya membantunya kerana nilai-nilai yang ada pada saya menghendaki saya melakukan sedemikian. Dia tidak tahu yang saya mengetahui bahawa dia ialah pembunuh saudara saya. Walaupun begitu, saya masih membantunya.

– seorang pemimpin agama

4 Bersama kami, ada orang tua, banduan dan orang awam dari pihak lawan. Kami melayan mereka secara berperikemanusiaan kerana mereka lebih tua. Kami tidak dapat melepaskan mereka, tetapi kami melayan mereka dengan baik. Kami tidak berkuasa membuat keputusan mengenai apa yang akan berlaku. Tetapi dengan kami, mereka sentiasa selamat dan dilindungi.

– seorang askar

5 Kami menangkap ramai askar musuh yang tercedera yang telah terlibat dalam pembunuhan beberapa orang yang rapat dengan kami, tetapi kami

membawa mereka untuk berjumpa doktor, dan menjaga mereka. Agama kami tidak membenarkan kami membunuh tawanan perang atau mencederakan mereka.

– seorang tukang kayu dan bekas pejuang

6 Mereka ialah pemandu konvoi kemanusiaan dan mereka tidak tahu sama ada mereka akan kembali atau tidak, mereka mengambil risiko dengan meletakkan nyawa mereka dalam bahaya untuk orang yang tidak mereka kenali.

– seorang wartawan

7 Saya berumur 14 tahun, dan sedang mengawal di salah satu tempat pemeriksaan. Sebuah kereta berhenti. Apabila saya memeriksa kad pengenalan mereka, saya dapati salah seorang daripada penumpang tersebut ialah seorang Islam. Saya dengan segera memulangkan kad pengenalannya dan menyuruh pemandu itu untuk cepat meninggalkan tempat tersebut. Saya memang tahu sekiranya saya melaporkan bahawa orang itu ialah seorang Islam, sudah pasti riwayatnya akan tamat. Saya melakukan sebegitu kerana saya seorang anak perempuan daripada keluarga yang baik dan saya telah dibesarkan dengan nilai-nilai yang murni.

– seorang bekas kombatan

8 Saya ternampak lima orang askar yang mengetahui 500 orang awam dari kampung yang akan dibawa ke penjara. Saya tahu itu bukanlah suatu arahan dan saya cuba menyalahkannya, tetapi askar-askar kami tidak membenarkan saya untuk menghalang. Malahan mereka juga bersedia untuk menembak saya. Saya telah pergi berjumpa dengan komander saya mengenai perkara tersebut. Dia telah memberikan saya sepucuk senapang untuk memberhentikan perkara tersebut. Dengan senapang itu saya berjaya memberhentikan orang awam itu dibawa ke penjara. 500 orang awam itu masih hidup.

– seorang askar

9 Saya berjumpa dengan seorang wanita yang sedang melarikan diri dengan anaknya. Dia hanya ada sebuah periuk tanpa beras. Keadaannya begitu teruk sekali. Saya bertanya kenapa dia kembali semula ke zon peperangan. Dia berkata yang dia ingin balik semula ke kampungnya. Saya berkata "Awak cuma ada periuk tetapi tiada beras, jadi awak ambillah separuh daripada bekalan saya dari beg daripada bekalan saya. Dia mengucapkan terima kasih dan dia telah berkata sesuatu kepada saya yang saya tidak dapat lupakan sampai bila-bila. Dia berkata yang dia tidak pernah berjumpa seorang askar yang baik seperti saya.

– seorang askar

10 Askar-askar sedang melarikan diri melalui bandar kami akibat kekalahan. Walaupun mereka terdiri daripada pihak musuh, namun penduduk bandar kami telah memberikan segala bantuan yang mereka perlukan. Mereka begitu berterima kasih dan kami membawa mereka ke sempadan. Mereka melintasi sempadan dan pihak televisyen telah merakamkan semuanya, dan mereka telah diberi bantuan, perubatan dan sebagainya.

– seorang balu peperangan

11 Anak saya telah memenjarakan beberapa orang, dan telah menangkap tujuh atau lapan daripada mereka yang telah hilang. "Saya akan pukul mereka" katanya, kerana dia telah kehilangan bapanya. Pada keesokan harinya dia kembali dan memberitahu saya bahawa dia telah melepaskan mereka semua.

– seorang ibu

Sumber: "Suara Peperangan" ("Voices from War") yang diadaptasi daripada kajian "People on War Campaign" yang dijalankan bagi ICRC.

Penerokaan 1C: Dilema penyaksi

Dalam Penerokaan 1A dan 1B para pelajar telah meneroka tindakan kemanusiaan yang sebenar dari segi halangan dan risiko yang dihadapi oleh penyaksi sebelum mereka bertindak, dan kesan atau akibat, segera atau jangka panjang, dari apakah yang telah mereka lakukan. Penerokaan 1C memperkenalkan pedagogi dilema dan menggunakannya untuk meneroka tindakan kemanusiaan seterusnya: ia meletakkan pelajar di tempat penyaksi dan membayangkan sama ada mereka akan melakukan tindakan kemanusiaan atau tidak, dan meminta mereka untuk menimbang pendapat kesemua orang yang terlibat dan untuk memeriksa secara mendalam tujuan dan akibat yang mungkin berlaku.

Walaupun kebanyakan tindakan kemanusiaan mengandungi dilema, pedagogi dilema tidak ditekankan pada permulaan modul supaya para pelajar boleh menghargai nadi dan aliran tindakan kemanusiaan yang sebenar sebelum meletakkan proses pemikiran analitik ke atas mereka; kebanyakan tindakan kemanusiaan adalah pada kebiasaannya mengikut gerak hati.

Objektif:

- ▲ untuk mengenal pasti kemusykilan yang mungkin dihadapi oleh penyaksi apabila menyaksi ancaman terhadap maruah manusia
- ▲ untuk mempelajari bagaimana menganalisa sesuatu dilema

Sumber:

Dilema: “Dia sedang berseronok”
Kertas kerja dilema

Persediaan:

Ulang kaji nota yang menggunakan dilema di dalam *Panduan Metodologi* termasuk bengkel ketiga.

Masa:

Satu sesi 45-60 minit

1. Perkenalkan konsep dilema (10 minit)

Gunakan kata-kata yang biasa didengar untuk menggambarkan konsep dilema.

“Ditelan mati emak, diluahkan mati bapa.” [Tambahkan sesuatu daripada budaya setempat pelajar anda.]

Galakkan pelajar untuk mencadangkan idea mengenai apa itu dilema. Minta mereka berikan contoh-contoh dan jelaskan apa yang membuatkan contoh itu suatu dilema.

Kenal pasti ciri-ciri utama suatu dilema:

- ▲ suatu situasi yang memerlukan pilihan dibuat antara tindakan-tindakan alternatif (termasuklah memilih untuk tidak berbuat apa-apa)
- ▲ semua pilihan mempunyai kelebihan dan kekurangan

Tunjukkan bahawa dalam sesuatu dilema, cubaan untuk “membuat yang terbaik dalam situasi yang buruk” mungkin kelihatan seolah-olah mustahil kerana:

- ▲ Setiap pilihan mungkin akan menyebabkan masalah.
- ▲ Terdapat ketidakpastian mengenai akibat sesuatu pilihan.

Penerokaan 1C: Dilema penyaksi

Dengan menggunakan salah satu cerita di dalam modul atau contoh yang diberikan oleh pelajar, minta pelajar mencadangkan pilihan-pilihan sebagai tindak balas kepada dilema.

Bagi setiap pilihan, teroka:

- Apakah akibat/hasil yang dikehendaki daripada tindakan yang anda cadangkan?
- Mungkinkah ada akibat lain? (Teroka rangkaian akibat yang mungkin berlaku.)
- Apakah perkara yang tidak diketahui atau yang tidak boleh dijangka dalam keadaan itu?
- Siapakah lagi yang terlibat? Bagaimanakah tindakan anda memberi kesan terhadap mereka? Bagaimanakah cara mereka melihat tindakan anda? Bagaimanakah pula pandangan orang lain memberi kesan terhadap hasil/akibat sesuatu tindakan?

2. Teroka kerumitan dilema kemanusiaan Wendy (30 minit)

Guru memperkenalkan dilema Wendy dalam cerita “Dia sedang berse-ronok”.

Minta pelajar meletakkan diri mereka di tempat Wendy semasa dia menunggu di luar penjara dengan menulis mengenai dua perkara berikut:

- ▲ apakah yang akan mereka lakukan jika berada di tempat Wendy
- ▲ apakah akibat yang mungkin berlaku hasil tindakan mereka

Selepas membenarkan masa untuk mereka menulis secara individu, minta pelajar untuk berbincang dilema yang dihadapi oleh Wendy, peranannya sebagai penyaksi dan apakah yang mungkin dilakukannya.

Mulakan dengan memberi fokus kepada apakah situasi tahanan ini, seperti yang dilihat oleh Wendy.

- Apakah yang Wendy dan pengawal itu mungkin fikirkan tentang maruah tahanan itu?

Kemudian gunakan “Kertas kerja dilema” untuk meneroka idea bagi menyelesaikan dilema Wendy. Bagi tiap-tiap pilihan yang dicadangkan oleh para pelajar, minta mereka cadangkan **akibat** yang mungkin berlaku:

- ▲ terhadap tahanan
- ▲ terhadap harapan Wendy untuk berjumpa dengan rakannya yang dipenjarakan
- ▲ terhadap tingkah laku pengawal itu pada masa kini (dan pada masa hadapan)
- ▲ terhadap rakan kulit hitamnya yang dipenjarakan

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah akibat yang positif yang mungkin berlaku akibat tindakan ini dari segi kemanusiaan?
- Mungkinkah dengan membuat pilihan ini keadaan akan menjadi lebih teruk? Untuk siapa?

Anda mungkin boleh menandakan ✓ di sebelah akibat yang mungkin mempunyai kesan yang positif dari segi kemanusiaan dan tanda X di sebelah akibat yang mungkin mempunyai kesan yang memudaratkan.



Penerokaan 1C: Dilema penyaksi

Selepas perbincangan, minta pelajar menggunakan beberapa minit lagi untuk membuat keputusan apa yang mereka akan lakukan sekiranya mereka adalah Wendy. Minta pelajar tuliskan keputusan mereka dan jelaskan alasan-alasan bagi pilihan yang mereka buat.

Kemudian pelajar diminta untuk membentangkan keputusan mereka berserta dengan alasan.

3. Penutup: Kuasa dalaman dan luaran (5 minit)

Buat kesimpulan dengan meminta pelajar membuat empat senarai:

EMOSI & PERSEPSI

- 1 yang memberi kesan terhadap keputusan Wendy
- 2 yang memberi kesan terhadap tingkah laku pengawal penjara

PERSEKITARAN

(isu mengenai had masa, perbezaan kuasa, pengaruh lokasi)

- 3 yang memberi kesan terhadap keputusan Wendy
- 4 yang memberi kesan terhadap tingkah laku pengawal penjara

Dengan memperkatakan tentang aspek dilema ini, para pelajar akan dapat mengenal pasti pandangan peribadi dan persekitaran yang memberi kesan terhadap usaha seseorang untuk memenuhi keperluan orang lain.

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Dalam kebanyakan tindakan kemanusiaan, penyaksi akan menghadapi dilema untuk memilih sama ada untuk menghulurkan bantuan melindungi seseorang atau tidak kerana ia berhadapan dengan risiko yang tinggi.
- ◆ Apa sahaja pilihan yang dibuat akan mengakibatkan kesulitan dan membawa akibat jangka panjang kepada semua pihak yang terlibat.



Dia sedang berseronok

Semasa apartheid di Afrika Selatan, Wendy, seorang kulit putih, cuba melawat rakan kulit hitamnya yang telah dimasukkan ke dalam penjara kerana aktiviti politiknya. Dia telah diberitahu oleh orang kulit putih yang bertanggungjawab terhadap penjara itu bahawa orang kulit putih tidak pernah dibenarkan melawat orang kulit hitam di situ. Dia telah berjumpa dengan komandan penjara, yang kemudiannya menjemput Wendy ke pejabatnya. Mungkin kerana suaminya penyunting salah satu surat khabar di bandar itu, dia membenarkan Wendy berjumpa rakannya. Dia kembali ke lorong masuk penjara untuk menunggu rakannya yang dia sedang berharap untuk berjumpa. Ini merupakan catatan Wendy tentang apa yang berlaku kemudiannya.

Semasa saya sedang menunggu, saya perasan seorang tahanan muda berkulit hitam berseluar pendek penjara jenis khaki serta memakai baju, berdiri di hujung lorong. Dia kelihatan cemas dan patuh — rupa seseorang yang menunggu untuk menyesuaikan diri dengan perasaan dan ragam "Baas"^{**} berkulit putih itu. Dia berdiri di situ seolah-olah dia diarahkan untuk berdiri di situ dan menunggu. Seorang pengawal penjara berkulit putih muncul, dan apabila dia lalu di hadapan tahanan itu, tiba-tiba dia mengugut

untuk memukul dan mula menengking kepada tahanan itu. Tiada kemarahan di dalam diri pengawal penjara itu, dia hanya sedang berseronok. Tangan banduan itu terangkat dengan serta-merta untuk melindungi badannya daripada pukulan yang dia jangkakan daripada pengawal penjara itu. Satu tangan dibengkokkan ke arah perutnya dan satu lagi ke kepalanya, dan banduan itu menjawab soalan-soalan dan celaan yang dilemparkan terhadapnya dengan gagap.

Kemudian pengawal penjara itu terus berlalu, berjalan ke arah saya. Dia nampak saya merenung ke arahnya dan, apabila dia melihat saya, saya sedar bahawa bukan sahaja dia tidak malu akan perbuatannya, malah di dalam matanya, oleh kerana saya juga berkulit putih, ia menjadikan saya secara automatik bersubahat dengan apa yang baru dilakukannya.

Dia terus berlalu, kebosanan, menghilangkan diri untuk beberapa ketika dan kemudian datang semula kepada lelaki berkulit hitam itu. Apabila dia semakin hampir, lelaki berkulit hitam itu mula membongkokkan diri kerana takut, tangannya mula mengambil posisi untuk melindungi dirinya sekali lagi. Pengawal penjara itu memang

sedang berseronok. Penontonnya (iaitu saya) membuatkan dia lebih gembira dengan apa yang dilakukannya.

*"Baas", orang yang bertanggungjawab, yang membawa makna "penindas" dalam konteks apartheid.

Sumber: *Biko* oleh Donald Woods, Paddington Press, Ltd. London, 1978

Apakah yang anda fikir Wendy patut lakukan?

Isu lain yang boleh dipertimbangkan:

- pengawal penjara
- tahanan
- rakan Wendy yang dipenjarakan
- komandan penjara



Kertas kerja dilema

Masalah:	
Tindakan:	
Kebaikan:	Keburukan:
Tindakan:	
Kebaikan:	Keburukan:
Tindakan:	
Kebaikan:	Keburukan:
Keputusan dan alasan bagi pilihan ini:	



Helaian media

Objektif: Untuk menggalakkan para pelajar mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari tentang keperluan untuk melindungi nyawa dan maruah manusia terhadap situasi seharian

1. Cari cerita dalam berita mengenai tindakan kemanusiaan.
2. Gambarkan dengan ringkas apa yang terjadi.
 - ▶ Maruah manusia siapakah yang berada dalam risiko?
 - ▶ Apakah halangan dihadapi semasa memberikan bantuan?
 - ▶ Siapakah yang memberikan bantuan? Apakah yang dikatakan oleh mereka, jika ada, tentang mengapa mereka memberikan bantuan?



Kaedah penilaian

▲ Penilaian berterusan

Meneroka undang-undang kemanusiaan (EHL) menyediakan peluang harian kepada guru untuk mengetahui apakah yang dipelajari oleh pelajar mereka dan apakah tanggapan salah yang mungkin ada pada pelajar. Kaedah pengajaran yang aktif, seperti perbincangan dalam kelas, bekerja dalam kumpulan kecil, sumbangsaran dan main peranan kesemuanya menyediakan peluang sedemikian.

Ambil masa lima minit di penghujung setiap kelas untuk membolehkan para pelajar menuliskan sebaris dua ayat bagi soalan: “Apakah yang telah saya pelajari hari ini?” dan “Apakah soalan yang ingin saya tanya?” Baca jawapan-jawapan dan gunakan untuk membina pengetahuan para pelajar dan jelaskan tanggapan-tanggapan salah untuk pelajaran yang akan datang.

▲ Portfolio kerja pelajar:

Di sepanjang modul ini, para pelajar diminta mewawancara pelbagai orang, mengambil pendirian tentang sesuatu isu dan mempertahankannya dengan contoh, menerangkan konsep dengan sajak, persembahan atau kerja seni atau menulis kertas kerja tentang sesuatu topik tertentu secara mendalam.

Simpan satu folio bagi setiap pelajar, dengan draf hasil tulisan, kerja seni, wawancara dan keratan berita yang disumbangkan kepada kelas. Secara berkala, bincangkan hasil kerja dengan para pelajar itu untuk memantau perkembangannya dalam memahami undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

Tampal hasil kerja para pelajar di dinding.

▲ Soalan-soalan di penghujung modul:

Selepas Modul 1 lengkap, anda mungkin mahu menumpukan pelajaran terakhir kepada penilaian bertulis tentang apa yang pelajar telah pelajari. Anda boleh melakukan ini dengan satu soalan karangan (20-30 minit) dan dua atau tiga soalan berjawapan pendek (10 minit setiap satu).

1. Soalan esei: Pilih satu.

- Pilih daripada bahan-bahan (atau reka) suatu contoh penyaksi yang menyaksikan suatu situasi keganasan. Letakkan diri anda di tempat penyaksi itu. Apakah pilihan anda? Apakah akibatnya? Apakah yang anda putuskan untuk lakukan dan mengapa?
- Bagaimanakah tingkah laku kemanusiaan boleh diperkembangkan? Bincangkan halangan-halangan terhadap tindakan kemanusiaan dan kenapakah ia sukar diatasi (atau bagaimanakah cara mengatasinya).

2. Soalan berjawapan pendek: Pilih dua.

- Berikan definisi penyaksi, tindakan kemanusiaan dan dilema.
- Berikan contoh tindakan kemanusiaan yang dilaporkan oleh media dan terangkan kenapa anda fikir ia merupakan suatu tindakan kemanusiaan.
- Apakah yang dimaksudkan dengan sifat langkah-demi-langkah sesuatu tindakan kemanusiaan.



1

Soalan-soalan lain boleh digubal dengan meminta pelajar membina soalan dalam kumpulan kecil dan kemudian memilih salah satu daripadanya sebagai soalan karangan bagi seluruh kelas. Anda juga mungkin boleh minta setiap pelajar mencadangkan satu soalan yang mereka akan jawab semasa ujian. Pelajar akan dinilai berdasarkan kualiti soalan dan juga berdasarkan jawapan. Anda mungkin boleh memilih suatu petikan kata-kata daripada artikel dalam surat khabar, petikan daripada turus sisi (*sidebar*) dalam salah satu bahan atau sumber lain. Minta pelajar menunjukkan perkara yang paling penting dan sama ada mereka bersetuju atau tidak dengannya.

Kriteria penilaian:

Tindak balas seorang pelajar yang efektif ialah yang:

- ▲ menggunakan konsep, seperti penyaksi, kombatan, dilema atau rangkaian kesan akibat dan istilah lain di dalam bahan ini
- ▲ memberikan contoh yang konkrit untuk menyokong faktanya
- ▲ memasukkan contoh daripada pelbagai sumber, seperti media berita, wawancara, perbincangan kelas dan bahan bacaan luar

Teknik di atas hanyalah cadangan untuk membantu anda menilai hasil kerja pelajar bagi bahan-bahan EHL. Anda bebas untuk mengadaptasikannya mengikut keperluan anda.



Perspektif kemanusiaan/umum

- ▲ Siri Pembelajaran Perpustakaan Negara Kongres (*Library of Congress Country Studies Series*)
<http://lcweb2.loc.gov/frd/cs/cshome.html#toc>
- ▲ Ensiklopedia Britannica
<http://britannica.com/>
- ▲ Funk dan Wagnalls
<http://www.funkandwagnalls.com/>
- ▲ Yahoo! Liputan penuh dan berita harian
<http://dailynews.yahoo.com/>
- ▲ Amnesti Antarabangsa dalam talian
<http://www.amnesty.org/>
 Terdapat di dalam bahasa Arab, Inggeris, Perancis dan Sepanyol
- ▲ *Human Rights Watch*
<http://www.hrw.org/>
 Terdapat dalam bahasa Arab, Cina, Inggeris, Perancis, Portugis, Rusia dan Sepanyol

Tindakan kemanusiaan

- ▲ Halaman Albert Schweitzer
<http://www.pcisys.net/~jnf/>
- ▲ Kempen Kajian Pengampunan
<http://www.forgiving.org/>
- ▲ Panduan Guru kepada Kemusnahan: Penyelamat
<http://fcit.coedu.usf.edu/holocaust/people/rescuer.htm>
- ▲ Pusat Kajian Dalam Talian Pelajar Yahudi: Penyelamat
<http://www.us-israel.org/jsource/Holocaust/rescuetoc.html>
- ▲ Pendamai (*Peacemakers*)
<http://www.myhero.com/peacemakers/>
 Sebuah halaman oleh dan untuk kanak-kanak mengenai wira mereka. Termasuk dalam golongan wira tersebut adalah individu yang telah menyumbang kepada dunia, negara dan keamanan etnik.
- ▲ Hadiah Kedamaian Nobel
<http://www.nobel.no/indexen.html>
 Terdapat di dalam bahasa Inggeris dan Norway

Untuk maklumat lanjut mengenai negara-negara, konflik dan cerita secara individu yang digunakan sebagai contoh di dalam modul ini, kami mencadangkan sumber dalam talian yang berikut:

Akibat selepas peperangan

- ▲ Sejarah Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah
<http://www.icrc.org/eng/history>
 Terdapat di dalam bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol
- ▲ Peperangan Solferino (cerita dalam akhbar kontemporari)
<http://www.hillsdale.edu/dept/History/Documents/War/19e/late/1859-Solferino.htm>



Bersendirian di atas bangku

- ▲ Undang-Undang Hak Sipil dan Sejarah (Jabatan Keadilan Amerika Syarikat)
<http://www.usdoj.gov/kidspage/crt/crtmenu.htm>
Sebuah halaman dibina untuk anak-anak muda.
- ▲ Halaman Ulang Tahun ke-40 Sekolah Menengah Little Rock
<http://www.centralhigh57.org/>

Seorang saksi tampil ke hadapan

- ▲ Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian
<http://www.truth.org.za/>
- ▲ Yahoo! Liputan penuh: Afrika Selatan
http://asia.fullcoverage.yahoo.com/fc/Asia/South_Africa/
- ▲ Yahoo! Liputan penuh: Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian
http://dailynews.yahoo.com/full_coverage/world/south_africa_truth_and_reconciliation_commission/
- ▲ Jenayah Peperangan dalam Abad Kedua Puluh: Kebenaran dan Perdamaian di Afrika Selatan (audio)
<http://www.npr.org/programs/specials/warcrimes/index.html>

Langkah demi langkah

- ▲ Poland: Pusat Pembelajaran Multi Media Muzium Toleransi
<http://motlc.wiesenthal.org/pages/t061/t06162.html>
- ▲ Kebangkitan Ghetto Warsaw (Muzium Peringatan Kemusnahan Amerika Syarikat)
<http://www.ushmm.org/outreach/wgupris.htm>
Satu halaman yang dibina untuk anak-anak muda

Penduduk kampung mengubati kesakitan di kem

- ▲ Gabungan Keadilan Antarabangsa
<http://www.cij.org/icty/icty.html>
- ▲ Berita ABC: Panduan Asas Mengenai Balkan
http://abcnews.go.com/sections/world/balkans_content/
- ▲ Tribunal Jenayah Antarabangsa Bekas Yugoslavia
<http://www.un.org/icty/>

2 Modul

Modul 2

Had-had dalam konflik bersenjata

(tujuh sesi)

Apakah had-had yang diperlukan dan kenapa?

Asal-usul had-had ini?

Bagaimanakah undang-undang untuk menghadkan peperangan berkembang?

PENEROKAAN:

- | | | |
|---|-----------------|-----|
| 2A. Menghadkan kemusnahan | (dua sesi) ... | 71 |
| 2B. Peraturan mengikut peredaran masa | (satu sesi) ... | 95 |
| 2C. Fokus terhadap “askar” kanak-kanak | (dua sesi) ... | 113 |
| 2D. Fokus terhadap periuk api pembinasa anggota | (dua sesi) ... | 133 |

KONSEP:

Had kepada peperangan
Orang awam, bukan kombatan (*hors de combat*)
Hak asasi manusia
Perlindungan
Keperluan kanak-kanak
Senjata yang sembarangan
Kesan kocakan

Dalam semua modul:

Maruah manusia
Halangan kepada tingkah laku kemanusiaan
Dilema
Rantainya kesan dan akibat
Pelbagai perspektif

KEMAHIRAN YANG DIPRAKTIKKAN:

Perspektif yang dipilih
Menganalisa masalah
Mengesakan akibat
Menganggarkan skop
Mengenal pasti penyelesaian

Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan

Modul 1 menilai tindakan kemanusiaan secara spontan yang dilakukan oleh orang biasa untuk melindungi nyawa dan maruah orang lain. Penerokaan 2A mengalihkan fokus kepada peraturan tentang kelakuan semasa konflik bersenjata bagi melindungi mangsa dan orang yang menderita. Gambar-gambar bermula dengan mempertimbangkan satu situasi yang khusus — askar-askar ditawan — untuk meletakkan para pelajar di dalam kedua-dua situasi yang menderita dan yang berjaya di dalam konflik bersenjata. Kolaj gambar kemudiannya akan mengembangkan skop situasi peperangan. Para pelajar meneroka keadaan yang timbul dari konflik bersenjata untuk mencadangkan peraturan yang diperlukan untuk melindungi nyawa dan maruah manusia.

Undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL) adalah satu badan undang-undang yang besar. Penerokaan ini memperkenalkan peraturan asas IHL yang paling relevan bagi remaja yang masih di dalam peringkat pembelajaran. Para pelajar menilai sebab-sebab di sebalik peraturan-peraturan ini, dan bandingkannya dengan peraturan-peraturan yang telah mereka cadangkan. Penerokaan ini juga menunjukkan bagaimana IHL berkaitan dengan hak asasi manusia — iaitu, terdapatnya hak teras bagi kedua-dua undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan undang-undang hak asasi manusia, yang perlu dilindungi dalam semua keadaan, termasuk semasa konflik bersenjata.

Objektif:

- ▲ untuk memahami kenapa peraturan-peraturan diperlukan bagi konflik bersenjata
- ▲ untuk memahami persamaan undang-undang hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa
- ▲ untuk mengetahui beberapa peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa

Sumber:

- ▲ Gambar: Tawanan yang ditutup matanya
- ▲ Gambar: Perarakan tahanan (dua versi)
- ▲ Kolaj foto 2A
- ▲ Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?
- ▲ Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- ▲ Dua cerita dari sejarah silam

Rujukan guru:

- ▲ IHL dan undang-undang hak asasi manusia
- ▲ Jika para pelajar anda bertanya ...

Persediaan:

Panduan Metodologi – Semak bahan-bahan mengenai penggunaan gambar di dalam Catatan untuk guru 6.

Masa:

Dua sesi 45-60 minit

1. Peralihan (5 minit)

Semak perbincangan secara ringkas:

- Apakah yang anda ingat mengenai ciri-ciri tindakan kemanusiaan?



Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan

- Apakah sebahagian daripada halangan kepada tindakan kemanusiaan?
- Apakah halangan tambahan yang mungkin menyebabkan tindakan kemanusiaan menjadi rumit semasa konflik bersenjata?

[*Contohnya: keinginan untuk membalas dendam, kekurangan maklumat, kekurangan bekalan, ketakutan, terlalu benci...*]

Beritahu para pelajar bahawa dalam penerokaan ini mereka akan mempertimbangkan keperluan peraturan-peraturan semasa konflik bersenjata dan apakah peraturan-peraturan itu.



2. Pengalaman tawanan tentera dan penawan

(15 minit)

Bentangkan gambar “Tawanan yang ditutup matanya”. Minta pelajar membayangkan diri mereka berada di dalam keadaan seperti tawanan atau pengawal tersebut. Minta mereka tulis fikiran mereka.

- Apakah yang sedang difikirkan oleh tawanan? Pengawal?

Minta para pelajar berbincang fikiran mereka dengan pasangan mereka.

Cadangkan pertimbangan berikut, satu per satu:

- Bayangkan yang orang tawanan adalah abang anda. Bagaimana anda mahu dia dilayan? Mengapa?
- Bayangkan yang orang tawanan telah membunuh kawan anda semasa peperangan. Bagaimana anda mahu dia dilayan? Mengapa?

Ulangi proses ini dengan menggunakan salah satu gambar dari “Perarakan tahanan”.

Perbincangan berkumpulan:

- Bagaimana orang tahanan patut dilayan semasa konflik bersenjata?
- Andaikan orang tahanan itu mempunyai maklumat yang penting. Adakah ia mempengaruhi cara dia sepatutnya dilayan?
- Bagaimanakah maruah orang tahanan itu berada dalam risiko? Seorang pengawal?

3. Apakah peraturan yang patut ada untuk melindungi tahanan semasa konflik bersenjata?

(15 minit)

Minta para pelajar menulis peraturan yang mereka rasakan perlu untuk orang tahanan semasa konflik bersenjata dan beri alasan mereka bagi setiap peraturan.

Senaraikan peraturan-peraturan yang dicadangkan oleh pelajar.

Bincangkan peraturan-peraturan mereka – bersetuju? tidak bersetuju? dan mengapa?

4. Apakah peraturan lain yang diperlukan semasa konflik bersenjata? (10 minit)

Bentangkan kolaj foto. Suruh para pelajar menilai gambar tersebut dan cadangkan peraturan tambahan yang perlu.

Bincangkan senarai penuh peraturan kumpulan tersebut, dengan mempertimbangkan soalan berikut:



Emosi yang paling dominan ialah ketakutan yang tidak diketahui dan persekitaran yang asing dan ketidakpastian tentang takdir seseorang pada kesudahannya. Yang menyelubungi perasaan kehilangan (rakan, keluarga) ini adalah ketidakpastian tentang masa. Berapa lama? Selama-lamanya?

– pemikiran juruterbang pesawat yang ditangkap



Tawanan itu adalah saudara anda. Ini adalah kehendak Tuhan yang dia berada di bawah kuasa anda dan bekerja untuk anda. Memandangkan dia berada di bawah belas kasihan anda, pastikan dia diberi makanan dan pakaian yang sama seperti anda. Jangan memaksa dia melakukan kerja melebihi kemampuannya.

– Nabi Muhammad (saw) (570-632)



Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan

Soalan-soalan yang mungkin:

- Bagaimanakah peraturan membuatkan pengalaman peperangan berbeza?
- Apakah kesulitan yang akan timbul dalam melaksanakan peraturan tersebut?
- Peraturan yang manakah boleh dikaitkan kepada “*hors de combat*”?
Hors de combat ditakrifkan sebagai “tidak lagi terlibat dalam pertempuran”. Kombat-kombat apabila menjadi “*hors de combat*” (mereka yang telah ditangkap, telah tercedera atau sakit dan oleh yang demikian tidak berupaya untuk berperang) adalah layak untuk perlindungan khas IHL.



5. Memeriksa peraturan asas IHL (15 minit)

Bentangkan “Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?”

Bincangkan:

- Bagi setiap peraturan IHL, apakah yang akan berlaku tanpa peraturan ini?
- Peraturan yang manakah sama dengan peraturan yang telah anda tulis?

6. IHL dan hak asasi manusia (25 minit)

Terangkan yang kedua-dua undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan undang-undang hak asasi manusia memastikan perlindungan yang asas kepada manusia.

Ketahui apa yang para pelajar maklum mengenai hak asasi manusia dengan menyuruh mereka menulis satu senarai hak asasi tersebut.

Edarkan “Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu”.

Minta pelajar pelajari hak asasi tersebut dan peraturan IHL di dalam kumpulan kecil.

- Apakah jenis perlindungan yang sama kepada kedua-dua undang-undang hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

Adakan perbincangan semula untuk laporan berkumpulan dan perbincangan.

Reka satu skema atau gambar rajah dua bentuk bujur yang bertindih (Gambarajah Venn) bagi mewakili dua set peraturan. Suruh pelajar meletakkan contoh undang-undang hak asasi manusia dan IHL di dalam bentuk-bentuk bujur tersebut, dengan menunjukkan di mana ia bertindih. (Lihat Sumber Guru “IHL dan undang-undang hak asasi manusia – kandungan dan pelengkap”.)

7. Aktiviti pengukuhan peraturan asas IHL (10 minit)

Suruh pelajar membentuk kumpulan kecil dan buat ungkapan pendek atau slogan untuk meringkaskan setiap peraturan asas itu. Sebagai contoh, “Jangan bunuh askar yang menyerah diri”, “Beri penjagaan kepada orang yang sakit dan cedera”, “Hormati lambang”, dsbnya.

Aktiviti lanjutan “Tindakan Komunikasi/Belia” dicadangkan untuk pelajar mengembangkan aktiviti ini dengan lebih lanjut.



Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Undang-undang kemanusiaan bertujuan untuk melindungi nyawa dan maruah semasa konflik bersenjata. Ini dilakukan dengan menghadkan cara dan kaedah peperangan bagi mengurangkan penderitaan dan untuk melindungi orang yang bukan kombatan dan terutamanya mereka yang tidak lagi terlibat di dalam peperangan.
- ◆ Kedua-dua undang-undang hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa berkongsi tujuan asas yang sama iaitu untuk melindungi nyawa dan maruah manusia. Undang-undang kemanusiaan bertindak secara eksklusif semasa konflik bersenjata kerana ia dicipta khusus untuk situasi melampau yang sebegini.

Apabila askar tidak bersenjata, pastikan dia tidak dcederakan.

IHL !

Apabila askar berlumuran darah, anda tidak boleh tinggalkan dia di dalam lumpur.

IHL !

Apabila bom jatuh, pastikan ia tidak kena tempat-tempat keagamaan.

Apabila saya menyelamatkan seseorang, askar saya akan cuba untuk menikam mereka dan saya berkata, "Berhenti, letakkan senjata, sabar, jangan tembak!"

IHL !

Kecuali anda melindungi orang awam, berjuta-juta manusia akan mati.

IHL !

Apabila ditangkap di dalam keadaan tidak bersedia, jangan buat tidak endah.

IHL, IHL, IHL, Sepanjang hayat!

IHL, IHL, IHL, Sepanjang hayat!

– lagu rap yang dicipta oleh pelajar EHL

Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan

Aktiviti Lanjutan

**Sejarah:**

Cuba lihat kembali kisah lama dengan menggunakan bahan bacaan “Dua cerita dari sejarah silam”. Kemudian baca mengenai tamadun yang berasal dari benua anda dan sediakan laporan yang menjawab soalan berikut:

- Bagaimana mereka melayani musuh yang tewas?

**Rangkaian media:**

Kumpulkan bahan berita (akhbar atau TV) mengenai suatu konflik bersenjata yang anda rasa “sepatutnya ada undang-undang menentang perkara itu”. Tuliskan apakah jenis undang-undang tersebut.

ATAU

Dapatkan satu liputan daripada sebuah cerita mengenai situasi di mana peraturan tersebut boleh diguna pakai. Bagi setiap situasi, tuliskan satu penjelasan dengan memberikan peraturan dan bagaimana ia diikuti atau pun tidak. Buatlah pameran di atas dinding mengenai liputan daripada cerita tersebut. Pelajar boleh membuat nota/catatan tambahan dalam ruangan khas yang disediakan.

Seni:

Bentukkan satu kumpulan “patung” (atau “rangka kaku”) berdasarkan gambar “Tawanan yang ditutup matanya”, di mana para pelajar menjadi “patung” dalam babak tersebut. Suruh peserta menjadi kaku dan senyap untuk seminit atau lebih.

Kemudian pilih para pelajar lain untuk berdiri di belakang setiap “patung” tersebut, dan fikirkan apa yang ada di dalam pemikiran “patung” tersebut (tawanan atau orang yang menawan); suruh pelajar tersebut untuk luahkan pemikiran dan perasaan yang mereka percaya sedang difikirkan oleh “patung” tersebut.

ATAU

Gunakan karya seni yang berpengaruh untuk menggambarkan pelanggaran atau kepatuhan terhadap peraturan peperangan. Berikan tindak balas secara tulisan atau tafsiran yang dramatik.

- Apa yang berlaku? Apa lagi yang berlaku dalam lukisan itu?
- Apakah mesej yang cuba disampaikan oleh pelukis itu?

Bandingkan lukisan itu dengan poster perekrutan ketenteraan atau imej dalam iklan perekrutan atau iklan TV.

ATAU

Bacakan sajak yang ditulis oleh askar semasa atau selepas peperangan.

- Apakah mesej yang cuba disampaikan oleh penyajak? Bagaimanakah ia sama, atau berbeza daripada, peraturan yang anda cadangkan atau daripada mesej pelukis di dalam hasil lukisannya?

Komunikasi/Tindakan belia:

Reka cara untuk menyebarkan peraturan asas IHL dengan mengubah slogan-slogan atau frasa-frasa ke dalam bentuk poster atau dengan mempersembahkan dalam suatu rancangan radio, lagu atau rap.

Sumbangsarankan cara untuk membuat publisiti terhadap “peraturan-peraturan asas” ini di sekolah atau di dalam masyarakat. Pilih salah satu sebagai projek. [Penerokaan penutup, “Ke manakah kita akan pergi dari sini?”, mempunyai lebih banyak projek para pelajar.]



Foto: Raymond Depardon/Magnum Photos



Tawanan yang ditutup matanya — Seorang askar dari Mali yang ditawan oleh pasukan pemberontak. Dia merupakan satu-satunya orang yang masih hidup dalam serangan Toukmem. Nasib tawanan ini bergantung kepada arahan yang diberikan oleh pegawai yang berkuasa kepada orang-orangnya.

Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan

Sumber 2a



Foto: ICRC

Perarakan tahanan — Askar yang ditawan di tangan Tentera Popular Pembebasan (Popular Army of Liberation), Laos. Nasib tahanan ini bergantung kepada arahan yang diterima oleh askar ini.

Had-had dalam konflik bersenjata



Foto: Robert Capa/Magnum Photos.



Perarakan tahanan — Askar Jerman yang ditawan oleh angkatan Amerika, Normandy, Perancis, Jun-Julai 1944. Nasib tahanan ini bergantung kepada arahan yang diterima oleh askar ini.

Had-had dalam konflik bersenjata



Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

1 Serangan mestilah dihadkan kepada sasaran kombatan-kombatan dan tentera.

- 1.1 Orang awam tidak boleh diserang.
- 1.2 Objek awam (rumah, hospital, sekolah, tempat beribadat, monumen bersejarah atau kebudayaan, dsb.) tidak boleh diserang.
- 1.3 Menggunakan orang awam sebagai perisai adalah dilarang.
- 1.4 Kombatan-kombatan dilarang menyamar sebagai orang awam.
- 1.5 Membiarkan orang awam kebuluran sebagai salah satu kaedah peperangan adalah dilarang.
- 1.6 Adalah dilarang menyerang objek-objek yang sangat diperlukan bagi kehidupan penduduk awam (bekalan makanan, kawasan perladangan, pusat bekalan air, dsb.)
- 1.7 Adalah dilarang menyerang empangan, daik atau pusat kuasa nuklear, jika serangan itu boleh menyebabkan kehilangan yang keterlaluan terhadap penduduk awam.

2 Serangan atau senjata yang digunakan terhadap orang awam, objek ketenteraan dan manusia secara sembarangan, dan yang boleh mengakibatkan kecederaan atau penderitaan yang melampau adalah dilarang.

- 2.1 Senjata tertentu adalah dilarang — senjata biologi dan kimia, senjata laser yang boleh membuatkan, senjata yang mencederakan anggota badan melalui cebisan yang tidak dapat dikesan oleh pancaran-X, racun, periuk api pembinaasa anggota, dsbnya.
- 2.2 Adalah dilarang memberi perintah atau mengugut bahawa tidak akan ada orang yang akan hidup.

3 Orang awam, kombatan yang tercedera, dan tahanan tidak boleh dibunuh. Mereka hendaklah dilindungi dan dilayan dengan berperikemanusiaan.

- 3.1 Tiada seorang pun boleh tertakluk kepada penyeksaan fizikal atau mental, hukuman bunuh atau layanan yang kejam atau penganiayaan.
- 3.2 Keganasan seks adalah dilarang.
- 3.3 Pihak-pihak kepada konflik mestilah mencari dan merawat musuh mereka yang tercedera dan sakit yang berada di bawah pengawasan mereka.
- 3.4 Adalah dilarang membunuh atau mencederakan tentera yang menyerah diri atau seseorang *hors de combat*.
- 3.5 Tahanan berhak untuk dihormati dan mestilah dilayan dengan berperikemanusiaan.
- 3.6 Menahan sebagai tebusan adalah dilarang.
- 3.7 Memaksa penduduk awam supaya meninggalkan tempat tinggal mereka adalah dilarang. "Penghapusan etnik" juga dilarang.
- 3.8 Seseorang yang berada dalam tawanan musuh berhak untuk menerima dari dan menghantar berita kepada ahli-keluarga mereka serta menerima bantuan kemanusiaan (makanan, bantuan perubahan, sokongan psikologi, dsb.).
- 3.9 Kumpulan yang mudah terdedah kepada bahaya, seperti wanita yang mengandung dan ibu yang masih menyusu anaknya, kanak-kanak yang bersendirian, orang tua, dsb., mestilah diberi perlindungan yang khas.
- 3.10 IHL melarang perekrutan dan penglibatan dalam keganasan bagi kanak-kanak di bawah umur 15 tahun.
- 3.11 Semua orang berhak kepada perbicaraan yang adil (tribunal yang saksama, tatacara yang biasa, dsb.). Hukuman secara berkumpulan (*collective punishment*) adalah dilarang.

Penerokaan 2A: Menghadkan kemusnahan

Sumber *
2 daripada 2



Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

4 **Petugas-petugas perubatan tentera dan awam dan kemudahan-kemudahan (hospital, klinik, ambulan, dsb.) hendaklah dihormati serta dilindungi dan mestilah diberi segala bantuan yang sedia ada supaya mereka dapat melaksanakan tugas-tugas mereka.**

- 4.1 Lambang palang merah atau bulan sabit merah adalah simbol perlindungan bagi petugas-petugas dan kemudahan perubatan. Serangan terhadap orang yang memakai atau objek yang menggunakan lambang ini adalah dilarang. Penyalahgunaan kedua-dua lambang ini adalah dilarang.
- 4.2 Unit perubatan dan kenderaan tidak boleh digunakan untuk melakukan tindakan yang membahayakan musuh.
- 4.3 Dalam memberikan rawatan kepada orang yang sakit dan cedera, mangsa tidak boleh diberi keutamaan berdasarkan bangsa, kerakyatan, agama, rakan dsb. kecuali atas sebab-sebab perubatan.

Definisi

kerosakan sampingan (collateral damage): ialah kerosakan atau kehilangan yang secara tidak sengaja semasa serangan yang berlaku walaupun segala langkah berjaga-jaga telah dibuat untuk menghalangnya, atau dalam apa-apa keadaan yang dibuat untuk mengurangkan kehilangan nyawa orang awam, kecederaan kepada orang awam atau kerosakan kepada objek awam.

hors de combat: menggambarkan kombatan-kombatan yang telah ditawan, yang cedera atau sakit atau mengalami nahas kapal dan oleh sebab itu tidak boleh berperang lagi.

orang awam (civilians): mana-mana orang yang bukan kombatan (sekiranya ada keraguan mengenai identiti, seseorang itu haruslah dianggap sebagai orang awam)

Sekiranya orang awam terlibat secara langsung dalam keganasan, mereka

menjadi kombatan dan hilang perlindungan yang diberi kepada orang awam.

objek awam (civilian objects): apa-apa objek yang bukan sasaran ketenteraan.

Sekiranya objek awam digunakan untuk mencapai objektif ketenteraan, ianya menjadi sasaran ketenteraan dan hilang perlindungan.

kombatan (combatant): orang yang mengambil bahagian secara langsung dalam keganasan atau anggota-anggota angkatan tentera.

sasaran ketenteraan (military objects): kombatan dan objek-objek yang mana dari segi sifatnya, lokasi atau kegunaannya boleh menyumbang secara efektif terhadap tindakan ketenteraan serta kemusnahannya akan membawa suatu kelembihan kepada pihak tentera.



Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

menyatakan bahawa setiap orang berhak kepada:

- kesamarataan dari segi maruah dan hak
- nyawa dan keselamatan
- kebebasan, kebebasan daripada tangkapan sewenang-wenang serta tahanan dan kebebasan untuk bergerak dan bermastautin di dalam kawasan tiap-tiap negara
- kebebasan daripada penghambaan atau pengabdian
- kebebasan daripada diseksa atau kekejaman, layanan yang tidak berperikemanusiaan atau yang menjatuhkan maruah atau hukuman
- kebebasan daripada gangguan terhadap hak untuk bersendirian, keluarganya dan hak bagi perhubungan
- berkahwin dan berkeluarga
- kebebasan berfikir, mengeluarkan pendapat, beragama dan menyatakan perasaan
- kebebasan terhadap perhimpunan secara aman dan berpersatuan
- keadaan kerja, rehat dan waktu lapang yang baik
- suatu taraf kehidupan yang sempurna bagi kesihatan dan kesejahteraan
- pelajaran
- mengambil bahagian secara bebas dalam kehidupan bermasyarakat



Dua cerita daripada sejarah silam

Carthage menyerah kalah pada tahun 147 Sebelum Masihi

Akhirnya penduduk yang dikurangkan daripada 500,000 kepada 50,000, menyerah kalah. (...) Penduduk yang masih hidup dijual sebagai hamba, dan bandar itu dibiarkan dijajah oleh tentera.

Enggan untuk membakarnya, Scipio (salah seorang wakil tentera) telah dihantar ke Rom bagi mendapatkan arahan terakhir; pihak senat telah membalas bahawa bukan sahaja Carthage, tetapi semua jajahan yang menyokongnya, hendaklah dimusnahkan sepenuhnya, bahawa tanah itu hendaklah dibajak dan ditabur garam dan suatu sumpahan rasmi dikenakan ke atas kawasan itu. Bandar itu membakar selama tujuh belas hari.

Sumber: Durant, Will, *Caesar dan Christ, Kisah Kelamadunian, Jilid 3*, Simon and Schuster, New York, 1944.

Negara-kota menyerah kalah pada tahun 416 sebelum masihi

Jadi orang-orang Meli dipaksa menyerah kalah. (...) Pihak penjajah membunuh semua penduduk yang telah mencapai umur yang membolehkan mereka menjadi tentera, dan menjadikan wanita dan kanak-kanak sebagai hamba. Mereka menjajah pulau itu, dan menghantar ke sana 500 penduduk mereka sendiri.

Sumber: Thucydides, *Peperangan Peloponnesian*, Buku V.

Sebelum adanya peraturan tatacara kelakuan untuk melindungi masyarakat yang dijajah

- Apakah masa depan yang dihadapi oleh mereka?
- Apakah pilihan yang mereka ada?




IHL dan hak asasi manusia – perbezaan dan persamaan

Undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL) dan undang-undang hak asasi manusia adalah pelengkap antara satu sama lain. Kedua-duanya melindungi maruah manusia, tetapi mereka berbuat demikian dalam keadaan dan cara yang berlainan.

Undang-undang hak asasi manusia diguna pakai pada setiap masa dan dalam semua keadaan kepada semua orang tertakluk kepada bidang kuasa setiap negara. Tujuannya ialah untuk melindungi individu daripada tindakan sewenang-wenangnya oleh negara tersebut. Oleh itu, undang-undang hak asasi manusia terus terpakai semasa konflik bersenjata. Walau bagaimanapun, triti hak asasi manusia, seperti Perjanjian Antarabangsa Bagi Hak Sivik dan Politik, Konvensyen Eropah dan Konvensyen Hak Asasi Manusia Amerika, membenarkan pengurangan hak, di bawah syarat-syarat yang ketat, terhadap beberapa hak semasa "darurat awam yang mengancam nyawa penduduk", di mana konflik bersenjata ialah suatu contoh yang pasti. Dalam erti kata lain, beberapa hak (kebebasan untuk bergerak, kebebasan dan keselamatan, kebebasan berpersatuan, dsb.) boleh dihadkan atau digantung semasa darurat awam, tetapi hanya "setakat yang terdesak berdasarkan sesuatu situasi itu" (bagi peringkat wilayah dan secara sementara). Walau bagaimanapun, terdapat hak "yang tegar" yang tidak boleh digantung sama sekali pada bila-bila masa atau dalam apa-apa keadaan.

Semasa konflik bersenjata pula sebaliknya, suatu sistem undang-undang yang istimewa, IHL, akan berkuat kuasa. Ia adalah suatu set peraturan yang diterima pakai terutamanya semasa konflik bersenjata, yang tujuannya ialah untuk melindungi mangsa peperangan (orang awam, orang yang tercedera dan sakit, tahanan, orang yang kehilangan tempat tinggal, dsb.) dan untuk mengawal kelakuan keganasan. Oleh kerana ia hanya terpakai dalam keadaan yang tertentu, tiada pengurangan hak dibenarkan. Banyak peruntukan dibuat bagi konflik bersenjata antarabangsa, tetapi hanya sedikit yang terpakai kepada konflik bersenjata bukan antarabangsa. Tujuan utama undang-undang kemanusiaan ialah untuk melindungi nyawa, kesihatan dan maruah manusia yang bukan kombatan atau kombatan yang tidak lagi terlibat dalam keganasan (kombatan yang ditawan, tercedera atau sakit), dan untuk menghadkan hak pihak-pihak kepada konflik untuk menggunakan kaedah peperangan pilihan mereka. Tujuannya ialah untuk menghadkan penderitaan dan kero-sakan yang disebabkan oleh konflik bersenjata. Dengan berbuat demikian, IHL bolehlah dikatakan melindungi hak asasi "yang tegar" semasa konflik bersenjata. Perlindungan tegar ini termasuklah hak kepada nyawa, larangan terhadap pengabdian, larangan terhadap seksaan dan layanan tidak berperikemanusiaan dan larangan terhadap pemakaian retrospektif apa-apa undang-undang. Tidak seperti hak lain (seperti hak untuk bersuara, bergerak dan berpersatuan) yang boleh dibatalkan semasa darurat kebangsaan, perlindungan tegar yang diberikan oleh IHL tidak boleh digantung pada bila-bila masa.

Jika kesemua hak yang tidak boleh dikurangkan ini disatukan, kita boleh nampak bahawa hak asasi yang penting adalah dijamin oleh kedua-dua IHL dan undang-undang hak asasi manusia.





Undang-undang hak asasi manusia

Undang-undang hak asasi manusia yang pertama dapat dikesan sejak kurun kelapan belas. Deklarasi Perancis Mengenai Hak Manusia dan Warganegara 1789 dan Rang Undang-Undang Hak Asasi Amerika yang diterima pakai pada tahun 1791 bersama-sama menandakan permulaan hak asasi manusia secara formal. Selepas itu di bawah pengaruh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 hak asasi manusia berkembang dengan serius. Dua perjanjian yang penting telah ditandatangani pada tahun 1966: Perjanjian Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (generasi pertama hak asasi manusia) dan Perjanjian Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (generasi kedua hak asasi manusia).

Perjanjian pertama telah menjadi model bagi banyak triti lain dan juga bagi piagam kebangsaan mengenai hak asasi dan kebebasan. Perjanjian kedua pula, sebaliknya berkembang dengan kadar yang terhad bergantung kepada ciri-ciri sebuah negara dan wilayah.

Generasi ketiga hak asasi manusia melibatkan hak sejagat yang baru seperti hak kepada pembangunan, kedamaian, persekitaran yang sihat, dll. Tetapi ramai peguam tidak mengambil kira hak ini sebagai hak sebenar.

Hak asasi manusia juga telah diiktiraf melalui pertubuhan serantau: Konvensyen Eropah Bagi Perlindungan Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Asas (1950 – Majlis Eropah), Konvensyen Amerika Mengenai Hak Asasi Manusia (1969 – Pertubuhan Amerika Syarikat), Piagam Afrika Mengenai Hak Manusia dan Rakyat (1981 – Pertubuhan Kesatuan Afrika). Lihat juga Deklarasi Kaheerah Mengenai Hak Asasi Manusia (1990 – Pertubuhan Persidangan Islam).

Kebanyakan surat cara ini memberikan mekanisme bagi pelaksanaan, sama ada dalam bentuk badan kehakiman yang efektif (Mahkamah Hak Asasi Manusia Eropah, Mahkamah Hak Asasi Manusia Inter-Amerika), atau dalam bentuk badan quasi/separa kehakiman (Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Suruhanjaya Hak Manusia dan Rakyat Afrika), atau dalam bentuk badan yang melaporkan (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB).

Surat cara utama hak asasi manusia

- 1926: Konvensyen Pengabdian
- 1930: Konvensyen berkenaan Buruh Paksaan atau Wajib (ILO)
- 1948: Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia
- 1948: Konvensyen ke atas Halangan dan Hukuman terhadap Jenayah Penghapusan Bangsa
- 1950: Konvensyen Eropah bagi Perlindungan Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Asas
- 1965: Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum
- 1966: Perjanjian Antarabangsa bagi Hak Sivil dan Politik (PBB)
- 1966: Perjanjian Antarabangsa bagi Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (PBB)
- 1969: Konvensyen Amerika mengenai Hak Asasi Manusia
- 1979: Konvensyen mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita
- 1981: Piagam Afrika mengenai Hak Manusia dan Rakyat
- 1984: Konvensyen melarang Penyeksaan dan Kekejaman Lain, Layanan Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah atau Hukuman
- 1989: Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak
- 2002: Protokol Pilihan kepada Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak dalam penglibatan kanak-kanak dalam konflik bersenjata



Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (IHL)

(undang-undang peperangan atau undang-undang konflik bersenjata)

- ▲ Suatu kumpulan prinsip antarabangsa, yang digubal oleh triti atau adat, yang mengadakan sekatan terhadap penggunaan keganasan dalam konflik bersenjata, dalam usaha untuk:
 - mengawal perlakuan keganasan;** secara khususnya, untuk menetapkan had mengenai kaedah dan cara peperangan
 - melindungi orang yang tidak (atau tidak lagi) mengambil bahagian dalam keganasan,** iaitu orang awam
- ▲ Suatu keseimbangan (yang realistik dan pragmatik) di antara keperluan ketenteraan dan prinsip kemanusiaan

Bertindak balas terhadap keganasan dengan melakukan keganasan yang lain adalah dilarang.

Surat Cara Utama IHL

1868:	Deklarasi St. Petersburg
1899:	Konvensyen Hague
1949:	Konvensyen Geneva
1954:	Konvensyen bagi perlindungan harta kebudayaan
1977:	Protokol Tambahan
1980:	Konvensyen mengenai penggunaan senjata konvensional
1993:	Konvensyen mengenai senjata kimia
1995:	Protokol mengenai senjata laser yang boleh membutakan
1997:	Konvensyen mengenai periuk api pembina anggot
1998:	Statut bagi Mahkamah Jenayah Antarabangsa
2002:	Statut Rom berkuat kuasa dan penubuhan Mahkamah Jenayah Antarabangsa tetap yang pertama



Jika para pelajar anda bertanya . . .

Cadangan berikut boleh digunakan untuk membantu pelajar berfikir mengenai soalan yang mereka sendiri kemukakan tentang kenapa negara menerima peraturan peperangan.

1. Jika saya sedang menang dalam peperangan, kenapa saya perlu mematuhi peraturan yang menyekat perlakuan saya?
 - a. Lihat kepentingan jangka panjang negara anda. Adakah anda mahu dilihat di peringkat antarabangsa sebagai penjenayah?
 - b. Bagaimana jika pihak anda mula kalah? (Pertimbangkan contoh-contoh sejarah tentang pihak yang menyangkakan bahawa mereka tidak akan kalah, tetapi kalah.) Apakah yang akan terjadi jika rakyat anda memerlukan perlindungan?
 - c. Beberapa sebab bagi pematuhan ini termasuklah: menghormati maruah manusia, tanggungjawab perundangan, sikap profesional, untuk memperbaiki peluang ke arah kedamaian, risiko pendakwaan, nilai untuk mengekalkan disiplin dalam pasukan anda, untuk mendapatkan sokongan penduduk yang berada dalam zon peperangan dan pendapat orang ramai di negara anda, pertimbangan terhadap reaksi negara lain.
2. Jika peraturan ini dilanggar pada setiap masa, mengapa ia dibuat? [Lihat juga Modul 3].
 - a. Peraturan ini tidak dilanggar pada setiap masa. Pada kebanyakan masa ia dihormati.
Adakah mematuhi peraturan menjadi satu bahan berita? Selalunya pelanggaran peraturanlah yang menjadi bahan berita.
 - b. Walaupun ia tidak dipatuhi dengan sepenuhnya, peraturan inilah yang melindungi ramai orang.
 - c. Apabila peraturan-peraturan dilanggari, selalunya disebabkan oleh kombatan-kombatan yang tidak takut akan sanksi.
Inilah sebab kenapa perlu bagi negara untuk memastikan bahawa tentera dan penduduk mereka diberi pelajaran mengenai IHL, bahawa pelaksanaannya dipantau dan undang-undang dikuatkuasakan.
 - d. Bolehkah seseorang dihukum bagi pelanggaran peraturan?
Konvensyen Geneva menghendaki tiap-tiap negara meluluskan perundangan domestik bagi memperuntukkan penalti bagi sesiapa yang melakukan atau memerintah supaya dilakukan, pelanggaran Konvensyen. Negara-negara juga mestilah menetapkan tatacara bagi mencari dan membicarakan mana-mana orang yang melakukan, atau yang memerintah melakukan, pelanggaran tersebut – tanpa mengira kewarganegaraan seseorang itu.
3. Kenapa membazirkan sumber untuk menjaga tahanan musuh?
 - a. Jika anda tidak membantu tahanan musuh, bagaimana layanan terhadap orang-orang anda yang ditahan sebagai tahanan musuh?
 - b. Membekalkan tahanan dengan bekalan asas kehidupan selalunya tidak akan mempengaruhi kapasiti ketenteraan anda secara serius.
4. Siapakah yang menguatkuasakan peraturan-peraturan ini?
 - a. Tanggungjawab asas untuk memastikan peraturan-peraturan ini dipatuhi terletak kepada pihak yang berperang (negara atau kumpulan bersenjata yang sedang berkonflik).
 - b. Sebagai tambahan, jika pelanggaran berlaku, ia merupakan hak dan tanggungjawab mana-mana negara lain yang mematuhi Konvensyen itu untuk mengambil tindakan menghalang pelanggaran itu dan menghukum sesiapa yang melakukan pelanggaran yang teruk. (Rujuk 2d di atas.)



- c. Komuniti dunia kian memainkan suatu peranan. Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1993 dan 1994 menubuhkan Tribunal Jenayah Antarabangsa untuk mendakwa orang yang bertanggungjawab dalam pelanggaran serius IHL di bekas Yugoslavia dan di Rwanda pada tahun 1990-an. Di mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Rom pada 1998, satu statut telah diterima pakai untuk menubuhkan satu Mahkamah Jenayah Antarabangsa yang tetap. Sebagaimana semua triti, statut mesti di-akur oleh semua negara. Mahkamah itu telah ditubuhkan secara rasmi setelah mendapat 60 pematuhan. [Lihat juga Modul 4.]
- d. Bukanlah menjadi peranan ICRC (atau Palang Merah Kebangsaan atau Persatuan Palang Merah) untuk 'menguatkuasakan' pematuhan itu. Apabila ICRC bertemu dengan pelanggaran sedemikian, ia akan memaklumkan pihak berkuasa yang bertanggungjawab melalui laporan sulit. Peranannya ialah untuk menggunakan diplomasi secara tidak menonjolkan diri untuk memujuk pihak yang sedang berperang untuk mematuhi peraturan peperangan. Penghormatan yang meluas terhadap ICRC di seluruh dunia datang daripada sikap neutral dan saksamanya yang prihatin. ICRC merasakan bahawa budi bicara dan pujukan merupakan cara terbaik, dalam kebanyakan situasi, untuk memastikan bahawa ia boleh berjumpa dengan mangsa-mangsa dalam mana-mana pihak yang sedang berkonflik. [Lihat juga Modul 5.]

Sumber: *Apakah Yang Adil — Anda Tentukan*, Palang Merah Kanada, *Peperangan Juga Ada Hadnya*, Palang Merah Australia

Penerokaan 2B: Peraturan mengikut peredaran masa

Penerokaan 2B direka untuk menunjukkan usaha kemanusiaan sejagat dalam kurun-kurun yang lepas untuk mengurangkan kemusnahan yang disebabkan oleh peperangan dengan mencipta peraturan. Penerokaan ini membawa pelajar meneroka sejarah peraturan yang telah wujud dalam pelbagai masyarakat dalam kurun-kurun yang lepas.

Objektif:

- ▲ untuk menyedari bahawa manusia telah mencipta peraturan untuk mengawal konflik bersenjata
- ▲ untuk menyedari contoh larangan yang telah wujud dalam peraturan awal
- ▲ untuk menunjukkan hubungan di antara sesuatu kejadian dan perkembangan norma-norma kemanusiaan

Sumber:

- ▲ Peraturan haiwan dan peraturan pahlawan
- ▲ Contoh peraturan peperangan
- ▲ Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?
- ▲ Peta dunia (jika boleh)

Masa:

Satu sesi 45-60 minit



1. Apakah cubaan-cubaan awal untuk membentuk peraturan bagi konflik bersenjata?

(10 minit)

Galakkan para pelajar untuk membuat spekulasi mengenai soalan ini dan berikan alasan mereka; bincangkan idea mereka. [Tiada jawapan yang betul; tujuannya ialah membawa pelajar meneroka sejak zaman silam lagi.]

Tambahkan maklumat daripada “Peraturan Haiwan dan peraturan pahlawan” jika ia berkaitan dengan idea pelajar.



2. Peraturan dari semasa ke semasa (25 minit)

Edarkan “Contoh peraturan peperangan”.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah peraturan yang anda nampak dalam lebih daripada satu peraturan?

[Contoh: orang yang tidak terlibat dalam pertempuran atau yang tidak lagi terlibat dalam pertempuran — “bukan kombatan” — dilindungi; sesetengah senjata adalah dilarang]

- Adakah mana-mana peraturan ini memberikan penjelasan bagi peraturannya? Apakah penjelasan itu?

[Contoh: peraturan yang menunjukkan kehormatan pahlawan, dsb.]



- Adakah anda nampak apa-apa peraturan yang sama seperti yang anda cadangkan?

- Bandingkan peraturan-peraturan ini dengan peraturan asas undang-undang kemanusiaan.

Penerokaan 2B: Peraturan mengikut peredaran masa

3. Tinjauan secara global (10 minit)

Minta pelajar cari kawasan dari mana peraturan itu bermula di atas peta dunia.

**Layan tawanan dengan baik,
dan jagalah mereka.**

— Confucius (551-479 Sebelum Masihi)

2

IDEA UTAMA

- ◆ Usaha-usaha manusia untuk menghadkan kekejaman peperangan adalah sejagat.
- ◆ Sejarah membuktikan bahawa pelbagai peraturan telah diguna pakai oleh masyarakat yang berlainan untuk mengurangkan penderitaan dan kemusnahan semasa peperangan.

5.

P E S A N A N

(Berita keluarga dan/atau persendirian)
(Nouvelle de caractère personnel et/ou familial)

Aktiviti lanjutan



Rangkaian media/Kesusasteraan:

Bincang suatu cerita yang digemari mengenai orang-orang yang terlibat dalam pergelutan — suatu cerita yang diceritakan oleh keluarga anda atau dalam masyarakat anda. Ia mungkin cerita yang anda lihat di wayang atau pementasan atau di televisyen atau anda dengar di radio. Ia boleh merupakan apa-apa jenis cerita — cerita haiwan, legenda, cerita keagamaan, sesuatu daripada sejarah atau sesuatu cerita rekaan.

- ▶ Adakah watak-watak yang terlibat dalam pergelutan ini mempunyai apa-apa peraturan yang memberitahu mereka apakah tindakan yang dilarang dalam peperangan?
- ▶ Adakah mereka mematuhi peraturan ini? Apakah kesan mematuhi (atau melanggar) peraturan?

Ingat, suatu peraturan tidak semestinya ditulis. Apa yang menjadikannya dipatuhi ialah ia merupakan peraturan atau suatu set peraturan yang semua orang mengharapkan orang lain mematuhi. Ia boleh jadi peraturan tidak bertulis yang semua orang tahu.

Sejarah:

Pilih salah satu contoh daripada “Contoh peraturan peperangan” untuk digunakan bagi penyelidikan selanjutnya. Cari masa dan tempat bila dan di mana ia ditulis. Lihat apa yang anda boleh temui tentang siapa yang menulis kanun itu dan keadaan yang berlaku semasa ia diperkenalkan.

ATAU

Pilih suatu situasi konflik bersenjata yang berlaku semasa dan di bahagian dunia dalam salah satu contoh daripada “Contoh peraturan peperangan”. Kaji keadaan itu (menggunakan buku, Internet, filem, dsb.). Cari bukti pejuang yang mengikuti peraturan dan juga contoh-contoh pejuang yang melanggarnya. Putuskan sendiri apakah pengaruh peraturan itu pada masa dan di tempat itu.

Peraturan haiwan dan peraturan pahlawan

Serigala dalam pergaduhan akan membiarkan yang kalah terus hidup



Apabila serigala bergaduh dalam pergaduhan bagi mengetahui suatu kumpulan serigala, pemenang tidak akan membunuh serigala yang kalah. Serigala yang kalah memberikan isyarat yang ia menyerah kalah dengan mengambil kedudukan menyerah.

— Adaptasi daripada Pusat Pembelajaran dan Kajian Serigala, www.wolfcenter.org

Ikan salmon yang bergaduh akan mengibarkan bendera hitam untuk menyerah kalah



Apabila ikan salmon Atlantik yang masih muda bergaduh untuk berebut sebahagian sungai, ikan yang bertarung paling lemah akan menyerah kalah dengan menggelapkan kulitnya dan lingkaran matanya. Yang menang akan pergi meninggalkannya.

“Itu adalah sebahagian daripada apa yang bagus apabila isyarat diberikan semasa pergaduhan”, komen ahli biologi ikan salmon John E. Thorpe. “Pertukaran warna membolehkan ikan menghentikan pergaduhan mereka tanpa kecederaan fizikal.”

— Adaptasi daripada *Akhbar Sains*, S Millus, 1999.

Mengawal pedang

Keganasan, terutamanya keganasan oleh kaum lelaki, adalah yang paling ditakuti oleh masyarakat. Ia harus dikawal oleh peraturan. Dan itulah yang menjadi premis antropologi asas bagi setiap masyarakat yang kita ketahui. Apa yang selalunya berlaku ialah penggunaan keganasan diletakkan dalam kasta pahlawan. Kita harus dilatih untuk menggunakan senjata. Pedang ialah suatu senjata yang suci untuk digunakan dengan berhati-hati. Orang yang menggunakannya dengan sewenang-wenangnya mengaibkan pedang itu. Ini ialah suatu tradisi yang lama yang bukan hanya merupakan tradisi Kristian tetapi juga tradisi Islam dan tradisi Bushido Jepun.



Dalam erti kata lain, saya rasa undang-undang peperangan mempunyai asas purba dalam kebanyakan tamadun manusia, semata-mata kerana keganasan itu begitu menakutkan bagi semua masyarakat hingga mereka terpaksa mencari cara untuk mengawalinya. Dan mereka mengawalinya dengan cara meletakkannya dalam golongan pahlawan, yang mematuhi peraturan tertentu.

Adaptasi daripada *Kemuliaan Pahlawan: Perang Etnik dan Suara Hati Modern*, Vintage, London, 1999
— Michael Ignatieff

- Apakah manusia mempunyai isyarat untuk menyerah diri?
- Adakah apa-apa nilai bagi apa-apa spesis yang membenarkan yang kalah menyerah tanpa dibunuh atau dcederakan?
- Apakah yang dimaksudkan oleh “kasta pahlawan”?
- Adakah anda setuju bahawa sesuatu masyarakat perlu menentukan siapakah yang boleh membawa senjata?

Contoh peraturan peperangan

Kurun ke-8 Sebelum Masihi — Greek Purba

Semasa Perang Lelantine Plain, pihak-pihak yang berperang telah bersetuju untuk melarang penggunaan pelancar peluru berpandu...

Kurun ke-7 Sebelum Masihi — Greek Purba


Berikutan daripada Peperangan Keagamaan Yang Pertama, negara yang menang bersumpah tidak akan lagi memotong bekalan makanan dan air terhadap orang Greek lain yang mereka kepungi.

Kurun ke-6 Sebelum Masihi — Greek Purba

Konvensyen yang mengawal konflik antara negara adalah seperti berikut:

- Keganasan kadangkala tidak sesuai: perdamaian sementara bagi perkara yang murni, terutamanya yang diisytiharkan bagi perayaan Sukan Olimpik, hendaklah dipatuhi.
- Keganasan terhadap orang tertentu dan di tempat tertentu adalah tidak sesuai: tempat-tempat keagamaan dan orang yang berada di bawah perlindungan Tuhan, terutamanya bentara dan perayu, hendaklah dihormati.
- Selepas pertempuran pihak musuh yang mati hendaklah dipulangkan jika diminta; meminta dipulangkan seseorang yang mati bolehlah dianggap sebagai mengakui kekalahan.
- Tahanan perang hendaklah ditawarkan sebagai tebusan daripada terus dihukum atau dicatatkan.
- Hukuman terhadap pihak lawan yang menyerah diri hendaklah dihentikan.
- Peperangan ialah satu acara bagi pahlawan, oleh itu orang yang bukan kombatan tidak boleh menjadi sasaran utama serangan.
- Pertempuran patut dilakukan semasa musim biasa (musim panas) berkempen.
- Penggunaan askar *non-hoplite* (iaitu askar darat yang berjalan kaki yang berkelengkapan ringan di Greek purba) (contoh: pelancar peluru berpandu) hendaklah dihadkan.

— KOINA NOMINA



Penerokaan 2B: Peraturan mengikut peredaran masa

Sumber 2
2 daripada 9

Contoh peraturan peperangan



Kurun 1 Sebelum Masihi — India

90. Apabila dia memerangi musuhnya dalam pertempuran, dia tidak boleh menyerang dengan menggunakan senjata yang tersembunyi di dalam kayu, juga tidak boleh jenis yang ada cangkuk, racun, atau mata yang dinyalakan api.
91. Juga tidak boleh menyerang orang yang semasa melarikan diri telah memanjat tempat yang tinggi, atau sida-sida, atau orang yang mencantumkan tapak tangannya dan merayu, atau orang yang melarikan diri dengan rambutnya mengembang, atau orang yang sedang duduk, atau seseorang yang berkata "Saya adalah milik tuan";
92. Juga tidak boleh menyerang orang yang sedang tidur, orang yang kehilangan baju besinya, orang yang tidak berpakaian, orang yang tidak bersenjata, orang yang hanya lalu dan tidak terlibat dengan pertempuran, orang yang bertempur dengan musuh yang lain;
93. Juga tidak boleh menyerang orang yang senjatanya patah, atau orang yang sedang menderita dan bersedih, orang yang cedera parah, orang yang sedang ketakutan, orang yang cuba melarikan diri; tetapi dalam semua keadaan ini pahlawan yang terhormat itu hendaklah ingat akan tanggungjawab mereka.

— PERATURAN MANU

Contoh peraturan peperangan

Kurun ke-7 Sebelum Masibi — Timur Tengah

Sekiranya anda menang dalam peperangan, jangan bunuh askar yang melarikan diri atau orang yang tercedera; jangan mendedahkan orang bukan Yahudi atau melanggar hak peribadi (privacy) mereka; jangan menghancurkan mayat; jangan masuk ke rumah orang tanpa kebenaran; jangan merampas harta mereka; jangan menyiksa wanita dengan apa-apa bentuk bahaya walaupun mereka menghina anda atau pemerintah anda; dan sentiasa ingati Tuhan supaya anda memperoleh keampunanNya.

— KHALIFAH ALI IBN ABI TALEB

Kawallah diri daripada pembelotan, keborosan, perbuatan khianat atau pencacatan; jangan bunuh kanak-kanak kecil, lelaki atau wanita tua; jangan memotong atau membakar pokok tamar; jangan memotong pokok yang boleh berbuah; jangan menyembelih kambing, lembu atau unta melainkan untuk makanan. Jika anda melintasi orang-orang yang sedang bersembahyang biarkan mereka.

— KHALIFAH ABU BAKAR AL-SIDDIQ



Kurun ke-12 bingga ke-16 – Eropah

Walaupun memang sukar untuk mencari peraturan yang tepat yang dibuat bagi tatacara perlakuan sateria semasa ZAMAN KESATERIAAN, jelas bahawa kanun memang diiktiraf, dan contoh boleh ditemui mengenai keberanian, cara yang bertata tertib, kefahaman dan keampunan yang diinspirasi oleh peraturan ini yang hanya seseorang lelaki yang sempurna boleh mengikutinya. Sateria-sateria sepatutnya menjaga orang yang lemah (pemahaman di dalam masyarakat feudal ialah ini termasuk orang yang sakit), orang yang ditindas dan janda.

Penerokaan 2B: Peraturan mengikut peredaran masa

Sumber 2
4 daripada 9



Contoh peraturan peperangan

Kurun ke-13 — Eropah

Di bawah *jus in bello*, Gereja melarang penggunaan busur silang, kerana ia tidak “berbaloi” yang sateri berkuda patut dijatuhkan daripada jauh oleh pemanah daripada kalangan orang biasa.

Di bawah *jus militare*, tuduhan yang dibawa di bawah undang-undang senjata diserahkan kepada pasukan tentera khas atau mahkamah diraja (Mahkamah Kesateriaan di England, Parlimen Paris di Perancis), di mana penguam-peguam akan menghalusi dan menjelaskan nasihat mereka dalam bentuk pliding. Sateria, dan juga bentara akan terus kekal sebagai pakar di dalam undang-undang senjata. Testimoni mereka akan dirujuk dalam mendefinisikan undang-undang dan dalam memaikaannya kepada kes-kes tertentu, suatu bayangan status *jus militare* sebagai badan antarabangsa adat kesateriaan.


Di bawah KEDAMAIAN TUHAN, pihak Gereja melarang serangan tempat suci, golongan peder, petani, wanita, kanak-kanak, perantau dan penziarah.

Di bawah PERDAMAIAN SEMENTARA TUHAN, pihak Gereja melarang pertempuran pada hari-hari tertentu, seperti hari Ahd dan hari suci.

Kurun ke-15 — England

... bahawa tiada orang boleh menjadi terlalu ganas hingga merompak atau menjarah Gereja yang suci bagi apa-apa barang atau perhiasan yang dimiliki oleh Gereja, atau membunuh mana-mana ahli Gereja, orang-orang yang patuh pada agama, atau orang-orang lain (kecuali jika dia bersenjata), dengan menyakutkan dengan membunuh; dan tiada orang boleh menjadi terlalu ganas hingga membunuh atau memaksa wanita merasai kesakitan yang sama. Dan tiada orang boleh mengambil sebagai tahanan ahli-ahli Gereja (kecuali jika dia bersenjata) dan menyakutkan atau memenjarakan mereka, atas arahan Raja.

— DARIPADA ORDINAN PEPERANGAN HENRY V, 1419



Had-had dalam konflik bersenjata



Contoh peraturan peperangan

Kurun ke-17 — Belanda

Masyarakat antarabangsa ialah suatu komuniti yang digabungkan bersama oleh suatu tanggapan bahawa negara-negara dan pemerintah-pemerintah mempunyai peraturan-peraturan yang terpakai kepada negara-negara dan pemerintah-pemerintah lain. Undang-undang bagi negara-negara ini mengawal semua orang dan semua negara dan dipegang bersama melalui perjanjian bertulis di negara-negara yang mempunyai adat yang diinstitusikan.

— GROTIUS

Kurun ke-17 — Jepun

Elemen ketiga ialah kemanusiaan: kasih sayang, bertolak ansur dan bersikap dengan orang lain. Kemanusiaan dilihat sebagai kehendak tertentu bagi para pemimpin. Kemanusiaan terhadap yang lemah atau yang kalah dilihat sebagai cara yang sangat mulia bagi seseorang pahlawan untuk membawa dirinya; oleh itu layanan buruk terhadap tahanan ditentang sepenuhnya dalam elemen ini.

— BUSHIDÔ

Kurun ke-18 — Eropah

Perkara 40 ... tahanan hendaklah dibenarkan untuk menerima bantuan bekalan ... diberi tempat tinggal yang sesuai dengan atap yang diperbaharui setiap minggu ...

Perkara 41 ... orang yang cedera hendaklah dijaga oleh kedua-dua belah pihak ... ubat-ubatan dan makanan hendaklah dibayar untuk mereka ... hendaklah dibenarkan untuk menghantar doktor dan pembantu-pembantunya dengan jaminan keselamatan yang dikeluarkan oleh jeneral ... malahan, orang yang diambil sebagai tahanan hendaklah dihantar pulang di bawah perlindungan jeneral melalui cara darat atau laut, yang mana lebih sesuai ...

Perkara 42 ... orang yang sakit di kedua-dua belah pihak tidak boleh diambil sebagai tahanan; mereka hendaklah dibenarkan untuk terus berada di hospital dengan selamat dan setiap pihak yang sedang berperang boleh meninggalkan pengawal untuk orang-orang ini di sana. Kedua-dua orang sakit dan pengawal mereka hendaklah dihantar pulang dengan jalan yang paling dekat, tanpa sekatian...

Perkara 44 Tahanan tidak boleh dalam apa-apa cara dikerah memasuki tentera.

Perkara 45 Tahanan hendaklah dibenarkan untuk memberitahu tentang penahanan mereka melalui surat.

— DARIPADA
TRITI DAN
KONVENSYEN
FRANKFURT,
1743



Penerokaan 2B: Peraturan mengikut peredaran masa

Sumber 2
6 daripada 9



Contoh peraturan peperangan

Kurun ke-18 — Perancis

Objek peperangan ialah memusnahkan negara yang bermusuhan, oleh itu negara yang di pihak sebelah mempunyai hak untuk membunuh orang yang mempertahankanya, semasa pihak musuh memegang senjata; tetapi sebaik sahaja musuh meletakkan senjata, mereka akan terhenti daripada bermusuhan, atau daripada menjadi alat kepada pihak musuh, dan menjadi orang biasa sekali lagi, yang nyawanya tidak boleh diambil oleh sesiapa ...

– KONTRAK SOSIAL ROUSSEAU, 1762

Tradisi lisan — Senegal

Etika peperangan diajar kepada mana-mana anak muda orang bangsawan untuk menjadi pahlawan kelak. Mereka diajar untuk tidak membunuh musuh mereka yang jatuh, kerana apabila musuh jatuh, mereka mengaku mereka lemah.

Tradisi lisan — Somalia

Biri-ma-geydo, kanun bagi "orang yang diselamatkan daripada lembing", mendefinisikan kategori orang yang patut dijaga dan dibantu pada setiap masa dan terutamanya semasa konflik bersenjata. Kategori ini termasuklah, wanita, kanak-kanak, orang tua, orang sakit, tetamu, orang agama dan delegasi kedamaian.

Tradisi lisan — Mali, babagian atas Volta dan negara-negara zon Sabelina

Tiada seorang pun boleh menyerang musuh yang tidak bersenjata. Musuh akan ditawan.

Tradisi lisan — Nigeria

Menyerang kampung yang hanya ada wanita dan kanak-kanak bukanlah peperangan; ia suatu kecurian — kita bukan pencuri.

Kurun ke-18 — Afrika Tengah

Di bawah kanun LAPIR, kehormatan dalam peperangan ertinya tidak mencederakan orang awam atau mengambil bekalan makanan mereka.



Contoh peraturan peperangan

Kurum ke-19 — Amerika Syarikat

Perkara 61. Pasukan yang tidak memberikan belas kasihan tidak ada hak untuk membunuh musuh yang sudah tidak berdaya yang berada di atas tanah, atau tahanan yang ditawan oleh pasukan lain.

Perkara 75. Tahanan perang boleh dikurung atau dipenjarakan seperti yang difikirkan perlu atas sebab keselamatan, tetapi mereka tidak boleh dikenakan pendertaan atau penjatuhan maruah yang disengajakan. Kurungan dan cara melayan seseorang tahanan boleh berubah semasa tahanannya menurut keadaan keselamatan.

Perkara 76. Tahanan perang hendaklah diberi makanan yang biasa dan mengenyangkan, apabila keadaan mengizinkan, dan dilayan secara berperikemanusiaan. Mereka mungkin dikehendaki bekerja bagi faedah kerajaan yang menawan mereka, mengikut pangkat dan keadaan mereka.

Perkara 79. Setiap musuh yang cedera yang ditawan hendaklah diberi bantuan perubatan, mengikut kemampuan kakitangan perubatan.

—PERATURAN LIEBER, 1863

Kurum ke-19 — New Zealand

Peraturan 1. Jika tercedera (atau ditawan sepenuhnya) dan muncung senapang lantak atau hulu pedang ditunjukkan kepada saya, dia tidak akan dibunuh.

Peraturan 2. Jika mana-mana Pakeha menjadi askar pada nama dan sedang mengembara tanpa senjata dan berjumpa dengan saya, dia akan ditawan dan diserahkan untuk diambil tindakan undang-undang.

Peraturan 3. Askar yang melarikan diri, dengan ketakutan, dan pergi ke rumah paderi dengan senapangnya (walaupun dia membawa senjata) akan diselamatkan. Saya tidak akan ke sana.

Peraturan 4. Pakeha yang tidak bersenjata, wanita dan kanak-kanak hendaklah dibiarkan.

— PERATURAN PAHLAWAN MAORI, 1864



Penerokaan 2B: Peraturan mengikut peredaran masa

Sumber 2
8 daripada 9



Contoh peraturan peperangan

Kurun ke-19 — Rusia

Cita-cita peperangan memang boleh tercapai jua melalui prinsip berkecuali atau pembunuhan kombatan-kombatan. Tiada faedah ketenteraan dengan membunuh melalui penyeksaan atau menyebabkan ketidakupayaan yang teruk atau berpanjangan. Senjata yang menyebabkan penderitaan yang tidak perlu adalah dilarang. (...) Satu lagi tujuan yang penting untuk dicapai ialah kawalan terhadap penggunaan senjata untuk memastikan bahawa bahaya yang mereka lakukan hanya terhad kepada medan peperangan dan para kombatan yang berada di situ, dan tidak tersebar di luar kawalan kepada pihak-pihak yang tidak bersalah, seperti orang awam. (...) Penggunaan peluru yang boleh meletup di bawah berat 400 gram adalah dilarang.

– DEKLARASI SAINT PETERSBURG, 1868



Had-had dalam konflik bersenjata

Contoh peraturan peperangan

Kurun ke-20 – China

Patuhi arahan dalam segala tindakan anda. Jangan ambil walaupun sebatang jarum atau benang daripada orang ramai. Pulangkan apa-apa yang diambil. Bercakap dengan bersopan santun. Bayar dengan berpatutan untuk apa yang anda beli. Pulangkan apa yang dipinjam. Bayar bagi apa-apa kerosakan. Jangan menyerang atau menyumpah orang. Jangan musnahkan tanaman. Jangan mengusik/biadap terhadap wanita. Jangan layan tawanan dengan buruk

— ZHU-MAO "PERATURAN UNTUK ASKAR", 1935.



Foto: AP



Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

1 Serangan mestilah dihadkan kepada sasaran kombatan-kombatan dan tentera.

- 1.1 Orang awam tidak boleh diserang.
- 1.2 Objek awam (rumah, hospital, sekolah, tempat beribadat, monumen bersejarah atau kebudayaan, dsb.) tidak boleh diserang.
- 1.3 Menggunakan orang awam sebagai perisai adalah dilarang.
- 1.4 Kombatan-kombatan dilarang menyamar sebagai orang awam.
- 1.5 Membiarkan orang awam kebuluran sebagai salah satu kaedah peperangan adalah dilarang.
- 1.6 Adalah dilarang menyerang objek-objek yang sangat diperlukan bagi kehidupan penduduk awam (bekalan makanan, kawasan perladangan, pusat bekalan air, dsb.)
- 1.7 Adalah dilarang menyerang empangan, daik atau pusat kuasa nuklear, jika serangan itu boleh menyebabkan kehilangan yang keterlaluan terhadap penduduk awam.

2 Serangan atau senjata yang digunakan terhadap orang awam, objek ketenteraan dan manusia secara sembarangan, dan yang boleh mengakibatkan kecederaan atau penderitaan yang melampau adalah dilarang.

- 2.1 Senjata tertentu adalah dilarang — senjata biologi dan kimia, senjata laser yang boleh membuatkan, senjata yang mencederakan anggota badan melalui cebisan yang tidak dapat dikesan oleh pancaran-X, racun, periuk api pembinaasa anggota, dsbnya.
- 2.2 Adalah dilarang memberi perintah atau mengugut bahawa tidak akan ada orang yang akan hidup.

3 Orang awam, kombatan yang tercedera, dan tahanan tidak boleh dibunuh. Mereka hendaklah dilindungi dan dilayan dengan berperikemanusiaan.

- 3.1 Tiada seorang pun boleh tertakluk kepada penyeksaan fizikal atau mental, hukuman bunuh atau layanan yang kejam atau penganiayaan.
- 3.2 Keganasan seks adalah dilarang.
- 3.3 Pihak-pihak kepada konflik mestilah mencari dan merawat musuh mereka yang tercedera dan sakit yang berada di bawah pengawasan mereka.
- 3.4 Adalah dilarang membunuh atau mencederakan tentera yang menyerah diri atau seseorang *hors de combat*.
- 3.5 Tahanan berhak untuk dihormati dan mestilah dilayan dengan berperikemanusiaan.
- 3.6 Menahan sebagai tebusan adalah dilarang.
- 3.7 Memaksa penduduk awam supaya meninggalkan tempat tinggal mereka adalah dilarang. "Penghapusan etnik" juga dilarang.
- 3.8 Seseorang yang berada dalam tawanan musuh berhak untuk menerima dari dan menghantar berita kepada ahli keluarga mereka serta menerima bantuan kemanusiaan (makanan, bantuan perubatan, sokongan psikologi, dsb.).
- 3.9 Kumpulan yang mudah terdedah kepada bahaya, seperti wanita yang mengandung dan ibu yang masih menyusu anaknya, kanak-kanak yang bersendirian, orang tua, dsb., mestilah diberi perlindungan yang khas.
- 3.10 IHL melarang perekrutan dan penglibatan dalam keganasan bagi kanak-kanak di bawah umur 15 tahun.
- 3.11 Semua orang berhak kepada perbicaraan yang adil (tribunal yang saksama, tatacara yang biasa, dsb.). Hukuman secara berkumpulan (*collective punishment*) adalah dilarang.

Penerokaan 2B: Peraturan mengikut peredaran masa

Sumber *
2 daripada 2



Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

Petugas-petugas perubatan tentera dan awam dan kemudahan-kemudahan (hospital, klinik, klinik, ambulan, dsb.) hendaklah dihormati serta dilindungi dan mestilah diberi segala bantuan yang sedia ada supaya mereka dapat melaksanakan tugas-tugas mereka.

- 4.1 Lambang palang merah atau bulan sabit merah adalah simbol perlindungan bagi petugas-petugas dan kemudahan perubatan. Serangan terhadap orang yang memakai atau objek yang menggunakan lambang ini adalah dilarang. Penyalahgunaan kedua-dua lambang ini adalah dilarang.
- 4.2 Unit perubatan dan kenderaan tidak boleh digunakan untuk melakukan tindakan yang membahayakan musuh.
- 4.3 Dalam memberikan rawatan kepada orang yang sakit dan cedera, mangsa tidak boleh diberi keutamaan berdasarkan bangsa, kerakyatan, agama, rakan dsb. kecuali atas sebab-sebab perubatan.

Definisi

kerosakan sampingan (*collateral damage*): ialah kerosakan atau kehilangan yang secara tidak sengaja semasa serangan yang berlaku walaupun segala langkah berjaga-jaga telah dibuat untuk menghalangnya, atau dalam apa-apa keadaan yang dibuat untuk mengurangkan kehilangan nyawa orang awam, kecederaan kepada orang awam atau kerosakan kepada objek awam.

hors de combat: menggambarkan kombatan-kombatan yang telah ditawan, yang cedera atau sakit atau mengalami nahas kapal dan oleh sebab itu tidak boleh berperang lagi.

orang awam (*civilians*): mana-mana orang yang bukan kombatan (sekiranya ada keraguan mengenai identiti, seseorang itu haruslah dianggap sebagai orang awam)

Sekiranya orang awam terlibat secara langsung dalam keganasan, mereka

menjadi kombatan dan hilang perlindungan yang diberi kepada orang awam.

objek awam (*civilian objects*): apa-apa objek yang bukan sasaran ketenteraan.

Sekiranya objek awam digunakan untuk mencapai objektif ketenteraan, ianya menjadi sasaran ketenteraan dan hilang perlindungan.

kombatan (*combatant*): orang yang mengambil bahagian secara langsung dalam keganasan atau anggota-anggota angkatan tentera.

sasaran ketenteraan (*military objects*): kombatan dan objek-objek yang mana dari segi sifatnya, lokasi atau kegunaannya boleh menyumbang secara efektif terhadap tindakan ketenteraan serta kemusnahannya akan membawa suatu kelembihan kepada pihak tentera.

Penerokaan 2C: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak

Penerokaan ini melihat secara mendalam bidang undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang berkembang — peraturan terhadap perekrutan kanak-kanak sebagai kombatan. Salah satu daripada peraturan itu melarang perekrutan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun ke dalam angkatan bersenjata. Penerokaan ini dimulakan dengan mengambil kira zaman kanak-kanak dan keperluan kanak-kanak. Kemudian ia menggunakan filem dan cerita untuk menyampaikan pengalaman kanak-kanak yang telah menjadi “askar” dan juga mengambil kira akibat terhadap kanak-kanak dan masyarakat. Akhirnya, penerokaan ini melihat penggunaan global kanak-kanak supaya tiada sesiapa boleh mengeneppikan masalah ini sebagai sesuatu yang “berlaku di bahagian dunia yang lain”.



Kanak-kanak adalah (...) mulia bagi semua, tidak kira bangsa dan agama. Melindungi kanak-kanak merupakan satu kewajipan.

– Dr. Adnan Houballah,
Le virus de la violence, 1996



Objektif

- ▲ untuk menyedari skop amalan penggunaan kanak-kanak sebagai kombatan dan akibat penggunaannya.
- ▲ untuk memahami keperluan mengadakan umur minima bagi pengambilan sebagai kombatan.
- ▲ untuk mengetahui bahawa pengambilan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun ke dalam angkatan bersenjata ialah suatu pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan bahawa usaha-usaha sedang dilakukan kini untuk meningkatkan umur minima kepada 18 tahun.

Sumber:

- ▲ Kolaj foto 2C
- ▲ Graf: Apakah umur minima yang sepatutnya bagi kombatan-kombatan?
- ▲ Video/transkrip: Saya tidak mahu kembali
- ▲ Peta: Negara di mana terdapat askar kanak-kanak pada masa ini — 2001
- ▲ Bahan bacaan: Enam askar kanak-kanak
- ▲ Kes-kes: Kanak-kanak yang terlibat dalam konflik bersenjata

Masa:

Dua sesi 45-60 minit

1. Kanak-kanak dan keperluan mereka (10 minit)

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah dimaksudkan “kanak-kanak”?
- Pada umur berapakah anda berhenti memanggil seorang anak muda sebagai “kanak-kanak”? (Apakah dia remaja? Orang dewasa?)
- Apakah keperluan asas kanak-kanak?
- Apa akan berlaku sekiranya keperluan tersebut tidak dipenuhi?

2. Umur minimum bagi kombatan (15 minit)

Edarkan kolaj foto 2C askar kanak-kanak daripada serata dunia. Minta setiap pelajar atau setiap kumpulan pilih satu gambar dan jelaskan kenapa mereka memilih gambar itu.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah reaksi anda?
- Berapakah umur kanak-kanak di dalam gambar-gambar ini?

Penerokaan 2C: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak

Bahagikan pelajar kepada kumpulan, dan setiap kumpulan bincangkan soalan-soalan berikut dan capai suatu persetujuan tentang umur minimum bagi perekrutan:

- Perlukah ada had umur bagi seseorang untuk direkrut ke dalam suatu angkatan bersenjata?
- Apakah had umur ini? Kenapa?

Persembahkan graf “Apakah umur minimum bagi kombatan?”

- Patutkah ada undang-undang antarabangsa untuk menghadkan umur bagi perekrutan? Kenapa?



3. Apakah yang dinyatakan oleh undang-undang?

(15 minit)

Berkumpul semula dan bincangkan keputusannya. Minta para pelajar bandingkan kesimpulan mereka dengan umur minima yang pada masa ini ditetapkan oleh undang-undang kemanusiaan antarabangsa:

Pihak kepada konflik hendaklah mengambil semua langkah berpatutan supaya kanak-kanak yang tidak mencapai umur lima belas tahun tidak akan mengambil bahagian secara langsung dalam keganasan dan, secara khususnya, mereka hendaklah disekat daripada direkrut ke dalam angkatan bersenjata.

Perkara 77 – Protokol I tahun 1977 tambahan kepada Konvensyen Geneva 1949

Ingatkan para pelajar bahawa, walaupun ada undang-undang, perekrutan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun ke dalam pasukan tentera masih terus berlaku di banyak tempat di dunia.

Jelaskan bahawa Konvensyen Hak Kanak-Kanak (1989) mendefinisikan seorang kanak-kanak sebagai seseorang di bawah umur 18 tahun, melainkan umur majoriti dicapai lebih awal di negaranya (berdasarkan undang-undang negara tersebut). Walau bagaimanapun, Perkara 38, yang memperuntukkan mengenai kanak-kanak dan konflik bersenjata, ia menggunakan umur 15 tahun sebagai umur minima bagi perekrutan dan penyer-taan dalam pertempuran. Umur minima ini sama dengan yang ditetapkan oleh IHL (Protokol I dan II tambahan kepada Konvensyen Geneva). Dalam tahun 1998, perekrutan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun dan menggunakan mereka dalam pertempuran telah dikenal pasti sebagai jenayah peperangan dalam Statut Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Pada 12 Februari 2002, selepas usaha antarabangsa selama 10 tahun, Protokol Pilihan kepada Konvensyen Hak Kanak-Kanak mengenai penglibatan kanak-kanak dalam konflik bersenjata mula berkuat kuasa. Protokol ini meningkatkan umur minima bagi perekrutan wajib dalam angkatan bersenjata ke 18 tahun, dan umur minima bagi memasuki tentera secara sukarela ke 16 tahun.

Di bawah Protokol ini, setiap negara mestilah mengambil segala langkah untuk memastikan bahawa anggota angkatan bersenjata yang belum mencapai umur 18 tahun tidak mengambil bahagian secara langsung dalam pertempuran. Sebagai tambahan, kumpulan bersenjata yang berbeza daripada angkatan bersenjata negara tidak boleh, di bawah apa-apa keadaan, merekrut atau menggunakan mana-mana orang yang di bawah umur 18 tahun dalam pertempuran.

Akhirnya, pelaksanaan Protokol ini memperuntukkan segala bantuan yang bersesuaian, termasuklah terutamanya rehabilitasi dan penyatuan sosial, untuk diberikan kepada kombatan kanak-kanak.

Setakat April 2002, 100 negara telah menandatangani Protokol itu, walaupun hanya 19 telah meratifikasikannya.

[Lebih 2 juta remaja dianggarkan telah berkhidmat semasa Perang Dunia II sebagai askar. Memandangkan terdapat kehilangan yang besar tenaga manusia, maka kanak-kanak lelaki Jerman telah menjadi askar.]

Apabila tentera Jerman berundur akibat Pakatan yang mara pada tahun 1944, sebagai ketua Pemuda Hitler, saya diberitahu bahawa saya telah dilantik untuk mengetuai beberapa unit tempur yang terdiri daripada 600-800 remaja. Saya hendaklah menggantikan seorang veteran Perang Dunia I yang telah dipindah untuk menubuhkan pertahanan di Rhine. “Ini tidak mungkin”, jawab saya, “Saya belum cukup 17 tahun lagi”.

– seorang askar muda Jerman

Penerokaan 2C: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak

4. Kenapakah kanak-kanak menjadi kombatan?

(15 minit)

Bincangkan:

Memandangkan undang-undang antarabangsa melarang perekrutan kanak-kanak ke dalam kumpulan bersenjata, kenapakah kanak-kanak menjadi kombatan?

Soalan-soalan yang mungkin:

- Pada pendapat anda, kenapakah sesetengah kumpulan bersenjata mahu menggunakan kanak-kanak sebagai kombatan?
- Kenapakah anak muda ingin menyertai kumpulan ketenteraan?

[Contoh jawapan seperti berikut]

Kenapakah komander mahukan mereka:

- ▲ mereka tidak menyoal; mereka mengikut arahan
- ▲ mereka mudah dikawal
- ▲ mereka boleh diarah untuk mengorbankan diri
- ▲ keperluan untuk askar
- ▲ mereka tidak menyedari sepenuhnya akan bahaya

Kenapakah anak muda mungkin menyertainya:

- ▲ membalas dendam, marah
- ▲ tiada sokongan dari ibu bapa/keluarga
- ▲ perlindungan terhadap diri sendiri
- ▲ kemiskinan, cara untuk hidup
- ▲ melalui tradisi yang meletakkan nilai yang tinggi terhadap peperangan, wira peperangan, kemungkinan mati syahid
- ▲ tekanan dari kumpulan sebaya

2

Terdapat kanak-kanak yang turut serta atas sebab sukarela. Tetapi saya rasa seseorang itu harus berhati-hati untuk mengenal pasti bahawa tidak ada penyer-taan secara sukarela, dengan kesedaran bahawa majoriti besar kanak-kanak yang menyertai dengan rela melakukannya disebabkan keperluan atau pemangsaaan, takut untuk keselamatan. Kanak-kanak yang tidak ditemani yang tidak mempunyai ibu bapa untuk melindungi mereka, orang yang takut akan kematian disebabkan kebuluran atau mereka yang kekurangan penjagaan kesihatan mungkin akan mencuba aktiviti ketenteraan.

– Dr Mike Wessells

5. Akibat penggunaan askar kanak-kanak (30 minit)

Perkenalkan dan tonton video “Saya tidak mahu kembali”.

Selepas menonton, benarkan para pelajar meluahkan fikiran dan perasaan mereka:

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah reaksi anda?
- Berapakah usia Abraham? Sejak bila dia menjadi askar?
- Bagaimana dia menjadi askar? (pandangan kanak-kanak dan pandangan komander)
- Apakah yang menyebabkan Comfort menjadi askar? Apakah risiko tambahan bagi kombatan muda wanita?
- Bagaimanakah kelakuan askar kanak-kanak berbeza dari askar dewasa?
- Apakah pengalaman dan akibatnya bagi askar kanak-kanak ini?
- Apakah akibatnya jika kanak-kanak mengambil bahagian di dalam peperangan dan konflik bersenjata? Kepada kanak-kanak? Kepada keluarganya? Kepada masyarakat?
- Di dalam video, maruah manusia siapakah yang terjejas? Bagaimana?

Penerokaan 2C: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak

6. Penggunaan askar kanak-kanak secara global

(10 minit)

- Di negara manakah anda terdengar askar kanak-kanak digunakan?

Bentangkan peta “Negara di mana terdapat askar kanak-kanak sekarang — 2001”.

- Apakah kesimpulan yang anda dapat daripada peta ini?
- Apakah pendapat anda mengenai penggunaan askar kanak-kanak di kawasan anda?

[Contohnya, penggunaan askar kanak-kanak wujud di kebanyakan negara, di keempat-empat benua, di kedua-dua Kutub Utara dan Selatan, dan bukan sahaja di “negara membangun”.]



2

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Kanak-kanak perlu dilindungi semasa keadaan konflik bersenjata. Salah satu bentuk perlindungan ialah dengan menghadkan umur minima bagi perekrutan di dalam kumpulan ketenteraan.
- ◆ IHL menetapkan umur yang wajib dan perekrutan secara sukarela di dalam angkatan tentera pada 15 tahun. Mengikut Perkara 8 Statut Mahkamah Jenayah Antarabangsa, perekrutan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun adalah satu jenayah peperangan.
- ◆ Pada Februari 2002, Protokol Pilihan kepada Konvensyen Hak Kanak-Kanak mula berkuat kuasa. Protokol tersebut meningkatkan perlindungan yang diberikan kepada kanak-kanak dengan meningkatkan umur minima bagi pengerahan wajib atau perekrutan kepada 18 tahun, dan umur minima bagi memasuki tentera secara sukarela kepada 16 tahun.

Aktiviti lanjutan



Kanak-kanak dan geng

Istilah “askar kanak-kanak” merujuk kepada kanak-kanak yang telah direkrut ke dalam angkatan tentera, sama ada tentera, kumpulan gerila atau militan. Istilah ini tidak merujuk kepada kanak-kanak atau anak muda yang terlibat dalam gejala gangsterisme dalam bandar ataupun luar bandar.

Topik penyelidikan dan perbincangan:

Keganasan geng dan penglibatan kanak-kanak:

- Sehingga takat manakah masalah keganasan geng di kawasan anda?
- Adakah kanak-kanak terlibat di dalam geng bersenjata? Berapakah umur kanak-kanak yang terlibat?

Perekrutan anak muda:

- Pada fikiran anda mengapa kanak-kanak terlibat di dalam geng?
- Adakah anda fikir mereka terlibat secara sukarela atau dipaksa untuk menyertainya?
- Adakah anda nampak persamaan di antara perekrutan kanak-kanak ke dalam angkatan tentera dan ke dalam geng?

Akibat segera dan jangka masa panjang serta kesan riak (*ripple effect*):

- bagi kanak-kanak yang menjadi ahli geng
- bagi kanak-kanak lain yang tidak terlibat secara langsung
- bagi masyarakat

Tindakan kemanusiaan:

- Adakah anda tahu apa-apa cerita tindakan kemanusiaan yang berkaitan dengan situasi keganasan geng?

Cerita askar kanak-kanak dari seluruh dunia

Baca cerita enam askar kanak-kanak:

- Zaw Tun dan Myo Win (dua pelajar lelaki)
- “Susan” (pelajar perempuan)
- Renuka dan Malar (dua pelajar perempuan berumur 11 tahun)
- Samuel (pelajar lelaki berumur 12 tahun)



Bincang suatu cerita di dalam kumpulan kecil, dan kemudian bantangkan kepada kelas dengan menggunakan catatan bertulis, lukisan atau drama dengan menggunakan teknik “freeze frame” yang meng-gambarkan detik-detik yang penting.

Selepas pembentangan tersebut, bincangkan:

- Apakah pengalaman yang dialami oleh kanak-kanak itu?
- Apakah kesan ke atas komuniti kanak-kanak itu?
- Bagaimanakah menjadi seorang askar mempengaruhi kehidupan dan masa depan kanak-kanak tersebut?

Penerokaan 2C: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak

Aktiviti lanjutan

**Komunikasi:**

Rujuk graf di mana pendapat 16 buah negara mengenai apakah umur minima yang sepatutnya bagi kombatan. Sediakan dan jalankan tinjauan di tempat anda mengenai soalan ini dan bandingkan keputusan anda dengan keputusan yang ditunjukkan di dalam graf.

**Penyelidikan sejarah**

Apakah zaman kanak-kanak? — Periksa sejarah untuk mengetahui bagaimana definisi kanak-kanak telah berubah mengikut masa dan persembahkan hasil pemeriksaan itu. Soalan-soalan bagi penyelidikan bolehlah termasuk:

- Dalam cara apakah kanak-kanak dilayan dengan beza daripada orang dewasa?
- Apakah yang dianggap sebagai umur dewasa?
- Apakah kriteria yang mendefinisikan orang dewasa?

ATAU

Sejarah perekrutan kanak-kanak — Buat penyelidikan tentang penggunaan askar kanak-kanak pada masa dahulu dan buat pemeriksaan mengenai amalan-amalan perekrutan.

- Apakah peranan faktor sosial, budaya, ideologi dan ekonomi yang terlibat?

Sila maklum bahawa dalam kes-kes yang jarang berlaku yang telah menarik perhatian umum, askar kanak-kanak kadang kala dianugerahi dengan kuasa simbolik. Contohnya: Joan of Arc, atau seorang anak muda, David semasa zaman kitab Bible.

ATAU

Kanak-kanak yang terperangkap dalam konflik bersenjata — Buat penyelidikan tentang pengalaman pada masa dahulu dan/atau pada masa sekarang mengenai pengalaman penglibatan kanak-kanak secara langsung dan tidak langsung dalam kemelut mencari kesaksamaan, kebebasan atau berikhtiar untuk hidup.

Kes penglibatan kanak-kanak boleh diambil daripada tiga gambar kes yang disertakan, atau daripada sejarah, media massa dan Internet. Berdasarkan penyelidikan anda, bantangkan hasil penyelidikan anda:

- melalui debat
- sebagai drama
- sebagai surat sama ada daripada kanak-kanak yang terlibat dalam kemelut itu atau daripada ibu bapanya

**Peristiwa terkini/tindakan anak muda:**

Buat penyelidikan mengenai isu askar kanak-kanak pada masa kini. Kenal pasti apakah yang sedang dilakukan di dunia dan di negara anda bagi memberhentikan penggunaan askar kanak-kanak. Contohnya: pemberhentian kombatan kanak-kanak, usaha untuk mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat, pendidikan, dsb.,...


Sebagai permulaan, pelajar boleh layari Internet termasuklah laman web ICRC, UNICEF dan Pemerhati Hak Asasi Manusia (Human Rights Watch).

Gambarkan semula isu askar kanak-kanak melalui lakaran, lukisan, muzik atau drama.

Buat penyelidikan tentang apa yang perlu dilakukan untuk memastikan undang-undang dipatuhi.



Apakah umur minima yang sepatutnya bagi kombatan-kombatan?



Pada tahun 1998-1999 satu tinjauan bergelar “Manusia dalam Peperangan” telah dikendalikan oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah di 16 buah negara (12 daripadanya yang telah mengalami konflik bersenjata baru-baru ini). Graf ini menunjukkan pandangan responden-responden.

Saya tidak mahu kembali

Pengulas: Hari ini, lebih dari 300,000 kanak-kanak menyertai konflik bersenjata di setiap penjuru dunia. Kanak-kanak lelaki dan perempuan, sesetengahnya berumur tujuh tahun, berkhidmat bersama-sama dengan orang dewasa di dalam angkatan kerajaan, kumpulan penentang pemberontak dan askar gerila.

Comfort Cassell, bekas “askar” kanak-kanak

Mereka telah bunuh abang saya; mereka telah bunuh nenek saya dan mereka telah bunuh adik perempuan saya. Jadi ini menyebabkan saya lakukan apa yang tidak sepatutnya saya lakukan – ini mungkin boleh berlaku pada anda. Sekiranya anda sedang duduk di suatu tempat dan anda mendengar orang berkata “Mereka telah bunuh ibu kamu; mereka telah bunuh ayah kamu”, anda hendak berundur. Anda hendak berkata, “Saya akan menuntut bela — untuk menyelamatkan, untuk mendapatkan semula ibu saya — tetapi ini tidak akan berlaku. Saya sayang nenek saya. Dia pernah menjaga saya — juga abang saya, sebab itulah saya melakukannya. Tetapi bukanlah niat saya untuk



melakukan sesuatu yang tidak sepatutnya saya lakukan.

Saya ingin membebaskan diri saya; saya mahu hati nurani saya merasa tidak bersalah; saya juga mahukan anak. Saya tidak pernah melakukan sesuatu yang saya tidak sepatutnya lakukan. Tidak.

Abraham

Abraham: Nama saya ialah Hitler Pembunuh, tetapi nama sebenar saya ialah Abraham.

Penemu ramah: Kenapakah nama anda Hitler Pembunuh?

Abraham: Ia adalah nama yang saya gunakan semasa berjuang, nama yang mereka berikan kepada saya semasa di dalam hutan.

Penemu ramah: Siapakah yang berikan nama itu kepada anda?

Abraham: Ketua saya.

Penemu ramah: Siapakah Hitler?

Abraham: Saya tidak tahu.



Saya pergi ke sana kerana mereka telah membunuh ayah saya; jadi saya ke sana untuk menyertai mereka kerana kawan-kawan saya juga hendak pergi ke sana. Oleh itu saya pergi bersama kawan-kawan saya untuk menyertai mereka.

Penemu ramah: Kerana anda hendak mencari orang yang membunuh ayah anda?

Abraham: Ya.

Penemu ramah: Adakah anda mengenali orang itu?

Abraham: Ya.

Penemu ramah: Jadi apakah yang anda lakukan?

Abraham: Saya bertemu dengannya dan dia berlawan dengan saya dan saya telah membunuhnya. Dan saya telah masuk ke dalam hutan, dan menyertai mereka, saya telah berperang untuk mereka. Jadi mereka nampak apa yang saya lakukan; mereka memberikan saya senapang.

Penemu ramah: Adakah anda melihat ramai orang dibunuh?

Abraham: Ya.

Penemu ramah: Berapa ramai?

Penerokaan 2C: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak



Sumber 3
2 daripada 3

Saya tidak mahu kembali

Abraham: Anda tahu, ramai orang — bunuh ramai, ramai orang. Orang yang tidak bertempur, orang yang bukan pemberontak — ketua pemberontak bunuh mereka semua.

Penemu ramah: Anda telah bunuh orang?

Abraham: Ya.

Penemu ramah: Ramai?

Abraham: Ya.

Penemu ramah: Berapa?

Abraham: Sepuluh, sepuluh orang.

Penemu ramah: Bagaimana?

Abraham: Sebab mereka datang menyerang saya, jadi saya berperang dengan mereka juga, sebab mereka datang untuk membunuh saya.

Penemu ramah: Dan bagaimana anda melakukannya?

Abraham: Mereka datang dengan senjata dan saya mata ke hadapan, dan apabila mereka semua telah datang dan Wolf mula menembak, kami semua turut menembak mereka.

Saya mahu menjadi askar kerana mereka telah membunuh ayah saya, jadi saya ke sana untuk menjadi askar.

Kolonel Mother Blessing

Kol. Mother Blessing: Nama saya ialah Kolonel Abu Bakar Camarra, lebih dikenali sebagai Kolonel Mother Blessing.

Saya mempunyai 978 orang di bawah arahan saya. Dan saya mempunyai lebih kurang 176 Hitler Si Pembunuh. Sebabgiannya berumur sembilan tahun, sebahagiannya berumur sepuluh tahun, sebahagiannya berumur 11, yang paling tua ialah 12 tahun. Mereka dalam kumpulan yang maju, iaitu, mereka adalah orang yang berada di barisan hadapan di dalam peperangan.



Askar yang melebihi umur 20, 21, 22, 23, apabila saya menyuruh mereka melakukan operasi sedemikian, mereka sentiasa takut. Akan tetapi Hitler Si Pembunuh, askar kecil ini, mereka tidak takut.

Saya percaya mereka dan mereka adalah yang terbaik kerana mereka dapat melaksanakan sebarang arahan yang saya berikan kepada mereka. Tetapi bila saya berkata “OK, Hitler Si Pembunuh, tangkap orang itu”, ini bermakna mereka akan menangkap

kamu. Bila saya berkata “OK, orang itu patut dibunuh”, sudah pasti mereka akan melakukannya. Jadi saya mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap mereka.

Abraham

Abraham: Semuanya baik. Tiada lagi peperangan. Tetapi, peperangan datang lagi. Kami tewas, jadi ayah saya telah meninggal dan kakak saya; emak saya telah pergi. Jadi saya telah pergi bersendirian.

Penemu ramah: Apakah yang anda lakukan bersama keluarga sebelum ini?

Abraham: Saya tinggal bersama mereka. Saya masih bersekolah.

Penemu ramah: Apa yang anda ingin lakukan sekarang?

Abraham: Saya ingin pergi ke sekolah — untuk bersama-sama dengan orang yang rasmi.

Penemu ramah: Untuk berbuat apa? Apakah yang anda ingin jadi bila anda besar nanti?

Abraham: Saya hendak bekerja, di pejabat.

Had-had dalam konflik bersenjata

Saya tidak mahu kembali

Penemu ramah: Adakah anda rindu untuk berperang? Mahukah anda kembali semula?

Abraham: Kembali? Tidak, saya tidak mahu kembali ke sana.

Penemu ramah: Tetapi Kolonel anda, Abu Bakar — dia memberitahu kalau dia mengarahkan anda untuk pulang bersamanya untuk berperang, anda perlu ikut.



Abraham: Ya, saya kena pergi balik, tetapi, — kalau dia menyuruh saya pergi, saya tidak akan pergi sebab saya tidak mahu pulang ke tempat itu lagi.

Penemu ramah: Tetapi dia berkata jika anda tidak mengikut arahnya, dia akan membunuh anda.

Abraham: Ya, tetapi — jika dia menyuruh saya pergi dan saya berkata tidak, dia tidak boleh melakukan apa-apa terhadap saya sebab kami tidak berada di dalam hutan — dan sekiranya dia melakukan sesuatu, anda akan menangkap dia.

Penemu ramah: Jadi apa yang akan anda lakukan?


Abraham: Tak buat apa-apa — saya tidak tahu.

Untuk sesuatu kejahatan terjadi, tindakan hanya beberapa orang tidak mencukupi; majoriti yang besar juga harus terus tidak acuh. Ini adalah sesuatu yang memang kita berkemampuan melakukannya.

– Tzevetan Todorov

Negara di mana terdapat askar kanak-kanak pada masa ini – 2001

Terdapat lebih daripada 300,000 askar kanak-kanak di seluruh dunia



Sumber: disusun dan diterbitkan oleh Rangkaian Pendidikan Informasi Global (GINIE) dan Gabungan untuk Menghentikan Penggunaan Askar Kanak-Kanak, 2001. Data ini tidak menggambarkan pendapat rasmi ICRC.

Enam askar kanak-kanak

Cerita Zaw Tun

Saya direkrutkan secara paksa, tanpa kerelaan hati. Suatu petang semasa kami sedang menonton video di kampung kami, tiga askar berpangkat sarjan datang. Mereka memeriksa sama ada kami mempunyai kad pengenalan dan bertanya sama ada kami ingin menyertai tentera. Kami menerangkan yang kami adalah di bawah umur dan tidak mempunyai kad pengenalan. Tetapi seorang daripada rakan saya memberitahu yang dia ingin menyertai.

Saya berkata tidak dan terus pulang ke rumah pada petang itu. Pada keesokan harinya, satu unit perekrutan tentera telah tiba di kampung saya dan menuntut dua rekrut baru. Sesiapa yang tidak mampu untuk bayar hendaklah menyertai tentera, kata mereka. Saya tidak mampu membayar, jadi kami semua seramai 19 orang telah direkrut dengan cara ini dan telah dihantar ke pusat latihan tentera.

Sumber: <http://www.bbc.co.uk/worldservice/people/features/childrensrights/childrenofconflict/soldier.shtml>.

Cerita Myo Win

Kami diberi dadah dan diarahkan untuk maju ke hadapan di medan peperangan. Kami tidak mengetahui jenis dadah atau alkohol yang telah diberikan kepada kami tapi kami meminumnya kerana kami terlalu leih, ter-sangat dahaga dan lapar.

Kami telah berjalan selama dua hari berturut-turut di bawah sinaran matahari yang terik. Bukit [tempat peperangan] tersebut tidak ada tempat berteduh, pokok-pokok telah dibakar dan peluru peluru meriam meletup di merata-rata tempat. Kami terlalu ketakutan, terlalu dahaga, dan sebahagian daripada kami pengsan kerana terlalu leih. Tetapi kami dipukul dari belakang [oleh pegawai-pegawai] dan terpaksa maju ke hadapan. Seorang [dari kami] telah terbunuh.

Sumber: <http://www.bbc.co.uk/worldservice/people/features/childrensrights/childrenofconflict/soldier.shtml>.

Cerita Susan [bukan nama sebenar]

Seminggu setelah saya diculik [139 kanak-kanak perempuan telah diambil/diculik pada suatu malam di sekolahnya], saya telah diberikan kepada seorang lelaki. Dia berumur 30 tahun. Dua kanak-kanak perempuan telah diberikan kepada lelaki tersebut. Apabila saya sampai [di kem], saya telah mendapat sifilis.

Seorang kanak-kanak lelaki cuba untuk melepaskan diri, tetapi dia telah ditangkap. Mereka memaksa kami membunuh kanak-kanak itu dengan kayu. Saya enggan membunuh kanak-kanak lelaki itu dan mereka beritahu saya yang mereka akan menembak saya. Mereka menghalakan pistol ke arah saya, jadi saya terpaksa melakukannya. Mereka memaksa kami menyapu darahnya di atas tangan kami. Mereka berkata kami perlu melakukannya supaya kami tidak takut akan kematian dan oleh itu kami tidak akan cuba melarikan diri. Ia terlalu mengganggu saya sehingga saya melakukan pembunuhan ke atas orang lain. Saya masih ter-mimpi akan kanak-kanak lelaki dari kampung saya yang telah saya bunuh. Saya nampak dia di dalam mimpi saya, dan dia sedang bercakap dengan saya dan menyatakan yang saya membunuhnya tanpa sebab, dan saya menangis.

Sumber: Pemerhati Hak Asasi Manusia, 1997

Penerokaan 2C: Fokus terhadap “askar” kanak-kanak



Sumber 5
2 daripada 2

Enam askar kanak-kanak

Cerita Renuka

Pemberontak-pemberontak itu datang ke sekolah kami setiap bulan dan bercakap dengan kami. Mereka berkata adalah tugas kami untuk menyertai mereka dan membantu menyelamatkan orang-orang kami dari tentera kerajaan. Kerana kami terlalu miskin, keluarga kami sering tidak dapat makan. Suatu hari, semasa saya berumur 11 tahun, saya ter- lalu lapar sehingga menyebabkan saya mening- galkan rumah tanpa memberitahu ibu bapa saya dan pergi ke kem mereka. Saya diberi makan secukup- nya; tetapi saya tidak boleh menziarahi keluarga saya sehinggalah saya telah pergi berperang di barisan hadapan.

Setelah dua tahun, saya telah ditugaskan menyertai kumpulan berperang yang kesemuanya wanita untuk pergi berperang. Akibat serangan tentera kerajaan, kesemua ahli kumpulan saya telah mati kecuali saya. Saya telah sepatutnya menelan pil sianida untuk mengelak daripada ditangkap, tetapi saya tidak mahu mati.

— Adaptasi daripada artikel oleh Celia W. Dugger,
New York Times, 9 September 2000

Cerita Malar

Ayah saya mati disebabkan serangan sakit jantung semasa saya berumur tiga tahun dan ibu saya telah jatuh sakit ketika saya berumur enam tahun dan dia tidak kembali langsung dari hospital; jadi saya tinggal bersama-sama pakcik saya. Semasa saya berumur lapan tahun, seorang wanita dari kumpulan pemberontak telah datang dan mem- beritahu saya yang mereka boleh mendidik dan menjaga saya. Saya fikir adalah baik untuk saya mengikutnya disebabkan kemiskinan kami. Saya juga ingin menyumbang kepada kebebasan.

Apabila saya berumur 12 tahun, saya pergi ber- perang secara sukarela. Saya hendak menyelamat- kan negara ini.

Bulan lepas askar-askar kerajaan telah melontar- kan bom ke dalam bunker kami. Kesemua sepuluh kanak-kanak perempuan yang bersama-sama saya telah mati. Askar-askar itu telah membunuh mereka. Sekarang ini saya berada di dalam penjara, tetapi saya akan tetap berperang lagi kerana askar-askar tersebut telah menyerang kami.

— Adaptasi daripada artikel oleh Celia W. Dugger,
New York Times, 9 September 2000

Cerita Samuel

Di dalam sebuah rumah seorang pemimpin militan Kristian, sekumpulan pejuang muda berhimpun untuk menceritakan cerita peperangan mereka kepada wartawan yang melawat mereka serta menunjuk- kan senjata api dan bom buatan sendiri.

Samuel berumur 12 tahun. Bertutur dengan rasa gementar dan teragag-gagap, Samuel berkata dia telah melalui “banyak peperangan”. “Jika ibu saya melarang saya pergi, saya tetap akan pergi”, katanya. Samuel adalah yang termuda di dalam kumpulan pejuang anak-anak muda yang dikenali sebagai “agas”, satu akronim yang diterjemahkan sebagai “budak-budak gereja yang disayangi Tuhan”. Tugas mereka ialah untuk membakar rumah dan masjid orang Islam, dan juga melontar bom yang dibuat dari sulfur, serbuk senjata api, dan fragmen logam. Pejuang dewasa berkata mereka adalah lincah dan berani.

Apabila wartawan asing bertanya kepada Samuel tentang apa yang dia perjuangkan, seorang lelaki yang berada di sebelahnya dengan pantas men- jawab: “Untuk melindungi orang-orang Kristian”, dan anak-anak muda lain turut mengulangi kata-kata tersebut. Rakannya yang lebih berumur kelihatan lebih tenang, tetapi air muka Samuel kelihatan terganggu. Apabila ditanyakan apa yang dia laku- kan pada masa lapangnya, dia menjawab: “Saya membuat bom”.

Sumber: Artikel oleh Diarmid O’Sullivan, *Boston Globe*, 6 September 2000

Kanak-kanak yang terlibat dalam konflik bersenjata



Foto: Sam Nzima/Photopix

Pemberontakan pelajar Soweto

Konvensyen Geneva mengikat negara-negara kepada polisi bahawa tiada diskriminasi diamlkan dalam merawat orang yang sakit dan tercedera, ditimpa nahas kapal dan terkandas, kombatn yang ditawan dan orang awam di bawah pendudukan rejim atau terperangkap di dalam konflik.

Aparteid juga telah dilabelkan sebagai suatu jenayah peperangan dalam konflik antara-bangsa di bawah Protokol I tambahan kepada Konvensyen Geneva. Protokol I menyenarakan apartheid (walaupun hanya pada masa konflik bersenjata antarabangsa) “dan amalan lain yang tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah yang melibatkan perbuatan kejam terhadap maruah diri, berdasarkan diskriminasi perkauman” sebagai pelanggaran yang serius.

Sumber: Gutman, R. & Rief, D. eds, (1999), *Jenayah-Jenayah Peperangan: Apa yang Perlu Diketahui oleh Orang Awam*, New York & London: W.W. Norton & Co., p. 26.



Kanak-kanak yang terlibat dalam konflik bersenjata

Intifada di Tebing Barat dan Gaza



Foto: Hatem Mousa/AP

Kanak-kanak Palestin melontar batu ke arah askar-askar di Rafah, selatan Gaza, pada 17 Disember 2000.

Had-had dalam konflik bersenjata

Kanak-kanak yang terlibat dalam konflik bersenjata

Pejuang penentang semasa Perang Dunia II



Foto: Jack Lennard Archives

Sekumpulan pejuang penentang semasa perjuangan untuk hidup bagi masyarakat Yahudi di Warsaw Ghetto semasa Perang Dunia II.

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api peminasa anggota

Dalam penerokaan ini, pelajar akan mengkaji dengan lebih mendalam terhadap akibat senjata yang sembarangan dan cabaran yang dihadapi bagi undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL) oleh perkembangan yang berterusan dalam penghasilan senjata yang membawa kepada cara baru untuk mengakibatkan penderitaan. Aktiviti-aktiviti termasuklah pemikiran mengenai jenis akibat yang boleh berlaku, membaca dan menyemak kisah mangsa periuk api secara langsung, dan mempelajari bagaimana kempen umum dibuat untuk mewujudkan suatu undang-undang antarabangsa yang baru.



Objektif:

- ▲ untuk memahami kenapa sesetengah senjata yang tidak boleh membezakan mangsa dan yang boleh menyebabkan penderitaan yang tidak sepatutnya dilarang penggunaannya.
- ▲ untuk membolehkan menjejaki rantaian kesan akibat penggunaan periuk api
- ▲ untuk memahami bagaimana pendapat orang awam dan tekanan sosial orang awam boleh menyumbang kepada perkembangan undang-undang kemanusiaan

Sumber:

- ▲ Video/transkrip: Periuk api terus membunuh
- ▲ Lembaran fakta: Periuk api peminasa anggota
- ▲ Peta: Negara yang terjejas akibat periuk api dan kelengkapan yang belum meletup
- ▲ Wawancara dengan Mary Wareham
- ▲ Keratan akhbar: September 2000

Rujukan guru:

- ▲ Tritti Ottawa, Perkara 1

Persediaan:

Panduan Metodologi — Semak semula bahan pengajaran mengenai akibat dan kesan kocakan (*ripple effect*) dalam Catatan kepada guru 4 “Mengenai Penggunaan Dilema”.

Masa:

Dua sesi 45-60 minit

1. Rasional terhadap larangan penggunaan senjata-senjata tertentu (15 minit)

Minta para pelajar pertimbangkan semula soalan ini daripada penerokaan pengenalan:

- “Perlukah mana-mana senjata dilarang dalam konflik bersenjata? Yang mana satu? Kenapa?”

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah yang dimaksudkan dengan sembarangan? Apakah yang dimaksudkan dengan sasaran?
- Apakah perbezaan di antara “tidak mengena sasaran” dan “sembarangan”?
- Apakah senjata yang tidak boleh membezakan mangsa atau tempat?
[Contohnya: periuk api peminasa anggota, senjata kimia ...]

1. Dalam mana-mana konflik bersenjata, hak pihak kepada konflik untuk memilih kaedah atau cara peperangan bukanlah tanpa had.

2. Adalah dilarang untuk menguna senjata api, projektil dan bahan dan kaedah peperangan yang boleh menyebabkan kecederaan melampau atau mengakibatkan penderitaan yang tidak perlu.

– Perkara 35, Protokol Tambahan I tahun 1977

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api peminasa anggota

Bincangkan perbezaan antara:

- ▲ sasaran yang sah dan tidak sah dalam konflik bersenjata
- ▲ tidak mengena sasaran
- ▲ boleh mengawal sama ada sesuatu senjata akan mengenai sasaran yang dimaksudkan
- ▲ tiada kawalan terhadap siapa atau apa yang akan menjadi sasaran senjata itu

2. Periuk api dan akibatnya (30 minit)

Video “Periuk api terus membunuh” menggambarkan kerosakan yang boleh disebabkan oleh periuk api peminasa anggota dan membolehkan para pelajar mengesan akibat penggunaannya terhadap individu, keluarga mereka, masyarakat dan negara.

Selepas tontonan pertama, berikan masa kepada para pelajar untuk menyatakan reaksi mereka.

Kemudian teroka apa yang telah mereka pelajari:

- Bagaimanakah periuk api beroperasi?
- Bagaimanakah caranya mangsa-mangsa ini tercedera oleh periuk api?
- Apakah yang anda ingin tahu mengenai periuk api?

Fokuskan tontonan kedua kepada rangkaian kesan dan akibat bagi individu: fizikal/perubatan, pendidikan, sosial, ekonomi, psikologi.

Peringkat analisis	Jenis akibat				
	Perubatan	Pendidikan	Sosial	Ekonomi	Psikologi
Individu					
Keluarga					
Masyarakat					
Negara					
Dunia					


Perbincangan mungkin akan dikembangkan kepada akibat sampingan.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Adakah anda nampak satu akibat membawa kepada akibat yang lain?
- Siapakah lagi yang terjejas? Dalam cara yang bagaimana? Apakah akibat yang mungkin berlaku?

[Contohnya: Bagaimanakah keadaan trauma fizikal mangsa (seperti kehilangan anggota badan atau buta) memberi kesan kepada situasi ekonomi keluarga atau masyarakat? Situasi sosial? Kesejahteraan psikologi?]

- Apabila anda mengesan akibat sampingan tersebut, apakah akibat terhadap dunia yang dapat anda lihat?



Senjata laser yang boleh membutakan, yang mungkin sekecil senapang yang biasa dan hampir dikeluarkan secara besar-besaran sebelum Protokol IV diterima pakai ke dalam konvensyen 1980, boleh memancarkan cahaya laser yang menjangkau jarak beberapa kilometer di mana laser itu boleh mengakibatkan kesan buta secara serta merta dan kekal. Protokol ini melarang penggunaan dan pemin-dahan senjata laser yang dicipta khas bagi menyebabkan buta sepanjang hayat. Ini adalah kali kedua di dalam sejarah yang suatu jenis senjata yang amat kejam telah dilarang sebelum ia digunakan dalam peperangan. (Peluru-peluru yang boleh meletup telah diharamkan penggunaannya sejeurus selepas pembuatannya pada tahun 1868.)

— ICRC, 1998

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api pembinasa anggota

2

3. Gambaran di seluruh dunia (20 minit)

Gunakan lembaran fakta “Pemerhatian terhadap periuk api pembinasa anggota” dan peta “Negara yang terjejas akibat periuk api” untuk menyelidik skop masalah ini.

3

Soalan-soalan yang mungkin:

- Adakah “gambaran dunia” boleh menambah impak peribadi yang dilihat di video?
- Siapakah yang bertanggungjawab ke atas penggunaan periuk api? [pengilang, kerajaan, askar]
- Apakah yang boleh dilakukan mengenai periuk api?

[Contohnya: membuang periuk api, meratifikasi triti antarabangsa, program pendidikan untuk menyedarkan tentang bahaya, rehabilitasi untuk mangsa ...]

4. Apakah yang diperlukan untuk membentuk undang-undang antarabangsa? (25 minit)

Sumbangsaran:

- Apakah yang boleh dilakukan oleh orang yang **bukan** pegawai kerajaan dalam mengukuhkan IHL?

Guru boleh memberi:

- ▲ organisasi bukan kerajaan (NGO) dan peranan yang dimainkan oleh mereka
- ▲ bagaimana media dan budaya popular (popular culture) mempengaruhi pendapat

Gunakan “Wawancara dengan Mary Wareham” dan keratan akhbar untuk membincangkan:

- Bagaimana orang awam boleh membuatkan orang yang berkuasa mendengar?
- Apakah halangan yang telah mereka atasi?
- Apakah kesan akibat Triti Ottawa?
- Adakah anda kenal sesiapa yang telah menyertai kempen untuk mengharamkan periuk api? Apakah yang dilakukan olehnya?
- Tahukah anda akan senjata api lain yang boleh menimbulkan masalah serupa?

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Senjata seperti periuk api serta senjata biologiikal dan kimia adalah senjata yang dilarang kerana senjata ini tidak dapat membezakan mangsa iaitu antara kombatan dan orang awam. Penggunaan senjata ini juga menyebabkan penderitaan yang keterlaluan.
- ◆ Penggunaan periuk api bukan sahaja mengakibatkan kecederaan jasmani dan emosi, malah ia membawa kesan sosial dan ekonomi kepada mangsa, keluarga, masyarakat dan negara.
- ◆ Pengharaman pengeluaran dan penggunaan periuk api pembinasa anggota (Triti Ottawa 1997) ialah contoh bagaimana undang-undang kemanusiaan antarabangsa berkembang mengikut peredaran zaman hasil usaha-usaha masyarakat awam.

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api peminasa anggota

Aktiviti lanjutan



Matematik

Edarkan “Periuk api peminasa anggota” (Sumber 2) sebelum mengkaji skop impak periuk api. Sediakan satu tugas masalah matematik (diubah suai mengikut tahap kebolehan pelajar anda) bersama-sama tugas pertama.

Contoh tugas

Dengan menggunakan angka-angka di dalam bacaan, cari jawapan bagi masalah matematik ini dan terangkan pengiraan anda.

1. Secara purata, berapa ramai orang menjadi mangsa periuk api dalam setahun?
2. Apakah julat kos anggaran untuk mengalihkan semua periuk api yang telah diatur kedudukannya di seluruh dunia?
3. Apakah nisbah harga belian seunit periuk api berbanding dengan kos untuk mengalihkan seunit periuk api?
4. Apakah anggaran jumlah orang yang menjalani amputasi disebabkan oleh periuk api mungkin terpaksa berhutang bagi menjelaskan rawatan perubatan mereka?
5. Berapakah kos yang diperlukan bagi menyediakan satu anggota palsu untuk seorang kanak-kanak berumur enam tahun sehingga dia berumur 18 tahun?
6. Sekiranya ibu bapa kanak-kanak yang berumur enam tahun itu memperolehi pendapatan sebanyak \$40 sebulan bagi empat orang dalam sekeluarga, berapakah peratusan dari pendapatan tahunan keluarga itu yang akan dibelanjakan ke atas anggota palsu kanak-kanak tersebut?
7. Sediakan satu masalah matematik anda sendiri.

Sejarah

Berkaitan dengan suatu konflik bersenjata di dalam mata pelajaran sejarah, buat penyelidikan ke atas sifat semula jadi senjata yang telah digunakan:

- Apakah bentuk perkembangan saintifik atau teknologi yang telah memungkinkannya?
- Bagaimanakah kombatan menilai kegunaannya?
- Apakah bentuk jangkaan, undang-undang atau adat yang telah mempengaruhi kegunaannya?

Penulisan yang kreatif

Pilih salah satu profil daripada orang di dalam video (Vanna, Amelia) atau orang lain yang anda lihat di dalam video itu dan reka suatu cerita di mana orang itu adalah pemegang watak utama. Cerita itu seharusnya menggambarkan suatu masa selepas orang itu mengalami kecacatan teruk disebabkan periuk api.

Sains

Teroka peranan perubahan teknologi di dalam cara peperangan.

- Apakah yang mempengaruhi tahap sembarangan sesuatu senjata itu?

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api pembinasa anggota

Aktiviti lanjutan



Organisasi tempatan

Kenal pasti suatu organisasi di kawasan anda atau negara yang terlibat dalam pembuangan periuk api, program kesedaran periuk api atau dalam bentuk bantuan perubatan atau psikologi kepada mangsa periuk api. Dapatkan maklumat mengenai kerja mereka dan bantangkan maklumat ini kepada pelajar lain.

Merekacipta satu pelan tindakan bagi kampung yang terjejas akibat periuk api

- ▶ Apa yang perlu dilakukan di kampung ini bagi membantu mangsa periuk api dan untuk mencegah kemalangan akibat periuk api daripada berulang lagi?

Kampung tersebut terletak di barisan hadapan semasa peperangan. Oleh kerana askar yang menduduki kampung itu mahu menghalang pemberontak daripada kembali untuk mendapatkan makanan dan bekalan, mereka memasang periuk api di sekeliling hutan. Hari ini peperangan sudah berakhir, tetapi periuk api masih ada di situ. Penduduk kampung tahu akan periuk api yang terdapat di dalam hutan itu tetapi mereka bergantung kepada hutan tersebut bagi mendapatkan kayu api untuk memanaskan badan dan memasak. Akibatnya, mereka terbunuh atau tercedera apabila memasuki hutan untuk mencari kayu api. Terdapat juga tempat pemeriksaan yang lama di dalam kampung tersebut di mana periuk api itu tidak dibuang apabila askar-askar meninggalkan tempat itu. Walaupun tempat itu telah ditanda "Bahaya! Periuk Api!", kanak-kanak masih bermain di kawasan itu.

Dalam berkumpul, reka satu pelan yang boleh membantu menangani masalah tersebut. Pelan itu bolehlah termasuk bantuan perubatan, pembuangan periuk api, pendidikan kesedaran terhadap periuk api (di sekolah, dengan orang dewasa di kampung, dsb.) dan program rehabilitasi. Untuk siapakah setiap daripada ini direka bentuk?

Bentangkan pelan anda kepada ahli kumpulan yang lain. Buatlah satu peta kampung tersebut bagi membentangkan situasinya.



Triti Ottawa 18 September 1997

KONVENSYEN MENGENAI LARANGAN TERHADAP PENGGUNAAN, PENYIMPANAN STOK, PENGELUARAN DAN PEMINDAHAN PERIUK API PEMBINA ANGGOTA DAN MENGENAI KEMUSNAHANNYA

Perkara I

Kewajipan umum

1. Setiap Pihak Negara (*State Party*) berjanji bahawa dalam apa-apa keadaan sekali pun untuk tidak:
 - a) menggunakan periuk api pembinasa anggota;
 - b) membuat, mengeluarkan, selainnya memperoleh, menyimpan stok, menyimpan atau memindahkan kepada orang lain, secara langsung atau tidak langsung, periuk api pembinasa anggota;
 - c) membantu, menggalakkan atau memujuk, dalam apa-apa cara, sesiapa untuk terlibat dalam sebarang aktiviti yang dilarang oleh Pihak Negara kepada Konvensyen ini.
2. Setiap Pihak Negara berjanji untuk memusnahkan atau memastikan semua periuk api pembinasa anggota dimusnahkan mengikut peruntukan Konvensyen ini.

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api pembinaasa anggota

Sumber 1
1 daripada 2

Periuk api terus membunuh

Vanna

[di hospital]

Pelawat:

Bagaimana ia berlaku?

Vanna:

Saya sedang memberi makanan kepada ayam.



Pelawat:

Apabila anda menjaga mereka dengan baik dan memberi mereka makanan secukupnya, adakah ia merikan anda wang?

Vanna: Ya.

[pulang ke rumah]

Orang kampung:

Oh si kecil, anak kecilku ini, dia sudah pulang. Beranikan diri, engkau akan berjalan lagi seperti kanak-kanak yang lain. Senyum, lihat sekelilingmu, anakku.

Saya akan melihat kakinya. Terdapat kulit baru yang tumbuh. Kulit yang baru itu kelihatan lebih baik tetapi akan ada parut. Tanda itu boleh hilang jika diubati. Kulit itu akan tumbuh secara semula jadi.

[dengan kanak-kanak di dalam air]

Budak perempuan yang membantu Vanna:

Pergi ambil kasut itu. Ia masih kotor. Awak boleh memakainya sekarang.



Pengulas

Di Kemboja terdapat lebih daripada 35,000 orang yang menjalani amputasi, bersamaan dengan satu dalam setiap 230 penduduk. Ramai yang mati akibat kecederaan atau pendarahan berlebihan sebelum mereka berjaya mendapat rawatan yang sempurna.

Tiada siapa yang tahu jumlah sebenar periuk api yang tertanam di seluruh dunia dan berapa banyak nyawa yang telah terkorban. Dianggarkan terdapat lebih dari 100 juta periuk api menunggu untuk dibuang. Masalah ini telah merebak ke setiap benua dari Amerika Latin hingga ke Asia.

Kecederaan biasa yang disebabkan oleh periuk api melibatkan kehilangan tangan, lengan, kaki, atau paha. Ramai orang kehilangan penglihatan, atau mengalami trauma sedemikian yang

menyebabkan mereka tidak lagi boleh hidup secara normal.

Mangsa periuk api jarang sekali memperoleh mata pencarian mereka, dan kos sosial dan kewangan untuk rehabilitasi selalunya terlalu tinggi untuk masyarakat menanggungnya.

Kecederaan akibat periuk api tidak berhenti di situ sahaja. Seseorang yang telah kehilangan kakinya pada umur 25 tahun mungkin memerlukan 10 kaki palsu sehingga dia menjangkau umur 65 tahun. Seorang kanak-kanak mungkin memerlukan kaki baru setiap 6 bulan.



Periuk api adalah suatu penggunaan yang bertentangan dengan teknologi. Bagi negara-negara yang miskin, kos bagi kedua-dua manusia dan ekonomi adalah terlalu berat untuk ditanggung.

Konflik di Somalia menggambarkan jenis teknologi periuk api yang ada untuk tentera. Kebanyakannya dibuat di Barat. [menunjukkan periuk api] orang Mesir, Belgium, Britain, Pakistan, Rusia, Amerika dan Czechoslovakia. Ini telah menyebabkan masalah terutamanya kepada kanak-kanak. Terdapat beribu-ribu periuk api yang masih tertanam.

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api peminasa anggota



Sumber 1
2 daripada 2

Periuk api terus membunuh

Pasukan petugas periuk api perlu menyiasat kawasan itu inci demi inci kerana pengesan logam tidak berguna ke atas periuk api plastik yang moden. Ia boleh mengambil masa selama sebulan bagi sekumpulan seramai tiga orang petugas untuk membuang periuk api di kawasan yang hanya sebesar saiz gelanggang tenis.



Sementara sesetengah periuk api boleh dibeli dengan harga kurang daripada satu dolar, kos membuang sebiji periuk api boleh mencecah beribu-ribu dolar. Melatih orang dengan secukupnya untuk membuang kesemua periuk api di sebuah negara akan mengambil masa bertahun-tahun dan memerlukan belanja yang besar.

Pendapat tentang bagaimana menangani masalah periuk api bermula daripada mengharamkan pengeksportan periuk api hinggalah kepada mengetatkan langkah antarabangsa dalam menadbirkan penggunaannya dalam kedua-dua peperangan konvensional dan konflik dalaman.

Amelia

[di sebuah kampung]

Amelia yang berumur dua belas tahun buta dan kehilangan upaya. Dia adalah salah seorang daripada ramai mangsa periuk api peminasa anggota. Seperti kanak-kanak lain yang sebaya dengannya, Amelia selalu mengumpul kayu api untuk memasak. Tetapi musuh sedang menunggu; dan pada suatu hari, dalam sekelip mata sahaja, kehidupannya telah hancur.

[di hospital rehabilitasi]

Di sini lah tempat di mana Amelia selalu datang belajar untuk berjalan semula dan hidup dengan kecacatannya.



Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api peminasa anggota

Sumber 2



Periuk api peminasa anggota

Apakah periuk api peminasa anggota?

Terdapat beberapa ratus jenis periuk api peminasa anggota (AP) yang telah dikeluarkan oleh lebih daripada 100 syarikat di 52 buah negara. Ia bertujuan untuk mencacatkan askar. Apabila periuk api dipijak, suatu rantaian kesan akibat bermula.

Secara umumnya, terdapat dua jenis periuk api AP – periuk api yang meletup dan periuk api serpih. Periuk api AP yang meletup selalunya kurang daripada 10 sentimeter garis pusatnya dan diaktifkan melalui berat tapak kaki. Periuk api serpih menyebarkan serpihan merentangi kawasan yang luas. Sebahagiannya mempunyai lingkungan “zon membunuh” 25 meter dan boleh menyebabkan kecederaan dalam lingkungan sehingga 200 meter apabila menggunakannya. Ia meletupkan sebelah atau kedua-dua belah tangan pada pergelangan tangan dan menyebabkan kerosakan pada dada dan muka, termasuk mata.

Sehingga tahap manakah masalah periuk api peminasa anggota?

Terdapat berjuta-juta periuk api tertanam menanti mangsanya di seluruh dunia hari ini. Sangat rumit untuk menganggarkan jumlahnya kerana hanya sedikit sahaja rekod yang tepat yang disimpan semasa periuk api ini ditanam. Di Afghanistan, sebagai contoh, berjuta-juta periuk api AP telah ditaburkan secara sembarangan daripada kapal terbang dan trak.

Berapakah kos sosial dan ekonomi?

Mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kosnya ialah di antara US\$ 300 dan US\$ 1,000 untuk mengalihkan satu periuk api. (Untuk membeli satu periuk api AP kosnya adalah antara US\$ 3 hingga US\$ 30.)

Secara purata, 500 orang menjadi mangsa periuk api setiap minggu. Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah menganggarkan bahawa lebih daripada dua per tiga daripada mangsa periuk api akan berhutang bagi membayar rawatan perubatan mereka, sekiranya rawatan ini wujud.

Bagi kebanyakan orang yang telah menjalani amputasi, kos bagi anggota palsu adalah lebih daripada apa yang mereka mampu bayar. Sebagai contoh, satu alat prostetik bagi kanak-kanak perlu diganti setiap enam bulan dan untuk orang dewasa setiap tiga hingga lima tahun. Seorang kanak-kanak yang tercedera pada umur 10 tahun memerlukan sekurang-kurangnya 25 anggota palsu sebelum sampai umur 50 tahun. Memandangkan kos anggota palsu adalah sekitar US\$ 125 setiap satu, ini akan mencapai jumlah US\$ 3,125. Di negara-negara di mana purata pendapatan per kapita adalah di antara US\$ 15 dan US\$ 20 sebulan, hanya topang ketiak sahaja yang mampu dibeli oleh mereka yang telah menjalani amputasi.

Pada masa bila tiada alternatif kegiatan ekonomi, seharian orang mengambil risiko dengan mengerjakan tanah ladang yang mempunyai periuk api atau mengutip kayu api di dalam hutan yang mempunyai periuk api. Di Bosnia, sebagai contoh, 30 peratus mangsa periuk api telah cedera di kawasan yang memang mereka ketahui ada periuk api.

Adakah kos lain yang berkaitan dengan penggunaan periuk api peminasa anggota?

Sebagai tambahan kepada kecederaan fizikal, kemalangan yang disebabkan oleh periuk api mempunyai akibat psikologi yang serius. Ia sememangnya sukar bagi kanak-kanak, remaja, malah orang dewasa untuk men-

gatasi kecacatan fizikal itu. Terdapat juga akibat penting bagi keluarga kerana kemalangan disebabkan oleh periuk api boleh mengganggu persekolahan kanak-kanak, mengurangkan prospek perkahwinan dan mencegah orang dewasa daripada bekerja.

Periuk api juga adalah suatu halangan yang serius bagi pembangunan di kebanyakan negara yang termiskin di dunia; padang, jalan raya, jambatan dan keseluruhan kawasan telah ditanam dengan periuk api akibat konflik. Periuk api juga semakin bertambah penggunaannya sebagai senjata yang menggerunkan ke atas populasi orang awam dalam sesetengah konteks. Hasilnya, periuk api telah menyebabkan masalah pelarian, pembaziran beribu-ribu hektar tanah ladang yang produktif dan gangguan urusan pengangkutan dan komunikasi. Dalam pada itu, sumber yang sukar didapati di negara yang ekonominya telah hancur akibat peperangan, telah digunakan pula untuk usaha pembuangan periuk api dan menjaga mangsa periuk api.

Memina semula masyarakat dan ekonomi adalah terlalu sukar dalam keadaan ini. Di dalam kebanyakan masyarakat, pemulihan, penyelarasan dan pembangunan jangka panjang adalah perlu tetapi mustahil untuk dilakukan.


Tindakan periuk api

Dalam usaha menangani isu ini, pembuangan periuk api, kesedaran tentang periuk api dan program bantuan mangsa telah dilaksanakan oleh pelbagai organisasi bukan kerajaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dan kerajaan.

Sumber: Safe-Lane Website <<http://www.mines.gc.ca>> dan *Bejalan Tanpa Merasa Takut*, Oxford University Press, 1998

Had-had dalam konflik bersenjata

Negara yang terjejas akibat periuk api dan kelengkapan yang belum meletup



Sumber: disusun dan diterbitkan oleh Pemantau Periuk Api dan Pemerhati Hak Asasi Manusia, 2001. Data ini tidak menggambarkan sebarang kedudukan rasmi ICRC.

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api pembina angota

Sumber 4
1 daripada 3

Wawancara dengan Mary Wareham

oleh Pemerhati Hak Asasi Manusia

Apakah yang menyebabkan anda berminat terhadap periuk api?

Di New Zealand, kami terlalu mengambil berat dalam tahun 1980an mengenai ujian nuklear di kawasan Pasifik dan juga kapal laut yang membawa senjata nuklear dan kuasa nuklear. Jadi saya membesarkan dengan keadaan sebegini. Di universiti, saya teringat satu artikel mengenai periuk api di dalam "Bulletin of the Atomic Scientist", dan saya benar-benar terkejut mengenai senjata tersebut. Jadi saya membuat kajian mengenai senjata tetapi tidak menjumpai apa-apa. Di sini terdapat satu senjata yang telah membunuh lebih ramai orang berbanding dengan gabungan senjata yang lain dan apakah yang telah dilakukan mengenainya? Oleh itu saya melibatkan diri melalui pintu akademik, tetapi saya dapati ia begitu sukar untuk hanya menjadi pemerhati neutral masalah tersebut.

Apakah usia anda pada waktu itu?

Pada masa tersebut, saya adalah seorang pelajar universiti yang hampir menamatkan pengajian dalam jurusan Sains Politik. Saya memohon biasiswa untuk melihat isu periuk api. Pada masa yang sama, saya ingin mengetahui apakah yang sedang dilakukan oleh kerajaan saya pada peringkat politik, antarabangsa dan diplomatik bagi menangani isu ini dalam erti kata perlucutan senjata.

Saya belanjakan ansuran pertama biasiswa saya dengan menemui ramah semua orang yang sedang memerhatikan isu ini pada masa itu, bermula

dengan Jody Williams dan sebahagian daripada pengasas lain Kempen Antarabangsa bagi Mengharamkan Periuk Api. Saya berjumpa dengan Persatuan Palang Merah di Geneva dan UNICEF di Geneva. Saya pergi dengan membawa beg yang kosong dan pulang dengan beg penuh berisi buku dan laporan, dan keratan dan dokumen dalam, yang membentuk asas bagi tesis saya.

Adakah ini lebih kepada aktiviti akademik untuk anda daripada kempen atau semangat?

Ya, saya mahu melihatnya dari satu perspektif yang neutral. Jadi sewaktu di suatu mesyuarat Kempen New Zealand bagi Mengharamkan Periuk Api, saya duduk di belakang bersama dengan buku nota saya. Mereka ternampak saya dan berkata, "Bolehkah anda menulis minit untuk mesyuarat kami?" Jadi saya pun mengambil minit mesyuarat mereka. Pada mesyuarat yang berikutnya mereka berkata "Bolehkah anda menulis siaran media untuk kami?" Jadi, saya pun menulis siaran media untuk mereka; dan tanpa disedari, saya menulis surat kepada ahli parlimen, dilantik sebagai jurucakap dan dihantar ke Konvensyen mengenai mesyuarat triti Senjata Konvensional di Geneva.(...) Oleh itu saya dapati peranan penyokongan ini tidak dapat dielakkan dan akhirnya saya telah membuat keputusan secara peribadi iaitu senjata ini adalah yang paling dibenci, sembarangan dan tidak berperikemanusiaan dan dengan itu saya tidak seharusnya menjalankan usaha akademik sahaja — saya boleh melakukan satu perubahan yang besar.

Apakah yang berbeza mengenai kempen periuk api?

Perkara yang utama mengenai kempen periuk api ialah ia bukan dimiliki oleh "pakar". Pakar kami adalah orang yang telah diletupkan oleh senjata itu dan masih hidup untuk menceritakan cerita mereka dan oleh orang yang keluar tiap-tiap hari untuk membersihkan senjata tersebut, begitu juga dengan orang seperti saya yang telah menyelidikinya. Kempen ini adalah kepunyaan orang biasa yang membuatkan perkara yang luar biasa berlaku. Kempen ini tidak bererti jika tidak kerana orang yang betul-betul mengambil berat tentang isu ini dan mahu melakukan sesuatu mengenainya.

Mengapa tidak membiarkannya kepada diplomat?

Diplomat berunding dengan negara lain; mereka melakukannya atas arahan pemimpin politik negara mereka. Pemimpin politik hanya akan memberi arahan kepada mereka jika dipaksa oleh rakyat. Maka satu-satunya cara untuk membuat diplomat bertindak ialah jika mereka didesak oleh pendapat rakyat di negara mereka. Kempen mempunyai aktiviti asas yang besar untuk mengumpul satu amaan besar petisyen dan membentangkannya secara awam. Mereka membawa ahli politik dan ahli parlimen ke negara yang terjejas akibat periuk api dan mereka bekerjasama dengan media. Sesiapa pun boleh melakukannya.

Tetapi bagaimanakah orang awam biasa yang mengambil berat tentang sesuatu tahu hendak berbuat apa?

(bersambung di muka surat seterusnya)

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api pembina anggot



Sumber 4
2 daripada 3

Wawancara dengan Mary Wareham oleh Pemerhati Hak Asasi Manusia

Lihatlah apa yang telah berlaku di New Zealand. Seorang telah menghadiri persidangan antara-bangsa dan pulang dan mengadakan mesyuarat. Ini adalah salah satu cara yang boleh anda lakukan: hanya adakan mesyuarat dan lihat siapa yang akan hadir. Adakan mesyuarat di sekolah, di universiti atau di bandar anda dan kumpulkan organisasi-organisasi yang berbeza yang anda fikir mungkin berminat dengan isu ini. Di New Zealand, organisasi yang berminat ialah Persatuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, beberapa persatuan yang dianggotai oleh bekas pejuang peperangan, kumpulan alam sekitar seperti “Greenpeace”, organisasi kemanusiaan seperti “Save the Children” dan “Oxfam” dan Persatuan Palang Merah tempatan. Tentukan suatu tempat untuk berjumpa dan kumpulkan semua orang ini. Apabila anda mula mengumpul semua orang di dalam suatu bilik dan melihat masalah itu dengan efektif, maka anda dapat mewujudkan suatu strategi untuk menanganinya. Dan ia berlaku di banyak peringkat. Dan inilah sebab kenapa penting supaya semua perwakilan yang berbeza duduk semeja supaya mereka boleh menyumbang apa yang terbaik yang mereka boleh lakukan untuk menangani masalah itu.

Kami bernasib baik kerana adanya hasil kerja Jody Williams sebagai penyelaras Kempen Antarabangsa untuk Mengharamkan Periuk Api (ICBL), yang memaklumkan kami tentang aktiviti yang berlaku di merata dunia — oleh kedua-dua badan NGO dan organisasi kerajaan. Mereka yang terlibat dalam gerakan ini telah mempelajari dengan banyaknya daripada apa yang telah dilakukan oleh orang lain, mendapat banyak idea baru dan kekuatan, dan telah berupaya menjalankan aktiviti bersama dan juga menjalankan aktiviti mereka sendiri.

Bagaimanakah NGO berkerjasama dengan negara-negara itu?

Pada permulaan kempen, adalah penting untuk mendapatkan liputan media, untuk memberi kesedaran kepada orang ramai. Tujuan kempen yang jelas dan mudah adalah amat penting — pengharapan secara menyeluruh bagi penggunaan, pengeluaran, pemindahan dan pengumpulan stok periuk api pembina anggot. Selepas itu terulanglah kepada mereka untuk memutuskan apa yang mereka mahukan dari segi kerjasama antara mereka dan kerajaan masing-masing. Tidak ada arahan daripada pihak atasan, tetapi Jody telah

melawat banyak negara. Beliau menjemput seseorang dari luar yang datang untuk meningkatkan kesedaran awam dan perhatian kerajaan. Dia berjumpa dengan Menteri Luar, Perdana Menteri, speaker parlimen, Menteri Pertahanan, dan juga hos kempen di negara itu dan NGO. Dia membentangkan “Inilah apa yang dilakukan oleh orang ramai di peringkat antarabangsa dan di sinilah kami perlukan bantuan anda”.

Adakah ini suatu bentuk diplomasi baru (yang melibatkan negara yang lebih kecil dan kurang berpengaruh dan NGO) cara IHL akan berkembang di masa hadapan?

Anda telah melihatnya cara ini digunakan dalam pelbagai konteks (contohnya, dalam kempen untuk memberhentikan penggunaan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun sebagai askar). Terdapat banyak faktor mengenai kempen periuk api yang tidak boleh diaplikasikan secara langsung kepada isu yang lain, tetapi kita boleh pelajari apa yang telah kita perolehi dalam membentuk masa depan IHL.

(bersambung di muka surat seterusnya)

Had-had dalam konflik bersenjata

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api pembinaasa anggota

Sumber 4
3 daripada 3



Wawancara dengan Mary Wareham

oleh Pemerhati Hak Asasi Manusia

Jadi apakah diplomasi baru ini telah capai?

Triti ini telah dibuka untuk ditandatangani di Ottawa, Kanada, dalam bulan Disember 1997, dan 122 buah negara telah menandatangani; semenjak itu angkanya telah meningkat ke 139, yang bermaksud bahawa masih ada 50 buah negara yang belum menyertai Triti antarabangsa ini. Tetapi antara 139 negara ini banyak yang merupakan bekas pengeluar periuk api dan banyak bekas pengguna utama periuk api pembinaasa anggota dan kami belum menjumpai apa-apa bukti yang menunjukkan Pihak Negara masih menggunakan periuk api lagi.

Kita mempunyai rancangan yang hebat iaitu dalam tempoh empat tahun negara-negara haruslah memusnahkan stok periuk api pembinaasa anggota mereka. Adalah dianggarkan 250 juta periuk api pembinaasa anggota telah dijadikan stok di lebih kurang 105 buah negara. Ertinya masih banyak periuk api yang perlu dimusnahkan, kebanyakannya ditempatkan di negara yang tidak menandatangani triti (China, 110 juta, Rusia 60-70 juta dan Amerika Syarikat 12 juta). Tetapi pengumpulan stok di dalam negara-negara yang telah menandatangani triti, sedang dimusnahkan.

Sumber: Wawancara peribadi, Oktober 2000.

Jawatankuasa Pemandu telah dikembangkan dan keanggotaan pada masa ini ialah:

- Kempen Afghan Untuk Mengharamkan Periuk Api
- Persatuan Bagi Bantuan dan Pertolongan Kempen Kemoja Bagi Pengharaman Periuk Api
- Kempen Colombia Bagi Pengharaman Periuk Api
- Inisiatif Jerman untuk Mengharamkan Periuk Api
- Orang Kurang Upaya Antarabangsa
- Pemerhati Hak Asasi Manusia
- Gabungan Kenya Bagi Pengharaman Periuk Api
- Rangkaian Orang Yang Terselamat
- Daripada Periuk Api
- Persekutuan Lutheran Sedunia
- Tindakan Terhadap Periuk Api Kanada
- Bantuan Penduduk Norway
- Kempen Afrika Selatan Bagi Pengharaman Periuk Api

Sumber: Kempen Antarabangsa Untuk Mengharamkan Periuk Api (keanggotaan pada 2001)

Kempen Antarabangsa Untuk Mengharamkan Periuk Api (ICBL) NGO-NGO yang mengasaskannya 1992

- Orang Kurang Upaya Antarabangsa
- Pemerhati Hak Asasi Manusia
- Medico Antarabangsa
- Kumpulan Penasihat Periuk Api
- Pakar Perubatan Hak Asasi Manusia
- Yayasan Ahli Veteran Vietnam Amerika

Had-had dalam konflik bersenjata



September 2000

Kejayaan awal telah dilaporkan bagi triti global dalam mengharamkan periuk api

Suatu triti global yang mengharamkan penggunaan periuk api telah memperoleh kejayaan yang agak membanggakan bagi satu setengah tahun yang pertama, tetapi masih ada masalah yang besar (...) menurut laporan yang dikemukakan kepada orang ramai hari ini oleh suatu organisasi yang menentang periuk api. (...)

Laporan ini dikeluarkan oleh Kempen Antarabangsa Untuk Mengharamkan Periuk Api, yang telah memenangi Hadiah Nobel Kedamaian bagi usahanya pada tahun 1997. Laporan itu akan dibentangkan pada minggu hadapan di suatu mesyuarat Geneva bagi negara-negara yang telah meratifikasikan triti periuk api.

Laporan sepanjang 1,121 muka surat itu mendapati bahawa perdagangan periuk api telah hampir dihentikan sama sekali, dan tiada penghantaran periuk api dilaporkan pada tahun ini atau tahun lepas.

Menurut laporan tersebut, semenjak triti itu mula berkuat kuasa pada 1 Mac tahun lepas, 10 juta periuk api peminasa anggota yang disimpan dalam stok telah dimusnahkan, membawa kepada jumlah pemusnahan sebanyak 22 juta setakat ini. Dijangkakan juga terdapat lebih daripada 250 juta periuk api yang distokkan di 105 buah negara. (...)

Anggaran kematian dan kecederaan “tidak tepat dan tidak lengkap”, itulah hasil penerokaan tersebut, tetapi ia mendapati bahawa terdapat pengurangan yang ketara di Afghanistan, Bosnia, Kemboja dan Mozambique.

Tetapi, masih ada mangsa baru periuk api yang dilaporkan di 71 buah negara, lebih separuh daripadanya telah mati, laporannya. (...)

Menurut laporan tersebut, semenjak triti itu berkuat kuasa, periuk api mungkin telah digunakan dalam 20 konflik, oleh 11 buah kerajaan dan 30 kumpulan pemberontak.

— Dicetak semula dengan kebenaran Associated Press

Penerokaan 2D: Fokus terhadap periuk api pembinaan anggota

Helaian media

Objektif: bagi menggalakkan pelajar untuk mengaitkan apa yang mereka pelajari mengenai IHL dengan informasi dalam media mengenai situasi yang berkaitan dengan peperangan

1. Mencari laporan berita yang berkaitan dengan IHL.
2. Bulatkan atau buat garisan di bawah tiga hingga lima patah perkataan yang berkaitan dengan IHL. (Contohnya: orang awam, periuk api, pelarian, askar kanak-kanak...)
3. Kaitkan setiap patah perkataan dengan apa yang telah anda pelajari dan bincangkan dalam program *Meneroka undang-undang kemanusiaan*.
4. Bagaimanakah maruah manusia berada dalam risiko dalam situasi yang dibentangkan di dalam artikel ini?
 - Maruah manusia siapakah berada dalam risiko?
 - Apakah, sekiranya ada, peraturan yang terpakai dalam situasi ini?



Kaedah penilaian

▲ Penilaian berterusan:

Meneroka undang-undang kemanusiaan menyediakan guru dengan peluang harian bagi mengetahui apakah yang sedang dipelajari oleh pelajar mereka dan apakah tanggapan salah yang mereka mungkin ada. Pedagogi yang aktif, seperti perbincangan dalam kelas, bekerja dalam kumpulan kecil, sumbangsaran dan main peranan yang dimainkan kesemuanya memberikan peluang tersebut.

Lima minit sebelum kelas tamat, suruh pelajar tulis satu atau dua ayat bagi soalan: “Apakah yang telah saya pelajari hari ini?” dan “Apakah soalan-soalan yang saya ada?” Baca kesemua jawapan-jawapan yang telah diberikan dan gunakannya untuk menambah pengetahuan pelajar dan jelaskan tanggapan yang salah untuk pelajaran yang akan datang.

▲ Portfolio hasil kerja para pelajar:

Di sepanjang modul tersebut, pelajar diarah untuk mewawancara pelbagai orang, ambil pendirian tentang suatu isu dan sokongnya dengan memberikan contoh, gambarkan konsep dengan sajak, drama atau kerja seni, atau tuliskan suatu kertas penyelidikan mengenai suatu topik secara terperinci.

Simpan satu folio setiap pelajar, dengan draf hasil tulisan, kerja seni, wawancara, keratan berita yang telah disumbangkan oleh pelajar semasa dalam kelas. Secara berkala, bincangkan hasil kerja bersama-sama pelajar itu bagi mengawasi perkembangan mereka dalam memahami undang-undang kemanusiaan antara-bangsa.

Tampalkan tugas para pelajar di dinding.

▲ Soalan di penghujung modul:

Setelah Modul 2 selesai, anda mungkin ingin menumpukan pelajaran yang terakhir kepada penilaian bertulis mengenai apa yang telah dipelajari oleh pelajar. Anda boleh melakukannya dengan menyuruh mereka menulis satu karangan (20-30 minit) dan menulis jawapan ringkas kepada dua atau tiga soalan (10 minit setiap satu).

1. Soalan karangan: Pilih satu.

- Apakah IHL dan kenapakah ia dibentuk?
- Apakah perhubungan di antara IHL dan undang-undang hak asasi manusia? (Apakah persamaan dan perbezaan di antara keduanya?)

2. Soalan dengan jawapan yang ringkas: Pilih dua.

- Kenal pasti tiga cara bagaimana orang awam dilindungi oleh IHL.
- Berikan empat akibat apabila kanak-kanak menjadi askar.
- Nyatakan mengapa senjata sembarangan perlu diharamkan, dan beri dua contoh senjata tersebut.



Soalan lain boleh digubal dengan menyuruh pelajar membina soalan dalam kumpulan kecil dan kemudian memilih salah satu daripadanya sebagai soalan karangan untuk semua pelajar. Anda juga boleh menyuruh setiap pelajar mencadangkan satu soalan yang dia akan jawab dalam penilaian. Pelajar akan dinilai berdasarkan kualiti soalan dan jawapannya. Anda boleh memilih suatu petikan daripada artikel dalam akhbar, turus sisi dalam buku ini, atau sumber lain. Minta pelajar tunjukkan perkara yang penting dan sama ada mereka bersetuju atau tidak dengan perkara tersebut.

Ciri-ciri penilaian:

Seorang pelajar yang efektif akan memberikan respons dalam cara:

- ▲ menggunakan konsep seperti penyaksi, kombatan, dilema atau rantaian kesan akibat dan istilah dan konsep lain di dalam bahan pengajaran ini
- ▲ memberi contoh yang konkrit untuk menyokong hujahnya
- ▲ memberikan contoh daripada pelbagai sumber, seperti media massa, wawancara, perbincangan dalam kelas, bahan bacaan luar

Teknik di atas hanyalah cadangan untuk membantu anda menilai hasil kerja pelajar berdasarkan bahan EHL. Anda boleh mengubahsuai teknik tersebut mengikut keperluan anda.



2A. Menghadkan kemusnahan

- ⤴ Projek Avalon: Dokumen undang-undang, sejarah, dan diplomasi
<http://www.yale.edu/lawweb/avalon/avalon.htm>

Mengandungi dokumen Persidangan Keamanan Antarabangsa di Hague pada tahun 1899 dan Perbicaraan Nuremberg
- ⤴ Pengkalan data triti dan protokol IHL di laman web Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah
<http://www.icrc.org/ihl>

Koleksi dokumen yang paling utama bagi IHL, termasuk Konvensyen Geneva, Kanun Lieber, dan senarai negara yang telah menandatangani triti dan protokol ini. Terdapat dalam bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol.
- ⤴ Suratcara hak asasi manusia antarabangsa (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)
<http://www.unhchr.ch/html/intlinst.htm>

Termasuk Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia, Deklarasi Perlindungan Wanita dan Kanak-Kanak semasa Darurat dan Konflik Bersenjata, dan konvensyen yang berhubung dengan IHL, tahanan perang, dan pelarian. Terdapat dalam bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol.

IHL dalam Berita

Kami cadangkan anda mencari sumber-sumber ini dengan menggunakan perkataan “jenayah peperangan” (*war crimes*) secara sendiri atau sebagai tambahan kepada perkataan “undang-undang kemanusiaan antarabangsa” (*international humanitarian law*) dan “undang-undang kemanusiaan” (*humanitarian law*).

- ⤴ Perpustakaan Amnesti Antarabangsa — indeks mengikut tema
<http://web.amnesty.org/web/content.nsf/pagesbycountrytitle/gbrthemeshome>

Bahagian “*Crimes against humanity*” mengandungi berita terkini IHL
- ⤴ Liputan penuh Yahoo
http://dailynews.yahoo.com/full_coverage/

Yahoo! Mengandungi laporan daripada Agensi Berita Reuters dan mempunyai link kepada agensi berita kebangsaan dan kawasan yang memang berguna
- ⤴ Direktori Yahoo mengenai berita dan media mengikut negara
http://dir.yahoo.com/News_and_Media/By_Region/Countries/
- ⤴ Direktori Yahoo mengenai berita dan media mengikut kawasan
http://dir.yahoo.com/News_and_Media/By_Region/Regions/
- ⤴ Akhbar dalam talian
<http://www.newspapers.com/>

Indeks mengikut negara bagi akhbar dalam talian.



2C. Askar kanak-kanak

- ▲ Pengkalan data bagi triti dan protokol IHL di laman web Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah
<http://www.icrc.org/ihl>
- ▲ Suratcara hak asasi manusia antarabangsa (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)
<http://www.unhchr.ch/html/intlinst.htm>
 Dua koleksi yang komprehensif bagi triti dan protokol hak asasi manusia antarabangsa dan IHL yang paling penting, termasuk yang berkaitan dengan askar kanak-kanak. Terdapat dalam bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol.
- ▲ Gabungan untuk Memberhentikan Penggunaan Kanak-Kanak Sebagai Askar
<http://www.child-soldiers.org/>
- ▲ Perpustakaan Amnesty Antarabangsa — indeks mengikut tema
<http://web.amnesty.org/web/content.nsf/pagesbycountrytitle/gbrthemeshome>
 Bahagian Kanak-Kanak dan Juvana mengandungi berita terkini mengenai askar kanak-kanak.
- ▲ Pemerhati Hak Asasi Manusia (Human Rights Watch): Askar Kanak-kanak
<http://www.hrw.org/hrw/campaigns/crp/index.htm>
 Sumber yang bagus untuk berita terkini mengenai isu ini.
- ▲ Selamatkan Kanak-Kanak, pusat dokumentasi Sweden mengenai askar kanak-kanak
<http://www.rb.se/childwardatabase/>
 Terdapat dalam bahasa Inggeris dan Sweden
- ▲ Wakil Khas bagi Setiausaha Agung bagi Kanak-Kanak dan Konflik Bersenjata: Askar Kanak-Kanak (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)
<http://www.un.org/special-rep/children-armed-conflict/soldiers.htm>

2D. Fokus terhadap periuk api

- ▲ Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah
<http://www.gva.icrc.org/eng/mines>
- ▲ Kempen Antarabangsa Untuk Mengharamkan Periuk Api
<http://www.icbl.org/>
 Terdapat dalam bahasa Arab, Inggeris, Jerman, Itali, Jepun, Portugis, Rusia dan Sepanyol
- ▲ Pembunuh Tersembunyi: Krisis Sejagat Periuk Api (U.S. Department of State)
http://www.state.gov/www/global/arms/rpt_9809_demine_toc.html
- ▲ Pemantau Periuk Api
<http://www.icbl.org/lm/>
 Terdapat dalam bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol
- ▲ Perkhidmatan Tindakan Terhadap Periuk Api Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
<http://www.un.org/Depts/dpko/mine/index.html>
- ▲ Kempen Mengharamkan Periuk Api (Pemerhati Hak Asasi Manusia) (Human Rights Watch)
<http://www.hrw.org/campaigns/mines/1999/index.htm>
 Sumber yang bagus bagi berita terkini mengenai isu ini.

3 Modul

Pelaksanaan undang-undang

(enam sesi)

Undang-undang yang manakah yang sering dicabul dan kenapa?

Apakah dilema yang dihadapi oleh kombatan-kombatan?

Siapakah yang bertanggung-jawab untuk memastikan bahawa undang-undang kemanusiaan antarabangsa dihormati?

PENEROKAAN:

- 3A. Mengenal pasti pencabulan (satu sesi) 161
3B. Dari perspektif kombatan (dua sesi) 171
3C. Siapakah yang bertanggungjawab (satu sesi) 189
Kajian kes: My Lai – Apa yang salah? Apa yang betul? (dua sesi) 195

KONSEP:

Pencabulan
Perbezaan di antara orang awam/kombatan
Rantaian kesan dan akibat

Dalam semua modul:

Maruah manusia
Halangan terhadap tingkah laku kemanusiaan
Dilema
Rantaian kesan dan akibat
Pelbagai perspektif

LATIHAN KEMAHIRAN:

Memilih perspektif
Sumbangsaan
Bekerja dalam kumpulan
Menganalisa Dilema
Mengenal pasti akibat

Penerokaan 3A: Mengenal pasti pencabulan

Dalam Modul 2, para pelajar telah mempelajari peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL); mereka memeriksa keperluan bagi peraturan-peraturan dan akibatnya terhadap mangsa apabila peraturan-peraturan ini dicabul. Modul 3 akan membolehkan para pelajar terus meneroka kenapa orang mencabul peraturan-peraturan ini, dengan menggunakan kenyataan orang yang terlibat dalam peperangan. Pelajar juga akan menggunakan konsep rantai kesan dan akibat untuk mengenal pasti bagaimana satu pencabulan akan membawa kepada pencabulan yang lain. Akhir sekali, sumbangsaan berkumpulan berlaku dan kaedah untuk menghadkan pencabulan dinilai.

Objektif:

- ▲ untuk mengenal pasti beberapa pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa
- ▲ untuk meneliti contoh-contoh tentang bagaimana sesuatu pencabulan membawa kepada pencabulan yang seterusnya

Sumber:

- ▲ Suara peperangan — 2
- ▲ Lembaran kerja: Apakah peraturan yang telah dicabul?
- ▲ Apakah peraturan asas bagi undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

Masa:

Satu sesi 45-60 minit



1. Apakah peraturan yang telah dicabul dan kenapa? (pelajar secara berpasangan) (20 minit)

Tugaskan setiap pasangan pelajar dengan tiga atau empat kenyataan daripada “Suara peperangan — 2”. Para pelajar juga sepatutnya ada “Apakah peraturan asas bagi undang-undang kemanusiaan antarabangsa?”

Pasangan itu boleh menggunakan lembaran kerja apabila mereka menggambarkan pencabulan yang mereka temui dan padankan setiap satu kepada peraturan atau peraturan-peraturan asas yang mereka lihat telah dicabul.

[Contohnya, tindakan dalam kenyataan 11 mencabul peraturan 3.4, 3.11 dan 4.1.]

Minta pelajar periksa kenyataan untuk mencari alasan yang diberikan oleh orang kenapa sesuatu peraturan tertentu telah dicabul.

Periksa persamaan yang terdapat di antara alasan-alasan yang diberikan dengan mengumpulkan alasan-alasan yang sama di bawah beberapa kategori.

[Kategori yang mungkin bagi alasan-alasan itu termasuk: bagi keselamatan, bagi kepentingan ketenteraan, kerana pihak yang satu lagi melakukannya, bagi membalas dendam, kerana terdesak atau apa-apa emosi lain, kerana kekurangan sumber, kerana mereka tidak tahu akan kewujudan undang-undang.]

2. Bagaimanakah suatu pencabulan membawa kepada pencabulan lain? (15 minit)

Minta pelajar mencari kenyataan yang menunjukkan hubungan di antara satu pencabulan dan pencabulan lain yang terjadi sebagai akibat daripadanya.

[Contohnya, apabila satu pihak menguasai sesebuah hospital, pihak yang satu lagi akan menyerang hospital itu sebagai akibatnya; atau satu pihak membunuh tahanan akan menyebabkan pihak yang satu lagi juga membunuh tahanan sebagai balasan; atau layanan kejam oleh orang yang menawan tawanan boleh membawa kepada pembunuhan tawanan itu atau membawa tindakan yang sama oleh orang yang menawan musuhnya.]

Penerokaan 3A: Mengenal pasti pencabulan

Selepas mengambil kira beberapa contoh, berikan masa kepada pasangan pelajar untuk membincangkan bagaimanakah pencabulan yang telah mereka kenal pasti boleh membawa kepada pencabulan seterusnya. Mereka boleh menggunakan bahagian bawah lembaran kerja untuk merekodkan idea-idea mereka.

Minta pasangan pelajar laporkan rantaian kesan akibat bagi pelanggaran untuk menguatkan lagi pemahaman mereka tentang bagaimana satu pencabulan boleh membawa kepada pencabulan yang berikutnya. [Lihat juga aktiviti lanjutan "Rantaian kesan akibat".]

3. Bolehkah kita menghadkan pencabulan di masa hadapan? (10 minit)

Minta kumpulan pelajar memilih satu jenis pencabulan untuk dikaji sebagai kerja kumpulan. Kemudian minta mereka sumbangsaran cara bagaimana menghadkan pencabulan tersebut.

Apabila suatu senarai telah dibuat, minta pelajar menilai cadangan mereka.

- ▲ Apakah akibat yang mungkin bagi setiap cadangan? Apakah pula yang akan berlaku seterusnya hasil akibat ini?
- ▲ Pada fikiran anda adakah kebanyakan negara akan bersetuju dengan cadangan-cadangan ini? Ya atau tidak? Bagaimanakah ia boleh dipantau?

[Contoh: memberikan arahan, melatih, menghukum, ...]

Penutup

Ringkaskan: para pelajar telah melihat beberapa pencabulan yang sering berlaku, alasan kenapa ia terjadi, dan bagaimana satu pencabulan boleh membawa kepada pencabulan lain. Apabila satu pencabulan membawa kepada pencabulan lain, pencabulan yang berikut selalunya lebih besar daripada yang pertama — pencabulan itu akan menjadi lebih teruk.

Perbincangan:

- Bolehkah anda fikirkan contoh daripada berita mengenai pencabulan yang semakin meningkat?

Semasa salah satu cuti umum, saya sebagai seorang pegawai muda yang baru saja menamatkan kursus pegawai, sedang berjalan di jalan raya. Kami lima orang askar hanya melihat-lihat di kawasan sekitar untuk melihat yang segalanya dalam keadaan tenang. Dalam masa beberapa minit sahaja kami dikepung oleh beberapa ribu orang yang mula membaling batu ke arah kami.

Mereka semua sangat marah kerana seorang telah divederakan di dalam kem pelarian. Ia memang merupakan ancaman terhadap nyawa kami pada masa itu kerana semua orang terlalu kelam-kabut, dan saya terpaksa berfikir bagaimana untuk melepaskan askar-askar saya dari situ. Saya cuma ada senapang dan peluru dan saya terpaksa mengeluarkan askar saya dari situ lalu saya menembak, saya menembak ke bahagian kaki, tetapi saya terpaksa membuat sepuluh atau dua belas tembakan untuk keluar dari situ dan saya berjaya melepaskan diri.

– seorang pegawai yang berkhidmat dalam suatu kawasan yang diduduki

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Peraturan-peraturan IHL direka secara khusus bagi keadaan-keadaan semasa konflik bersenjata.
- ◆ Pencabulan selalunya membawa kepada satu rantaian kesan akibat bagi pencabulan seterusnya.
- ◆ Orang memberikan pelbagai alasan bagi pencabulan yang kadangkala berlaku. Alasan-alasan itu termasuklah membalas dendam, peperangan di kawasan-kawasan perumahan, mengandaikan bahawa orang awam sedang membantu pihak musuh, arahan tidak sah (*illegal orders*) daripada pihak atasan, dsb.

Kenapakah askar menembak orang awam walaupun mereka tahu yang ia merupakan suatu kesalahan? Kemungkinan besar mereka telah dimaklumkan sesuatu atau dijanjikan sesuatu yang besar. Mereka telah dirangsang untuk melakukan kejahatan. Jadi mereka tidak berfikir panjang. Apa yang saya tidak faham ialah apa yang telah berlaku terhadap fikiran kemanusiaan mereka.

– mangsa pencabulan IHL

Penerokaan 3A: Mengenal pasti pencabulan

Aktiviti Lanjutan




Komunikasi

Tuliskan suatu laporan bersama mengenai pencabulan yang telah dipilih oleh kumpulan dalam langkah 3 (“Bolehkah kita hadkan pencabulan di masa hadapan?”) dan cara-cara yang mereka cadangkan untuk menghadkan pencabulan di masa hadapan. Atau buatlah suatu lukisan yang menggambarkan suatu pencabulan. Atau buatlah poster bagi mempromosikan cadangan tersebut. Sumbangkan hasil kerja tersebut kepada laman Meneroka undang-undang kemanusiaan di www.icrc.org.


Rantian kesan akibat

Pilih suatu pencabulan dan buatlah suatu gambar rajah rantai kesan akibat yang menunjukkan apa yang boleh dilakukan oleh sesuatu pencabulan. Sebahagian daripada akibat boleh membawa kepada pelbagai rantian kesan akibat. Oleh itu, suatu jaringan rantian akan terbentuk.



Contoh dari “Suara Peperangan – 2”:

Terdapat pelbagai situasi apabila askar menukar pakaian seragam mereka kepada pakaian biasa ...



Bahas

Adakan perbahasan berdasarkan kenyataan berikut.

Sesuatu undang-undang yang adil yang selalu dilanggar adalah lebih baik daripada tiada undang-undang langsung.

Adakan dua pasukan bahas dan satu pasukan pengadil. Pasukan-pasukan sepatutnya menyemak semula nota mereka dan apa-apa sumber lain yang berguna. Setiap pasukan debat hendaklah merangka perkara berikut:

- ▲ persembahan selama 5 minit
- ▲ perkara-perkara yang mereka rasa akan diambil oleh kumpulan lawan untuk menentang kedudukan mereka
- ▲ jawapan mereka kepada perkara-perkara itu

Pertimbangan hendaklah termasuk: kesan kerana selalu tidak menghormati undang-undang, contoh undang-undang selain IHL yang selalu dilanggar tetapi bernilai, sejarah mengenai penerimaan undang-undang mengikut perkembangan masa, nilai undang-undang sebagai sesuatu yang ideal, apakah alternatif lain selain undang-undang yang ada.

Semasa peringkat perancangan, pasukan yang menjadi pengadil hendaklah menentukan kriteria untuk mengadili perbahasan itu.

Mulakan perbahasan (20 minit).

Penerokaan 3A: Mengenal pasti pencabulan

Aktiviti Lanjutan



Tamatkan perbahasan dengan penilaian dan rumusan para pengadil.

Kemudian bincangkan:

- ⤴ Bagaimanakan perbahasan ini boleh digunakan kepada IHL?
- ⤴ Adakah contoh undang-undang yang lain yang bernilai walaupun ia kerap dilanggar? [contoh boleh diambil daripada tradisi keagamaan dan juga masyarakat umum.]

ATAU

Bahas kebaikan dan keburukan kenyataan ini oleh seorang guru di Nigeria.

Memandangkan ada undang-undang yang melarang tentera daripada membunuh orang awam, sepatutnya ada undang-undang yang melarang orang awam daripada membantu tentera.

Dalam menyediakan kedudukan anda, pertimbangkan:

- ⤴ akibat kedudukan yang anda pilih itu
- ⤴ bagaimana mendefinisikan apa yang terkandung dalam “membantu” askar

Undang-undang menetapkan daik terhadap arus yang datang. Dan arus ini tidak akan pergi lama. Ia akan memberikan tekanan, ia akan mengancam, ia akan masuk sebaik sahaja ada peluang. Kadangkala, ia akan membawa daik bersamanya. Begitulah keadaan undang-undang kita, dicabul dan tidak efektif. Itulah takdir. Sesiapa yang menganggap bahawa undang-undang yang sebenar ialah undang-undang yang dihormati sepenuhnya, sudah tentu hidup di dunia lain.

— D. de Bechillon



Suara peperangan – 2

Mereka yang terlibat dalam peperangan menceritakan pencabulan kemanusiaan yang telah mereka alami, saksi-saksi atau dengar dari orang lain

1. Terdapat banyak situasi di mana tentera bertukar pakaian seragam dengan pakaian biasa. Bagaimanakah anda dapat membezakan antara orang awam dengan pihak tentera? Jadi jika anda menyerang sebuah bandar, anda terpaksa menembak apa saja yang bergerak.

— seorang askar
2. Kami akhirnya menyerang seluruh keluarga. Apa yang membuat kami lakukan demikian adalah kerana mereka telah melakukan yang sama kepada orang kami, termasuklah membunuh bayi yang berumur tiga bulan.

— bekas kombatan
3. Jika saya mendapat maklumat bahawa orang lain membunuh orang saya semasa dalam tawanan, sesiapa sahaja yang saya tawan akan menerima padahnya.

— seorang komander
4. Oleh kerana orang awam memasak dan memberi makanan kepada askar maka mereka juga dianggap turut terlibat dalam peperangan. Tanpa bekalan makanan yang diberikan pihak askar tidak berupaya menentang kami. Jadi orang awam ini dianggap sebagai askar, tanpa mengira sama ada mereka memakai pakaian seragam ataupun tidak. Orang awam yang memasak makanan untuk askar juga dianggap sebagai terlibat walaupun mereka tidak bersenjata. Jadi, pihak kami berhak membunuh mereka.

— seorang komander
5. Anggota tentera berpendapat mereka perlu membunuh tawanan perang. Tawanan merupakan beban kerana anda perlu membawa tawanan perang ke mana-mana anda pergi. Anda bertanggungjawab terhadap mereka, jadi untuk melepaskan tanggungjawab itu, anda bunuh saja mereka.

— petugas perubahan bukan kerajaan (NGO)
6. Salah satu masalah ialah kurangnya perancangan, kerana bila sahaja seseorang ditawan, kami tidak tahu apa yang hendak dibuat dengannya. Ada kalanya tawanan itu dibunuh sahaja.

— bekas tawanan
7. Angkatan bersenjata persekutuan tidak dapat menawan kampung-kampung; oleh itu mereka menyekat apa jua bantuan kemanusiaan daripada sampai ke situ. Itulah strategi mereka untuk menyebabkan kela-paran dan kebuluran, dan itu adalah salah.

— bekas kombatan
8. Semasa peperangan, komander akan memberikan panduan moral, seperti: “Jangan musnahkan tanaman rakyat”. Namun selepas itu keadaan berubah. Dalam peperangan, polisi utama adalah untuk memusnahkan ekonomi; anggota tentera diarahkan sekiranya mereka tidak mencapai kejayaan besar, mereka diperintahkan menyerang harta benda orang awam. Memusnahkan kesemuanya, membakar sehingga menjadi abu menjadi objektif melawan musuh.

— bekas kombatan
9. Saya rasa angkatan tentera menyerang orang awam kerana mereka tidak faham apa rasanya menjadi orang awam. Askar merungut setiap masa yang orang awam juga adalah gerila. Kadangkala askar menganggap orang awam bekerjasama dengan gerila. Kadangkala askar menganggap bahawa sesetengah keluarga mungkin memberikan gerila makanan atau menyertai mereka, jadi mereka bunuh seluruh keluarga itu kerana bekerjasama dengan musuh.

— wanita yang ahli keluarganya “hilang”



Sumber 1
2 daripada 2

Suara peperangan – 2

10. Menyerang tempat agama hanyalah sebahagian daripada peperangan. Kombatn merasakan bahawa kawasan ini merupakan kawasan yang suci dan boleh menyembunyikan musuh yang berlingkang. Bagi saya, gereja bukan gereja lagi jika ada askar yang bersembunyi di dalamnya.

– seorang askar

11. Membunuh adalah kerana membalas dendam. Pada mulanya, pihak tentera menangkap dan membunuh seorang gerila yang cedera yang sedang dibawa oleh Palang Merah. Kemudian pihak gerila menampakkan dan membunuh seorang tentera kerana membalas dendam. Mereka berbuat demikian agar pihak Palang Merah tidak lagi terus membawa yang cedera dari mana-mana pihak. Jika satu pihak berbuat demikian, pihak lain akan membalasnya.

– bekas kombatn

12. Angkatan tentera tidak patut menggunakan orang awam sebagai perisai hidup. Namun ini sering berlaku dalam peperangan ini. Contohnya, mereka meletakkan mesin-gan di atas bumbung bangunan tinggi di mana orang awam tinggal. Tiada sesiapa mematuhi apa yang patut dipatuhi. Oleh kerana kami diancam, kami menembak bangunan-bangunan tersebut.

– bekas kombatn

13. Ada gadis yang dirogol dan sekarang mereka mempunyai anak yang bapanya tidak diketahui. Ini suatu jenayah yang tidak mungkin dapat diselesaikan.

– penduduk bandar

14. Kami diarahkan bahawa apabila kami bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain, kami seharusnya meletakkan racun ke dalam air. Ini ialah sebahagian daripada peperangan, iaitu yang kuat akan masih terus hidup. Anda diberitahu bahawa pihak lawan adalah musuh, jadi jika mereka menangkap anda, anda akan dibunuh. Namun kebanyakan daripada mereka menangkap, mereka mungkin orang yang tidak bersalah yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Mereka ini tiada harapan; jadi adalah salah untuk meracuni mereka.

– bekas kombatn

15. Pada pendapat saya tahanan diganggu oleh orang yang merasa bersalah. Apabila abang ipar saya ditahan sebagai tahanan perang, mereka tidak melayan tahanan dengan betul. Mereka takut tahanan akan memberitahu apa yang telah mereka lakukan suatu hari nanti. Itulah sebabnya kenapa ramai tahanan telah dibunuh. Semata-mata untuk menutup kesalahannya mereka.

– janda

16. Pemusnahan tempat keagamaan atau bersejarah adalah sebahagian daripada peperangan. Semasa peperangan, anda tidak hirau apapun; anda ingin memusnahkan apa saja yang ada di depan mata untuk menang dalam peperangan.

– bekas guru dan pengurus kem pelarian

17. Tidak memberikan makanan atau minuman kepada penduduk awam merupakan strategi peperangan yang berkesan. Anda tidak membenarkan mereka mendapat makanan dan minuman – ia akan melemahkan mereka. Tiada undang-undang, tiada undang-undang, tiada undang-undang!

– kombatn yang ditangkap

18. Bayangkan terdapat sebuah mesin-gan dan anda perlu mengambilnya. Tetapi pihak musuh telah meletakkan orang awam di atas bumbung untuk menghalang kamu dari mengambil mesin-gan tersebut. Tetapi anda sebenarnya menyerang objek ketenteraan (*military object*). Dalam proses itu orang awam terbunuh.

– seorang wartawan

19. Satu sebab kenapa askar membunuh orang awam ialah kerana apabila pasukan mereka mengalami banyak kematian, apa yang mereka lakukan ialah memanggil orang awam untuk menggali kubur untuk mereka. Selepas menggali kubur, mereka akan menembak orang awam itu, kerana orang mereka yang menyebabkan kematian itu. Ia dilakukan atas kemarahan. Askar yang melakukannya ialah yang kurang bernasib baik, yang buta huruf dan tidak dididik mengenai peperangan.

– komander medan pertempuran

Sumber: diadaptasikan daripada penyelidikan yang dijalankan oleh ICRC – Kempen Orang Yang Berperang



Peraturan apa yang dicabul?

<p>Gambarkan apa yang dilakukan oleh seseorang adalah salah.</p> <p>Contoh: No. 1 Askar yang menyamar sebagai orang awam; askar yang membunuh apa saja yang bergerak, walaupun mereka orang awam</p> <p>Kenyataan No. _____</p> <p>Kenyataan No. _____</p> <p>Kenyataan No. _____</p>	<p>Peraturan yang dicabul</p> <p>1.4 dan 2</p>
<p>Tuliskan satu perkara yang salah yang dilakukan oleh seseorang.</p> <p>No. 1 — Askar yang menyamar sebagai orang awam.</p>	<p>Peraturan yang dicabul</p> <p>1.4</p>
<p>Namakan suatu pencabulan yang berlaku (atau mungkin) berlaku.</p> <p>Pihak askar penentang menyerang sesiapa yang bergerak. Pihak yang satu lagi mungkin membalas dengan mengebom orang awam.</p>	<p>Peraturan yang dicabul</p> <p>2, 1.1, 1.2</p>

Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

1 Serangan mestilah dihadkan kepada sasaran kombatan-kombatan dan tentera.

- 1.1 Orang awam tidak boleh diserang.
- 1.2 Objek awam (rumah, hospital, sekolah, tempat beribadat, monumen bersejarah atau kebudayaan, dsb.) tidak boleh diserang.
- 1.3 Menggunakan orang awam sebagai perisai adalah dilarang.
- 1.4 Kombatan-kombatan dilarang menyamar sebagai orang awam.
- 1.5 Membiarkan orang awam kebuluran sebagai salah satu kaedah peperangan adalah dilarang.
- 1.6 Adalah dilarang menyerang objek-objek yang sangat diperlukan bagi kehidupan penduduk awam (bekalan makanan, kawasan perladangan, pusat bekalan air, dsb.)
- 1.7 Adalah dilarang menyerang empangan, daik atau pusat kuasa nuklear, jika serangan itu boleh menyebabkan kehilangan yang keterlaluan terhadap penduduk awam.

2 Serangan atau senjata yang digunakan terhadap orang awam, objek ketenteraan dan manusia secara sembarangan, dan yang boleh mengakibatkan kecederaan atau penderitaan yang melampau adalah dilarang.

- 2.1 Senjata tertentu adalah dilarang — senjata biologi dan kimia, senjata laser yang boleh membuatkan, senjata yang mencederakan anggota badan melalui cebisan yang tidak dapat dikesan oleh pancaran-X, racun, periuk api pembina anggotanya, dsbnya.
- 2.2 Adalah dilarang memberi perintah atau mengugut bahawa tidak akan ada orang yang akan hidup.

3 Orang awam, kombatan yang tercedera, dan tahanan tidak boleh dibunuh. Mereka hendaklah dilindungi dan dilayan dengan berperikemanusiaan.

- 3.1 Tiada seorang pun boleh tertakluk kepada penyiksaan fizikal atau mental, hukuman bunuh atau layanan yang kejam atau penganiayaan.
- 3.2 Keganasan seks adalah dilarang.
- 3.3 Pihak-pihak kepada konflik mestilah mencari dan merawat musuh mereka yang tercedera dan sakit yang berada di bawah pengawasan mereka.
- 3.4 Adalah dilarang membunuh atau mencederakan tentera yang menyerah diri atau seseorang *hors de combat*.
- 3.5 Tahanan berhak untuk dihormati dan mestilah dilayan dengan berperikemanusiaan.
- 3.6 Menahan sebagai tebusan adalah dilarang.
- 3.7 Memaksa penduduk awam supaya meninggalkan tempat tinggal mereka adalah dilarang. "Penghapusan etnik" juga dilarang.
- 3.8 Seseorang yang berada dalam tawanan musuh berhak untuk menerima berita kepada ahli keluarga mereka serta menerima bantuan kemanusiaan (makanan, bantuan perubahan, sokongan psikologi, dsb.).
- 3.9 Kumpulan yang mudah terdedah kepada bahaya, seperti wanita yang mengandung dan ibu yang masih menyusu anaknya, kanak-kanak yang bersendirian, orang tua, dsb., mestilah diberi perlindungan yang khas.
- 3.10 IHL melarang perekrutan dan penglibatan dalam keganasan bagi kanak-kanak di bawah umur 15 tahun.
- 3.11 Semua orang berhak kepada percabaran yang adil (tribunal yang saksama, tatacara yang biasa, dsb.). Hukuman secara berkumpulan (*collective punishment*) adalah dilarang.



Sumber *
2 daripada 2

Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

4 Petugas-petugas perubatan tentera dan awam dan kemudahan-kemudahan (hospital, klinik, ambulan, dsb.) hendaklah dihormati serta dilindungi dan mestilah diberi segala bantuan yang sedia ada supaya mereka dapat melaksanakan tugas-tugas mereka.

- 4.1 Lambang palang merah atau bulan sabit merah adalah simbol perlindungan bagi petugas-petugas dan kemudahan perubatan. Serangan terhadap orang yang memakai atau objek yang menggunakan lambang ini adalah dilarang. Penyalahgunaan kedua-dua lambang ini adalah dilarang.
- 4.2 Unit perubatan dan kenderaan tidak boleh digunakan untuk melakukan tindakan yang membahayakan musuh.
- 4.3 Dalam memberikan rawatan kepada orang yang sakit dan cedera, mangsa tidak boleh diberi keutamaan berdasarkan bangsa, kerakyatan, agama, rakan dsb. kecuali atas sebab-sebab perubatan.

Definisi

kerusakan sampingan (collateral damage): ialah kerosakan atau kehilangan yang secara tidak sengaja semasa serangan yang berlaku walaupun segala langkah berjaga-jaga telah dibuat untuk menghalangnya, atau dalam apa-apa keadaan yang dibuat untuk mengurangkan kehilangan nyawa orang awam, kecederaan kepada orang awam atau kerosakan kepada objek awam.

menjadi kombatan dan hilang perlindungan yang diberi kepada orang awam.

objek awam (civilian objects): apa-apa objek yang bukan sasaran ketenteraan.

Sekiranya objek awam digunakan untuk mencapai objektif ketenteraan, ianya menjadi sasaran ketenteraan dan hilang perlindungan.

kombatan (combatant): orang yang mengambil bahagian secara langsung dalam keganasan atau anggota-anggota angkatan tentera.

sasaran ketenteraan (military objects): kombatan dan objek-objek yang mana dari segi sifatnya, lokasi atau kegunaannya boleh menyumbang secara efektif terhadap tindakan ketenteraan serta kemusnahannya akan membawa suatu kelembihan kepada pihak tentera.

hors de combat: menggambarkan kombatan-kombatan yang telah ditawan, yang cedera atau sakit atau mengalami nahas kapal dan oleh sebab itu tidak boleh berperang lagi.

orang awam (civilians): mana-mana orang yang bukan kombatan (sekiranya ada keraguan mengenai identiti, seseorang itu haruslah dianggap sebagai orang awam)

Sekiranya orang awam terlibat secara langsung dalam keganasan, mereka

Penerokaan 3B: Dari perspektif kombatan

Dalam Penerokaan 3A, para pelajar telah mengenal pasti pelbagai jenis pencabulan dan membincangkan mengenai mengapa kadangkala orang mencabuli undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL). Dalam Penerokaan 3B mereka akan cuba menangani dilema-dilema yang berdasarkan pengalaman sebenar yang dihadapi oleh askar-askar dalam keadaan yang biasa dalam peperangan moden. Askar-askar yang cuba untuk hidup dari sehari ke sehari dalam peperangan perlu membuat keputusan sepanjang masa yang akan melibatkan konflik antara peraturan di dalam peperangan dan keselamatan diri sendiri atau keselamatan askar-askar lain yang di bawah tanggungjawabnya.

Kebanyakan dilema-dilema timbul akibat perbezaan yang tidak jelas antara kombatan-kombatan dan orang awam. Kadangkala perbezaan itu sengaja dikaburkan oleh kombatan-kombatan bagi tujuan keselamatan atau kebaikan; kadangkala ia tidak jelas kerana keadaan semulajadi dalam peperangan moden. Selain daripada meneroka pelbagai dilema, penerokaan ini juga bertujuan untuk menunjukkan bagaimana dilema adalah disebabkan oleh kesukaran membezakan antara kombatan-kombatan dan orang awam dan betapa pentingnya untuk memastikan perbezaan ini jelas supaya IHL berkesan.

Objektif:

- ▲ untuk mengenal pasti dilema yang kadangkala timbul dalam mematuhi IHL dalam situasi peperangan
- ▲ untuk mengenal pasti masalah dalam menegakkan IHL apabila perbezaan di antara kombatan dan orang awam tidak jelas

Sumber:

- ▲ Senario dilema:
 - Apa yang perlu saya lakukan sekarang?
 - Perlukah saya memberhentikannya?
 - 700 tahanan dan hanya sedikit bekalan untuk hidup
 - Bagaimana jika dia bercakap benar?*
 - Apa yang kami perlu lakukan dengan jip ini?*
 - Bolehkah saya menembak perkampungan?*
- ▲ Lembaran kerja dilema
- ▲ Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?



Bagi guru:

- ▲ Epilog bagi beberapa dilema

Persediaan:

Pilih dua atau lebih dilema (bergantung kepada bagaimana anda hendak menggunakan waktu kelas). Pastikan anda memasukkan satu atau lebih dilema yang ditandakan *, yang menyentuh mengenai keaburan dalam membezakan orang awam dan kombatan.

Panduan Metodologi — Semak semula bahan mengajar dalam Nota kepada guru 4 “Menggunakan dilema”.

Masa:

Dua sesi 45-60 minit

Penerokaan 3B: Dari perspektif kombatan

1. Pertimbangkan dilema yang dihadapi oleh kombatan (kumpulan kecil) (20-25 minit)

Berikan setiap kumpulan suatu dilema. Semasa mereka memikirkan tindakan yang hendak diambil, mereka juga sepatutnya menimbangakan:

- ▲ pelbagai tindakan yang mungkin
- ▲ akibat yang mungkin berlaku bagi setiap tindakan
- ▲ tujuan kemanusiaan dan apa yang dikehendaki oleh IHL
- ▲ pelbagai orang yang terlibat dan pendapat mereka
- ▲ bagaimana emosi dan tingkah laku boleh mempengaruhi akibat
- ▲ keadaan yang mempengaruhi pilihan mereka (seperti tekanan masa, bahaya keadaan persekitaran dan pengaruh orang lain yang terlibat)

Selepas 10-15 minit, minta semua kumpulan pilih tindakan manakah yang hendak diambil. Minta mereka tuliskan apa yang mereka pilih dan kenapa mereka memilihnya.



2. Laporkan keputusan dilema (20-30 minit)

Dalam laporan mereka, kumpulan-kumpulan sepatutnya:

- ▲ menggariskan **situasi** dilema yang mereka hadapi dalam cubaan untuk menegakkan IHL
- ▲ rujuk kepada mana-mana **peraturan** IHL yang terpakai kepada situasi itu
- ▲ tunjukkan **tindakan** yang mereka putuskan untuk diambil
- ▲ berikan **alasan** mereka bagi pilihan itu

CATANAN: “Epilog bagi sesetengah dilema” yang diperuntukkan pada akhir penerokaan ini memberitahu apa yang telah berlaku dalam dua daripada situasi yang terlibat dan boleh dibacakan kepada pelajar selepas pelajar melaporkan dan membincangkan dilema yang timbul.

3. Perbezaan antara orang awam dan kombatan (10 minit)

Bentangkan Perkara 48 Protokol I tambahan kepada Konvensyen Geneva (turus sisi).

Bantu para pelajar memahami kenyataan undang-undang ini dengan meminta mereka memberikan contoh:

- ▲ siapa yang boleh dianggap sebagai orang awam dalam konflik bersenjata
- ▲ apakah yang dianggap objek awam dan apa yang boleh dianggap objek ketenteraan

Gunakan contoh seperti berikut untuk menggambarkan bagaimana kes yang tidak jelas boleh menyumbang kepada dilema yang dihadapi oleh askar dalam menegakkan IHL.

- ▲ seorang wanita yang memberikan makanan dan perlindungan kepada askar
- ▲ sebuah kilang besi
- ▲ suatu universiti di mana beberapa pelajar dilatih bagi perkhidmatan ketenteraan

Perkara 48
Dalam memastikan penduduk awam dan objek awam dihormati dan dilindungi, pihak kepada konflik hendaklah pada setiap masa membezakan antara penduduk awam dan kombatan dan antara objek awam dan objek ketenteraan dan seterusnya hendaklah mengarahkan operasi mereka hanya terhadap objektif ketenteraan.

– Protokol I tambahan kepada Konvensyen Geneva, 1977

Perkara 50
Jika wujud keraguan sama ada seseorang itu orang awam, orang itu hendaklah dianggap sebagai orang awam.

– Protokol I tambahan kepada Konvensyen Geneva, 1977

Penerokaan 3B: Dari perspektif kombatan

Kami belajar untuk tidak mempercayai sesiapa, walaupun kanak-kanak. Semua tin minuman hendaklah dikemekkan — jika tin-tin itu dibiarkan tanpa dikemekkan, gerila akan membelinya daripada budak-budak tempatan dan menggunakannya sebagai bekas bagi grenad tangan. Kami hidup kerana kami penuh dengan syak wasangka.

— apa yang diingati oleh seorang askar

Satu hari orang ramai berlari mengelilingi kamu dan memeluk kamu, dan pada hari keesokannya seorang budak kecil melemparkan grenad ke arah kamu. Apakah yang harus anda putuskan? Apakah yang harus anda merasai? Saya tidak tahu.

— apa yang diingati oleh seorang askar

Penutup (10 minit)

- Apakah akibat jika tidak dapat mengenali siapa orang awam? Apakah akibat selanjutnya yang boleh dibawa oleh akibat ini?
- Apakah faktor lain yang membuatkan tingkah laku kemanusiaan sukar semasa konflik bersenjata?
- Apakah sesetengah alasan bagi orang awam dilayan sebagai kombatan musuh?
[Contohnya, dengan menolong musuh, askar tidak dapat membezakan siapakah kombatan dan siapa yang bukan, di tempat di mana ada pasukan musuh]
- Bagaimana kombatan mempengaruhi layanan yang diterima oleh orang awam mereka semasa peperangan bersenjata?

Berikan perhatian kepada tanggungjawab kedua-dua pihak semasa konflik:

- ▲ Orang awam tidak boleh menjadi sasaran.
- ▲ Orang awam tidak boleh diletakkan dalam risiko oleh kombatan yang menyamar sebagai orang awam.
- ▲ Orang tahanan dan orang yang tercedera mestilah dijaga.

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Mematuhi peraturan-peraturan IHL semasa konflik bersenjata seringkali melibatkan dilema.
- ◆ Banyak dilema timbul akibat kesukaran untuk membezakan antara kombatan dan orang awam.
- ◆ Kadangkala orang sengaja mengaburkan perbezaan itu, dan kadangkala ia dikaburkan apabila peperangan itu berlaku di kawasan penempatan.
- ◆ Sekiranya tidak pasti sama ada seseorang itu orang awam atau anggota tentera, orang itu hendaklah dianggap sebagai orang awam.

Penerokaan 3B: Dari perspektif kombatan

Aktiviti lanjutan



<None>Sejarah penglibatan orang awam dalam peperangan

Sehubungan dengan kajian anda mengenai sejarah, periksa bagaimana orang awam telah dilihat sebagai orang yang telah pergi berperang. Bagaimana peperangan gerila memberi kesan terhadap orang awam? Bagaimana perubahan dalam strategi pertempuran dan perkembangan teknologi mempengaruhi status mereka sebagai orang awam dan perbezaan antara orang awam dan kombatan?

Main peranan

Sediakan versi drama bagi salah satu dilema. Selain watak yang membuat keputusan, terdapat juga watak dalam senarai “Perkara lain yang perlu dipertimbangkan” dan watak lain yang boleh anda fikirkan. Contohnya, dalam dilema yang melibatkan suatu kumpulan askar, para pelajar boleh memainkan peranan sebagai askar yang berbeza dan juga pegawai kepada siapa yang membuat keputusan itu perlu membuat laporan.



Epilog bagi sesetengah dilema

Epilog bagi dilema “Sekarang apa yang perlu saya lakukan?”

Seorang leftenan mengambil keputusan untuk memanggil helikopter perubatan tenteranya dan menunggu helikopter itu datang untuk membawa askar musuh ke suatu unit perubatan. Dia kemudiannya menulis tentang keputusannya itu:

Saya telah membenarkan hati saya menguasai minda saya. Saya tahu taktik yang biasa digunakan bagi satu unit kecil ialah sepatutnya kami semua berlari ke bot, geledah dengan segera segala kelengkapan atau maklumat yang berguna dan kemudian keluar dari situ dengan segera. Tetapi saya masih di sini cuba menjadi ‘Florence Nightingale’ dan meletakkan nyawa orang-orang dalam pasukan saya dalam risiko.

Sebaik sahaja helikopter tiba, tahanan yang tercedera itu mati.

Dia dah mati! Saya rasa seperti disepak di bahagian dada.(...) Saya berfikir seperti hendak gila (...)”Awak tidak boleh mati sekarang, selepas kami menunggu kamu di sini! Ini tak adil!”(...) Kami meninggalkan dia di situ untuk rakannya atau burung ereng, yang mana yang menjumpainya dahulu. Kegelapan menyelubungi kami sekarang dan kami tiada masa untuk mengebumikannya.

Epilog bagi dilema “Bagaimana kalau dia bercakap benar?”

Inilah kata-kata leftenan menceritakan apa yang telah dilakukannya.

Saya menggigil apabila saya menimbangkan apa yang telah saya lakukan. (...) Perasaan serba salah menyelubungi saya. Saya rasa saya benar-benar bodoh dan saya mahu lari dari situasi ini secepat yang mungkin. Saya tidak mahu melihat tawanan-tawanan itu, saya tidak mahu fikirkan tentang mereka, saya mahu mereka hilang dari penglihatan saya. Pada mulanya, saya yakin bahawa mereka semua bersalah. Dalam sesaat sahaja saya meragui tanggapan itu dan mula meyakini bahawa mereka tidak bersalah.(...) Saya tidak boleh berfikir apa yang harus saya lakukan atau bagaimana untuk bertindak. Saya hilang arah dan menjadi begitu takut. Satu-satunya cara untuk menyelamatkan diri saya ialah dengan menghapuskan masalah itu, jadi saya memutuskan tawanan-tawanan itu dilepaskan.

Dua minggu kemudian, salah seorang anggota pasukan leftenan telah diserang hendap semasa membuat rondaan. Salah seorang dari orangnya telah dibunuh dan dua lagi telah tercedera. Dua orang gerila yang menyerang hendap mereka juga turut terbunuh. Leftenan itu masih dapat ingat bagaimana perasaannya apabila salah seorang daripada orangnya pulang dan telah memberitahunya bahawa salah seorang daripada gerila yang terbunuh itu ialah “adik perempuan nelayan itu”; dengan senapang yang pelurunya hampir kosong masih berada dalam tangannya.

Dari pandangan matanya jelas dia menuduh bahawa saya telah cuai dengan membebaskan pembunuh kerana saya lebih pentingkan peraturan-peraturan dan memanjakan tahanan wanita daripada mementingkan keselamatan kawan-kawan dan ahli kumpulan sendiri. Saya tahu [mereka] fikir saya telah menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan kami sendiri dengan melepaskan tiga orang tawanan itu.

Tetapi kemudian ada suatu fikiran yang masih berbisik kepada diri saya: Adakah wanita itu musuh kami sebelum kami menawannya atau selepas kami menawannya?

Sumber: Diadaptasikan daripada David Donovan, *Once a Warrior King: Memories of an Officer in Vietnam*, McGraw-Hill, New York, 1985.

Apa yang perlu saya lakukan sekarang?

Seorang leftenan yang bertanggungjawab terhadap satu skuad kecil yang diarahkan untuk menawan empat buah bot yang membawa satu konvoi tentera yang tidak lagi berupaya, termasuk bahan-bahan yang terdapat di dalamnya. Skuadnya menghampiri sasaran dan telah diserang. Mereka membalas serangan sambil maju ke arah sasaran. Kemudian beberapa orang keluar dari tempat persembunyian dan menyerah diri dengan mengangkat tangan. Dia mengumpulkan tawanan-tawanan itu, tetapi tidak tahu ke mana perginya dua lagi bot musuh.

Salah seorang ahli skuad mengheret seorang askar musuh yang tercedera keluar dari sungai. Serpihan peluru telah menyebabkan perutnya terbuka. Dia terbaring di atas tanah dengan matanya tertutup, mengerang kesakitan perlahan. Tali perutnya terkeluar. Melutut di sebelah orang itu, leftenan itu berkata kepada dirinya sendiri, "Oh Tuhan! Apa yang harus saya lakukan sekarang".

Dia boleh menghubungi helikopter perubatannya melalui radio untuk datang mengambil orang yang tercedera itu, tetapi adakah selamat bagi skuadnya untuk berada di kawasan itu? Sudahkah askar musuh lain meninggalkan kawasan itu ataupun mereka sedang bersembunyi di sebalik pokok-pokok, menunggu masa untuk bertindak sebagai sahaja ada peluang? Askar musuh itu terlalu parah untuk dibawa balik ke pengkalan.

Tidak mungkin saya akan meninggalkan lelaki yang tercedera itu di sana dan membiarkan dia mati, tetapi menunggu helikopter penyelamat juga akan membawa masalah. Kami tidak tahu berapa ramai lelaki di dalam bot yang berjaya melepaskan diri itu. Kami meng-agak bahawa terdapat tujuh orang tahanan semuannya. Jika yang lain telah melepaskan diri, mungkin mereka bersembunyi di dalam hutan, dan bersenjata. Jika mereka kembali untuk menyelamatkan rakan mereka, kami


akan berada dalam keadaan yang sangat merbahaya. Kami hanya ada lima belas orang, dengan tujuh tawanan untuk dijaga. Senjata semakin hampir. Kami hanya ada senjata individu dan sedikit bekalan peluru. Kami tiada bekalan makanan dan tiada bantuan udara untuk dipanggil sekiranya berlaku kecemasan.

Pandangan-pandangan lain yang perlu diambilkira:

- Seorang askar di dalam skuad
- Musuh yang tercedera
- Pegawai atasan leftenan itu
- Juruterbang helikopter
- Askar musuh yang bersembunyi

Sebagai leftenan, buat keputusan apa yang perlu dilakukan

Sumber: Diadaptasikan daripada David Donovan, *Once a Warrior King: Memories of an Officer in Vietnam*, McGraw-Hill, New York, 1985



Sumber 1
2 daripada 6

Perluakah saya memberhentikannya?

Pejuang gerila ini hampir membunuhnya. Leftenan itu sedang berada dalam air yang separas pinggang apabila dia merasa serangan yang kuat terhadap kakinya daripada bawah. Seorang askar musuh telah melompat keluar dari air yang berkeladak dan mengelarnya dengan pisau. Dia nampak dua perkara pada ketika itu: keganasan di dalam mata lelaki itu dan pisau di tangannya.

Selepas bergelut dengan susah payahnya di dalam air, leftenan itu berjaya memegang tangan lelaki itu sehinggalah orangnya menyelamatkannya dan menahan gerila itu. Pegawai muda itu rebah di atas tebing.

Tetapi sekarang dia sedar askarnya sedang duduk di sekeliling gerila itu. Mereka sedang menyoal siasat tahanan itu dan mengugutnya dengan pisau. Sebagai pegawai yang bertanggungjawab bagi skuad itu, leftenan itu pergi memeriksa apa yang sedang berlaku. Sebaik sahaja dia sampai, orang yang ditahan itu telah ada luka di bahagian dadanya. Seorang sarjan cuba memberhentikan penyoal yang sedang marah dengan menjerit:

Kita tidak boleh mengambilnya sebagai tawanan sekiranya anda mencederakannya. Jadi jangan mengelarnya lagi. Kita boleh kata dia tercalar apabila kita mengheretnya ke dalam bot, tetapi tolong bertenang dan jangan mencederakannya lagi.

Para penyoal itu dengan berat hati bersetuju untuk berhenti, tetapi apabila tawanan itu terus berdegil tidak mahu memberikan maklumat, para penyoal itu mengelarnya dengan pisau sekali lagi dan sekarang menekan pisau itu ke sebelah lain dada tawanan itu.

Sebagai leftenan, buat keputusan apa yang perlu dilakukan

Perkara lain yang perlu dipertimbangkan:

- tawanan
- penyoal
- sarjan
- askar lain dalam platun leftenan itu
- pegawai tentera atasannya di ibu pejabat

Sumber: Diadaptasikan daripada David Donovan, *Once a Warrior King: Memories of an Officer in Vietnam*, McGraw-Hill, New York, 1985.



700 tahanan dan hanya sedikit bekalan untuk hidup

Suatu peperangan yang berjaya di kawasan padang pasir, jauh dari bandar dan kawasan perumahan, akhirnya tamat.

Seorang askar yang menang masih mengingatinya.

Kelaparan menyedarkan kami daripada keadaan separuh sedar. Kami ada tujuh ratus tahanan selain lima ratus orang kami sendiri. Kami tiada wang (atau pasir); dan makanan kami yang terakhir ialah dua hari yang lalu. Unta tunggangan kami boleh memberikan daging cukup untuk enam minggu, tetapi ia bukanlah satu pilihan yang baik, kerana memakan daging unta boleh menyukarkan pergerakan kami di masa depan.

Apa yang patut mereka lakukan?

Perkara lain yang perlu dipertimbangkan:

- ↳ askar lain yang menang
- ↳ tawanan
- ↳ pegawai yang menang



Sumber: T.E. Lawrence, *Pemberontakan di Gurun (Revolt in the Desert)*, George H. Doran Company, New York, 1927.

Foto: ICRC



Sumber 1
4 daripada 6

Bagaimana jika dia bercakap benar?

Apabila tembak-menembak berhenti, kami mengelilingi kubu pertahanan (*bunker*). Masih ada orang di dalam. Kami menjerit kepada mereka supaya menyerah diri. Seorang lelaki dan seorang wanita keluar dengan mengangkat tangan mereka. Di dalam kubu tersebut, kami menemui dua orang gerila yang telah mati, bersama-sama senjata dan dokumen. Kami pasti bahawa wanita dan lelaki itu ialah kombatan musuh. Mereka telah menembak dan membunuh dua daripada orang kami dan sekarang dua orang ini ditawan dengan senjata mereka yang masih panas! Askar-askar saya merasa seperti ingin membunuh mereka sebagai pembalas dendam. Sebagai pegawai yang bertanggungjawab, saya menghadapi masa yang sukar untuk cuba menenangkan askar-askar saya dan membawa dua tawanan itu ke pangkalan kami.

Selepas itu, saya terpaksa pula memberhentikan sarjan saya daripada mendera mereka semasa soal jawab. "Tidaklah kamu tahu apa-apa mengenai peraturan peperangan?" Saya menjerit. Dia merenung muka saya. "Saya hanya cuba mendapatkan kebenaran daripada wanita ini", katanya, "mereka terus menerus menipu dan tidak memberikan maklumat yang kita kehendaki".

Saya tahu yang dia betul. Kami memerlukan maklumat daripada mereka, dan sebaik sahaja mereka

dihantar ke kem tahanan, peluang untuk mendapatkan maklumat itu sudah tiada. Kami memang memerlukan maklumat tersebut daripada mereka. Saya hilang sabar. Saya membawa lelaki itu keluar ke bahagian belakang bangunan. Dia terus dengan penafiannya. Jadi saya menjerikah, "Sama ada kamu beritahu atau kamu mati". Saya menembak ke arah pokok dan saya mengarahkan agar dia disembunyanikan. Kemudian saya membawa wanita itu keluar, dan menekan muncung senapang ke dahinya dan bercakap,

Kawan anda menipu; jadi saya bunuh dia. Kecuali kamu bercakap benar, saya juga akan membunuh kamu.

Di manakah kawan-kawan gerila kamu yang lain? Di mana mereka menyimpan senjata mereka?

Dia menyatakan bahawa mereka hanya sedang memancing dan berlari ke dalam bunker untuk menyelamatkan diri daripada tembakan "mesin-gan". Air mata mengalir keluar daripada matanya

Sebagai leftenan, buat keputusan apa yang perlu dilakukan

apabila dia merenung ke dalam mata saya dan bersumpah bahawa dia bercakap benar.

Kami telah menangkap wanita ini dan rakannya semasa mereka sedang melakukan kesalahan. Kesalahan tertulis di air muka mereka – mereka memang bersalah! Tetapi tiba-tiba saya menjadi tidak pasti!

Perkara lain yang perlu dipertimbangkan:

- seorang daripada tawanan
- sarjan yang menyoal mereka
- askar-askar lain yang memerhati
- seorang askar yang rakannya mati disebabkan oleh kombatan-kombatan yang menyamar sebagai orang awam
- seorang jurugambar tentera
- pegawai atasan leftenan di ibu pejabat
- pemimpin tentera musuh

Sumber: Diadaptasikan daripada David Donovan, *Once a Warrior King: Memories of an Officer in Vietnam*, McGraw-Hill, New York, 1985

Apa yang kami perlu lakukan dengan jip ini?

Kami lapan orang pejuang terpaksa bersempit- sempit di dalam jip Toyota yang kecil, bersama- sama dengan senjata yang kami bawa dari seberang sempadan. Apabila kami menghampiri sebuah kampung, seorang budak berumur 12 tahun berlari dengan gembiranya untuk menyambut kami. Dia melaporkan yang kapal terbang telah terbang di sekitar kawasan itu dan mengebom kawasan yang berhampiran sepanjang pagi.

Kami meletakkan jip di bawah pokok supaya ia tidak mudah dilihat dari udara. Kami nampak empat kapal terbang berbunyi dengan kuatnya di atas kepala dan menjatuhkan bom di kawasan kampung lebih kurang dua kilometer dari situ. "Itu kawasan rumah saya", kata komander saya. "Pasukan musuh sedang cuba untuk menutup sempadan dan meng- hancurkan semua benda supaya tiada halangan lagi. Beberapa penduduk kampung telah melarikan diri ke kawasan pergunungan, tetapi masih ramai yang tinggal di dalam rumah mereka".

Jet pejuang berpusing-pusing dan turun rendah. Kali ini bom meletup lebih kurang 500 ela dari kami. Dua orang lelaki keluar dari kampung dan memekik kepada kami.

Kamu mesti pergi. Anak-anak kami ada di sini. Jika kapal terbang itu nampak jip kamu, kami semua akan dibom. Mereka akan tahu kamu semua di sini kerana hanya pejuang yang ada jip.

Salah seorang daripada pejuang kami membalas dengan tenang.

Kamu patut melarikan anak-anak kamu; bawa mereka ke padang. Kami tidak boleh meng- gerakkan jip sekarang; kapal terbang akan nampak kami jika kami berbuat demikian. Kami telah meletakkan jip di bawah pokok untuk menyembunyikannya. Kami sedang berjjuang untuk menolong kamu — mempertahankan kamu, bagi kebebasan kamu.

Jika anda memaksa kami pergi sekarang dan kami terbunuh, kamu telah membantu musuh. Tugas kamu ialah menggali tempat bawah tanah atau tempat perlindungan daripada bom untuk menjaga isteri dan anak kamu.

Perkara lain yang perlu dipertimbangkan:

- ▶ ketua kampung
- ▶ penduduk kampung yang lain (remaja, kanak-kanak, ibu bapa)
- ▶ komander pejuang penen- tang

Sebagai kumpulan pejuang, buat keputusan apa yang perlu dilakukan.

Sumber: Diadaptasikan daripada Jan Goodwin, *Caught in The Crossfire*, E.P. Dutton, New York, 1987.

Penerokaan 3B: Dari perspektif kombatan

Sumber 1
6 daripada 6



Bolehkah saya menembak perkampungan?

Pada awal pagi, jajaran kereta kebal dan pengangkut tentera bergerak di atas jalan di kawasan luar bandar yang padat penduduknya. Kami dikelilingi oleh pagar berdawai pangkalan udara di sebelah kiri dan bangunan sempit dan panjang di sebelah kanan. Kami berhenti untuk memastikan keadaan di situ. Rakan saya menunduk untuk melihat ke dalam menara kereta kebal dan berkata, "Saya tidak suka keadaan di sini". Operator radio kami berpaling kepada saya dan berkata yang dia baru saja mendengar laporan yang ramai askar gerila bersembunyi di kawasan itu.


Dari tempat saya menaiki kenderaan sebagai penembak kereta kebal, saya dapat melihat dengan jelas. Memang benar, melalui habuk dan cuaca pagi yang mendung, saya boleh nampak bayang-bayang orang sedang mencari posisi di antara rumah kampung bertentangan dengan platun orang kami dalam kenderaan pengangkut askar di sebelah hadapan jalan. Saya juga boleh nampak orang-orang itu bersenjata.

Seseorang menjerit supaya menembak.

Sebagai penembak kereta kebal, buat keputusan apa yang perlu dilakukan

Perkara lain yang perlu dipertimbangkan:

- askar musuh di dalam kampung
- penduduk kampung
- rakan askar penembak
- pegawai atasannya



Lembaran kerja dilema

Masalah:	
Tindakan:	
Kebaikan:	Keburukan:
Tindakan:	
Kebaikan:	Keburukan:
Tindakan:	
Kebaikan:	Keburukan:
Keputusan dan alasan bagi pilihan ini:	



Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

1 Serangan mestilah dihadkan kepada sasaran kombatan-kombatan dan tentera.

- 1.1 Orang awam tidak boleh diserang.
- 1.2 Objek awam (rumah, hospital, sekolah, tempat beribadat, monumen bersejarah atau kebudayaan, dsb.) tidak boleh diserang.
- 1.3 Menggunakan orang awam sebagai perisai adalah dilarang.
- 1.4 Kombatan-kombatan dilarang menyamar sebagai orang awam.
- 1.5 Membiarkan orang awam kebuluran sebagai salah satu kaedah peperangan adalah dilarang.
- 1.6 Adalah dilarang menyerang objek-objek yang sangat diperlukan bagi kehidupan penduduk awam (bekalan makanan, kawasan perladangan, pusat bekalan air, dsb.)
- 1.7 Adalah dilarang menyerang empangan, daik atau pusat kuasa nuklear, jika serangan itu boleh menyebabkan kehilangan yang keterlaluan terhadap penduduk awam.

2 Serangan atau senjata yang digunakan terhadap orang awam, objek ketenteraan dan manusia secara sembarangan, dan yang boleh mengakibatkan kecederaan atau penderitaan yang melampau adalah dilarang.

- 2.1 Senjata tertentu adalah dilarang — senjata biologi dan kimia, senjata laser yang boleh membuatkan, senjata yang mencederakan anggota badan melalui cebisan yang tidak dapat dikesan oleh pancaran-X, racun, periuk api pembinaasa anggota, dsbnya.
- 2.2 Adalah dilarang memberi perintah atau mengugut bahawa tidak akan ada orang yang akan hidup.

3 Orang awam, kombatan yang tercedera, dan tahanan tidak boleh dibunuh. Mereka hendaklah dilindungi dan dilayan dengan berperikemanusiaan.

- 3.1 Tiada seorang pun boleh tertakluk kepada penyeksaan fizikal atau mental, hukuman bunuh atau layanan yang kejam atau penganiayaan.
- 3.2 Keganasan seks adalah dilarang.
- 3.3 Pihak-pihak kepada konflik mestilah mencari dan merawat musuh mereka yang tercedera dan sakit yang berada di bawah pengawasan mereka.
- 3.4 Adalah dilarang membunuh atau mencederakan tentera yang menyerah diri atau seseorang *hors de combat*.
- 3.5 Tahanan berhak untuk dihormati dan mestilah dilayan dengan berperikemanusiaan.
- 3.6 Menahan sebagai tebusan adalah dilarang.
- 3.7 Memaksa penduduk awam supaya meninggalkan tempat tinggal mereka adalah dilarang. "Penghapusan etnik" juga dilarang.
- 3.8 Seseorang yang berada dalam tawanan musuh berhak untuk menerima dari dan menghantar berita kepada ahli keluarga mereka serta menerima bantuan kemanusiaan (makanan, bantuan perubatan, sokongan psikologi, dsb.).
- 3.9 Kumpulan yang mudah terdedah kepada bahaya, seperti wanita yang mengandung dan ibu yang masih menyusui anaknya, kanak-kanak yang bersendirian, orang tua, dsb., mestilah diberi perlindungan yang khas.
- 3.10 IHL melarang perekrutan dan penglibatan dalam keganasan bagi kanak-kanak di bawah umur 15 tahun.
- 3.11 Semua orang berhak kepada perbicaraan yang adil (tribunal yang saksama, tatacara yang biasa, dsb.). Hukuman secara berkumpulan (*collective punishment*) adalah dilarang.



Sumber *
2 daripada 2

Apakah peraturan-peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

4 **Petugas-petugas perubatan tentera dan awam dan kemudahan-kemudahan (hospital, klinik, ambulan, dsb.) hendaklah dihormati serta dilindungi dan mestilah diberi segala bantuan yang sedia ada supaya mereka dapat melaksanakan tugas-tugas mereka.**

4.1 Lambang palang merah atau bulan sabit merah adalah simbol perlindungan bagi petugas-petugas dan kemudahan perubatan. Serangan terhadap orang yang memakai atau objek yang menggunakan lambang ini adalah dilarang. Penyalahgunaan kedua-dua lambang ini adalah dilarang.

4.2 Unit perubatan dan kenderaan tidak boleh digunakan untuk melakukan tindakan yang membahayakan musuh.

4.3 Dalam memberikan rawatan kepada orang yang sakit dan cedera, mangsa tidak boleh diberi keutamaan berdasarkan bangsa, kerakyatan, agama, rakan dsb. kecuali atas sebab-sebab perubatan.

Definisi

kerosakan sampingan (collateral damage): ialah kerosakan atau kehilangan yang secara tidak sengaja semasa serangan yang berlaku walaupun segala langkah berjaga-jaga telah dibuat untuk menghalangnya, atau dalam apa-apa keadaan yang dibuat untuk mengurangkan kehilangan nyawa orang awam, kecederaan kepada orang awam atau kerosakan kepada objek awam.

hors de combat: menggambarkan kombatan-kombatan yang telah ditawan, yang cedera atau sakit atau mengalami nahas kapal dan oleh sebab itu tidak boleh berperang lagi.

orang awam (civilians): mana-mana orang yang bukan kombatan (sekiranya ada keraguan mengenai identiti, seseorang itu haruslah dianggap sebagai orang awam)

Sekiranya orang awam terlibat secara langsung dalam keganasan, mereka

menjadi kombatan dan hilang perlindungan yang diberi kepada orang awam.

objek awam (civilian objects): apa-apa objek yang bukan sasaran ketenteraan.

Sekiranya objek awam digunakan untuk mencapai objektif ketenteraan, ianya menjadi sasaran ketenteraan dan hilang perlindungan.

kombatan (combatant): orang yang mengambil bahagian secara langsung dalam keganasan atau anggota-anggota angkatan tentera.

sasaran ketenteraan (military objects): kombatan dan objek-objek yang mana dari segi sifatnya, lokasi atau kegunaannya boleh menyumbang secara efektif terhadap tindakan ketenteraan serta kemungkinannya akan membawa suatu kelembahan kepada pihak tentera.

Penerokaan 3C: Siapakah yang bertanggungjawab?

Dalam Penerokaan 3A dan 3B, pelajar berpeluang meneroka kenapa kombatan mencabuli undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL) dan bagaimana satu pencabulan membawa kepada pencabulan yang lain. Penerokaan 3C ialah mengenai soalan yang ditanya oleh para pelajar semasa permulaan program ini. Siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan IHL dipatuhi? Untuk mencari jawapannya, mereka dibawa meneroka kenyataan yang dibuat oleh pemimpin tentera dari tiga benua.

Objektif:

- ▲ untuk memahami siapakah di antara para kombatan yang bertanggungjawab untuk memastikan peraturan-peraturan dipatuhi
- ▲ untuk mengenal pasti bagaimana tanggungjawab itu dilaksanakan

Sumber-sumber:

- ▲ Bahan bacaan: Siapakah yang bertanggungjawab?

Masa:

satu sesi 45-60 minit

1. Sumbangsaan (5 minit)

Buat senarai jawapan kepada soalan:

- Apakah yang para kombatan perlukan untuk mematuhi peraturan?
[Contohnya: pengetahuan mengenai peraturan, latihan mengenai peraturan, pemimpin yang tidak memberikan arahan yang tidak sah dan yang menunjukkan contoh, sokongan dalam bentuk logistik untuk membawa mereka seperti helikopter medivac untuk membawa keluar tahanan yang tercedera, pengetahuan bahawa pencabul peraturan akan dihukum, dsb.]

Kemudian bagi setiap idea dalam senarai sumbangsaan mereka, tanya:

- Siapakah yang bertanggungjawab melakukannya?

2. Tanggungjawab untuk mematuhi peraturan

(tiga kumpulan) (20 minit)

Untuk menganalisa pembacaan, "Siapakah yang bertanggungjawab?", beri setiap kumpulan satu daripada tugas berikut:

- ▲ Senaraikan tanggungjawab pegawai.
- ▲ Senaraikan tanggungjawab askar.
- ▲ Senaraikan tanggungjawab kerajaan.

Berkumpul semula untuk laporan oleh kumpulan dan perbincangan mengenai apa yang telah mereka temui. Semak semula senarai sumbangsaan berdasarkan pembacaan.

Komander 1: *Kegagalan untuk menegakkan prinsip asas IHL tidak membantu tujuan kita dan akan membawa akibat yang serius.*

Konsep utama: cara dan hasilnya, kepentingan peribadi, pendapat awam, imej



Penerokaan 3C: Siapakah yang bertanggungjawab?

Kolonel 2: Kita harus mengambil kira segala aspek kemanusiaan peperangan dalam **arahan operasi** kita untuk berjuang dalam peperangan.

Konsep utama: rancangan ketenteraan, tawanan, penjagaan perubatan untuk musuh yang cedera, kepatuhan

Kolonel 3: Komander mempunyai tanggungjawab untuk **memastikan yang peraturan-peraturan diikuti**. Dan ini memerlukan **latihan dan disiplin yang tegas**.

Konsep utama: pelaksanaan, tanggungjawab, latihan, disiplin

3. Contoh lain (10 minit)

Bincang:

- Apakah contoh lain yang anda dapat kenal pasti?
- Bolehkah “hasilnya” diterima jika “caranya” tidak boleh diterima? Kenapa ya atau kenapa tidak? Bolehkah tujuan seorang pemimpin diragui kerana apa yang dilakukan oleh pengikutnya?

4. Bagaimana jika seorang askar diberi arahan yang mencabuli IHL? (5 minit)

Ini merupakan suatu soalan yang rumit yang akan timbul semula dalam aktiviti selepas ini. Walau bagaimanapun, para pelajar sepatutnya tahu bahawa arahan itu adalah tidak sah dan bahawa askar itu bertanggungjawab untuk tidak mematuhi arahan yang mencabuli IHL.

Penutup (5 minit)

Pertimbangkan kenyataan berikut dari seorang komander.

“Pertempuran ialah cara yang terakhir. Tanpa undang-undang kemanusiaan, tiada cahaya dalam terowong.”

- Apakah yang dimaksudkan dengan “tiada cahaya dalam terowong”? Kenapa ia penting?
Jika anda membenarkan musuh anda kalah dengan bermalu, mereka tidak akan merasa bahawa mereka terpaksa berjuang hingga kepada orang yang terakhir. Inilah tujuan peraturan sebenarnya.
- Bagaimanakah membenarkan musuh anda kalah dengan bermalu menyumbang kepada kedamaian? Apakah idea ini diguna pakai kepada pergaduhan atau konflik dalam kehidupan seharian? Jika ya, bagaimana? Jika tidak, kenapa tidak?

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Pelbagai pihak bertanggungjawab untuk memastikan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dihormati. Walaupun ia hanya mengambil seorang sahaja untuk mencabuli IHL, namun ia memerlukan gandingan usaha pihak kerajaan, tentera dan kombatan untuk memastikan peraturan IHL dihormati.
- ◆ Adalah penting untuk sesebuah negara memastikan agar undang-undang kemanusiaan antarabangsa dipatuhi.

Penerokaan 3C: Siapakah yang bertanggungjawab?

Aktiviti lanjutan





Karangan

Semak semula apa yang telah anda pelajari dalam Modul 2 dan 3 dan tuliskan suatu perenggan atau karangan sebagai jawapan kepada soalan ini:

- Kenapakah negara dan tentera bersetuju mematuhi peraturan IHL?

Buku panduan kombatan

Reka suatu buku panduan “peringatan” kecil yang para kombatan boleh bawa. Gunakan contoh lukisan bagi beberapa peraturan asas IHL yang mesti mereka patuhi.



Ilustrasi daripada buku kecil yang direka bagi mengajar para kombatan mengenai peraturan peperangan.

Penerokaan 3C: Siapakah yang bertanggungjawab?

Sumber 1



Siapakah yang bertanggungjawab?

Tanggungjawab yang paling utama mengenai apa yang perlu diteruskan semasa konflik bersenjata terletak sepenuhnya dalam tangan para kombatan dan pemimpin mereka (politik dan ketenteraan) — orang yang sedang berperang. Apabila sesuatu negara menjadi pihak kepada perjanjian undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL), ia bersetuju untuk menggubal undang-undang sendiri yang menghendaki orang-orangnya mematuhi dan menguatkuasakan IHL. Ia berjanji untuk melatih dan mendidik askarnya mengenai peraturan asas IHL dan mematuhi IHL dalam perancangan dan pelaksanaan operasi ketenteraannya.

Pertimbangkan pandangan tiga pemimpin tentera dari tiga buah benua.

Komander 1 (El Salvador)

Kami mengajar pasukan kami untuk menegakkan prinsip asas ini dan mengambil langkah disiplin yang ketat terhadap sesiapa yang melanggarnya. Kami tahu yang apa-apa kegagalan akan merosakkan tujuan kami. Jika saya, sebagai komander, membuat kesalahan sedemikian, ia sudah tentu akan memberikan akibat yang serius. Kami berkeras supaya pasukan kami mematuhi peraturan tidak kira bagaimana susahnyanya keadaan itu.

- ▶ Bagaimana kegagalan menegakkan IHL merosakkan tujuan kombatan gerila?
- ▶ Bolehkah “hasil” diterima apabila “cara” tidak boleh diterima? Kenapa ya atau kenapa tidak?
- ▶ Bolehkah tujuan seorang pemimpin diragui kerana membenarkan para pengikutnya melakukan sesuatu?
- ▶ Bagaimanakah pendapatnya boleh menyumbang untuk mengelakkan pencabulan IHL?

Kolonel 2 (Jordan)

Apabila kami pergi berperang, akan ada satu dokumen yang mengandungi segala arahan operasi. Dan kami perlu memasukkan segala aspek yang berhubungan dengan undang-undang kemanusiaan dalam arahan kami. Ini termasuklah tahanan perang, contohnya — di mana mereka perlu dipindahkan, bagaimana cara melayan mereka, apa yang boleh diambil daripada mereka, bagaimana mengelakkan kecederaan, dan sebagainya. Jadi kami ada semua ini dalam arahan operasi kami.

- ▶ Kenapa perlunya pemimpin tentera meletakkan perkara-perkara kemanusiaan dalam rancangan mereka bagi operasi ketenteraan?
- ▶ Apakah contoh rancangan yang akan dimasukkan?

Kolonel 3 (Zimbabwe)

Semasa peperangan, orang yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa peraturan dipatuhi ialah komander kanan. Mereka bertanggungjawab untuk memastikan bahawa peraturan dipatuhi dan dilaksanakan melalui latihan dan disiplin yang tegas.

Askar berpangkat prebet, jika dilatih dengan betul, moral mereka akan tinggi, dan disiplin mereka akan menjadi bagus — memang, mereka akan membunuh orang awam, kerana itu adalah kenyataan dalam peperangan. Tetapi ia adalah kawalan yang dilaksanakan oleh para pemimpin yang berpangkat rendah yang memberhentikan mereka daripada menjadi pembunuhan beramai-ramai secara sewenang-wenangnya. Jika komander anda tidak memahami peraturan, jika mereka tidak mengguna pakai peraturan, dan tidak memaksa askarnya mengekalkan tahap berkenaan peraturan itu, anda tidak ada apa-apa kecuali segerombolan geng yang kacau bilau di medan pertempuran, seperti sekumpulan binatang liar.

Komander yang terbaik mempunyai askar yang terbaik. Bukannya askar yang terbaik mempunyai komander yang terbaik. Saya boleh berikan anda askar yang terbaik di dunia dan anda boleh meletakkan seorang yang bodoh dengan mereka dan mereka akan menjadi segerombolan yang kacau bilau dalam masa seminggu. Tetapi saya boleh meletakkan seorang komander yang bagus dengan askar yang tidak berguna dan mereka akan mula bertambah baik hari demi hari.

- ▶ Kenapakah dia berkata bahawa latihan dan disiplin yang tegas amat diperlukan? (Apakah jenis latihan? Apakah jenis disiplin?)
- ▶ Kenapakah tingkah laku pegawai penting?

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Kajian kes pilihan ini memeriksa suatu kejadian sejarah yang merupakan pelanggaran serius undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL). Dengan meneroka kes yang terkenal ini, para pelajar akan mengesan di manakah silapnya dan apakah yang betul dalam pemakaian peraturan IHL. Mereka akan memeriksa faktor yang telah menyumbang kepada apa yang telah berlaku, dilema yang dihadapi oleh askar, cara berlainan yang mereka bertindak balas dan akibat tindakan mereka.

Konsep pelaksanaan diperkenalkan dalam Penerokaan 3C, kajian kes ini akan membincangkan konsep pelaksanaan ini dengan lebih lanjut dengan bahan-bahan untuk meneroka realiti yang menyebabkan pelaksanaannya sukar: latihan yang diterima oleh para kombatan, keadaan semula jadi persekitaran pertempuran dalam peperangan moden (isu siapakah “orang awam”) dan isu memberi arahan yang tidak sah. Melalui kajian kes, penerokaan ini mengaitkan isu pelaksanaan dengan isu penguatkuasaan dan mula melihat kesukaran yang dihadapi apabila sesebuah negara cuba menjatuhkan hukuman salah terhadap tenteranya.

Perkara 146
Pihak Berkontrak Tertinggi akan menganunkan apa-apa perundangan yang perlu bagi memperuntukkan hukuman penal bagi orang yang melakukan, atau mengarahkan dilakukan, apa-apa pelanggaran serius Konvensyen yang ada sekarang seperti yang didefinisikan dalam Perkara selepas ini.

Setiap Pihak Berkontrak Tertinggi hendaklah bertanggungjawab untuk mencari orang yang dituduh melakukan, atau diarah melakukan, apa-apa pencabulan yang serius, dan hendaklah membawa orang itu, tanpa mengira kerakyatannya, ke mahkamahannya sendiri.

– Konvensyen Geneva Keempat

Objektif:

- ▲ untuk menyedari pelbagai cara tindak balas manusia apabila berhadapan dengan pencabulan dahsyat undang-undang kemanusiaan
- ▲ untuk memahami beberapa isu dan dilema yang terlibat dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan IHL

Sumber:

- ▲ Lembaran maklumat: Latar belakang kejadian My Lai
- ▲ Kad profil
- ▲ Kad poket MACV dan rantaian arahan selepasnya
- ▲ Video dan transkrip: Apakah yang telah kami lakukan di My Lai
- ▲ Kad apa yang terjadi
- ▲ Lembaran maklumat: Kejadian My Lai — selepas itu
- ▲ Daripada surat kepada Presiden
- ▲ Dilema:
 - Tiada belas kasihan
 - Apa yang perlu saya lakukan?
 - Apa yang perlu saya laporkan?

Masa:

dua atau tiga sesi 45-60 minit

Persediaan:

Sediakan kad “Profil” dan kad “Apa yang terjadi” untuk dibahagikan kepada pelajar secara individu.

BAHAGIAN SATU**1. Berada di sana** (15 minit)

Jelaskan kepada para pelajar yang mereka akan diminta supaya “membawa diri” mereka ke tahun 1968, dan “menyelami” peperangan di Vietnam.

Edarkan muka surat 1 “Latar belakang kejadian My Lai”.



Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah yang anda tahu mengenai askar “Kompeni Charlie” daripada maklumat latar belakang ini?
- Pada pendapat anda apakah fikiran dan perasaan yang mungkin dihadapi oleh mereka apabila mereka mendengar rancangan untuk keesokan hari? Kenapa?

Minta para pelajar bayangkan yang mereka menjadi sebahagian daripada “Kompeni Charlie” pada malam 15 Mac 1968. Tugaskan profil dengan membahagikan kad profil.

**2. Bagaimanakah askar membuat persediaan?**

(20-30 minit)

Minta pelajar tuliskan jawapan bagi dua soalan daripada kad profil sebagai catatan dalam diari yang mungkin akan mereka tulis pada malam sebelum serangan yang dirancang pada 16 Mac. Berikan masa yang mencukupi untuk para pelajar meneroka perasaan mereka sebagai peserta.

Bincangkan apa yang pelajar bayangkan mengenai fikiran askar pada malam itu. Para pelajar juga mungkin boleh memainkan peranan mereka dalam bentuk perbualan.

Bentangkan “Kad poket MACV” yang telah diberikan kepada semua askar Amerika di Vietnam. Bincangkan kandungan dan tujuan kad itu.

- Apakah panduan lain yang mungkin telah diberikan kepada askar mengenai bagaimana mereka sepatutnya bertindak?

**3. Bagaimana askar itu menghadapinya?**

(40-60 minit)

Sekarang bacakan “Pada pagi 16 Mac”, muka surat 2 “Latar belakang kejadian My Lai”. Kemudian mainkan video “Apa yang telah kami lakukan di My Lai”.

Video ini menunjukkan pengalaman di My Lai melalui apa yang diingati oleh lapan askar yang terlibat. Para pelajar akan mendengar bagaimana askar ini menilai orang awam, kesan arahan dan kehilangan kawalan, dan pilihan yang dibuat oleh askar. Mereka juga akan mendengar mengenai bagaimana askar dilatih untuk berperang (sertakan gambar askar yang dilatih 30 tahun kemudian).

Selepas menonton, teroka apa yang berlaku dengan pelajar.

CATATAN: Video itu menunjukkan lima tema yang dibentangkan dalam lima bahagian bagi pelajar menggambarkan apa yang berlaku dan penglibatan mereka di dalamnya. Permulaan setiap bahagian ditunjukkan dengan gambar askar yang sedang bergerak sebaik sahaja helikopter berlepas meninggalkan mereka.

1. latihan [suara Sarjan Hodges]
2. kami, pihak musuh, dan menentukan siapakah musuh [Bernhardt, Widmer, Simpson]
3. hilang kawalan diri, kekeliruan moral, maksud arahan [Bernhardt, Hodges, Widmer]
4. pilihan yang dibuat oleh askar [Simpson, Widmer, Hodges, Stanley, Haeberle]
5. penyaksi [Thompson, Colburn, Haeberle]



Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?



Hanya ada beberapa orang sahaja yang berada dalam keadaan itu yang boleh dengan minda dan kekuatan diri sendiri mengharungi keadaan dahsyat itu. Kebanyakannya tidak dapat melakukannya — begitu juga dengan orang yang saya kenali. Saya terkejut apabila mendapati mereka telah membuat pilihan yang salah. Mereka terpaksa menghadapinya. Begitu juga saya, begitu juga kami semua.

– Ron Ridenhour, Veteran Vietnam

Topik perbincangan:

- ▲ kesan tragedi itu bagi mangsa
- ▲ minda askar sebelum operasi 16 Mac
- ▲ pengaruh terhadap pelbagai tingkah laku askar (contohnya, latihan, persepsi terhadap musuh dan terhadap arahan, pengalaman sebelum itu)
- ▲ peranan pemimpin
- ▲ tanggungjawab setiap individu bagi setiap tindakan mereka sendiri
- ▲ isu mengenai sama ada orang awam itu adalah kombatan
- ▲ bagaimana IHL dan kad poket yang diterima oleh askar Amerika mempunyai hubungan dengan operasi di My Lai (seperti yang dirancang dan seperti yang dijalankan)

Berikan para pelajar kad “Apa yang terjadi” mengikut watak askar yang ditugaskan kepada mereka. Suruh mereka bandingkan catatan dalam diari yang mereka telah tulis tadi dengan apa yang telah mereka pelajari daripada video dan kad mereka.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Kenapakah askar ini menyebabkan kecederaan yang teruk kepada orang awam?
- Kenapakah sesetengah askar enggan menyertainya?
- Apakah perbezaan yang mungkin boleh dilakukan oleh penyaksi?
- Adakah ada masanya apabila ia menjadi penting untuk mematuhi arahan tanpa menyoal?
- Kenapakah pematuhan penting semasa berjuang dalam peperangan? Patutkah askar-askar mengikuti arahan yang bertentangan dengan undang-undang?
- Di mana/bagaimana askar mempelajari apa yang dimaksudkan dengan tidak sah atau bertentangan dengan undang-undang?
[Contohnya, daripada manual, latihan, askar lain, pemerhatian di medan pertempuran, dsb.]
- Bagaimanakah tragedi seperti 16 Mac di My Lai boleh dihalang?

4. Apakah yang sepatutnya berlaku sekarang? (10-15 minit)

Minta para pelajar tuliskan catatan kedua dalam diari — kali ini bagi malam 16 Mac. Daripada pandangan orang yang namanya ditugaskan kepada mereka, tiap-tiap pelajar hendaklah menulis tentang apa yang perlu dilakukan selepas pembunuhan beramai-ramai berlaku.

Bincangkan:

- ▲ apa yang ditulis oleh para pelajar
- ▲ apa yang mereka fikir, yang mungkin dilakukan oleh orang ramai selepas itu
- ▲ apa yang mereka fikirkan *patut* dilakukan oleh setiap individu dan kenapa (daripada pangkat prebet sehinggalah ke bahagian atas rantaian kuasa)

Teroka:

- ▲ kesan jangka pendek dan jangka panjang pembunuhan beramai-ramai ke atas para kombatan
- ▲ kesan jangka pendek dan jangka panjang ke atas usaha ketenteraan Amerika Syarikat
- ▲ motivasi di kalangan tentera yang membawa pencabul ke muka pengadilan
- ▲ motivasi di kalangan tentera yang “melindungi” kejadian itu

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

BAHAGIAN DUA

1. Mencari keadilan (20-30 minit)

Bincangkan “Kejadian My Lai — selepas itu: Apakah yang berlaku di dalam Tentera” (muka surat 1).

Bentangkan petikan berikut daripada Arahan 20 Tentera Amerika Syarikat untuk perbincangan.

Adalah menjadi tanggungjawab semua kakitangan tentera yang mengetahui atau yang menerima laporan bahawa sesuatu kejadian atau suatu tindakan yang dianggap sebagai jenayah peperangan untuk memaklumkan kejadian tersebut kepada komandernya seberapa cepat yang boleh. Kakitangan (...) akan, dalam keadaan tugas biasa mereka, berusaha untuk mengesan perbuatan melakukan jenayah peperangan tersebut dan akan melaporkan fakta penting kepada komandernya. Orang yang mendapat tahu tentang jenayah peperangan akan mengambil segala tindakan yang munasabah di bawah keadaan itu untuk menyimpan bukti fizikal, untuk mencatat identiti saksi yang hadir, dan untuk merekodkan (melalui gambar, lakaran atau catatan yang deskriptif) keadaan dan persekitarannya.

– Laporan Peers

Minta pelajar melakukan sumbangsaran untuk membuat suatu senarai sebab-sebab yang munasabah mengapa peraturan bagi penguatkuasaan IHL tidak dipatuhi. Bincang dengan mereka tentang siapakah yang mematuhi peraturan tersebut dan siapakah yang sebenarnya terlibat dalam “melindungi” apakah yang telah berlaku di My Lai dan apakah sebab yang mungkin kenapa mereka melakukan perkara tersebut.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah yang akan anda beritahu kepada Kol. Henderson atau Kapt. Medina atau jurugambar itu atau orang lain yang mengetahui tentang kejadian tersebut?
- Siapakah yang anda fikirkan patut dipersalahkan dan diadili? Untuk jenayah apa? Mengapa?
- Apakah kesannya jika askar yang lain di Vietnam terdengar khabar angin tentang pembunuhan beramai-ramai? Apakah yang akan dilakukan oleh mereka?
- Apabila kejadian itu dilindungi, apakah pada fikiran anda yang boleh dilakukan oleh seseorang untuk membongkarnya semula?

Isu yang perlu diketengahkan:

- ▲ tanggungjawab individu
- ▲ tanggungjawab pucuk pimpinan

2. Penguatkuasaan — Apa yang salah? Apa yang betul? (20-30 minit)

Bentangkan “Kronologi keputusan” daripada lembaran maklumat “Kejadian My Lai – selepas itu” (muka surat 2).

Tugaskan sebahagian daripada para pelajar untuk mengumpul contoh daripada kejadian di My Lai tentang bagaimana penguatkuasaan IHL TIDAK dilaksanakan sementara sebahagian daripada mereka mencari contoh tentang cara bagaimana ia TELAH dilaksanakan.



• 507. Bidangkuasa Sejagat (b) Orang yang Didakwa bagi Jenayah Peperangan: Pegawai Pemerintah askar Amerika Syarikat perlu memastikan yang jenayah peperangan yang telah dilakukan oleh pasukan mereka terhadap pihak musuh dihukum dengan segera dan setimpal.

• 508. Hukuman Penal Hukuman yang dikenakan bagi pencabulan undang-undang peperangan mestilah setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan. Hukuman mati boleh dikenakan bagi pencabulan undang-undang yang serius

• 509. Pembelaan Arahan Pihak Atasan (a) Sekiranya undang-undang peperangan telah dilanggar sama ada pihak tentera atau awam, akibat arahan pihak berkuasa atasan, tindakan itu tidak boleh dikecualikan daripada tindakan itu, dan ia juga tidak menjadi satu pembelaan dalam perbicaraan tertuduh secara individu, melainkan seseorang itu tidak tahu dan tidak mungkin boleh dianggap sebagai tahu bahawa tindakan yang diarahkan itu adalah menyalahi undang-undang...

— Panduan Tentera Amerika Syarikat



Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Jeneral kami, saya patuhi

Apabila arahan mereka adalah wajar, tetapi

Sekiranya tidak wajar, saya tidak akan mematuhi, dan di sini,

Seperti dalam Troy, saya akan menunjukkan sifat semula jadi saya

Untuk berperang dengan musuh saya secara bermaruah.

—Achilles dari Euripides, *Iphigeneia in Aulis*

.... kita boleh mempelajari bagaimana mudahnya seseorang itu, tanpa mengira kerakyatannya, boleh terperangkap oleh kekejaman psikologi apabila terlibat dalam peperangan.

Kekejaman sebegini selalunya disebabkan oleh kebencian terhadap seseorang, seperti yang jelas digambarkan dalam tindakan perkauman.

Masalah utama yang perlu kita tangani apabila berdepan dengan sebarang jenayah peperangan ialah ketakutan yang teramat terhadap kematian seperti yang dialami oleh askar-askar. Di dalam menangani ketakutan semasa peperangan, manusia mula cenderung ke arah kekejaman, yang sebaliknya akan menjatuhkan moral mereka dan menunjukkan sikapnya dengan jelas sebagai pencetus kekejaman.

— Cendekiawan Jepun, Yuki Tanaka

Minta pelajar pertimbangkan peranan

- ▲ orang yang hendak memasuki tentera (termasuk Ridenhour, wartawan, Thompson dan pekerja-pekerjanya, dan juga askar daripada Kompeni C)
- ▲ pegawai (termasuk askar pendakwa dan Jeneral Peers)
- ▲ media berita di Amerika Syarikat
- ▲ ahli politik
- ▲ pendapat orang ramai
- ▲ anggota juri mahkamah tentera (pegawai tentera Amerika Syarikat yang sama taraf dengan defendan)

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah pilihan mengenai penguatkuasaan yang dibuat oleh orang ramai? Kenapa?
- Apakah kesan pendapat yang berbeza terhadap pilihan?

Minta para pelajar bantangkan hasil kerja mereka.

Penutup

Anda telah melihat kerumitan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan IHL dan juga kepentingan kedua-duanya.

- Apakah idea yang anda ada mengenai apa yang boleh dilakukan bagi membolehkan lebih banyak perkara “yang betul” di masa hadapan?

[Contohnya, meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai undang-undang kemanusiaan, penggunaan tribunal antarabangsa untuk mengadili orang yang dituduh atas kesalahan jenayah peperangan, pengiktirafan ketenteraan bagi askar yang membuat laporan tentang pencabulan, dsb.]

Kenal pasti seseorang yang anda ingin menulis surat mengenai My Lai.

Tentukan tujuan surat anda dan tuliskannya, pastikan anda sertakan hujahan bagi menyokong tujuan tersebut.

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Kombatant tidak perlu mematuhi arahan yang tidak sah (*illegal orders*).
- ◆ Realiti pertempuran moden boleh menggugat pelaksanaan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
- ◆ Sesetengah negara mungkin menghadapi masalah untuk membawa anggota tentera mereka ke muka pengadilan sekiranya berlaku pencabulan undang-undang kemanusiaan.

Aktiviti lanjutan



Menulis untuk memujuk

Baca surat yang ditulis oleh Pendakwa Raya Tentera Amerika Syarikat kepada Presiden negaranya. Bincangkan:

- Apakah tujuan surat itu?
- Apakah hujah yang dibentangkan olehnya bagi menyokong tujuannya itu?

Dilema penguatkuasaan

Teroka satu atau lebih daripada tiga dilema berdasarkan ingatan pegawai mengenai kesukaran yang mereka hadapi tentang soalan apa yang perlu dilakukan terhadap pencabul peraturan.

- Tiada belas kasihan.
- Apa yang perlu saya lakukan?
- Apa yang perlu saya laporkan?

Siapakah yang bersalah? Bahaskan

Minta para pelajar bahas saranan tersebut.

Orang yang tidak bersuara apabila mereka mengetahui akan berlakunya jenayah peperangan ialah orang yang bersubahat dengan jenayah tersebut.

Penyelidikan

Adakah pencabul mengelak daripada dibawa ke muka pengadilan di negara mereka? Kes ini melibatkan tentera Amerika Syarikat. Dapatkan contoh bila Amerika Syarikat atau negara lain telah mengadili dan menghukum pencabul IHL yang berasal dari negaranya sendiri.

Psikologi/Sejarah

Gunakan analisis William Gault mengenai faktor yang membawa kepada kekejaman di suatu kejadian yang diambil dari sejarah.

Persepsi dan faktor-faktor yang membawa kepada kekejaman

1. Musuh berada di mana-mana.
(Askar yang tegang dan gelisah yang melihat ancaman segera di sekitar mereka.)
2. Musuh bukan seorang manusia.
(Istilah seperti “gooks” membayangkan kecenderungannya untuk menganggap seolah-olah musuhnya bukan manusia.)
3. Tiada tanggungjawab peribadi
(Menjadi sebahagian daripada unit dan mengikut arahan boleh bermaksud perkongsian tanggungjawab bukanlah tanggungjawab seseorang sahaja.)
4. Tekanan untuk bertindak
(Unit kombat yang tidak berperang akan menjadi gelisah terutamanya apabila periuk api dan penembak hendap menyebabkan kematian atau kecederaan. Askar yang hampir gila itu akan melakukan balas dendam yang tidak masuk akal.)
5. Penguasaan oleh orang yang ganas
(Peperangan yang kejam bersesuaian dengan orang sebegini, di mana tindakan mereka selalunya dikagumi dan mereka menjadi pemimpin.)
6. Kuasa menembak
(Senjata ringan M-16 boleh menembak sepuluh peluru dalam masa sesaat. Seorang askar yang gentar atau marah boleh menghala senjatanya ke arah musuh dan mengakibatkan kemusnahan yang menjadi-jadi.)

– Diadaptasikan daripada William Gault, “Some Remarks on Slaughter”, *American Journal of Psychiatry*, 4 Oktober 1971, Jilid 128, No. 4.

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 1
1 daripada 2

Latar belakang kejadian My Lai: Persediaan 15 Mac

Kompeni Charlie (Kompeni C) telah datang ke Vietnam pada Disember, 1967. Ia ditugaskan di Wilayah Quang Ngai, sebuah kawasan yang dianggap oleh pegawai tentera Amerika Syarikat sebagai kubu kuat Viet Cong. Kompeni C adalah sebahagian daripada Pasukan Petugas Barker yang diketuai oleh Lt. Kol. Frank Barker. Ia telah diatur untuk menghapuskan Viet Cong (VC) di kawasan itu, yang telah membunuh tentera Amerika dengan periuk api, jerangkap samar dan penembak hendap dalam kawasan yang dikenali sebagai “Pinkville”. 120 orang ahli Kompeni C datang dari pelbagai pelusuk Amerika dan purata umur mereka ialah 20 tahun. Latihan ketenteraan mereka termasuklah dua jam arahan mengenai hak-hak orang tahanan dan kad poket: “Musuh di dalam tangan anda”. Dalam masa tiga bulan pertama di Vietnam, empat anggota Kompeni C telah terbunuh dan 38 tercedera.

Pada 14 Mac, suatu jerangkap samar telah membunuh seorang sarjan yang popular, membuatkan seorang askar dan mencederakan beberapa yang lain. Perasaan membalas dendam sudah tentu tinggi pada petang 15 Mac, apabila, sebaik selepas upacara pengebumian, Kapten Medina, pegawai pemerintah mereka, telah memberikan kata-kata semangat dan arahan untuk misi mereka bagi

keesokan harinya. Mereka akan menjalankan serangan berskala besar di “Pinkville” di mana tugas mereka ialah untuk bertempur dengan Batalion 48 VC yang kuat dan memusnahkan perkampungan My Lai.

Apa yang dipertakakan olehnya telah mula diperdebatkan. Medina ingat tujuannya ialah untuk “menaikkan semangat mereka supaya mereka bersedia untuk ke sana; saya tidak memberikan sebarang arahan mengenai apa yang perlu dilakukan dengan wanita dan kanak-kanak di dalam perkampungan itu”. Beberapa orang askar bersejua bahawa itu sahaja yang dilakukannya. Sementara yang lain yakin bahawa ucapannya mengarahkan mereka untuk membunuh setiap orang di dalam perkampungan itu.

Rancangan serangan itu memerlukan Platon Pertama dan Kedua untuk memastikan zon pendaratan dan kemudian masuk ke dalam perkampungan. Kapten Medina dan wartawan serta jurugambar tentera akan tiba dengan Platon Ketiga. Daripada helikopter yang berpusing-pusing di atas, tindakan itu akan diperhatikan oleh Lt. Kol. Barker pada ketinggian 1000 kaki dan oleh Jen. Henderson pada ketinggian 2500 kaki.



Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 1
2 daripada 2



Latar belakang kejadian My Lai: Pagi 16 Mac

Apabila subuh menjelang, helikopter penyerang yang mencari Viet Cong (VC) menembak kawasan pendaratan dengan tembakan artileri. Jadi apabila pasukan helikopter mendarat, mana-mana VC yang berada di situ mungkin telah melarikan diri. Askar-askar tidak menemui apa-apa penentang semasa ketibaan mereka.

Askar daripada Platoon Kedua nampak beberapa orang Vietnam melarikan diri dan menembak ke arah mereka. Askar-askar itu berbaris dan bergerak masuk ke perkampungan. Platoon Pertama mula masuk ke perkampungan, tertekan dan menjangkakan pihak musuh akan menembak dengan sengitnya. Seseorang telah menunjukkan ke arah di mana dia nampak seorang “gook” (istilah yang bermaksud musuh). Sarjan Mitchell berkata “Tembak dia”, dan seseorang telah menembak.

Pembunuhan telah mula berlaku. Seorang askar telah menjatuhkan seorang tua yang uzur, mengelar kerongkongnya dan membuangnya ke dalam perigi. Apabila pembunuhan bermula, ia merebak dengan cepatnya. Beberapa askar yang enggan membunuh orang yang tidak bersenjata dan orang awam yang tidak melawan menjadi kurang tercegat apabila melihat rakan askar yang lain melakukannya. Dalam masa kurang dari empat jam, lebih 500 orang awam Vietnam yang tidak bersenjata telah disembelih; perkampungan mereka telah musnah sepenuhnya.



Ronald S. Haeberle/TimePix

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 2
1 daripada 3

Kad profil



Michael Bernhardt

Bernhardt mempunyai salah satu tugas yang paling berbahaya dalam tentera, digelar “tikus terowong”. Kerana musuh membawa banyak bahan melalui terowong bawah tanah, “tikus terowong” perlu melakukan carian ke dalam terowong yang dipasang dengan jerangkap samar.

Walaupun dia telah mendaftar secara sukarela, Bernhardt adalah “seorang yang anti-autoritarian berumur 24 tahun yang pernah ada masalah dengan orang atasannya dan seorang yang suka menulis kepada ahli Kongres untuk mengadu tentang apa yang silap dengan pasukan tentera Amerika Syarikat”. Dalam bulan Januari dan Februari, dia merasa terganggu dengan melihat bagaimana askar-askar dalam Kompeni Charlie melayan orang tawanan mereka.

Bernhardt: *Apabila saya nampak perbuatan yang boleh dianggap sebagai kejam jika dilakukan oleh orang lain, saya mula terfikir yang saya mungkin salah (... mungkin inilah apa yang sememangnya berlaku. Saya cuba untuk tidak berfikir sedemikian. Saya cuba mempertahankan nilai saya sendiri, tetapi ia bukanlah mudah. Sedikit demi sedikit, saya mula nampak yang kumpulan orang ini telah mula hilang kawalan.*

- Pada fikiran anda apakah yang akan berlaku esok?
- Bayangkan apa yang dia sendiri akan lakukan bila berhadapan dengan penduduk My Lai.

Leftenan William Calley



Lt Calley, 24, bertanggungjawab bagi platun ketiga Kompeni Charlie. Askar di bawah arahnya memangginya “budak yang cuba bermain peperangan”. Sikapnya terhadap orang Vietnam dirumuskan oleh seorang askar yang berkata, jika askar Calley “mahu melakukan sesuatu yang salah, ia tidak apa-apa baginya”.

Calley: *Sebaik sahaja anda menghampiri Pinkville, anda berada di dalam medan periuq api sepenuhnya. Dan anda akan ditembak dari arah hadapan dan belakang; daripada “orang awam” di My Lai. Orang tua, wanita dan kanak-kanak, mereka semua ada dalam batalion itu, betul: luar daripada kebiasaan. Dan mereka menembak, dan mereka bersenjatakan periuq api, dan mereka memetik picunya. Dan jika mereka bersama anda sebagai tawanan perang, mereka akan menarik pin daripada grenad anda sendiri. (...) Dan anda akan mati seperti lalat. Ia berlaku kepada Alpha; ia berlaku kepada Bravo; ia akan berlaku kepada Charlie esok.*

Sekarang Pinkville adalah kem pangkalan VC, kata Medina. “Kita tidak boleh membiarkan sesiapa di belakang kita”, kata Medina, seperti yang saya masih ingat. Alpha dan Bravo telah gagal kerana mereka membiarkan VC berada di belakang mereka. Dan terjadi pembunuhan yang teruk dan mereka kehilangan momentum, dan itulah merupakan kejatuhan mereka. Tugas kita, kata Medina, ialah untuk pergi dengan pantas dan meneutralkan semuanya — untuk membunuh semuanya.

- Pada fikiran anda apakah yang akan berlaku esok?
- Bayangkan apa yang dia sendiri akan lakukan bila berhadapan dengan penduduk My Lai.



Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 2
2 daripada 3



Kad profil

Larry Colburn

Colburn berhenti bersekolah pada umur 17 tahun untuk memasuki tentera. Setahun kemudian, sebagai “penembak dari pintu” (*door gunner*) helikopter peninjau, dia ialah sebahagian daripada Divisyen Udara Ke-123. Pada 16 Mac, tugasnya ialah untuk memberikan bantuan kepada tentera darat semasa mereka memasuki perkampungan My Lai.

- ▶ Pada fikiran anda apakah yang akan berlaku esok?
- ▶ Bayangkan apa yang dia sendiri akan lakukan bila berhadapan dengan penduduk My Lai?

Sarjan Ron Haerberle

Sarjan Haerberle adalah jurugambar tentera, sebahagian daripada pasukan media yang terdiri daripada dua orang yang dihantar untuk membuat liputan operasi bagi akhbar tentera. Tugas mereka ialah untuk memberikan berita dan gambar peperangan yang akan dihantar ke akhbar di negara mereka. Dia membawa sepucuk senapang dan dua buah kamera — kamera tentera dan kamera peribadi yang digunakannya bagi mengambil gambar tidak rasmi yang mungkin ingin diambalnya.

- ▶ Pada fikiran anda apakah yang akan berlaku esok?
- ▶ Bayangkan apa yang dia sendiri akan lakukan bila berhadapan dengan penduduk My Lai?

Kolonel Oran Henderson

Setelah berada di dalam angkatan tentera selama 25 tahun, Kol. Henderson berharap menjadi seorang jeneral. Pada masa kejadian, dia baru saja ditugaskan mengetuai Batalion ke-11 dan tiga lagi batalion infantri (kesemuanya 3,500 orang) walaupun dia tidak pernah terlibat dalam peperangan aktif. My Lai merupakan operasi peperangan pertama baginya. Jen. Koster, yang telah melantiknya dan orang yang dia mesti melaporkan diri, menggambarkannya seperti berikut: “seorang individu yang berani dan, pada pandangan saya, dia ialah seorang pemimpin yang agak berpengaruh. Saya tidak pasti jika dia merupakan orang yang paling bijak antara orang yang pernah berada di bawah arahan saya yang memimpin briged.” Pada 16 Mac, dia akan sentiasa mengikuti perkembangan operasi melalui radio di pangkalan.

- ▶ Pada fikiran anda apakah yang akan berlaku esok?
- ▶ Bayangkan apa yang dia sendiri akan lakukan jika dia menerima laporan bahawa orang bawahannya membunuh orang awam yang tidak bersalah.

Robert Maples

Prebet Maples berumur 19 tahun. Dia merupakan penembak “senapang mesin”.

- ▶ Pada fikiran anda apakah yang akan berlaku esok?
- ▶ Bayangkan apa yang dia sendiri akan lakukan bila berhadapan dengan penduduk My Lai?

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 2
3 daripada 3



Kad profil



Sarjan Kenneth Hodges

Sarjan Hodges sangat bangga dengan orang dalam Kompeni Charlie yang dia telah membantu untuk melatih sebelum mereka berangkat ke Vietnam. Sebagai seorang sarjan, semasa tindakan My Lai, ada satu pasukan kecil di bawah arahnya.

Hodges: Pemahaman terhadap arahan yang telah diberikan ialah untuk membunuh semua penduduk kampung. Seseorang telah bertanya sama ada ia termasuk wanita dan kanak-kanak, dan arahan itu ialah “semua penduduk kampung”, kerana orang yang berada dalam kampung itu — wanita, kanak-kanak dan orang tua — merupakan Viet Cong atau orang yang bersimpati dengan Viet Cong. Mereka tidak bersimpati dengan askar Vietnam Selatan, dan mereka tidak bersimpati dengan askar Amerika. Mereka tidak menolong kami dalam usaha peperangan. Jelas bahawa tiada seorang pun patut hidup dalam kampung itu.

- Pada fikiran anda apakah yang akan berlaku esok?
- Bayangkan apa yang dia sendiri akan lakukan bila berhadapan dengan penduduk My Lai?



Harry Stanley

Stanley ialah sorang pembawa peluru dan pelancar grenad. Dia telah belajar bahasa Vietnam dengan sendiri dan boleh bertutur dan memahami bahasa itu lebih baik daripada orang-orang yang diajar oleh tentera.

- Pada fikiran anda apakah yang akan berlaku esok?
- Bayangkan apa yang dia sendiri akan lakukan bila berhadapan dengan penduduk My Lai?



Kapten Ernest Medina

Sebagai pegawai yang mengetuai Kompeni Charlie, Medina yang berumur 33 tahun sangat popular di kalangan askarnya. Dia seorang askar yang memulakan kerjayanya pada umur 16 tahun dengan cara menipu mengenai umurnya. Malam sebelum serangan ke atas My Lai, dia telah berucap kepada pasukannya.

Medina: Saya juga memberitahu mereka yang (...) kita diberi kuasa untuk memusnahkan perkampungan itu, mereka boleh membakar bangunan, mereka juga boleh memusnahkan ternakan dan tanaman, dan mereka juga boleh menutup perigi yang membekalkan air minuman.

Saya juga memberitahu mereka bahawa inilah peluang kita untuk membalas dendam terhadap Batalion ke-48 Viet Cong yang telah (...) meletakkan periuk api dan jerangkap samar dalam kawasan operasi kita, dan yang telah menembak kita (...) dan ini ialah peluang untuk kita membalas dendam terhadap mereka dan menghadapi mereka dan berperang dengan mereka.

- Pada fikiran anda apakah yang akan berlaku esok?
- Bayangkan apa yang dia sendiri akan lakukan bila berhadapan dengan penduduk My Lai?



Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 3



Pembantu Pegawai Pemerintah Tentera, Vietnam

Kad poket (MACV)

Satu kapal diberikan kepada setiap ahli Angkatan Tentera Amerika Syarikat di Vietnam (September 1967)

Musuh Dalam Tangan Anda

Sebagai seorang ahli Angkatan Tentera Amerika Syarikat, anda mesti mematuhi Konvensyen Tawanan Perang Geneva 1949 yang dipatuhi oleh negara anda. Di bawah Konvensyen ini:


- Anda boleh dan akan:
 - Merampas senjata daripada tawanan anda.
 - Memeriksa tawanan dengan menyeluruh dengan segera.
 - Menghendaknya berdiam diri.
 - Mengasingkannya daripada tawanan lain.
 - Mengawalnya dengan berhati-hati.
 - Membawanya ke tempat yang ditetapkan oleh komander anda.

Anda tidak boleh dan tidak akan:

- Menganiaya tawanan anda.
- Memalukan atau menjatuhkan maruah-nya.
- Mengambil barang peribadi tawanan yang tidak ada nilai ketenteraan.
- Menolak daripada memberi rawatan perubatan yang ada sekiranya diperlukan.

SENTIASA MELAYAN TAWANAN ANDA SECARA BERPERIKEMANUSIAAN

Rantaian Arahan di My Lai



Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 4
1 daripada 4

Apa yang telah kami lakukan di My Lai

Pengulas: Pada 15 Mac, rancangan telah diatur untuk menyerang My Lai, dipercayai oleh pihak perisikan sebagai ibu pejabat batalion Viet Cong. Kompeni Charlie dikehendaki melakukan serangan utama dan peperangan yang sengit dijangka berlaku. Serangan ke atas My Lai bermula sebaik sahaja selepas pukul 7.00 pagi. Hari itu ialah hari Sabtu. Menurut pihak perisikan, semua orang awam telah pergi ke pasar. Hanya Viet Cong sahaja yang masih tinggal di dalam kampung. Tetapi pihak perisikan telah salah.

Varnado Simpson, bekas penembak — Kompeni Charlie

Inilah kehidupan saya; inilah masa silam saya; inilah masa kini saya; inilah masa depan saya. Dan saya menyimpannya untuk mengingatkan saya siapakah saya. Inilah yang telah menjadikan saya sebegini.

Kenneth Hodges, bekas sarjan — Kompeni Charlie

Peralihan daripada orang awam kepada askar ialah suatu latihan yang sangat berbeza dan dahsyat. Askar diajar segala yang mereka perlu tahu untuk menjadi seorang askar yang bagus di masa-masa dahulu dan membelanjakan berminggu-minggu dalam latihan asas.

Mereka telah diajar bagaimana menggunakan senjata, bagaimana menggunakan senjata untuk membunuh. Mereka telah dilatih tentang bagaimana membuat latihan tubi. Bagaimana berkawat dengan senjata. Dan kesemua latihan tubi dan taktik yang berbeza itu telah dilakukan mengikut arahan.

Kami mahukan askar mempunyai motivasi yang tinggi. Cara pelatih memotivasi kan mereka ialah dengan arahan dan respons dari askar. Dia akan berkata “Apakah semangat yang ada pada bayonet?” dan mendapat jawapan “Untuk membunuh, Sarjan, untuk membunuh!” Oleh itu askar-askar telah dimotivasi dengan cara sebegini. Dia akan melatih tubi mereka melalui kata-kata dan latihannya tentang apakah itu semangat sehinggalah mereka betul-betul bersedia.

Saya ialah salah seorang sarjan yang telah melatih mereka yang di dalam Kompeni Charlie. Saya sangat berpuas hati dengan perubahan yang mereka tunjukkan. Mereka telah berubah menjadi askar yang bagus.



Fred Widmer, bekas Operator Radio — Kompeni Charlie

Apabila kami mula-mula sampai di negara itu, kami akan pergi ke perkampungan di sepanjang lebuhraya. Kami akan bermain-main dengan kanak-kanak semasa menjalankan tugas. Kami selalu membawa makanan kepada mereka — gula-gula, minuman bergas. Kami akan bergambar bersama-sama mereka. GI bersama kanak-kanak. Kami dapat berjumpa dengan ramai orang.

Michael Bernhardt, bekas “Tikus Terowong” — Kompeni Charlie

Tidak ada orang lain selain kami. Kami telah berada dalam kompeni ini dan tempat ini bersendirian. Kami mempunyai sekumpulan askar yang semuanya datang daripada negara yang sama, daripada budaya yang sama dan kami telah ditinggalkan sejauh 10,000 batu — dan kami rasa begitu rapat antara satu sama lain kerana tidak ada orang lain di situ.

Fred Widmer

Apabila kami mula kehilangan ahli di dalam kompeni kami, kebanyakannya disebabkan terkena jerangkap samar dan penembak hendap. Kami tidak pernah berada di dalam peperangan di mana kami dapat melihat siapa yang menembak ke arah kami dan dapat membalas semula tembakan, iaitu antara seorang dengan seorang. Jerangkap samar adalah masalah yang paling besar.

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 4
2 daripada 4



Apa yang telah kami lakukan di My Lai

Varnado Simpson

Saya telah melihat musuh, betul, tetapi siapakah musuh? Kanak-kanak kecil, mereka akan menembak kamu atau menikam daripada belakang apabila kamu mula beredar. Siapakah musuh? Saya tidak dapat membezakan di antara musuh – yang baik dan yang jahat kesemuanya nampak sama. Inilah sebabnya mengapa peperangan ini adalah sangat berbeza. Ia tidak seperti tentera Jerman yang berada di sini atau tentera Jepun di sebelah sana. Mereka semua kelihatan sama, yang di Utara dan yang di Selatan. Jadi bagaimana kamu dapat membezakannya?



Fred Widmer

Mengikut pemahaman saya kami akan mula memasuki ke perkampungan, kami akan mula berperang dengan hebat sekali, kami akan membunuh orang, dan apabila kami telah selesai, tidak ada lagi orang yang akan hidup.



Varnado Simpson

Saya berumur 19 tahun semasa saya pergi ke Vietnam. Saya ialah seorang pakar askar bersenapan kelas keempat. Saya telah dilatih untuk membunuh, tetapi realiti sebenar dalam membunuh seseorang adalah sangat berbeza daripada latihan dan menarik picu.

Michael Bernhardt

Apabila saya melihat askar Amerika melakukan tindakan yang boleh dikatakan kejam sekiranya orang lain yang melakukannya, saya merasakan yang mungkin saya salah – mungkin saya terlalu daif selama ini dan mungkin ini ialah keadaan yang sebenar. Saya cuba untuk tidak berfikir sedemikian; saya cuba mengekalkan harga diri saya, tetapi ia bukan mudah. Sedikit demi sedikit, saya mula melihat yang kumpulan ini menjadi sudah tidak terkawal.

Kenneth Hodges

Pemahaman terhadap arahan yang telah diberikan ialah untuk membunuh semua penduduk kampung. Seseorang telah bertanya sama ada ia termasuk wanita dan kanak-kanak, dan arahan itu ialah “semua penduduk kampung”, kerana orang yang berada dalam kampung itu – wanita, kanak-kanak, orang tua – merupakan Viet Cong atau orang yang bersimpati dengan Viet Cong. Mereka tidak bersimpati dengan askar Vietnam Selatan dan mereka tidak bersimpati dengan askar Amerika. Mereka tidak memberi apa-apa bantuan kepada kami; mereka tidak menolong kami dalam apa saja usaha peperangan.

Pada hari itu di My Lai, saya bertanggungjawab dalam membunuh di antara 20 hingga 25 orang. Bukan saya seorang saja yang melakukannya. Ramai orang yang

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 4
3 daripada 4

Apa yang telah kami lakukan di My Lai

melakukannya, jadi saya cuma mengikut saja. Saya telah hilang pedoman, juga tujuan; saya mula membunuh dengan apa cara sekali pun. Saya tidak tahu yang saya mempunyai sikap sebegini, tetapi setelah membunuh bayi itu, perasaan saya jadi tidak menentu. Dan apabila ia bermula, ia mudah untuk diteruskan. Bahagian yang paling susah ialah semasa hendak membunuh; tetapi apabila anda telah membunuh, ia menjadi mudah untuk membunuh orang berikutnya dan seterusnya. Disebabkan tidak ada perasaan, tidak ada emosi, tidak ada haluan, saya terus membunuh. Orang lelaki, kanak-kanak, wanita ditembak dari belakang.

Inilah kehidupan saya. Jika saya tidak membuka buku skrap saya ini sekali pun, saya dapat melihatnya — di dalam mimpi ngeri saya — jika saya tidak membuka buku ini sekali pun, ia masih berada dalam ingatan saya.

Fred Widmer

Suatu perkara yang telah saya lihat yang sering mengganggu fikiran saya ialah seorang budak lelaki — dan inilah yang sering menghantui saya — seorang budak lelaki yang lengannya telah ditembak, sebahagian daripada lengannya tergantung, dan wajahnya kelihatan dalam keadaan kebingungan seperti berkata “Apa yang telah saya lakukan, apa salah saya?” Susah bagi saya menerangkannya — dia tidak dapat memahaminya.

Saya telah menembak budak lelaki itu, membunuhnya. Saya ingin memikirkannya sebagai suatu pembunuhan belas kasihan, kerana lambat laun orang lain tetap akan melakukannya. Tetapi itu tidak betul.

Kenneth Hodges

Sebagai seorang askar profesional, saya telah dilatih untuk melaksanakan arahan, dan tidak pernah terlintas di fikiran untuk mengingkari atau enggan mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh pegawai atasan saya.

Sekiranya terdapat salah seorang daripada orang saya yang enggan menembak, saya akan menggeletar memikirkan apakah akibatnya nanti. Adalah sukar untuk saya menyatakan sekarang apa yang mungkin saya lakukan. Pada waktu itu, dia akan mengalami masalah yang serius. Dia mungkin akan dihadapkan ke mahkamah tentera; dia mungkin akan ditembak pada masa itu juga kerana enggan mematuhi arahan ketika berhadapan dengan musuh dan ketika berhadapan

dengan serangan musuh. Pada masa itu kami tidak sedar akan ketiadaan serangan musuh — pada masa itu.

Saya rasakan yang askar-askar ini berkemampuan untuk melaksanakan tugas yang telah diberikan, arahan (yang bermaksud membunuh kanak-kanak kecil, membunuh wanita) kerana mereka adalah askar. Mereka telah dilatih begitu; mereka telah dilatih apabila berada dalam peperangan, sama ada anda atau pun musuh yang akan terkorban. Orang yang berada di perkampungan tersebut — wanita, kanak-kanak kecil, orang tua — semuanya dianggap sebagai musuh.

Saya rasakan yang kami telah mengikut arahan dengan cara yang bermoral — arahan untuk memusnahkan perkampungan itu, untuk membunuh orang di perkampungan itu. Saya rasakan yang kami tidak melanggar sebarang standard moral.

Harry Stanley, bekas GI — Kompeni Charlie

Leftenan Calley telah mengarahkan sebahagian daripada askarnya untuk menembak orang tersebut, dan saya ialah salah seorang daripada askar itu. Saya enggan melakukannya, dan dia memberitahu yang saya akan dihadapkan ke mahkamah tentera apabila kami balik ke kem pangkalan. Saya memberitahunya apa yang terlintas di fikiran saya pada waktu itu: “Mengarah saya untuk menembak orang tidak bersalah — itu bukan satu arahan; bagi saya itu ialah suatu kegilaan. Dan oleh itu saya rasa tidak perlu mengikut arahan tersebut. Dan sekiranya anda hendak menghadapkan saya ke mahkamah tentera, anda boleh melakukannya. Itu pun sekiranya anda dapat melepaskan diri dari perkara ini”.

Saya rasa ia sangat menggerunkan, sesuatu yang dahsyat berlaku, dan budak-budak Amerika sedang melakukannya. Saya rasa seperti budak Amerika yang penuh bertenaga sama seperti mereka yang berada di sana. Saya bercakap mengenai orang berkulit hitam atau putih — orang yang berkulit hitam atau putih sedang melakukan perkara ini, ia tidak mempunyai perbezaan langsung. Ia kelihatan sungguh menakutkan.

Kami semua berasal dari tempat yang sama dan saya tahu yang mereka mempunyai harga diri iaitu sama seperti yang saya ada sebelum ini. Jika mereka tidak

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 4
4 daripada 4



Apa yang telah kami lakukan di My Lai

mendapatnya dari sekolah, mereka boleh perolehinya daripada orang yang tidak dikenali! Ia begitu mudah. Akan tetapi untuk terus melakukan perkara sebegini! Ia tidak bermoral bagi saya. Inilah apa yang dirasakan oleh saya.

Ron Haeberle, bekas jurugambar tentera Amerika Syarikat

Secara kebetulan saya terjumpa pasukan GI yang sedang mengepung orang-orang ini. Salah seorang daripada GI Amerika menjerit “Hei, dia mempunyai kamera”. Jadi mereka seolah-olah berpecah buat seketika. Dan saya menghampirinya, dan perhatikan seorang gadis sedang dalam ketakutan dan seorang wanita sedang cuba melindungi anak kecil itu. Dan seorang wanita tua di hadapannya sedang merayu, memohon, dan seorang wanita yang lain sedang membutangkan blausnya dan memegang seorang bayi.

Saya mengambil gambar tersebut, saya ingatkan mereka hendak menyoal orang itu. Tetapi sejujur selepas saya beredar, saya mendengar bunyi tembakan. Saya melihat di sekeliling, ke belakang, dan saya melihat orang-orang itu jatuh. Saya terus berjalan.



Hugh Thompson, bekas juruterbang helikopter peninjau

Semasa misi tersebut, apabila perang bermula, kami mula melihat banyak mayat. Ini tidak masuk akal — bagaimana orang-orang ini telah dibunuh dan tercedera dan kami tidak menerima apa-apa tembakan balas daripada musuh. Ianya tidak masuk akal: terlalu banyak kecederaan dan kematian di sana. Dan di lokasi yang mereka berada — meriam tidak boleh melakukannya, kerana terdapat mayat bergelimpangan di tempat yang mana tidak terkena meriam.

Lawrence Colburn, bekas penembak dari pintu helikopter

Pegawai Waran Thompson sangat terdesak untuk membawa orang-orang awam itu, yang dia rasakan adalah orang-orang awam, keluar daripada bunker itu dan pergi ke tempat yang selamat. Dia telah melihat apa yang dia cuba lakukan untuk membantu orang-orang awam itu tidak dapat dilakukan sepenuhnya. Dia amat

yakin bahawa tentera darat kami akan membunuh orang-orang itu sekiranya dia tidak pergi mendapatkan mereka terlebih dahulu. Dia telah mendaratkan pesawatnya di antara tentera Amerika dan orang Vietnam yang berada dalam bunker. Dia keluar daripada pesawatnya dan menyuruh kami keluar dari pesawat itu dengan senjata kami untuk melindunginya. Dia pergi dan berjumpa dengan leftenan di sana. Dia menanyakan leftenan bagaimana dia boleh membawa orang-orang itu keluar daripada bunker. Leftenan itu berkata hanya satu cara yang diketahui olehnya iaitu dengan menggunakan bom tangan.

Oleh itu apabila Pegawai Waran Thompson kembali ke pesawatnya, dia merasa berang! Dan dia begitu terdesak untuk membawa orang-orang itu keluar daripada bunker. Dia memberitahu kami yang dia sendiri akan pergi ke bunker tersebut untuk melihat sama ada dia boleh mengeluarkan mereka. Saya tidak fikir dia membawa senapang bersamanya. Dia memberitahu kami sekiranya askar Amerika memulakan tembakan ke atas orang-orang Vietnam itu semasa dia sedang mengeluarkan mereka daripada bunker tersebut, kami harus membalas tembakan ke atas askar Amerika itu.

Hugh Thompson

Apabila saya mengarahkan ketua anak kapal dan penembak saya untuk menembak askar-askar kami sekiranya mereka melepaskan tembakan ke arah orang awam, saya tidak tahu apakah perasaan saya sekiranya mereka melepaskan tembakan ke arah orang-orang itu. Tetapi pada hari itu saya tidak teragak-agak tentang arahan saya.

Ron Haeberle

Pada masa itu, saya hanya mengambil gambar. Akan tetapi apabila anda melihat gambar itu kemudiannya, dan anda tahu yang sekarang orang-orang itu telah mati — mereka telah ditembak — ia seperti suatu perasaan yang menyeramkan yang menyelubungi seluruh badan. Anda berfikir semula: Mungkinkah saya boleh menghalangnya daripada berlaku? Bagaimanakah dapat saya menghalang ia daripada berlaku?

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 5
1 daripada 4

Kad apa yang terjadi



Apa yang terjadi: Michael Bernhardt

Bernhardt: *Ia ialah suatu pembunuhan dari jarak dekat. Saya telah memberitahu mereka untuk pergi berambus, saya tidak mahu melakukan perkara itu. Saya fikir ini bukanlah suatu arahan yang sah.*

Bernhardt berkata bahawa Kapten Medina, komander kompeninya, mengetahui yang Bernhardt tidak terlibat dan juga mengetahui yang dia ialah seorang yang berpotensi untuk menyelamatkan orang. Medina berjumpa dengannya keesokan malaminya sehari selepas pembunuhan beramai-ramai dan berkata "Bernhardt, lebih baik kamu berdiam diri mengenai perkara ini".

- Apakah yang akan dilakukan olehnya mengenai pembunuhan beramai-ramai itu dan kenapa?



Apa yang terjadi: Larry Colburn

Colburn telah bersetuju dengan juruterbangnya, Hugh Thompson, untuk mendaratkan helikopter tersebut bagi memindahkan mangsa Vietnam ke tempat yang selamat. Sebelum mereka mendarat, mereka ternampak askar Amerika membunuh mangsa yang mereka telah merancang untuk diselamatkan. Thompson kemudiannya mendaratkan helikopter berhampiran dengan bunker di mana askar sedang mengancam sekumpulan orang awam. Semasa Thompson pergi untuk cuba menyelamatkan orang awam itu, Colburn dan penembak helikopter yang lain melindunginya dengan mengacukan senapan mesin mereka ke arah askar Amerika. Thompson memberitahu Colburn yang sekiranya askar Amerika menembaknya atau orang awam Vietnam, penembak haruslah membalas tembakan tersebut. Colburn berjanji yang dia akan melakukannya.

- Apakah yang akan dilakukan olehnya mengenai pembunuhan beramai-ramai itu dan kenapa?



Apa yang terjadi: Leftenan William Calley

Lt Calley mengarahkan askar di dalam platunnya untuk mengumpulkan orang awam dan menembak mereka. Apabila askar menentang arahannya untuk menembak orang awam, dia sendiri yang menembak mereka. Dia juga menggunakan buntut senapan dan membunuh seorang sami.

Calley: *Kami tidak berada di My Lai untuk membunuh manusia. Kami berada di sana untuk membunuh ideologi yang dibawa oleh — saya tidak tahu siapa. Orang yang telah diperalatkan. Orang yang tidak berpendirian. Cebisan daging, dan saya tidak berada di My Lai untuk membunuh orang yang pandai. Saya di sana untuk memusnahkan idea yang sukar difahami, untuk memusnahkan tahaman komunis atau komunisme.*

- Apakah yang akan dilakukan olehnya mengenai pembunuhan beramai-ramai itu dan kenapa?



Apa yang terjadi: Robert Maples

Beberapa dozen orang awam telah dipaksa masuk ke dalam parit, ramai di antara mereka menangis dan merayu supaya nyawa mereka diselamatkan apabila mereka duduk berdekatan dengan longgokan mayat keluarga dan jiran mereka. Leftenan Calley membuat pengumuman bahawa sudah tiba masanya untuk menembak orang-orang itu; sebahagian daripada askarnya menentang. Calley secara langsung mengarahkan Robert Maples untuk mengisikan peluru ke dalam senjata dan mulakan tembakan, tetapi Maples enggan melakukannya. Calley kemudian mengacukan senjatanya ke arah Maples, mengancam untuk menembaknya kerana mengingkari arahannya. Dua atau tiga daripada askar GI masuk dan menyebelahi Maples. Calley sendiri akhirnya menembak orang yang berada di dalam parit itu.

- Apakah yang akan dilakukan olehnya mengenai pembunuhan beramai-ramai itu dan kenapa?



Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 5
2 daripada 4



Kad apa yang terjadi



Apa yang terjadi: Ron Haeberle

Dengan menggunakan kamera peribadinya, Haeberle mula mengambil gambar orang awam yang telah dibunuh. Apabila dia memfokus untuk menangkap gambar seorang kanak-kanak berumur empat tahun yang sedang melutut memegang tangan ibunya yang telah mati, tiga das tembakan dari senapan kedengaran dari jarak dekat, menjatuhkan kanak-kanak berbadan kecil itu di tengah-tengah longgokan mayat. Jurugambar itu memandang ke arah mata seorang askar yang berumur di antara 18 atau 19 tahun yang melihat kembali tanpa perasaan.

Kemudian, seorang sarjan memprotes kepada Haeberle dengan marahnya apabila dia mengambil gambar pembunuhan itu.

Haeberle: Bila saya berfikir semula — Bolehkah saya menghalangnya daripada berlaku? Bagaimana saya boleh menghalangnya daripada berlaku? Dan inilah persoalan yang sering saya tanyakan kepada diri saya sendiri sehingga ke hari ini.

- ▶ Apakah yang akan dilakukan olehnya mengenai pembunuhan beramai-ramai itu dan kenapa?



Apa yang terjadi: Kolonel Oran Henderson

Oleh kerana juruterbang helikopter menghantar aduan tentang pencabulan, Kol. Henderson mengarahkan Kapt. Medina untuk pulang ke perkampungan pada petang hari itu untuk menyiasat berapakah jumlah sebenar orang awam yang telah dibunuh. Tetapi Jen. Koster telah membatalkan perintah itu. Jadi sebaliknya, Henderson mengumpulkan semua orangnya dalam Kompeni Charlie dan bertanya kepada kumpulannya sama ada di kalangan mereka ada yang terlibat di dalam sebarang pembunuhan yang sembarangan. Dia kemudiannya melaporkan kepada pegawai atasannya yang kesemua orangnya telah memberikan jawapan “Tidak tuhan”. Kebanyakan mereka yang berada di tempat tersebut telah memberikan keterangan, tetapi jawapan yang mereka berikan ialah “Tiada komen”.

Selepas tiga hari, Henderson melaporkan yang penyasatannya telah selesai dan tidak terdapat sebarang pembunuhan yang sembarangan. Kemudian, di dalam testimoninya, dia menafikan yang dia telah diberitahu mengenai pembunuhan sewenang-wenangnya oleh askarnya ke atas sekumpulan besar orang awam.

- ▶ Memandangkan tanggungjawab yang diberikan kepadanya untuk memberi arahan, apakah yang akan dilakukan oleh Kol. Henderson sekarang dan kenapa?



Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 5
3 daripada 4

Kad apa yang terjadi



Apa yang terjadi: Kenneth Hodges

Hodges: Sebagai seorang askar profesional, saya telah dilatih untuk melaksanakan arahan, dan tidak pernah terlintas dalam fikiran untuk mengingkari atau enggan mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh pegawai atasan saya. Sekiranya terdapat salah seorang daripada orang saya yang enggan menembak, (...) dia mungkin akan dihadapkan ke mahkamah tentera; dia mungkin akan ditembak pada masa itu juga kerana enggan mematuhi arahan ketika berhadapan dengan musuh dan ketika berhadapan dengan serangan musuh.

Saya rasakan yang askar-askar ini berkemampuan melaksanakan tugas yang telah diberikan (...) arahan yang bermaksud membunuh kanak-kanak kecil, membunuh wanita, kerana mereka adalah askar. Mereka telah dilatih yang apabila berada dalam peperangan, sama ada anda atau pun musuh yang akan terkorban. Orang yang berada di perkampungan tersebut (...) semuanya dianggap sebagai musuh. Saya rasakan yang kami telah mengikut arahan dengan cara yang bermoral. Arahan untuk memusnahkan perkampungan itu, untuk membunuh orang-orang di perkampungan itu — saya rasakan yang kami telah mematuhi arahan dan kami tidak melanggar sebarang standard moral.

- Apakah yang akan dilakukan olehnya mengenai pembunuhan beramai-ramai itu dan kenapa?



Apa yang terjadi: Kapten Ernest Medina

Askar-askar melaporkan yang mereka telah melihat Medina menembak seorang budak lelaki yang sedang mencari ibunya di antara orang yang telah mati. Mereka berkata yang dia juga telah menembak seorang wanita dan kemudian menghampiri wanita tersebut untuk “menamatkan riwayatnya”. Yang lain melaporkan bahawa semasa mereka terjumpa sekumpulan lelaki, wanita dan kanak-kanak, Medina berkata “Bunuh mereka semua. Jangan biarkan mereka hidup”.

Seorang askar yang telah menganggarkan yang dia sendiri telah membunuh 40 atau lebih orang awam telah mengatakan perkara ini mengenai Kapten Medina,

“Dia sedang berada di situ semasa perkara itu berlaku. Kenapa dia tidak mengarah untuk memberhentikannya? Medina terus saja berijalan. Dia boleh mengarah untuk memberhentikannya pada bila-bila masa sekiranya dia mahu”.

- Apakah yang akan dilakukan oleh Kapten Medina mengenai pembunuhan beramai-ramai itu dan kenapa?



Apa yang terjadi: Varnado Simpson

Dia melihat seorang wanita sedang melarikan diri, membawa sesuatu rapat di dadanya. Adakah itu pistol atau bahan letupan? Dia terus menembak wanita tersebut. Tubuhnya yang sudah tidak bernyawa jatuh. Dia memusingkan wanita itu dengan berhati-hati, takut akan kemungkinan wanita itu ialah Viet Cong yang sedang membawa jerangkap samar. Di bawah wanita itu ialah bayinya yang sebahagian daripada kepalanya telah berkecai.

Simpson: Saya tahu wanita dan kanak-kanak berada di situ, tetapi untuk saya mengatakannya yang saya akan membunuh mereka — saya tidak tahu, sehinggalah ia berlaku. Saya tidak tahu bahawa saya akan membunuh seseorang. Saya tidak mahu membunuh orang. Saya tidak dibesarkan untuk membunuh. Saya telah hilang pedoman atau tujuan. Saya mula membunuh dengan apa cara sekali pun. Saya tidak tahu yang saya mempunyai sikap sebegini. Tetapi setelah membunuh bayi itu, perasaan saya jadi tidak menentu.

- Apakah yang akan dilakukan olehnya mengenai pembunuhan beramai-ramai itu dan kenapa?



Apa yang terjadi: Fred Widmer

Widmer dan Kapten Medina menghampiri seorang budak kecil yang berumur tiga atau empat tahun yang sedang menggenggam lengannya dengan kuat manakala darah menitis melalui jari-jarinya. Widmer menembak budak itu.

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 5
4 daripada 4



Kad apa yang terjadi

Widmer: *Inilah yang sering menghantui saya semenjak peristiwa pahit itu (...)* seorang budak lelaki yang lengannya telah ditembak, sebahagian daripada lengannya tergantung; dan dengan wajahnya kelihatan dalam keadaan kebingungan seperti berkata “Apa yang telah saya lakukan? Apa salah saya?” Dia tidak dapat memahaminya. Dan — saya telah menembak budak lelaki itu, membunuhnya — dan — saya ingin memikirkannya sebagai suatu pembunuhan belas kasihan, kerana lambat laun orang lain tetap akan melakukannya, tetapi pemikiran itu tidak betul.

- Apakah yang akan dilakukan olehnya mengenai pembunuhan beramai-ramai itu dan kenapa?



Apa yang terjadi: Harry Stanley

Apabila Lt. Calley mengarahkan Stanley untuk menembak orang awam yang telah dikumpulkan di dalam parit, Stanley enggan mematuhi. “Saya tidak dibesarkan untuk melakukan perkara sedemikian, untuk membunuh wanita dan kanak-kanak. Saya tidak akan melakukannya”, Stanley berkata dengan tegasnya. Calley mengacukan senapan M-16 ke perut Stanley dan mengancam untuk membunuhnya. Calley menjerit mengatakan yang dia tidak berbohong. Stanley berkata yang dia juga tidak berbohong. “Kita semua akan mati juga akhirnya di sini. Lebih baik saya mati sekarang ini — tetapi saya tidak akan membunuh wanita dan kanak-kanak”.

Stanley: *Lt. Calley memberitahu yang saya akan dihadapkan ke mahkamah tentera apabila kami balik ke kem pangkalan. Saya memberitahunya apa yang terlintas di dalam minda saya pada waktu itu. Mengarahkan saya untuk menembak orang tidak bersalah, itu bukan satu arahan; bagi saya itu adalah suatu kegilaan. Dan oleh itu saya rasa saya tidak perlu mengikut arahan tersebut. Dan sekiranya anda hendak membawa saya ke mahkamah tentera, anda boleh melakukannya —*

itu pun sekiranya anda dapat melepaskan diri dengan perkara ini. Saya rasa ia sangat menggerunkan, sesuatu yang dahsyat sedang berlaku.

- Apakah yang akan dilakukan olehnya mengenai pembunuhan beramai-ramai itu dan kenapa?



Apa yang terjadi: Hugh Thompson

Thompson telah mendaratkan helikopternya untuk memindahkan orang awam yang cedera. Dia berjumpa dengan Calley di darat dan bertengkar dengan marah-marahnya dengan Calley. Calley memberitahunya supaya pulang ke helikopter dan jangan mepedulikan hal orang lain. Dari udara, Thompson dan anak-anak kapalnya melihat sebahagian daripada askar Amerika menuju ke sekumpulan orang kampung yang sedang ketakutan. Dia membuat keputusan untuk menyelamatkan mereka. Dia mendarat dan mengarahkan dua orang anak kapalnya untuk menembak mana-mana askar Amerika sekiranya mereka menembak orang awam semasa dia hendak membawa mereka keluar dari tempat itu.

Thompson: *Apabila saya mengarahkan ketua anak kapal dan penembak saya untuk menembak askar-askar kami sekiranya mereka melepaskan tembakan ke arah orang awam lagi. (...) Saya tidak tahu apakah perasaan saya sekiranya mereka melepaskan tembakan ke arah orang-orang itu. Tetapi pada hari itu, saya tidak teragak-agak lagi. Pada fikiran saya, mereka adalah musuh saya pada waktu itu.*

Thompson melaporkan kepada ibu pejabat yang dia dan anak-anak kapalnya telah melihat pembunuhan orang awam secara berleluasa di My Lai.

- Apakah yang dilakukan olehnya sekarang dan kenapa?



Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 6
1 daripada 3

Kejadian My Lai – selepas itu: Apa terjadi dalam tentera?

Laporan rasmi tentera menyatakan seramai 128 orang musuh telah dibunuh; seorang rakyat Amerika telah tercedera; tiga senjata telah dirampas.

Kol. Henderson, selaku Komander Briged, telah membuat penyiasatan yang minimum. (Dia telah menyoal Kompeni C secara berkumpulan sekiranya mereka lihat atau telah melakukan sebarang pencabulan. Dia tidak menghiraukan bukti-bukti yang diperolehi daripada rakaman komunikasi radio). Dia melaporkan yang penyiasatannya telah mendapati bahawa tidak ada pembunuhan yang sembarangan.

Thompson dan Colburn melaporkan apa yang telah mereka lihat kepada pegawai atasan mereka. Thompson telah memfailkan aduan secara rasmi.

Tentera Vietnam Selatan yang telah bercakap dengan orang yang masih hidup telah menghantar laporan mereka kepada kerajaan Presiden Thieu di Saigon; tidak ada tindakan yang diambil dan laporan tersebut tidak dipedulikan langsung.

Khabar angin tersebar di kalangan askar Amerika mengenai sesuatu yang luar biasa yang telah berlaku di My Lai.

Laporan Rasmi Thompson, rakaman radio dan khabar angin telah menyebabkan pegawai Tentera Amerika di Washington menghantar suatu pertanyaan kepada pihak berkuasa Divisyen di Vietnam.

Mejar Jen. Koster kemudiannya telah mengarahkan suatu penyiasatan secara formal. Berdasarkan kepada penyiasatan itu, dia melaporkan terdapatnya kematian orang awam, tetapi ia adalah disebabkan oleh meriam dan serangan tembakan sesat.

Kompeni Charlie ditugaskan menjalankan misi rutin sahaja.

Calley telah memohon dan telah menerima arahan untuk keluar daripada Kompeni Charlie.

Semua rekod mengenai kejadian tersebut yang berada dalam milik kerajaan Saigon dan Tentera Amerika Syarikat telah hilang.

Ahli-ahli dalam Kompeni Charlie tidak diwawancara.

Ron Ridenhour

Berumur 22 tahun, Ron Ridenhour hampir menamatkan tugasannya selama dua tahun di Vietnam. Apabila dia mendengar kisah mengenai pembunuhan beramai-ramai tersebut, dia merasa perlu untuk melakukan sesuatu. Semasa hari-hari terakhir dia tinggal di Vietnam, dia cuba mengumpulkan maklumat dengan mencari orang yang telah berada di sana.

Saya berazam untuk melakukan suatu siasatan. Saya masih mentah. Saya tidak mempunyai idea bagaimana melakukannya, tetapi saya tahu perkara yang pertama yang saya perlukan ialah fakta-fakta.

Dia memerlukan seorang saksi yang sanggup memberikan keterangan. Seorang rakan GI yang mengetahui apa yang sedang dilakukan oleh Ridenhour telah mencari Mike Bernhardt. Semasa perbincangan mereka, Bernhardt telah memberitahu Ridenhour bahawa apabila dia keluar daripada Tentera, dia merancang untuk mencari semua pegawai yang berada di dalam rantaian arahan yang bertanggungjawab ke atas My Lai dan membunuh mereka. Mengetahui yang Bernhardt begitu kecewa dan serius mengenainya, Ridenhour menawarkan suatu pilihan kepadanya.

“Baiklah, kamu tidak akan keluar buat sementara waktu ini”, kata saya. “Jadi, apa kata kita cuba rancangan saya. Saya akan membuatkan satu penyiasatan dijalankan. Dan sekiranya saya berjaya, adakah anda akan bercakap benar?” Dia pun berkata, “Jika anda bercakap benar, saya juga akan bercakap benar”.

Apabila dia keluar dari Tentera, Ridenhour mengarang satu surat yang menceritakan secara terperinci mengenai apa yang diketahuinya mengenai My Lai. Dia telah menghantar surat itu kepada ketua-ketua pemerintah tentera negara, ahli-ahli Kongres dan Presiden Amerika Syarikat.

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 6
2 daripada 3



Kejadian My Lai – selepas itu: Kronologi keputusan

1969

Mac: Ridenhour telah menghantar suratnya kepada 30 ahli Kongres, Presiden Nixon, Jabatan Negeri (*Department of State*) dan Ketua Staf Tentera Negara.

April: Ketua Staf Tentera telah merujuk kes tersebut kepada Ketua Pemeriksa Negara bagi melakukan penyiasatan.

September: Pihak tentera secara senyap-senyap telah mendakwa Lt. Calley kerana melanggar Perkara 18 Kanun Penyeragaman Keadilan Ketenteraan Amerika Syarikat.

Oktober: Seorang wartawan akhbar mula melakukan penyelidikan ke atas kejadian itu dan telah menerbitkan satu artikel bersiri.

November: Media berita Amerika telah menarik perhatian umum mengenai pembunuhan beramai-ramai tersebut, termasuk gambar-gambar yang memeranjatkan daripada Haeberle dan wawancara di televisyen bersama seorang askar yang pernah berada di sana dan membunuh orang awam.

Pengadilan di mahkamah tentera ke atas Lt. Calley bermula; dia telah didakwa kerana melakukan sebanyak 109 pembunuhan.

Sebahagian daripada ahli politik menggesa supaya diadakan juga penyiasatan secara terbuka yang berasingan; manakala yang lain berhujah bahawa terdapat suatu percubaan untuk menjejaskan usaha peperangan Amerika dan pengorbanan angkatan tentera di Vietnam.

Presiden Nixon mengarahkan suatu penyiasatan secara tertutup oleh tentera Amerika Syarikat, diketuai oleh seorang jeneral berbintang tiga yang dihormati, William Peers.

1970

Mac: Laporan Peers mencadangkan pengadilan mahkamah tentera ke atas 28 orang pegawai sebagai tambahan kepada kesalahan menyalahkan Haeberle kerana menyumbang kepada perbuatan cuba menutup pencabulan di My Lai.

Kapten Medina telah didakwa atas pembunuhan seramai 175 orang awam Vietnam.

Empat belas pegawai lain, yang tidak berada di My Lai, telah didakwa kerana melindungi maklumat yang berkaitan dengan pembunuhan beramai-ramai tersebut. Pendakwaan itu termasuklah kecuai dalam menjalankan tugas, kegagalan mematuhi peraturan yang sah dan testimoni bersumpah yang palsu.

November: Pengadilan di mahkamah tentera ke atas Sjn. David Mitchell berkeputusan dengan dia dibebaskan.

1971

Januari: Pengadilan di mahkamah tentera ke atas Sjn. Charles Hutto dan Eugene Kotouac berakhir dengan pembebasan ke atas kedua-duanya.

Februari: Dakwaan ke atas pegawai yang secara fizikalnya tidak ada di My Lai telah digugurkan.

Kol. Henderson telah didakwa kerana terlibat dalam melindungi jenayah peperangan di My Lai.

Kejadian My Lai – selepas itu: Kronologi keputusan

1971 (sambungan)

Mac: Lt. Calley didapati bersalah kerana membunuh 22 “bayi, kanak-kanak, wanita dan orang tua, dan serangan dengan tujuan untuk membunuh seorang kanak-kanak yang berumur lebih kurang dua tahun”.

Dia telah ditamatkan perkhidmatan dalam keadaan mengaibkan dan telah dihukum penjara seumur hidup dengan kerja berat.

April: Presiden Nixon (sebagai Ketua Pemerintah Angkatan Tentera Amerika Syarikat) telah mengarahkan supaya Calley dibebaskan dari penjara dan diletakkan di bawah penahanan dalam rumah di rumahnya sendiri.

Ogos: Pengadilan di mahkamah tentera ke atas Kapt. Medina bermula.

Pengadilan di mahkamah tentera ke atas Kol. Henderson bermula.

Jeneral bagi Tentera ke-3 telah mengurangkan tempoh penjara seumur hidup Calley kepada 20 tahun.

September: Kapt. Medina telah dibebaskan daripada semua pertuduhan.

Disember: Kol. Henderson telah dibebaskan daripada semua pertuduhan.

1973

Disember: Mahkamah Rayuan Tentera Amerika Syarikat telah mengekalkan hukuman ke atas Calley.

1974

Februari: Calley telah dibenarkan untuk diikat jamin sebanyak \$1,000.

April: Setiausaha Tentera telah mengurangkan lagi hukuman penjara Calley kepada 10 tahun.

Jun: Mahkamah Rayuan Amerika Syarikat telah membatalkan arahan ikat jamin dan menghantar Calley ke berek disiplin.

November: Setiausaha Tentera telah membebaskan Calley atas parol.



Surat kepada Presiden

Kapt. Aubrey Daniel (Pendakwa Raya Tentera Amerika Syarikat dalam Mahkamah Tentera bagi kes Calley) telah menulis surat kepada Presiden Nixon selepas Presiden membebaskan Calley dari penjara.

Tuan:

Amat sukar bagi saya untuk mengetahui bagaimana untuk memulakan surat ini kerana saya tidak biasa menulis surat protes. (...) Perbicaraan Leftenan Calley telah dijalankan mengikut tradisi terbaik sistem perundangan kita. Dalam segala keadaan, ia telah dijalankan dengan adil di mana, setiap hak undang-undang Leftenan Calley telah dilindungi sepenuhnya. (...) Pihak juri telah mematuhi setiap undang-undang yang terpakai kepada keterangan-keterangan yang diberikan. Mereka memang merupakan kelebihan dalam sistem keadilan negara kita dan juga kepada pegawai tentera Amerika Syarikat. (...)

Apabila keputusan dibacakan, saya benar-benar terperanjat dan terkejut dengan reaksi orang ramai di seluruh negara. Kebanyakan daripada reaksi buruk orang ramai, bolehlah saya katakan sebagai disumbangkan oleh sifat emosi mereka dan kerana mereka kurang sedar tentang keterangan yang telah dikemukakan dan mungkin juga tentang undang-undang negara kita yang mengawal perlakuan peperangan. (...)

Tetapi apa yang lebih dahsyat ialah apabila melihat ramai pemimpin politik negara kita yang tidak nampak isu moral kes ini, ataupun mereka nampak, tetapi mereka tidak boleh menerimanya kerana motif politik mereka berdasarkan ketidakpuasan orang ramai yang ketara terhadap keputusan itu. (...)

(...) Saya amat terperanjat dan terkejut terutamanya apabila Tuan Presiden memutuskan untuk campur tangan di dalam prosiding ini dalam keadaan orang awam sedang riuh rendah memperkatakannya. (...) Campur tangan tuan telah, pada pendapat saya, merosakkan sistem perundangan ketenteraan negara kita dan telah mengurangkan rasa hormat yang mungkin ada akibat prosiding ini. (...) Apakah kesan keputusan Tuan Presiden terhadap perbicaraan di masa hadapan, terutamanya kes-kes yang melibatkan tentera?

Bukan sahaja rasa hormat terhadap proses perundangan telah berkurangan (...) tetapi imej Leftenan Calley, orang yang disabitkan dengan pembunuhan yang dirancang terlebih dahulu ke atas sekurang-kurangnya 22 orang yang tidak bersenjata dan tidak melawan, sebagai pahlawan negara telah dipertingkatkan, manakala pada masa yang sama sokongan enam orang pegawai yang setia dan mengkritik secara tidak adil terhadap enam orang pegawai yang setia dan dihormati yang telah memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai juri yang sangat disanjung. (...)

Apabila negara ini memaafkan tindakan Leftenan Calley ia menjadikan kita sama seperti musuh kita dan menjadikan apa-apa rayuan negara kita terhadap layanan berperikemanusiaan terhadap tawanan negara kita menjadi tidak bermakna lagi. (...)

Sedang apa yang berlaku di My Lai harus dianggap sebagai suatu hari yang tragik dalam sejarah negara kita, berapa banyakkah lagi keadaan tragik yang telah berlaku bagi negara ini yang tidak diambil apa-apa tindakan terhadap orang yang bertanggungjawab?

Tindakan telah diambil, tetapi tragedi yang paling besar ialah kepentingan politik yang telah mengkompromi terhadap prinsip moral yang paling asas terhadap kewujudan pembunuhan yang tidak sah terhadap orang yang tidak bersalah...

- Apakah pendapat anda tentang pandangan Kapten Daniel dan alasan yang dia berikan mengenainya?

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 8
1 daripada 4

Tiada belas kasihan

BAHAGIAN A:

Batalion seorang askar Jerman mara dengan jayanya sementara askar Rusia menyerah kalah pada tahun 1914.

Di sebalik bunyi dentuman meriam yang dahsyat terdengar tangisan yang menghiris hati orang Rusia: "Oh Prusia! Oh Prusia!" Tetapi tiada belas kasihan. Kapten kami telah mengarahkan: "Semua orang yang ada di sini mesti mati; jadi lakukan serangan bertubi-tubi". Saya telah mendengar, lima orang askar dan seorang pegawai di pihak kami telah menjadi seperti orang gila apabila mendengar tangisan yang menghiris hati itu. Tetapi kebanyakan daripada rakan saya dan pegawai masih berseloroh apabila orang Rusia yang tidak bersenjata dan tidak berupaya menjerit meminta belas kasihan semasa mereka lemas di dalam paya dan ditembak mati.

Sebagai askar tersebut, buat keputusan apa yang perlu dilakukan mengenai kejadian itu.

Pandangan lain yang perlu dipertimbangkan:

- rakan askar tersebut
- kapten askar tersebut
- askar Rusia yang menyerah kalah
- mahkamah tentera Jerman

BAHAGIAN B:

Oleh kerana Amerika Syarikat merupakan negara berkecuali pada tahun 1914, kedua-dua pihak dalam Perang Besar melihat Amerika Syarikat sebagai negara yang adil dan saksama yang mampu menjadi perantara bagi pihak mangsa peperangan. Perkataan yang dinyatakan dalam Bahagian A telah ditulis oleh askar Jerman yang muda itu kepada Kedutaan Amerika Syarikat di Berlin. Suratnya berakhir dengan perkataan-perkataan ini.

Saya sanggup memberi nama dan regimen saya, tetapi kata-kata ini boleh menyebabkan saya dihadapkan ke mahkamah tentera kerana mendedahkan rahsia tentera.

—memori seorang askar Jerman semasa Perang Dunia I

Sebagai seorang diplomat di kedutaan yang berkecuali, buat keputusan apa yang akan anda lakukan

Pandangan lain yang perlu dipertimbangkan:

- kerajaan diplomat itu sendiri
- kerajaan Rusia
- kerajaan Jerman
- askar yang menulis surat
- askar lain di kedua-dua pihak

Sumber: Richard Garrett, P.O.W., David & Charles, London, 1981.

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 8
2 daripada 4



Apa yang perlu saya lakukan?

BAHAGIAN A:

Seorang pegawai muda semasa hari-hari yang mengganggu perasaan dalam Peperangan Somme pada tahun 1916 mengenang kembali yang salah seorang daripada askar-askarnya, Prebet Terence Blake, begitu susah hati dan telah pergi kepadanya untuk mendapatkan nasihat.

Wajah Blake kelihatan lesu dan cengkung, tetapi bukan kerana keletihan. Dia menyapa saya dengan angin yang tidak baiknyanya itu, dan kemudian duduk diam. (...) "Apa halnya, Terence?" saya bertanya.

Oh, saya tidak tahu. Tidak ada apa-apa — sekurang-kurangnya. Lihat, kita telah membawa masuk ramai tawanan ke dalam parit pada pagi semalam. (...) Seorang pegawai telah keluar dari parit itu. Sebelah tangannya berada di atas kepala, dan sebelah tangan lagi memegang teropong jauh. Dia menghalakan teropong itu ke arah S— dan berkata "Nah Sarjan ambillah ini, saya menyerah". S— berkata "Terima kasih, tuan" dan mengambil teropong itu dengan tangan kirinya. Pada masa yang sama, dia meletakkan buntut senapang di bawah lengannya dan menembak pegawai itu tepat di kepala. Apakah yang perlu saya lakukan?"

Sebagai pegawai itu, buat keputusan apa yang hendak dikatakan kepada Blake.

Pandangan lain yang perlu dipertimbangkan:

- ▲ askar lain yang di bawah arahan pegawai tersebut
- ▲ pegawai atasan tentera yang berada di ibu pejabat Sarjan S—
- ▲ Prebet Blake
- ▲ pegawai yang telah menyerah kalah

BAHAGIAN B:

Inilah apa yang diingati oleh pegawai semasa dia menjawab.

... Saya tak nampak apa yang anda boleh lakukan. Apa yang boleh anda buat? Lagipun, saya tidak nampak yang S— sepatutnya disalahkan. Dia mungkin agak tidak betul kerana teruja apabila dia masuk ke dalam parit itu. Saya tak fikir yang dia berfikir panjang apa yang sedang dilakukannya. Apabila anda mula membunuh seseorang, anda tidak boleh memaafkannya semula seperti enjin. Apa pun, dia memang seorang yang baik. Kemungkinan besar dia gila sekejap pada masa itu. Walau apa pun, sudah terlewat untuk melakukan apa-apa sekarang ini. Sepatutnya anda menembaknya pada masa itu juga. Perkara yang lebih baik ialah melupakannya.

— memori seorang pegawai British semasa Perang Dunia I

Apa pendapat anda tentang kata-kata pegawai itu kepada Blake?

Sumber: Richard Garrett, *P.O.W.*, David & Charles, London, 1981.

Kajian kes: My Lai — Apa yang salah? Apa yang betul?

Sumber 8
3 daripada 4

Apa yang perlu saya laporkan?

BAHAGIAN A:

Gerila memang aktif terutamanya di sekitar perkampungan di mana saya dan lima orang pegawai lain menolong tentera tempatan dan orang awam. Kapten saya dan dua orang sarjan telah menyerang hendap satu skuad gerila yang membawa senjata dan bekalan melalui kawasan itu. Kapten membawa dua askar yang diikat ke dalam pejabatnya dan mula menyoal mereka. Mereka berkata bahawa mereka hanyalah petani yang telah tersalah tangkap semasa serang hendap itu. Tetapi dokumen yang diperolehi daripada mereka membuktikan yang mereka ialah kombatan musuh.

Kapten mencapai senapangnya dan menembak mereka, sengaja membuat salah sasaran. Peluru itu mengena tangki propane yang terletak di luar pintu. “Gas!” saya menjerit. “Lari!” Bangunan itu meletup dan terbakar dan kami bergelut untuk mengeluarkan orang dari kawasan itu sebelum bekalan peluru yang berhampiran meletup. Apabila telah selamat untuk kembali, saya dapati terdapat dua mayat yang rentung — tawanan yang terikat yang tidak berjaya melepaskan diri. Melihat mereka, saya terfikir:

Kapten saya telah bersalah kerana melakukan pembunuhan. Mereka ialah tawannya dan tindakannya telah membunuh mereka, tidak secara sengaja, tetapi dengan menembak hampir dengan mereka untuk menakutkan mereka adalah tidak sah. Cuba untuk mendapatkan maklumat secara paksa adalah pencabulan peraturan peperangan.

Dua orang pegawai lagi turut mati akibat terbakar. Sekarang kapten sedang berjalan dalam keadaan terkejut, bertanya apa yang akan terjadi dengannya. Pegawai tentera akan sampai untuk mengambil laporan mengenai apa yang telah berlaku. Saya rasa kapten ialah seorang yang merbahaya dan tidak berkelayakan. Tetapi dia juga salah seorang daripada “pasukan kami”. Dia juga telah berkongsi penderitaan berbulan-bulan berada dalam keadaan bahaya yang berterusan dan telah bertempur dalam keadaan yang teruk bersama-sama kami. Pertalian antara rakan askar sukar untuk diputuskan.

Dengan rasa tidak senang, sarjan yang tinggal menyatakan, “Dia tidak bermaksud untuk meletupkan tempat itu. Apa yang perlu kita maklumkan kepada mereka?”

Saya terpaksa memberikan laporan penuh kepada seorang Kolonel tentera yang sedang marah.

Sebagai pegawai ini, buat keputusan apa yang akan dinyatakan dalam laporan itu.

Pandangan lain yang perlu dipertimbangkan:

- Kapten yang telah menembak
- orang yang terbunuh
- pegawai tentera yang akan datang
- Sarjan yang bertanya “Apa yang perlu kita maklumkan kepada mereka?”

Sumber: Diadaptasikan daripada David Donovan, *Once a Warrior King: Memories of an Officer in Vietnam*, McGraw-Hill, New York, 1985.



Sumber 8
4 daripada 4

Apa yang perlu saya laporkan?

BAHAGIAN B: [Inilah apa yang sebenarnya berlaku.]

“Ikatan persaudaraan” mendesak saya untuk tidak berpaling tadah terhadap kapten saya sendiri, tetapi akibat pencabulannya terhadap undang-undang peperangan, bukan saja dua tawanan telah mati tetapi juga dua orang ahli pasukan kami. Inilah apa yang telah saya katakan kepada sarjan itu.

Kita akan memberitahu mereka yang ia adalah suatu kemalangan. Dia sedang membersihkan senapangnya dan ia telah tertembak secara tidak sengaja. Jangan sebut apa-apa tentang dia bercakap dengan tawanan.

Pada pendapat anda apakah kesan keputusannya terhadap sarjan itu? Terhadap dirinya sendiri? Terhadap tenteranya?

INI IALAH APA YANG DITULIS OLEHNYA BEBERAPA TAHUN KEMUDIAN:

Saya telah memadamkan apa-apa keraguan yang ada dengan idea bahawa tanggungjawab saya yang pertama ialah terhadap ikatan persaudaraan. Saya juga telah bertanya kepada diri saya sendiri apakah kebaikan yang boleh didapati daripada laporan saya mengenainya. Jika dia didapati bersalah bagi apa-apa jenayah dan dihukum, ini hanya bermaksud suatu lagi nyawa terkorban akibat peperangan.

... saya telah cuba merasionalikan bahawa dia bukan bermaksud membunuh sesiapa. Ia hanyalah suatu peperangan yang menjijikkan, jadi biarlah apa yang lepas itu berlalu. (...) Kadangkala saya terjaga daripada mimpi di mana kapten itu, tidak disensor dan tidak menyesal, telah dibenarkan untuk melakukan satu kesilapan lagi. Saya tidak pernah boleh ingat mimpi itu, tetapi saya tahu lebih ramai orang yang terbunuh. Ini disebabkan dia melakukan satu kesilapan lagi, kali ini kesilapan yang lebih bodoh, kali ini lebih merbahaya.

— memori seorang pegawai Amerika di Vietnam.

Sumber: Diadaptasikan daripada David Donovan, *Once a Warrior King: Memories of an Officer in Vietnam*, McGraw-Hill, New York, 1985.



Helaian media

Objektif: untuk memberi kesedaran cara undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL) dilaksanakan dan usaha yang dilakukan untuk mengelak pencabulannya.

1. Cari suatu laporan berita di mana anda nampak ada contoh mengenai salah satu peraturan IHL yang sedang dilaksanakan.
[Contohnya: pertukaran tawanan, menjaga musuh yang tercedera, melindungi orang awam]
2. Apakah peraturan atau peraturan-peraturan yang dilaksanakan? Apakah kesannya?

DAN

1. Cari suatu laporan berita di mana anda nampak ada usaha untuk menghentikan pencabulan.
[Contohnya: Latihan IHL bagi para kombatan, ucapan atau tindakan seorang pemimpin]
2. Apakah kejadian yang membawa kepada usaha-usaha ini?
3. Apakah kesan yang dibawa oleh usaha-usaha ini, atau mungkin dibawa olehnya?

Cari apa-apa kejadian di tempat anda yang membuatkan anda berfikir bahawa ada pencabulan terhadap maruah manusia seseorang dan usaha-usaha untuk menghentikannya.



Kaedah penilaian

▲ Penilaian berterusan:

Meneroka undang-undang kemanusiaan (EHL) memberikan guru peluang harian untuk mengetahui apa yang telah dipelajari oleh pelajar dan apakah tanggapan salah yang mereka mungkin ada. Pedagogi aktif, seperti perbincangan dalam kelas, kerja dalam kumpulan kecil, sumbangsaran dan main peranan semuanya memberikan peluang ini.

Ambil masa lima minit pada penghujung setiap kelas untuk meminta pelajar menulis satu atau dua ayat bagi soalan-soalan: “Apa yang telah saya pelajari hari ini?” dan “Apakah soalan-soalan yang ingin saya tanya?” Baca jawapan-jawapan dan gunakannya untuk membina pengetahuan pelajar dan menjelaskan apa-apa tanggapan salah pada pelajaran yang akan datang.

▲ Portfolio kerja pelajar:

Di sepanjang modul, pelajar diminta mewawancara pelbagai orang, ambil pendirian mengenai sesuatu isu dan pertahankannya dengan contoh, gambarkan konsep itu melalui sajak, lakonan atau kerja seni atau tulis suatu kertas kajian berkenaan sesuatu topik tertentu secara mendalam.

Simpan satu folio bagi setiap pelajar, dengan draf hasil tulisan, kerja seni, wawancara dan keratan berita yang disumbangkan kepada kelas. Secara berkala, bincangkan hasil kerja setiap pelajar secara individu untuk memantau perkembangan mereka dalam memahami undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL).

Tampilkan hasil kerja pelajar di atas dinding.

▲ Soalan-soalan di akhir modul:

Selepas Modul 3 selesai, anda mungkin mahu menggunakan pelajaran terakhir untuk membuat penilaian bertulis tentang apa yang pelajar telah pelajari. Anda boleh melakukannya melalui satu soalan karangan (20-30 minit) dan dua atau tiga soalan yang mempunyai jawapan-jawapan yang pendek.

1. Soalan karangan: Pilih satu. (25 minit)

- Kenapa orang mencabuli IHL? Berikan contoh-contoh yang spesifik.
- Gambarkan pilihan yang sukar yang mungkin perlu dibuat oleh seseorang askar dalam situasi peperangan. Apakah dilema itu? Apakah kesannya?

2. Soalan berjawapan pendek: Pilih dua. (10 minit setiap satu)

- Berikan dua contoh di mana suatu pencabulan membawa kepada pencabulan yang lain.
- Apakah akibat sekiranya tidak mengetahui siapakah orang awam?
- Apakah nilai mempunyai undang-undang yang adil tetapi sering dilanggari?
- Apakah dua dilema yang dihadapi oleh tentera semasa berada di My Lai?



Soalan-soalan lain boleh digubal dengan meminta pelajar membina soalan dalam kumpulan kecil dan kemudian meminta mereka pilih salah satu daripada soalan-soalan tersebut sebagai soalan karangan bagi seluruh kelas. Anda juga mungkin boleh minta setiap pelajar mencadangkan satu soalan yang mereka akan jawab semasa ujian. Pelajar akan dinilai berdasarkan kualiti soalan dan juga jawapannya. Anda mungkin boleh memilih satu petikan daripada artikel dalam akhbar, suatu turus sisi dalam salah satu bahan mengajar atau sumber lain. Minta pelajar nyatakan perkara utama dan sama ada mereka bersetuju atau tidak dengan perkara itu.

Ciri-ciri penilaian:

Jawapan seorang pelajar yang efektif ialah yang:

- ▲ menggunakan konsep, seperti penyaksi, kombatan, dilema atau rantaian kesan akibat dan istilah lain dalam bahan mengajar
- ▲ memberikan contoh yang konkrit untuk menyokong hujahnya
- ▲ memasukkan contoh daripada pelbagai sumber, seperti media berita, wawancara, perbincangan dalam kelas dan bahan bacaan luar.

Teknik di atas hanyalah cadangan untuk membantu anda menilai hasil kerja pelajar terhadap bahan mengajar EHL. Anda bolehlah menyesuaikan teknik ini mengikut keperluan anda.



Undang-undang kemanusiaan yang berkuat kuasa/am

- ▲ Peraturan asas undang-undang kemanusiaan dalam konflik bersenjata (Konvensyen Geneva dan Protokol Tambahan)

<http://www.icrc.org/eng/ihl>

Bagi sumber berikut, kami mencadangkan pencarian, menggunakan terma “jenayah peperangan” (“*war crimes*”) secara sendiri atau sebagai tambahan kepada perkataan “undang-undang kemanusiaan antarabangsa” (“*international humanitarian law*”) dan “undang-undang kemanusiaan” (“*humanitarian law*”).

- ▲ Perpustakaan Amnesty Antarabangsa – indeks mengikut tema
<http://web.amnesty.org/web/content.nsf/pagesbycountrytitle/gbrthemeshome>
Bahagian “Crimes against humanity” mengandungi berita terkini IHL.
- ▲ Liputan penuh Yahoo
http://dailynews.yahoo.com/full_coverage/
Yahoo! mengandungi laporan daripada Agensi Berita Reuters dan mempunyai link kepada agensi berita kebangsaan dan kawasan yang memang berguna.
- ▲ Direktori Yahoo mengenai berita dan media mengikut negara
http://dir.yahoo.com/News_and_Media/By_Region/Countries/
- ▲ Direktori Yahoo mengenai berita dan media mengikut kawasan
http://dir.yahoo.com/News_and_Media/By_Region/Regions/
- ▲ Akhbar dalam talian
<http://www.newspapers.com/>
Indeks mengikut negara yang tertentu bagi akhbar dalam talian.

Kajian kes — My Lai

- ▲ Perbicaraan Amerika yang terkenal — Mahkamah tentera My Lai 1970
<http://www.law.umkc.edu/faculty/projects/ftrials/mylai/mylai.htm>
- ▲ Projek Internet Peperangan Vietnam
<http://www.lbjlib.utexas.edu/shwv/shwvhome.html>
Indeks bagi sumber dalam talian mengenai peperangan di Vietnam.

LA LEGGE È UGUALE PER

Modul 4

Menegakkan Keadilan

(Modul ini disyorkan untuk pelajar yang lebih dewasa)

(empat sesi)

Kenapakah keadilan diperlukan?

Bagaimanakah keadilan boleh dicapai?

Siapa yang sepatutnya mengadili tertuduh?

PENEROKAAN:

- 4A. Rasional bagi keadilan (dua sesi)... 237
4B. Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa (dua sesi)... 263

KONSEP:

Pelaksanaan
Penguatkuasaan
Perbezaan di antara orang awam/kombatan
Arahan yang tidak sah
Tekanan sosial
Tanggungjawab individu
Tanggungjawab kepimpinan
Jenayah peperangan
Kelayakan untuk mengadili

Dalam semua modul:

Maruah manusia
Halangan kepada tingkah laku kemanusiaan
Rantaian kesan dan akibat
Pelbagai perspektif
Dilema

KEMAHIRAN YANG DIPRAKTIKKAN:

Memilih perspektif
Menenal pasti akibat
Hujah perundangan (kesalahan, tanggungjawab)

Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan

Dalam Modul 2, para pelajar telah mempelajari peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL) dan sebahagian daripada asal usul budaya mereka sejak dahulu dan di serata dunia. Mereka meneroka perkembangan perkara yang menjadi perhatian dan mempertimbangkan kesan yang boleh dibawa oleh manusia dan peristiwa terhadap perkembangan undang-undang kemanusiaan. Dalam Modul 3, mereka telah melihat pencabulan biasa dan sebab-sebabnya dan juga siapa yang bertanggungjawab untuk memastikan peraturan dipatuhi.

Modul 4 meneroka beberapa soalan berkenaan pelaksanaan dan penguatkuasaan IHL untuk memastikan bahawa peraturan dihormati sepenuhnya. Ia juga akan mengambil kira langkah untuk meningkatkan kesedaran dan pematuhan undang-undang kemanusiaan.

Penerokaan 4A, yang memasukkan beberapa bahan bagi para pelajar lanjutan, membincangkan rasional keadilan apabila pencabulan terjadi, membentangkan suruhanjaya kebenaran sebagai salah satu cara di mana beberapa buah negara telah menangani akibat sesuatu konflik. Penerokaan ini juga melibatkan para pelajar untuk berfikir tentang apa yang boleh dibuat oleh negara-negara untuk menegakkan keadilan.

Objektif:

- ▲ Untuk memahami bagaimana pengurusan manusia yang mencabul undang-undang kemanusiaan antarabangsa dapat membawa kesan terhadap kesejahteraan masyarakat selepas konflik bersenjata

Sumber:

- ▲ Graf pendapat tentang penghukuman ke atas jenayah peperangan
- ▲ Pandangan terhadap melupakan atau mencari keadilan
- ▲ Lembaran fakta: Suruhanjaya Kebenaran
- ▲ Bahan bacaan: Masyarakat mendiamkan diri mengenai jenayah peperangan
- ▲ Bahan bacaan: Adakah sudah terlambat? — Algeria/Perancis

Rujukan guru:

- ▲ Tiga pendekatan kepada keadilan
- ▲ Pencabulan undang-undang kemanusiaan yang manakah boleh dianggap sebagai jenayah peperangan?

Persediaan:

Tentukan sama ada anda inginkan pelajar membaca Bahagian I “Suruhanjaya Kebenaran” sebelum permulaan sesi.

Rancang bagaimana anda boleh membahagikan para pelajar dalam kumpulan berdasarkan petikan yang diberikan.

Masa:

Dua sesi 45-60 minit

1. Apa yang sepatutnya dilakukan apabila undang-undang telah dicabul? (15-20 minit)

Mulakan dengan situasi yang pelajar sudah biasa.

Soalan yang mungkin:

- Apakah yang berlaku kepada kehidupan seharian orang yang dituduh melakukan kesalahan jenayah, seperti mencuri atau membunuh? [Gunakan contoh terkini di tempat anda.]



Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan

Halakan perbincangan kepada undang-undang kemanusiaan.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah yang anda tahu mengenai apa yang terjadi kepada orang yang dituduh melakukan jenayah peperangan?
- Apakah persamaan dan perbezaan antara situasi yang melibatkan jenayah harian dan yang terlibat dengan jenayah peperangan?

Pilih satu daripada dua soalan dalam kotak di bawah. Minta para pelajar pilih jawapannya dan tuliskan alasan mereka bagi pilihan itu.

<p>Soalan 1:</p> <p>Patutkah orang yang telah melakukan jenayah peperangan dihukum?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▲ ya ▲ tidak ▲ tidak tahu 	<p>Soalan 2:</p> <p>Apabila konflik bersenjata telah tamat, patutkah orang yang melakukan jenayah peperangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▲ dibicarakan? ▲ didedahkan kepada orang awam tetapi tidak dibicarakan? ▲ dimaafkan/diberi pengampunan? ▲ dilupakan apabila konflik telah berakhir?
--	---

Bincangkan soalan dan hujah pelajar bagi pendapat mereka. Bandingkan jawapan kumpulan anda dengan graf yang berpadanan dengan soalan yang anda pilih.



Soalan-soalan yang mungkin:

- Pada pendapat anda, adakah menjalani kehidupan semasa konflik bersenjata akan mempengaruhi jawapan orang itu kepada soalan ini?

2. Akibat melupakan atau mencari keadilan

(20-25 minit)

Bentangkan kertas mengenai “Pandangan terhadap melupakan atau mencari keadilan” dan tugaskan suatu petikan kepada pasangan pelajar atau kumpulan kecil.

Minta para pelajar cari hujah-hujah yang diberikan di dalam set petikan mengenai melupakan atau mencari keadilan. Bincangkan apa yang telah dijumpai oleh mereka.



Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah akibat daripada penyelesaian yang dipilih terhadap:
 - ▲ mangsa
 - ▲ pencabul
 - ▲ masyarakat keseluruhan dan proses pembinaan semula

Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan

- Apakah reaksi anda sendiri apabila anda rasa bahawa seseorang telah mencederakan anda?

Suruh para pelajar isikan kotak berikut:

Selepas pencabulan undang-undang kemanusiaan, apakah...			
Kesan:	terhadap mangsa	terhadap pencabul	terhadap masyarakat
Jika mencari keadilan			
Jika melupakan sahaja			

3. Mencari keadilan melalui suruhanjaya kebenaran (15-20 minit)



Gunakan lembaran fakta “Suruhanjaya Kebenaran” untuk memastikan bagaimana suruhanjaya ini beroperasi.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Dalam cara apakah Suruhanjaya Kebenaran berbeza daripada mahkamah?
- Apakah kelebihan dan had yang disebut dalam latar belakang dan dalam petikan?
- Dalam keadaan yang bagaimanakah suruhanjaya kebenaran akan dapat beroperasi secara terbaik? Kenapa?
- Adakah anda akan mencadangkan agar suruhanjaya kebenaran beroperasi semasa konflik bersenjata? Apakah kesukaran atau faedahnya?

4. Hukuman terhadap pencabulan IHL (20-25 minit)

Bentangkan petikan daripada Konvensyen Geneva yang berikut:

Pihak Berkontrak Agung berjanji untuk membuat apa-apa perundangan yang perlu untuk memberikan hukuman penal yang efektif kepada orang yang melakukan, atau memerintahkan untuk dilakukan, apa-apa pelanggaran yang serius dalam Konvensyen yang ada sekarang ...

— Perkara 49/50/129/146 yang terpakai kepada empat Konvensyen Geneva

Bincangkan maksud/tafsiran perkara undang-undang ini.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah itu hukuman penal? Bagaimanakah ia dijatuhkan?
- Apa yang akan anda anggap sebagai pelanggaran yang serius atau sebagai jenayah peperangan semasa konflik bersenjata?

[Minta pelajar berikan contoh pencabulan sedemikian daripada pengetahuan mereka mengenai sejarah dan peristiwa semasa. Anda mungkin perlu mengingatkan mereka bahawa kombatan yang tercedera atau yang membunuh kombatan yang lain semasa peperangan tidak boleh dianggap sebagai seorang penjenayah di bawah IHL.]

Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan

- Adakah undang-undang kemanusiaan membezakan antara orang yang sebenarnya melakukan pelanggaran yang serius dan orang yang memerintahkannya? Berikan pendapat anda mengenai soalan ini.

[Kajian kes: My Lai dan Penerokaan 4B menunjukkan bahawa kedua-duanya adalah bertanggungjawab.]

5. Tanggungjawab menegakkan keadilan (20 minit)

Berikan penekanan semula bahawa Konvensyen Geneva memerlukan Negara-Negara sendiri yang bertanggungjawab untuk membawa ke muka pengadilan orang yang melakukan jenayah peperangan. Untuk memastikan IHL dipatuhi dan orang yang bersalah bagi pelanggaran yang serius dibawa ke muka pengadilan, beberapa tindakan perlu diambil, semasa dan selepas konflik.

Minta pelajar memberikan jawapan kepada perkara berikut:

Apakah tindakan yang boleh diambil *sebelum*, *semasa* dan *selepas* konflik bersenjata ...

- oleh pihak tentera?
- oleh kerajaan?
- oleh badan kehakiman?

	semasa aman	semasa konflik bersenjata	selepas konflik bersenjata
tentera			
kerajaan			
badan kehakiman			

Apabila pelajar telah menulis pendapat mereka, bincangkan idea mereka.

Perhatikan kepentingan setiap langkah seperti yang disenaraikan di bawah.

- ▲ **Semasa aman:** peraturan IHL perlu disebarkan dan diajar seluas mungkin, terutamanya kepada kombatan dan pemimpin mereka; hukuman terhadap pencabulannya mestilah dinyatakan dengan jelas; sistem kehakiman mestilah bersedia untuk mendakwa sesiapa yang melakukan pelanggaran yang serius.

Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan

- ▲ **Semasa konflik bersenjata:** arahan yang jelas mesti diberikan kepada para kombatan oleh pegawai pemerintah dan pihak berkuasa politik; pematuhan peraturan mestilah dikawal dan pencabulan mestilah dihentikan oleh pemimpin tentera dan orang awam; keperluan asas hendaklah dilindungi.
- ▲ **Selepas konflik bersenjata:** suatu perbicaraan yang adil hendaklah diadakan di peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa; pampasan hendaklah diberikan kepada mangsa.

Penutup (5 minit)

Bincangkan:

- Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh rakyat biasa untuk memastikan keadilan selepas konflik bersenjata?
- Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh mereka dalam memastikan undang-undang kemanusiaan tidak dicabul sekiranya berlaku konflik bersenjata?

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Undang-undang kemanusiaan memerlukan orang yang melakukan atau mengarahkan pencabulan yang serius dibawa ke muka pengadilan.
- ◆ Setiap negara yang menandatangani Konvensyen Geneva bertanggungjawab untuk menyebarkan, menghormati dan menguatkuasakan IHL.

Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan

Aktiviti Lanjutan



Gema kesunyian

Bacakan esei yang bertajuk “Masyarakat mendiamkan diri mengenai jenayah peperangan” dan kemudian lihat sejarah untuk memilih contoh negara yang telah memilih untuk melupakan penganiayaan yang telah berlaku. Tulis karangan yang menjawab kata-kata cendekiawan Aryeh Neier:



Keamanan bersama mungkin tidak ada jika mangsa tidak nampak sesiapa pun dipertanggungjawabkan terhadap penderitaan mereka.

Adakah contoh yang telah anda pilih daripada sejarah menyokong atau menolak kenyataan Neier?

Pencabul yang berhadapan dengan tindakannya sendiri

Baca petikan berikut.

Semasa perbincangan Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian Afrika Selatan, seorang polis Jeffrey Benzien telah mendemonstrasikan penderaan “beg basah”, yang melibatkan tindakan duduk di atas belakang tahanan, memasukkan kepalanya ke dalam beg yang basah dan membuatkan dia lemas hingga hampir mati. Seorang bekas tahanan, Tony Yengeni, telah mencabar Benzien dan meminta penjelasan, “Apa jenis manusia yang boleh berbuat sedemikian?” Benzien tidak ada jawapan yang baik kepada soalan itu.

“Saya (...) telah bertanya kepada diri saya sendiri soalan itu sehingga saya telah secara sukarela... menemui ahli psikiatri supaya saya dinilai olehnya untuk mencari jenis apakah saya ini” jawab Benzein.

- Apakah faedah bagi mangsa dan pencabul berpeluang bercakap dengan satu sama lain?

Bandingkan situasi ini dengan perkataan-perkataan penulis Rusia Solzhenitsyn yang telah menghabiskan masa hampir 10 tahun di kem tahanan di bawah keadaan yang teruk:

Jika orang yang mendera kita telah pernah berada di tempat kita mereka akan berkelakuan seperti kita. Jika kita berada di tempat mereka kita juga boleh menjadi seperti mereka.

- ▲ Peguam Denis de Béchillon menganggap undang-undang sebagai daik terhadap ketidakberperikemanusiaan. Bincangkan undang-undang kemanusiaan berdasarkan kenyataan berikut:

Undang-undang bertujuan untuk mengawal Manusia, menempatkan sesuatu antara kemarahan dan kesedaran mereka: suatu halangan.

Sejarah:

Dalam sejarah kawasan anda, siapakah yang telah dituduh sebagai berkelakuan secara tidak berperikemanusiaan semasa konflik bersenjata? Apa yang telah dilakukan mengenainya? Apakah hasilnya?

Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan

Aktiviti lanjutan



Adakah sudah terlambat?

Bacakan “Adakah sudah terlambat? — Algeria/Perancis”, mengenai satu perdebatan di Perancis baru-baru ini tentang penderaan yang berlaku semasa peperangan menuntut kemerdekaan Algeria 40 tahun yang lalu.



Sediakan teks pendek yang merupakan jawapan kepada soalan-soalan ini:

- Setelah begitu banyak masa telah berlalu, apa yang boleh dilakukan mengenai pencabulan dalam situasi ini? Bagi tujuan apa?

Pilih petikan yang boleh menggambarkan sebaiknya pandangan anda.

Bentangkan cara penyelesaian anda dan terangkan bagaimana ia boleh menghalang pencabulan di masa hadapan, galakkan proses perdamaian bagi mangsa dan faedahnya terhadap Perancis dan Algeria.

Bandingkan idea anda dengan idea rakan anda.

Berikutan Perang Dunia II, sejumlah penjenayah peperangan telah didakwa di negara-negara yang berlainan, menurut peruntukan Konvensyen Geneva. Contohnya, Perancis, Belanda, Israel, Amerika Syarikat, United Kingdom dan China telah membicarakan kes-kes sebegitu, yang melibatkan pencabul tentera atau orang awam.

Di sesetengah negara, di mana penjenayah Perang Dunia II dibicarakan dalam tahun 1990an, sesetengah orang berhujah bahawa selepas masa berlalu begitu lama, seharusnya pengampunan dan belas kasihan diberikan.

- Adakah anda bersetuju? Apakah tempoh masa yang sesuai?

Tulis karangan yang membentangkan pendirian anda.



Tiga pendekatan kepada keadilan

Undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL), seperti sistem perundangan yang lain, memerlukan mekanisme pelaksanaan dan penguatkuasaan. Negara-negara bertanggungjawab untuk menyekat segala bentuk pencabulan terhadap Konvensyen Geneva. Negara-negara juga ada tanggungjawab khusus berhubung dengan pencabulan IHL yang paling serius, yang dianggap sebagai jenayah peperangan. IHL juga menjadikan individu bertanggungjawab bagi pencabulan yang dilakukan oleh mereka atau apabila mereka mengarahkan ia dilakukan. Ia menghendaki orang yang bertanggungjawab bagi pencabulan yang serius didakwa dan dihukum sebagai penjenayah. Ini boleh dilakukan di peringkat kebangsaan atau, dalam sesetengah kes, di peringkat antarabangsa. Sesetengah negara telah menambahkan pendekatan ketiga untuk mencari keadilan – iaitu suruhanjaya kebenaran dan perdamaian.

1. Penguatkuasaan melalui undang-undang dan mahkamah domestik negara

Negara-negara diminta secara nyata oleh Konvensyen Geneva untuk menganunkan undang-undang jenayah bagi menghukum orang yang bertanggungjawab bagi pelanggaran IHL yang serius.

Secara amnya, undang-undang jenayah sesuatu negara terpakai hanya kepada tindakan-tindakan yang dilakukan oleh rakyatnya sendiri atau di dalam kawasanya. IHL menjangkau lebih jauh. Ia menghendaki negara-negara untuk mencari dan menghukum orang yang melakukan pelanggaran yang serius tanpa mengira kerakyataan pelaku itu atau di mana jenayah itu telah dilakukan. Prinsip ini dipanggil bidang kuasa sejagat. Banyak negara (seperti Kanada, Belgium, Switzerland, Rusia, Nicaragua, India, Kenya dan Australia) telah menyemak semula kanun jenayah mereka supaya sistem mahkamah mereka boleh membicarakan orang untuk jenayah peperangan tanpa mengira di mana jenayah itu berlaku atau siapa yang terlibat.

Orang yang dituduh melakukan jenayah peperangan telah dibicarakan – seperti di Australia (jenayah yang dilakukan terhadap orang Eropah semasa Perang Dunia II di Ukraine); di Kanada (jenayah yang dilakukan semasa Perang Dunia II di Eropah); di Switzerland, Denmark dan Belgium (jenayah yang dilakukan di Yugoslavia yang dahulu atau pada tahun 1994 di Rwanda).

Negara-negara juga dikehendaki untuk mencari orang yang melakukan pelanggaran yang serius dan sama ada membawa mereka ke hadapan mahkamah mereka sendiri atau menyerahkan mereka untuk dibicarakan di negara lain yang mahu mendakwa mereka.

Negara-negara mestilah saling membantu berhubung dengan prosiding jenayah berkenaan dengan pelanggaran yang serius.

Apabila negara-negara menggunakan mahkamah mereka sendiri untuk membawa ke muka pengadilan orang yang melakukan pencabulan IHL, ia dipanggil *penguatkuasaan kebangsaan*.

Negara-negara mungkin lebih gemar membicarakan rakyatnya sendiri yang dituduh dengan jenayah peperangan, daripada membiarkan negara lain melakukannya, atas beberapa alasan:

- ▲ Mereka mungkin merasakan defendan akan ada peluang yang lebih baik untuk mendapat perbicaraan yang adil (atau perbicaraan yang memihak kepada kepentingan mereka) di negaranya sendiri berbanding dengan di negara di mana jenayah itu berlaku.
- ▲ Defendan mungkin lebih mudah membela diri mereka sendiri dalam sistem perundangan yang mereka sudah biasa dan dalam prosiding yang dibuat menggunakan bahasa mereka sendiri.
- ▲ Mengadakan perbicaraan menunjukkan bahawa kerajaan bertanggungjawab bagi tindakan rakyatnya (dan terutamanya tindakan oleh kakitangan ketenteraannya).

Kerajaan-kerajaan juga mempunyai alasan untuk lebih menggemari menggunakan sistem mahkamah mereka sendiri untuk membicarakan orang asing yang dituduh melakukan jenayah peperangan terhadap rakyatnya:

- ▲ Mereka mungkin merasakan bahawa kerajaan negara lain kurang berminat dalam mencari ketidakadilan yang dilakukan terhadap rakyat yang tidak tinggal di negara mereka.
- ▲ Mereka mungkin merasakan bahawa dengan berbuat demikian menunjukkan bahawa kerajaan mereka kuat dan efektif dan bertindak bagi kepentingan rakyatnya.
- ▲ Membicarakan orang asing boleh menjadi popular di kalangan orang ramai, terutamanya yang boleh dihubungkan dengan mangsa jenayah itu.



Namun, penguatkuasaan di peringkat kebangsaan menimbulkan beberapa masalah. Menyiasat jenayah yang berlaku di negara lain boleh menjadi sukar. Mengesan orang yang dituduh melakukan jenayah peperangan dan membawa mereka ke negara di mana jenayah itu dilakukan untuk dibicarakan boleh menjadi lebih sukar. Masalah lain ialah penguatkuasaan kebangsaan kadangkala boleh menjadi tidak adil. Situasi berikut kadangkala berlaku:

- ▲ Mahkamah mungkin akan menyabitkan seseorang secara tidak adil kerana ia boleh dipengaruhi oleh keinginan untuk membalas dendam terhadap jenayah peperangan yang dilakukan terhadap rakyatnya sendiri. Atau mahkamah takut akan pendapat orang ramai. Atau kerajaan boleh memberikan tekanan terhadap mahkamah bagi sabitan yang menunjukkan kepada orang ramai yang ia sedang mengambil langkah yang berkesan.
- ▲ Sesuatu kerajaan mungkin tidak akan menyiasat jenayah peperangan kerana ia mahu mengelak konflik dengan negara lain atau kumpulan yang bersimpati dengan orang yang dituduh melakukan jenayah itu.
- ▲ Perbicaraan bagi jenayah yang berlaku semasa konflik dalaman boleh menyebelahi parti politik atau kumpulan etnik yang berpengaruh yang terlibat dalam konflik tersebut.

Sebagai tambahan, kerajaan selalunya tidak mahu menyiasat rakyatnya sendiri yang disyaki melakukan jenayah peperangan. Kerajaan itu mungkin bimbang:

- ▲ bahawa siasatan itu akan mendedahkan pegawai tentera dan kerajaan yang berpangkat tinggi mengarahkan atau selainnya terlibat dalam jenayah itu.
- ▲ bahawa pendapat umum menentang perbicaraan terhadap askar negara bagi jenayah terhadap orang yang dilihat oleh mereka sebagai "musuh".
- ▲ bahawa perekrutan angkatan tentera akan menjadi sukar jika orang ramai takut dipenjarakan bagi tindakan yang mungkin dilakukan oleh mereka (atau diperintahkan untuk dilakukan) semasa dalam tentera.

Perlu diingat bahawa, mengenai jenayah peperangan, tiada imuniti bagi ketua negara; mengikut arahan bukanlah alasan; pegawai pemerintah dan orang atasan bertanggungjawab terhadap orang bawahan mereka (dalam keadaan tertentu); dan tiada had masa yang selepas itu pencabul undang-undang tidak boleh didakwa.

2. Penguatkuasaan antarabangsa

Walaupun, di bawah Konvensyen Geneva, negara-negara adalah "di bawah tanggungjawab untuk mencari orang yang dituduh sebagai telah melakukan, atau mengarahkan untuk melakukan, pelanggaran yang serius, dan [untuk] membawa orang itu, tanpa mengira kerakyatannya, di hadapan mahkamah mereka sendiri", masyarakat dunia juga telah memutuskan bahawa penguatkuasaan IHL tidak boleh dibiarkan kepada setiap negara secara individu.

Tribunal khas

Sehingga pertengahan kurun ke-20, undang-undang mengenai peperangan telah dikuatkuasakan hanya oleh mahkamah tentera bagi negara secara individu. Tribunal jenayah antarabangsa yang pertama telah ditubuhkan selepas Perang Dunia II, apabila Great Britain, Perancis, Amerika Syarikat, dan Soviet Union menubuhkan Tribunal Ketenteraan Antarabangsa (IMT) untuk membicarakan defendan-defendan Nazi bagi pencabulan yang serius terhadap undang-undang antarabangsa. Perbicaraan ini dipanggil sebagai Perbicaraan Nuremberg diambil sempena nama sebuah bandar di Jerman di mana ia diadakan. Di Tokyo juga, Tribunal Ketenteraan Antarabangsa bagi Timur Jauh yang terdiri daripada wakil-wakil sebelas negara telah bersidang untuk membicarakan defendan-defendan Jepun yang dituduh melakukan pencabulan yang serius undang-undang antarabangsa.

40 tahun kemudian, dua lagi tribunal antarabangsa telah ditubuhkan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mendakwa jenayah peperangan, jenayah terhadap kemanusiaan dan jenayah penghapusan bangsa. Tribunal yang pertama telah ditubuhkan pada tahun 1993 untuk mendakwa jenayah yang dilakukan semenjak tahun 1991 semasa peperangan yang berlaku di wilayah bekas Yugoslavia, dan yang kedua telah ditubuhkan pada tahun 1994 untuk mendakwa jenayah-jenayah yang dilakukan pada tahun 1994 di Rwanda atau oleh rakyat Rwanda di negara-negara jiran.

Sesetengah orang berhujah bahawa tribunal khas seperti empat tribunal ini bukanlah cara yang paling berkesan untuk menguatkuasakan IHL, kerana penubuhan tiap-tiap tribunal khas ini memerlukan penglibatan politik antarabangsa dan banyak masa diperlukan untuk menubuhkan dan menjalankannya dan untuk mendapatkan sumber kewangan yang diperlukan untuk membiayainya.



Mahkamah Jenayah Antarabangsa

Idea untuk menubuhkan mahkamah jenayah antarabangsa yang tetap telah dipertimbangkan sejak sekian lama. Penubuhan dua tribunal *ad hoc* baru-baru ini telah menjadikan idea itu semakin aktif dalam agenda antarabangsa.

Perbincangan yang panjang bagi persediaannya telah membawa kepada persidangan diplomatik antarabangsa, yang diadakan di Rom pada tahun 1998, yang menerima pakai Statut Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC). Ia akan mempunyai bidang kuasa bagi empat kategori jenayah: penghapusan bangsa, jenayah terhadap kemanusiaan, jenayah peperangan, dan jenayah terhadap pencerobohan.

Penduduk di seluruh dunia ingin tahu bahawa kemanusiaan boleh hidup kembali, bahawa apa-apa dan bila-bila penghapusan bangsa, jenayah peperangan, atau apa-apa pencabulan lain telah dilakukan, akan ada mahkamah di hadapan mana penjenayah itu boleh diadili, mahkamah yang akan menamatkan budaya global yang bebas tanpa hukuman, mahkamah di mana semua individu dalam hierarki kerajaan atau hierarki ketenteraan, tidak terkecuali, daripada pemerintah kepada askar-askar prebet mestilah menjawab terhadap tindakan mereka.

– Kofi Annan, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Selepas Statut diratifikasikan oleh 60 negara – angka yang diperlukan bagi permulaan kuatkuasanya – Mahkamah itu telah memulakan operasinya pada 1 Julai 2002. Pada April 2002, Statut itu telah ditandatangani oleh 139 buah negara, dan diratifikasikan oleh 66 buah negara.

Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan jenayah penghapusan bangsa, jenayah terhadap kemanusiaan, jenayah peperangan, dan jenayah terhadap pencerobohan.

Beberapa buah negara menentang penubuhan mahkamah dunia yang tetap. Beberapa negara yang lain bimbang jika Mahkamah ini mempunyai kuasa yang terlalu kuat dan boleh disalahgunakan bagi maksud politik. Negara-negara lain tidak mahu menandatangani kerana takut akan beberapa amalan di negaranya akan termasuk di bawah bidang kuasa ICC. Sesetengah negara pula takut Mahkamah ini akan membicarakan anggota-anggota perkhidmatan angkatan tenteranya yang bertugas di luar negara tanpa mendapat faedah perlindungan bagi tatacara yang terdapat di mahkamah negara mereka.

Tiada seorang pun yang benar-benar tahu setakat manakah mahkamah tetap antarabangsa ini akan dapat menguatkuasakan undang-undang antarabangsa. Penyunting undang-undang bagi suatu majalah politik British yang terkenal telah menyatakan bahawa kerajaan-kerajaan telah menandatangani triti-triti yang menjadikan jenayah peperangan sebagai sesuatu yang tidak sah di sisi undang-undang. Kerajaan-kerajaan ini menandatangani, kadangkala hanya sebagai sindiran, kadangkala dengan niat yang baik, tetapi selalunya dengan pengetahuan bahawa besar kemungkinan triti-triti itu tidak akan terpakai dalam masa yang terdekat ini. Mahkamah Jenayah Antarabangsa telah mengubahnya dan kerana itu ia boleh menjadi permulaan sebenar bagi perkembangan undang-undang ini ke kawasan-kawasan yang kewujudannya tidak mencukupi. Mahkamah ini mewakili suatu revolusi dalam undang-undang antarabangsa. Sukar untuk mengatakan jika ia akan berjaya. Ia adalah suatu percubaan.

Walaupun tribunal antarabangsa merupakan sokongan yang dialu-alukan sebagai cubaan untuk menghalang dan menghukum pencabulan IHL, ia berkemungkinan tidak akan dapat menggantikan secara keseluruhan peranan mahkamah kebangsaan dan keperluan bagi perundangan jenayah yang berkesan di peringkat kebangsaan. Negara-negara masih terus memikul tanggungjawab utama untuk memastikan IHL dipatuhi dan untuk menghalang dan menghukum pencabulan undang-undang itu. Hanya tindakan yang berkesan di peringkat kebangsaan sahaja yang boleh memastikan IHL dipatuhi sepenuhnya.

3. Mencari keadilan melalui suruhanjaya kebenaran

Negara-negara Amerika Latin telah membangunkan suatu lagi model bagi akauntabiliti –suruhanjaya kebenaran. Argentina menubuhkan suruhanjaya kebenaran yang pertama pada tahun 1983 untuk menyiasat dan mencari kebenaran mengenai kehilangan beribu-ribu orang di bawah rejim yang lama. Selepas mengambil kenyataan daripada beratus-ratus saksi, suruhanjaya telah mendokumentasikan kewujudan kem tahanan rahsia dan sekurang-kurangnya 8900 orang yang telah “hilang” dan suruhanjaya telah mengemukakan kes-kes bagi pendakwaan yang mungkin boleh dibuat. Suruhanjaya melaporkan penemuannya pada tahun 1984 dan mengeluarkan *Nunca Mas (Never Again)*, suatu laporan yang klasik antara laporan hak asasi manusia.



Suruhanjaya kebenaran bukanlah perbicaraan; ia hanya forum untuk siasatan bagi menentukan fakta kekejaman yang lepas. Sesetengahnya telah ditubuhkan oleh pihak-pihak berkuasa awam; manakala yang lain ditubuhkan oleh organisasi swasta. Apabila dijalankan dalam proses neutral dengan penuh hati-hati, suruhanjaya-suruhanjaya sedemikian boleh dengan cepat dan secara langsung memastikan fakta mengenai jenayah peperangan (seperti di El Salvador dan Nicaragua) atau penganiayaan hak asasi manusia rejim kerajaan yang lama (seperti di Argentina, Chile, Brazil dan Haiti). Tujuan kebanyakan suruhanjaya kebenaran ialah untuk memastikan fakta-fakta mengenai pencabulan IHL, undang-undang kebangsaan sesebuah negara dan undang-undang hak asasi manusia. Suruhanjaya-suruhanjaya ini hanya akan menyiarkan laporan dan membuat saranan tentang bagaimana kerajaan sesebuah negara patut bertindak balas terhadap jenayah itu.

Suruhanjaya kebenaran dan perdamaian

Afrika Selatan telah mengambil pendekatan ini untuk mencari keadilan dengan satu langkah ke hadapan. Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian Afrika Selatan (TRC) telah ditubuhkan untuk menyiasat jenayah yang berlaku semasa konflik untuk menamatkan apartheid – suatu sistem di mana orang minoriti kulit putih mendominasi sistem politik dan ekonomi negara. Di bawah apartheid, orang kulit hitam Afrika, dan juga orang Asia dan orang yang mempunyai keturunan campuran, telah diketepikan daripada banyak hak dan faedah yang diberikan kepada orang yang berketurunan Eropah. TRC telah menyiasat jenayah yang dilakukan oleh kerajaan Afrika Selatan dan penyokong apartheid dan juga kumpulan-kumpulan, seperti Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), yang terlibat dalam pemberontakan bersenjata terhadap kerajaan apartheid.

TRC bagi Afrika Selatan berbeza daripada suruhanjaya kebenaran yang awal di mana ia telah ditubuhkan sebagai sebahagian daripada sistem perundangan. Tujuannya, walau bagaimanapun, bukan untuk mendakwa dan menghukum tetapi untuk perdamaian persendirian dan politik. TRC memperuntukkan bahawa jika pencabul memberi keterangan yang benar mengenai apa yang telah mereka lakukan, mereka boleh diampunkan dengan sah bagi jenayah yang telah mereka lakukan (suatu proses yang dipanggil pengampunan). Orang yang dituduh dengan jenayah dan tidak memberi keterangan yang benar dan sepenuhnya di hadapan TRC masih boleh didakwa di bawah undang-undang kebangsaan.

Beribu-ribu orang memohon pengampunan dari TRC. Pada penghujung tahun 1999, Jawatankuasa Pengampunan bagi TRC telah memberikan keampunan kepada 568 orang; menolak permohonan bagi 5,287 yang lain; memberikan keampunan separa kepada 21 orang; telah menarik balik 161 permohonan; dan mempunyai keputusan tertunggak atas 272 kes – jumlah keseluruhan 6,309 kes.

Kebanyakan kriteria bagi pengampunan memerlukan pemberitahuan sepenuhnya fakta oleh pelaku jenayah dan pemastian bahawa tindakan dilakukan atas alasan politik dan bukan bagi maksud persendirian atau niat jahat peribadi terhadap mangsa. Jawatankuasa juga mengambil kira “keseriusan sesuatu tindakan” dan “kadarnya” antara tindakan dan akibat tindakan itu.

TRC Afrika Selatan juga membantu mangsa jenayah peperangan dengan membenarkan mereka memberitahu kisah mereka kepada dunia dan memberikan peruntukan untuk pampasan dan khidmat sosial. Lebih daripada 20,000 mangsa penganiayaan hak asasi manusia telah mengemukakan kenyataan mereka kepada TRC.

Pengkritik TRC menyerang kelemahannya. Ramai orang yang telah memberi keterangan mengenai kejadian yang bukan mereka sendiri menyaksikannya. Jenayah yang disiasat oleh TRC hanyalah apa yang dibawa kepadanya oleh saksi. Ia tidak cuba untuk menyiasat jenayah jika tiada saksi yang tampil secara sukarela. Soalan yang paling penting yang ditanya ialah sama ada orang yang telah membunuh dan menyeksa mangsa yang tidak bersalah patut dilepaskan walaupun mereka mengakui akan perbuatan mereka. Dan ada juga soalan-soalan sama ada pampasan kepada mangsa mencukupi untuk membayar harga penderitaan yang mereka tanggung (termasuk bil perubatan dan kehilangan pendapatan apabila salah seorang anggota keluarga mereka terbunuh).

Sumber:

Nuremberg 40 Tahun Kemudian (Nuremberg Forty Years Later), Irwin Cotler, ed. McGill-Queen's University Press, Montreal 1995.

Laman web ICRC: www.icrc.org

Ucapan pembukaan di Persidangan Diplomatik Kuasa Mutlak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai penubuhan Mahkamah Jenayah Antarabangsa, Rom, Itali, Jun 1998 – dipetik daripada “*Mencari Keadilan Global*”/“*In Search of Global Justice*”, Bhg II

Penjelasan mengenai undian oleh Mr. Dilip Lahiri, Ketua Delegasi India, mengenai pemakaian Statut Mahkamah Antarabangsa, 17 Julai 1998. www.un.org/icc/speeches/717ind.htm

Robinson Everett, *Ahli Servis Amerika dan ICC, dalam US dan ICC (American Service Members and the ICC, in the US and the ICC)*, disunting oleh Sarah B. Sewall dan Karl Kaysen, Rowman et Littlefield Publishers, Inc.

David Manasian, Penyunting Perundangan, majalah *Economist* yang dipetik daripada “*Mencari Keadilan Global*”/“*In Search of Global Justice*”, Bhg II




Pencabulan undang-undang kemanusiaan yang manakah yang boleh dianggap sebagai jenayah peperangan?

Statut bagi Mahkamah Jenayah Antarabangsa menyenaraikan pelanggaran yang serius terhadap IHL yang menjadikan ia suatu jenayah peperangan apabila dilakukan terhadap mana-mana orang yang dilindungi; kombatan yang tercedera atau sakit, tahanan, orang awam, dsb. Sebahagiannya diringkaskan seperti berikut.


- Membunuh dengan sengaja;
- Menyeksa dan layanan tidak berperikemanusiaan (...);
- Menyebabkan penderitaan yang teruk dengan sengaja (...);
- Dengan sengaja mengarahkan serangan terhadap orang awam atau objek awam, atau terhadap kakitangan, kelengkapan, bahan-bahan, unit atau kenderaan yang terlibat dalam bantuan kemanusiaan;
- Menghantar pulang, memindahkan dengan paksa atau menyebabkan orang awam kehilangan tempat tinggal;
- Menggunakan senjata yang dilarang, pelancar dan bahan-bahan dan kaedah-kaedah peperangan yang boleh menyebabkan penderitaan yang tidak perlu atau yang memang sembarangan;
- Dengan sengaja menyebabkan kebuluran orang awam sebagai suatu kaedah peperangan dengan menyekat mereka daripada objek yang diperlukan untuk mereka terus hidup;
- Penjarahan sesuatu bandar atau tempat;
- Mengambil tebusan;
- Merogol, pengabdian seks, memaksa pelacuran, atau apa-apa bentuk keganasan seks yang lain;
- Membunuh atau mencederakan kombatan yang telah, meletakkan senjata atau tiada cara lagi untuk mempertahankan dirinya, telah menyerah dengan sendiri;
- Mengerah atau memasukkan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun ke dalam angkatan tentera atau menggunakan mereka untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti keganasan;
- Dengan sengaja melancarkan serangan dengan pengetahuan bahawa serangan itu akan menyebabkan kehilangan nyawa atau kecederaan yang sangat besar kepada orang awam atau merosakkan objek awam atau pencemaran teruk terhadap alam sekitar yang meluas dalam jangka panjang;
- Menggunakan orang awam yang ada atau orang lain yang dilindungi untuk menjadikan tempat-tempat tertentu, kawasan atau angkatan ketenteraan terkecuali daripada operasi ketenteraan;
- Menjatuhkan hukuman dan menjalankan hukuman tanpa penghakiman terlebih dahulu yang diberikan oleh mahkamah yang ditubuhkan secara biasa, memberikan segala jaminan kehakiman yang secara amnya diakui sebagai amat diperlukan.

– daripada Perkara 8, Statut Mahkamah Jenayah Antarabangsa




Pendapat terhadap menghukum jenayah peperangan

Patutkah orang yang melakukan jenayah peperangan dihukum?



Apabila konflik telah tamat, patutkah orang yang telah melanggar peraturan-peraturan...?



Dalam tahun 1998-1999, suatu kajian telah dijalankan di 16 buah negara (12 daripadanya telah mengalami konflik bersenjata baru-baru ini). Jadual ini menunjukkan pendapat-pendapat responden.



Pendapat terhadap tidak mengambil tindakan atau mencari keadilan

Sebaik sahaja peperangan saudara tamat, seseorang itu mestilah memaafkan dan tidak mengambil tindakan.

– Paul Thibaud, penulis

Sikap mudah memberi kemaafan dan tidak mengambil tindakan akan menyebabkan luka terus berdarah.

– Louis Joinet, majistret dan Wakil Khas UN terhadap pembebasan daripada hukuman

Kemboja: dua pandangan mangsa

Suara 1

Ketenangan dan air mukanya yang dingin membuatkan anda terfikir dia telah dapat mengatasi tragedi yang dialaminya. Tetapi sebenarnya bukan begitu. Dia masih terdengar jeritan, dan imej penyeksaan masih kekal terpahat di ingatannya. Dia mahukan keadilan, bukan balas dendam.

Bagaimana saya dapat melupakan? Saya berumur 30 tahun pada masa itu, dan ia telah terpahat di ingatan saya dan tidak dapat dipadamkan. Semua mangsa merasakan seperti yang saya rasa; kami mahukan pemimpin Khmer Rouge menanggung akibat perbuatan mereka.

– Vann Nath, orang yang terselamat daripada pusat penganiayaan Kemboja di mana 18,000 orang telah lenyap

Suara 2

Apakah bezanya kepada orang kebanyakan Kemboja jika Ta Mok [Pemimpin Khmer Rouge] dibicarakan? Apa yang saya mahu hanyalah supaya Kemboja kekal aman.

– seorang pemandu teksi yang kehilangan bapa dan lima abang dan kakaknya

Chile: dua pandangan mangsa

Suara 1

Perbicaraan terhadap ahli politik patut menyedarkan masyarakat di mana jenayah telah dilakukan untuk menyelami perasaan mereka. Membicarakan Pinochet di Chile memang berbaloi, kerana penduduk Chile sedar bahawa sebahagian daripada mereka memihak kepada coup d'etat.

– Paul Thibaud, penulis

Suara 2

Tidak akan ada perdamaian tanpa kebenaran dan keadilan. Kami perlu tahu di manakah orang yang telah “hilang”.

– Gladys Diaz, wartawan, tahanan politik selama lebih dua tahun

Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan



Sumber 2
2 daripada 2

Pendapat terhadap tidak mengambil tindakan atau mencari keadilan

Sierra Leone:

tiga pandangan penduduk Sierra Leone

Suara 1

Keampunan bukan sahaja gagal menyelesaikan masalah negara ini, malah ia juga mengekalkan putaran keganasan dan kebebasan tanpa hukuman. Pengampunan tidak membantu.

— Abdul Tejan-Cole, peguam

Suara 2

Apakah yang akan saya lakukan jika saya berjumpa dengan pendera saya di atas jalan? Saya akan memberitahu mereka bahawa suatu hari Yang Maha Esa akan memilih antara keluarga mereka dan saya. Jika kita tidak memaafkan, lebih ramai orang yang akan kehilangan tangan mereka.

— Lemain Jusu Jarka,
pemberontak memotong kedua-dua belah tangannya untuk menghukumnya kerana membantu anak perempuannya melarikan diri

Suara 3

Saya seorang yang mempunyai prinsip dan saya percaya bahawa jenayah patut dihukum. Tetapi siapakah yang akan mengadili mereka? Tiada sesiapa yang sebenarnya berkuasa. Jika Kerajaan berkata bahawa "Kami akan membicarakan anda", para pemberontak akan mula bertindak lagi.

— Alimany Koroma, pastor

Sierra Leone:

dua pandangan orang asing

Suara 1

Pengampunan hanya memulakan semula kitaran pembebasan tanpa hukuman(...). Jenayah begitu melampau sehinggakan kami tidak boleh mengharapkan keamanan yang berpanjangan.

— Corinne Dufka, dari Pemerhati Hak Asasi Manusia

Suara 2

Pengampunan tidak boleh diterima sama sekali. Saya merasa marah. Tetapi kemudian saya nampak kanak-kanak yang kami beri makan dan kami jaga dan saya biarkan ia berlalu. Penduduk Sierra Leone tahu apa yang mereka mahu — keamanan, sekarang, berbanding keadilan. Dari suatu segi, pengampunan ialah suatu skandal. Tetapi dari suatu segi yang lain mungkin ia suatu tindakan yang bijak.

— Petugas kemanusiaan



Lembaran fakta: Suruhanjaya Kebenaran

Bahagian I: Latar belakang

Selepas kejadian penindasan atau kejadian berdarah, beberapa negara telah menubuhkan suruhanjaya kebenaran, yang bertujuan secara amnya untuk memastikan fakta mengenai pencabulan IHL, hak asasi manusia dan undang-undang kebangsaan. Suruhanjaya kebenaran bukan tribunal; ia adalah forum bagi siasatan untuk menentukan fakta berkenaan dengan kekejaman dan jenayah yang lepas. Secara amnya, ia menyiarkan laporan dan membuat saranan bagaimana kerajaan sesebuah negara patut bertindak balas terhadap jenayah dan bagaimana untuk mengelakkan pencabulan yang berleluasa di masa hadapan.

Sesetengah suruhanjaya kebenaran telah ditubuhkan oleh pihak berkuasa awam, sesetengahnya oleh organisasi swasta.

Ia telah ditubuhkan selepas perubahan yang radikal dalam kerajaan (contohnya di Chile dan Afrika Selatan), dalam rangka kerja suatu persetujuan keamanan yang menamatkan perang saudara (contohnya di Salvador dan Guatemala) atau semasa tempoh peralihan daripada pemerintahan ketenteraan kepada awam (contohnya di Argentina dan Uruguay).

Argentina menubuhkan suruhanjaya kebenaran yang pertama pada tahun 1983 untuk menyiasat dan membongkar kebenaran mengenai kehilangan beribu-ribu orang di bawah rejim yang lama. Selepas mengambil kenyataan daripada beratus-ratus saksi,

suruhanjaya telah mendokumentasikan kewujudan kem tahanan rahsia dan sekurang-kurangnya 8900 orang telah “hilang”; suruhanjaya telah mengemukakan kes-kes bagi pencakwaan yang mungkin boleh dibuat. Suruhanjaya juga melaporkan pemuannya pada tahun 1984 dan mengeluarkan *Nunca Mas (Never Again)*, suatu laporan yang klasik antara laporan hak asasi manusia.

Di **Afrika Selatan**, suatu Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian (TRC) ditubuhkan untuk menyiasat jenayah yang berlaku semasa konflik untuk menamatkan apartheid, suatu sistem di bawah mana orang minoriti berkulit putih mendominasi sistem politik dan ekonomi negara. Di bawah apartheid juga, orang berkulit hitam Afrika, dan juga orang Asia dan orang yang mempunyai keturunan campuran, telah diketepikan daripada banyak hak dan faedah yang diberikan kepada orang yang berketurunan Eropah. TRC telah menyiasat jenayah yang dilakukan oleh kerajaan Afrika Selatan dan penyokong apartheid dan juga kumpulan-kumpulan, seperti Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), yang terlibat dalam pemberontakan bersenjata terhadap kerajaan apartheid.

Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian Afrika Selatan berbeza daripada suruhanjaya kebenaran yang awal di mana ia ditubuhkan sebagai sebahagian daripada sistem perundangan. Tujuannya, walau bagaimanapun, bukan untuk mendakwa dan menghukum tetapi untuk perdamaian persendirian

dan politik. TRC memberikan peluang kepada pencabul peraturan supaya mereka boleh diampunkan dengan sah bagi jenayah yang telah mereka lakukan (suatu proses yang dipanggil pengampunan) jika mereka memberi keterangan secara jujur dan terperinci apa yang telah mereka lakukan. Orang yang dituduh dengan jenayah dan tidak memberi keterangan yang benar dan sepenuhnya di hadapan suruhanjaya masih boleh didakwa di bawah undang-undang kebangsaan.

Beribu-ribu orang memohon pengampunan daripada Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian. Pada penghujung tahun 1999, Jawatankuasa Pengampunan bagi Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian telah memberikan pengampunan kepada 568 orang; menolak pengampunan bagi 5,287 orang; memberikan pengampunan separa kepada 21 orang; menarik balik 161 permohonan; dan mempunyai keputusan tertunggak atas 272 kes, jumlah keseluruhan 6,309 kes.

Baru-baru ini, suruhanjaya kebenaran telah mula beroperasi di Nigeria dan Panama dan akan mula beroperasi di Sierra Leone dan Timor Timur. Percincian sedang dijalankan untuk menubuhkan suruhanjaya sebegini di Mexico, Bosnia, Serbia dan Ghana, dan juga di Kanada, di mana layanan kerajaan terhadap penduduk pribuminya akan dikaji semula.

Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan



Sumber 3
2 daripada 2

Suruhanjaya Kebenaran

Bahagian II: Apa yang telah diperkatakan oleh orang ramai mengenai suruhanjaya kebenaran

Kami tidak mengatakan bahawa kita patut menutup mata terhadap masa lampau kita, tetapi keadilan tidak dapat memburu semua orang. Ia tidak akan berakhir.

– Desmond Tutu, Pemenang Hadiah Kedamaian Nobel dan Pengerusi Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian Afrika Selatan

Perbincangan tentang peranan yang sepatutnya bagi Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian menyokong pendapat yang memberikan suatu situasi khas di Rwanda, Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian tidak semestinya merupakan cara terbaik untuk menghapuskan kebebasan tanpa hukuman dan menyediakan asas bagi kestabilan politik. Kerajaan Rwanda pasti bahawa satu-satunya cara untuk mencapai pembinaan semula kerajaan dan membawa keamanan yang berpanjangan kepada penduduk Rwanda ialah dengan memastikan bahawa keadilan dilaksanakan, dan yang ia merupakan suatu ilusi untuk mengharapkan apa-apa pemahaman atau kedamaian bersama melainkan orang yang bertanggungjawab dan terlibat dalam jenayah dihukum terlebih dahulu.

– Faustin Nteziyayo, Menteri Keadilan, Rwanda, 1998

Mangsa dan orang yang terselamat perlu memberitahu cerita tentang pemangsaaan yang telah dilakukan kepada mereka, memberi versi mereka mengenai kejadian itu, menunjukkan siapakah yang telah menceroboh dan menghuraikan tentang pencerobohan itu, dan semasa menghuraikannya menyatakan emosi yang penuh geram terhadap langkah-langkah untuk hukuman, kebencian moral dan menuntut keadilan. Kerana apabila kesalahan dilakukan, mereka bukan sahaja dcederakan secara fizikal tetapi juga kesannya terhadap mental mereka dan mereka hilang rasa hormat terhadap diri mereka, mereka juga perlu mengumpul semula keyakinan diri. Suatu suruhanjaya kebenaran membantu mencapai semua ini dan ia merupakan suatu instrumen yang melaluinya kepercayaan bahawa penamatan era yang menjijikkan tanpa keadilan telah dijanakan semula dan dikuatkuasakan secara kolektif.

– Rajeev Bhargava, Pusat Pembelajaran Politik, New Delhi, 1998

Dalam usaha untuk menyatukan masyarakat selepas itu, ia harus mengakui apa yang berlaku, cuba memperbaiki mangsa dan

menghukum orang yang melakukan kesalahan. Ini tidak bermakna anda perlu memasukkan orang yang menganiaya itu ke dalam penjara, tetapi sekurang-kurangnya mereka patut mengakui dosa mereka dan minta maaf.

– Martin Abregu, Pengarah Pusat Pembelajaran Perundangan dan Sosial, Argentina, 1998

Fakta bahawa, di hadapan seseorang mangsa atau di hadapan keluarga mangsa, seorang pembunuh mengakui bahawa dia telah dengan sengaja membunuh seseorang, yang dia telah meletakkan bom di dalam gereja atau di tempat lain dengan niat untuk membunuh, ialah suatu permulaan terhadap keadilan. (...) Ramai mangsa yang berpuas hati, kerana harga diri mereka telah dikembalikan, dan penderitaan mereka diakui. Mangsa-mangsa lain tidak berpuas hati kerana mereka dapati pembunuhan-pembunuhan terlepas dengan terlalu mudah.

– Richard Goldstone, Hakim Afrika Selatan, bekas pendakwa bagi Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi Yugoslavia yang dahulu dan Rwanda, 1998

Menegakkan keadilan

Masyarakat mendiamkan diri terhadap jenayah peperangan

Apabila senjata peperangan telah senyap, dan pembunuhan, penyeksaan, rogol dan keganasan telah tamat, bagaimana Kerajaan patut menghadapi kekejaman yang telah berlaku dan pelanggaran serius peraturan konflik bersenjata yang mungkin telah berlaku? Soalnya ialah apakah yang terbaik untuk menjalin semula satu fabrik yang baru dan telah sembuh yang dipanggil “politik terhadap memori”. Sesetengah orang dan kerajaan berhujah bahawa masa lampau telah berlalu dan masyarakat sepatutnya meletakkan masa lampau di belakang mereka dalam usaha menumpukan perhatian kepada pembinaan masa hadapan.

Melupakan masa lalu, atau persetujuan oleh negara bagi “*collective amnesia*”, termasuklah situasi di mana tidak ada proses tanggungjawab tajaan kerajaan diwujudkan; tidak ada semakan semula oleh kerajaan terhadap tanggungjawab bagi jenayah peperangan atau keganasan awam dijalankan; Masyarakat yang mendiamkan diri mungkin akibat daripada pilihan yang jelas, iaitu negara perlu meneruskan dengan pemerintahan sebaik sahaja konflik tamat. Jika mendiamkan diri ialah suatu pilihan yang jelas, ia selalunya dikaitkan dengan pemberian pengampunan atau pelepasan, yang melindungi anggota kerajaan yang terdahulu daripada soalan perundangan mengenai jenayah peperangan dan penganiayaan terhadap kemanusiaan semasa mereka mengawal jentera kerajaan.

Dalam jangka pendek, melupakan atau tidak menghiraukan penganiayaan masa lampau ialah cara yang terpantas untuk mengalihkan suatu kekalahan peperangan atau rejim totalitarian kepada suatu bentuk pemerintahan yang baru.

Memilih untuk berdiam ialah apa yang ditakuti oleh ramai mangsa, kerana ia menunjukkan kekurangan rasa hormat terhadap luka yang dialami oleh individu atau kumpulan tertentu. Berdiam ialah seperti suatu bentuk penafian. Dalam perbincangannya mengenai kekurangan pendakwaan terhadap Stasi (bekas Polis Rahsia Jerman Timur) yang menguatkuasakan pemerintahan Komunis sehingga 1989, Tina Rosenberg mendapati bahawa memandangkan tiada seorang pun yang dihukum kerana menganiaya dan mendera, perasaan yang wujud ialah, “ia tidak sepatutnya berlaku”.¹ Menurut kata-kata cendekiawan Aryeh Neier, “Keamanan bersama mungkin tidak ada jika mangsa tidak nampak sesiapa pun dipertanggungjawabkan terhadap penderitaan mereka”.² Polisi melupakan boleh membawa makna bahawa perasaan geram terpendam di dalam hati mangsa, menjadikan ia semakin parah, tanpa ada alternatif untuk sembuh.

– Sumber: Crystal C. Campbell, kertas yang tidak diterbitkan

¹ Rosenberg, Tina, *Tanah Yang Dihantui, Menghadapi Hantu Eropah Selepas Komunisme (The Haunted Land: Facing Europe's Ghosts After Communism)*, Vintage Books, New York, 1996

² Neier, Aryeh, *Kezaliman, Penghapusan Bangsa, Keganasan dan Perjuangan Untuk Keadilan (Brutality, Genocide, Terror and the Struggle for Justice)*, Times Books, 1998



Adakah sudah terlambat? – Algeria/Perancis

Suara

Pendapat dua orang jeneral kanan yang bertugas semasa kejadian di Algeria:

Tidak, penderaan tidak diperlukan semasa peperangan. Seseorang boleh mengawal keadaan tanpanya. Ia menyedihkan saya apabila saya terkenang kembali mengenai Algeria, kerana penderaan adalah sebahagian daripada pemikiran pada ketika itu. Kita boleh melakukan dengan cara yang berlainan.

— Jeneral Jacques Massu

Saya tidak pernah menyukai penderaan, tetapi saya telah memutuskan bahawa saya terpaksa menggunakannya apabila tiba di Algiers. Ia merupakan amalan standard pada masa itu. Jika diberikan keadaan yang sama, saya juga akan berbuat perkara yang serupa; saya tidak rasa ada cara lain. Setelah berkata demikian, saya juga patut menambah bahawa selalunya saya memperoleh hasil yang baik tanpa apa-apa penderaan. Saya juga akan berkata bahawa kejayaan saya yang terbesar dicapai tanpa sebarang pukulan kepada orang yang saya soal siasat. Tetapi ada keadaan apabila ia tidak berjaya, bila anda beroperasi di bawah tekanan masa.

Saya akan menentang idea Kerajaan Perancis untuk memohon maaf pada hari ini. Kita tidak perlu memohon maaf untuk apa-apa. Akui fakta-fakta yang khusus, walau apa pun, tetapi tanpa menjadikan ia terlalu umum. Secara peribadi, saya tidak ada sebarang penyelesaian.

— Jeneral Paul Aussarresses

Latar belakang sejarah suatu perbincangan awam di Perancis

1954 – 1962 Perancis melancarkan peperangan terhadap para pejuang pro-kemerdekaan di Algeria. Permuafakatan Evian di antara Perancis dan Algeria menamatkan peperangan. Ia mengandungi satu amnesti am untuk kedua-dua pihak yang melakukan kekejaman.

1962 – 1999 Kutukan yang berulang terhadap keterlampaian askar Perancis oleh individu dan kumpulan Perancis. Walaupun buku dan rencana diterbitkan, tiada perdebatan awam yang besar.

2000 Louisette Ighilahriz, bekas miilitan Algeria yang telah didera selama tiga bulan pada tahun 1957, telah bersuara secara terbuka. Rakyat Perancis yang merasa turut terabit dengan keadaannya telah bertindak secara terbuka, menggalakkan cerita lain, kenyataan oleh ahli politik dan suatu perdebatan awam secara meluas, termasuklah perkara berikut:

- ▲ Dua belas orang cendekiawan yang terkenal telah meminta kerajaan Perancis untuk memperbetulkan keadaan secara rasmi dengan mengiktiraf dan mengutuk penderaan yang telah berlaku semasa peperangan di Algeria.
- ▲ Perdana Menteri Jospin berkata, "Saya tidak percaya bahawa dengan membongkar kebenaran akan melemahkan negara kita. Sebaliknya, ia akan mengukuhkan negara dengan membenarkan ia pembinaan masa depan berdasarkan pengalaman masa lalu."
- ▲ Presiden Chirac berkata, "Kita tidak sepatutnya melakukan apa-apa yang boleh membuka luka lama".
- ▲ Sekumpulan ahli politik Perancis mencadangkan pembentukan suatu suruhanjaya siasatan untuk menyiasat penderaan dan jenayah terhadap kemanusiaan yang dilakukan oleh Perancis. Tujuan suruhanjaya ini adalah untuk membantu memastikan kebenaran dan mencadangkan cara untuk membayar pampasan kepada mangsa dan kepada mereka yang enggan terlibat dalam jenayah ini.

2001 Jeneral Paul Aussarresses, yang merupakan pegawai perisik di Algeria dari tahun 1955 hingga 1957, menerbitkan sebuah buku pada bulan Mei yang bertajuk *Special Services, Algeria 1955 – 1957*, di mana dia mengakui telah mendera tahanan semasa peperangan menuntut kemerdekaan Algeria. Berikutan penerbitan buku itu, Liga Hak Asasi Manusia menuduhnya sebagai cuba memohon kemaafan untuk jenayah peperangan. Gerakan terhadap Perkauman dan Persaudaraan antara Penduduk, Louisette Ighilahriz dan dua orang saudara perempuan Larbi Ben M'Hidi, yang telah dibunuh di hadapan jeneral itu, juga telah membawa tuntutan terhadapnya bagi jenayah terhadap kemanusiaan. Pada 14 Disember, berikutan perbicaraan Jeneral itu, mahkamah rayuan di Perancis telah mengesahkan penolakan seorang hakim untuk bertindak atas aduan kehakiman yang difailkan terhadap Aussarresses bagi jenayah terhadap kemanusiaan kerana pengampunan tahun 1968 yang meliputi segala jenayah yang dilakukan semasa peperangan Algeria.

2002 Pada 25 Januari, mahkamah jenayah di Paris mengenakan denda 7,500 euro terhadap Jeneral Aussarresses kerana bertindak mendapatkan pengampunan bagi jenayah peperangan. Kedua-dua penerbit bukunya juga telah didenda sebanyak 15,000 euro setiap satu.

Penerokaan 4A: Rasional bagi keadilan



Sumber 5
2 daripada 3

Adakah sudah terlambat? – Algeria/Perancis

Mengenai askar

Veteran merasakan mereka telah difitnah melalui tuduhan menendera terhadap kesemua dua juta orang yang telah berkhidmat dalam peperangan ini dan tidak bersalah terhadap perkara ini.

— Wladyslas Marek, kopepari di Algiers dari tahun 1960 hingga 1962, sekarang Presiden Persatuan Kebangsaan Veteran Algeria dan Tunisia

Hanya sedikit askar baru yang terlibat dalam penderaan. Tetapi ramai daripada mereka yang tahu mengenainya, nampak ia berlaku, tetapi tidak berkata apa-apa, kerana membantah tindakan disiplin ketenteraan memerlukan keberanian yang melebihi tahap sederhana. Secara amnya suasana perkauman memang ada, dan mengatasi semua ini, kewujudan kebencian semasa peperangan penjajah yang memungkinkan sikap yang pasif terhadap keganasan.

— Georges Doussin, Presiden bagi Persatuan Veteran dan Mangsa Peperangan Perancis

Askar baru takut apa yang mungkin terjadi kepada mereka jika mereka menjawab atau enggan menjalankan arahan, terutamanya berkenaan dengan penderaan. Kesemua mereka, tanpa pengecualian, sekurang-kurangnya pernah mendengar atau melihat penderaan dilakukan. Mereka memberitahu saya trauma mereka yang sebenar ialah mereka tidak menyatakan ketidaksetujuan mereka pada masa itu; bahawa mereka berumur 20 tahun dan tidak boleh mengambil pendirian mereka sendiri.

— Marie-Odile Godard, ahli psikologi

Mengenai tanggungjawab

Tanggungjawab utama terletak pada pihak berkuasa politik, yang tahu apa yang sebenarnya berlaku dan tidak sepatutnya memberikan kuasa penuh kepada tentera.

— Hugues Dalleau, Presiden Kesatuan Kebangsaan Veteran

Jika kerajaan Perancis tidak mahukan penderaan, ia sepatutnya menyatakannya dengan jelas dan secara rasmi. Jika, semasa ketiadaan arahan yang jelas, pihak tentera tidak mahukan penderaan — untuk menjaga kehormatannya atau kehormatan Perancis — pihak yang berada dalam hierarki patut menyatakannya dengan jelas.

— Roger Monie, Letnan dalam pasukan askar simpanan

Kepada ramai orang di Perancis pada masa itu, penderaan kelihatan sebagai suatu tindakan yang pada dasarnya boleh dijustifikasikan kepada kekejaman yang dilakukan oleh nasionalis Algeria.

— Benjamin Stora, profesor sejarah

Mengenai melupakan, keadilan dan kebenaran

Buat masa ini, saya tidak menggemari cara penyelesaian penul. Adalah lebih baik untuk menamatkan semua memori peperangan ini daripada menyimpannya selamanya. Mungkin boleh mewujudkan suatu suruhanjaya kebenaran dan perdamaian, yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang dihormati dan berintegriti, ahli politik dan para pengkaji sejarah, untuk membolehkan memori tentang apa yang telah berlaku disebarluaskan di kalangan pelbagai kumpulan.

— Benjamin Stora, profesor sejarah

Tiada apa yang lebih penting kepada mangsa dan keluarga mereka daripada melihat kebenaran dibongkar. Sehingga ini berlaku, proses kesedihan tidak sempurna; tiada relief yang mungkin. Perkara yang sama terpakai untuk negara. Mengaku masa lampau — tidak kira betapa tragik dan pedih — adalah perlu untuk masa depan, kerana negara — seperti orang — tidak boleh 'hidup' dan tipu selama-lamanya. Apa yang perlu hanya ialah untuk kedua-dua Perancis dan Algeria mengaku realiti bahawa jenayah ada dilakukan oleh kedua-dua pihak semasa peperangan Algeria.

— Robert Badinter, bekas Menteri Keadilan Perancis

Ada keperluan untuk memudahkan perbincangan bagi episod yang memalukan ini; perlu membongkar perkara yang telah berlaku, kumpulkan maklumat daripada saksi, dengar pelbagai pendapat. Sesebuah negara hitam boleh memelajari dengan lebih daripada sejarah hitam negaranya daripada yang menggambarkan ia sebagai seorang pahlawan atau mangsa yang tidak bersalah.

— Tzvetan Todorov, ahli falsafah

Menegakkan keadilan



Adakah sudah terlambat? – Algeria/Perancis

Mengenai melupakan, keadilan dan kebenaran

Apa yang saya pentingkan ialah untuk memahami bagaimana orang yang bertamadun boleh bertukar kepada keadaan kebengisan. Jika kita ingin menghalang episod yang memalukan ini daripada berulang semula, kita mesti melihat apa yang sebenarnya berlaku — beritahu perkara sebenar mengenai latar belakang politik kepada penderaan itu. Kita tidak mahu anak-anak kita terkejut semasa perjalanan kehidupan mereka, dan merasa malu akan diri mereka, kerana bapa mereka telah menipu.

— Jacques Julliard, bekas pegawai yang berkhidmat di Algeria

Semasa penghujung peperangan, pendapat awam ialah untuk cuba melupakan. Hingga ke suatu tahap, ia adalah sihat. Seseorang tidak boleh mengingati luka dalam ingatannya selama-lamanya; ia akan menjadi tidak sihat. Tetapi sampai ke satu tahap, melupakan boleh menjadi sesuatu yang amat tidak sihat, jika seseorang tidak boleh menerima kenyataan atau tidak tahu akan kebenaran. Adalah perlu supaya moral bagi kutukan terhadap penderaan disokong oleh seluruh penduduk Perancis.

— Laurent Schwartz, ahli matematik

Undang-undang antarabangsa melarang penderaan dalam segala keadaan, contohnya:

Semasa konflik bersenjata

... tindakan berikut adalah dan hendaklah dilarang pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat jua pun berkenaan dengan orang yang disebut di atas:

(a) keganasan terhadap nyawa dan orang, terutamanya pembunuhan walau apa jenis sekalipun, mencacatkan, layanan kejam dan penderaan...

— Perkara 3 yang diperuntukkan dalam empat Konvensyen Geneva (1949)

Pada bila-bila masa

1. *Setiap Negara Pihak hendaklah mengambil langkah perundangan, pentadbiran, kehakiman atau langkah lain yang berkesan untuk menghalang perbuatan mendera di mana-mana wilayah di bawah bidang kuasanya.*
2. *Tiada keadaan terkecuali apa jua, sama ada keadaan peperangan atau ancaman peperangan, ketidakstabilan politik dalaman atau apa-apa darurat awam yang lain, boleh dijadikan justifikasi bagi penderaan.*
3. *Suatu arahan daripada pegawai atasan atau pihak berkuasa awam tidak boleh menjadi justifikasi bagi penderaan.*

— Perkara 2 Konvensyen PBB Terhadap Penderaan (1984)

Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa

Penerokaan 4B memuatkan beberapa bahan bagi para pelajar lanjutan, mengesan perkembangan usaha antarabangsa untuk menegakkan keadilan semasa separuh kedua kurun kedua puluh. Ia membawa pelajar ke dalam perbicaraan ekoran Perang Dunia II, di mana, buat pertama kalinya, negara-negara bersatu untuk membicarakan orang yang melakukan jenayah peperangan dan pelanggaran yang serius terhadap undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL).

Dalam meneroka perkembangan sistem keadilan jenayah antarabangsa, para pelajar memeriksa beberapa isu asas mengenai penguatkuasaan, seperti sama ada pencabul undang-undang yang mematuhi arahan orang atasannya adalah bersalah, siapa yang layak menghakimi dan kenapa negara-negara merasakan perlu untuk menubuhkan suatu mahkamah jenayah antarabangsa.

Objektif:

- ▲ untuk memahami perkembangan usaha-usaha masyarakat antarabangsa untuk membawa penjenayah peperangan ke muka pengadilan
- ▲ untuk menyedari beberapa isu yang terlibat di dalam mengadili jenayah peperangan

Sumber:

- ▲ Suara dari Nuremberg:
 - Tujuan Nuremberg
 - Kenyataan terakhir defendan
 - Keputusan Tribunal
- ▲ Prinsip-prinsip Nuremberg 1946
- ▲ Lembaran fakta: Tribunal antarabangsa *ad hoc*
- ▲ Lembaran fakta: Jawapan kepada soalan mengenai Mahkamah Jenayah Antarabangsa



Rujukan guru:

- ▲ Latar belakang Nuremberg
- ▲ Tiga pendekatan keadilan (lihat Penerokaan 4A)

Persediaan:

Buat keputusan sama ada anda mahu pelajar membaca “Latar belakang Nuremberg” sebelum memulakan sesi.

Rancang bagaimana untuk menggunakan bacaan “Suara dari Nuremberg” dalam cara yang paling sesuai dengan kebolehan pelajar anda.

Buat keputusan sama ada anda mahu pelajar membaca lembaran fakta sebagai persediaan bagi sesi kedua.

Masa:

dua sesi 45-60 minit

1. Perbincangan terbuka (5-10 minit)

- Apakah yang anda tahu mengenai Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi Rwanda (1994) atau bagi bekas Yugoslavia (1993) atau Tribunal Ketenteraan Antarabangsa bagi Nuremberg atau Tokyo yang ditubuhkan selepas Perang Dunia II?
- Pada pendapat anda kenapa tribunal antarabangsa ditubuhkan?

Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa

2. Teladan (*precedent*) yang diwujudkan oleh Nuremberg

(kumpulan kecil) (30-40 minit)

Bentangkan fakta asas di sebalik penubuhan tribunal ketenteraan antarabangsa yang pertama, yang bersidang pada tahun 1945 di Nuremberg, Jerman:

- ▲ Perang Dunia II tamat pada tahun 1945 dengan jumlah kematian yang dahsyat: berjuta-juta orang Yahudi dan minoriti lain telah dihapuskan dalam kem tahanan; berjuta-juta orang awam terbunuh, dibom, dipaksa meninggalkan rumah mereka; berjuta-juta askar ditawan dan ditahan; bandar dimusnahkan oleh pengeboman yang dahsyat dan sistematik; dan penggunaan bom atom pertama, yang memusnahkan keseluruhan bandar Nagasaki dan Hiroshima.
- ▲ Sekutu yang menang (Great Britain, Soviet Union, Amerika Syarikat dan Perancis) bersidang dalam suatu Tribunal pada musim luruh tahun 1945 di Nuremberg, Jerman untuk mengadili 22 pemimpin Nazi. Tiap-tiap negara menyediakan dua orang hakim dan satu pasukan pendakwa.
- ▲ Satu pasukan peguam Jerman telah membela tertuduh, yang terdiri daripada Hermann Goering (Marsyal bagi Jerman), Wilhelm Keitel (Ketua Angkatan Tentera Jerman) dan Joachim von Ribbentrop (Menteri Luar Jerman) hinggalah kepada pegawai-pegawai kerajaan berpangkat rendah.
- ▲ Defendan telah dituduh bertanggungjawab sebagai individu bagi jenayah terhadap keamanan (perancangan, memulakan atau melancar peperangan pencerobohan), jenayah peperangan (mencabul IHL), dan jenayah terhadap kemanusiaan (pembunuhan, penghapusan, pengabdian, pengusiran dan tindakan tidak berperikemanusiaan lain terhadap orang awam).
- ▲ Sembilan belas defendan telah disabitkan. Tiga telah dilepaskan.

Bahagikan kelas dan minta setiap kumpulan kecil membincangkan satu daripada tiga lembaran mengenai “Suara dari Nuremberg”: (10 minit)

- ▲ “Mengenai tujuan Nuremberg”, yang menggambarkan peranan sejarah yang dilihat oleh para pendakwa bagi Tribunal
- ▲ “Daripada kenyataan terakhir defendan”, petikan daripada empat defendan
- ▲ “Daripada keputusan Tribunal”, yang menggambarkan tindak balas hakim-hakim Tribunal terhadap hujah-hujah

Minta setiap kumpulan melaporkan bagi tujuan perbincangan secara berkumpulan. (20 minit)

Soalan-soalan yang mungkin:

- Peguam bela berhujah bahawa klien mereka tidak patut dipertanggungjawabkan bagi jenayah yang dilakukan oleh mereka kerana.....
 - (1) ... mereka menjalankan arahan yang diberikan oleh orang atasannya.
 - (2) ... negara-negara yang bersidang untuk mengadili juga melakukan jenayah yang sama.
- Apakah hujahan balas yang anda temui semasa pembacaan?
- Pada pendapat anda adakah pandangan yang dinyatakan oleh para pendakwa, defendan atau hakim akan berbeza sekiranya Tribunal telah ditubuhkan oleh Kerajaan Jerman yang baru selepas peperangan? Jika ya, pandangan yang mana? Kenapa ya atau kenapa tidak?

Tribunal Ketenteraan Antarabangsa bagi Timur Jauh telah bersidang di Tokyo pada tahun 1946. Sebelas negara telah diwakili untuk mendengar tuduhan terhadap 27 orang Jepun yang berpangkat tinggi yang dituduh bagi jenayah terhadap keamanan, jenayah peperangan dan jenayah terhadap kemanusiaan yang dilakukan semasa Perang Dunia II. Tujuh telah dihukum mati, yang lain telah dipenjarakan.



Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa

3. Peningkatan kebimbangan antarabangsa (30-45 minit)

Ingatkan pelajar bahawa Konvensyen Geneva menghendaki negara-negara bertanggungjawab untuk membawa pencabul ke muka pengadilan. Tanggungjawab antarabangsa ini boleh dilaksanakan melalui tiga cara. Cara yang paling lama ialah tribunal di peringkat kebangsaan.

A. Tribunal kebangsaan di negara asing

Soalan-soalan yang mungkin:

- Pernahkah anda dengar mengenai orang yang didakwa bagi pelanggaran yang serius undang-undang kemanusiaan atau undang-undang hak asasi manusia yang telah mereka lakukan di negara lain?

Beberapa contoh yang sedang berlaku ialah seperti berikut; pilih yang lain jika anda mahu.

Contoh 1: Datuk Bandar Mushubati (suatu daerah di Rwanda) telah ditangkap di Switzerland dan dibawa ke hadapan Mahkamah Tentera Swiss; dia telah dihukum penjara seumur hidup pada tahun 1999 bagi pencabulan undang-undang kemanusiaan, pembunuhan dan merangsangkan pembunuhan semasa penghapusan bangsa pada tahun 1994. Melalui rayuan, hukumannya dikurangkan kepada 14 tahun penjara. Rayuan terakhirnya masih belum selesai.

Contoh 2: Pada Februari tahun 2000, bekas Presiden Habré dari Chad, yang hidup dalam buangan di Senegal, telah didakwa di sana bagi tuduhan mencabul hak asasi manusia di Chad antara tahun 1982 dan 1990. Pada tahun 2001, Mahkamah Tinggi Senegal telah membuang kes itu atas alasan bahawa Mahkamah Senegal tidak ada bidang kuasa untuk membicarakan orang asing bagi jenayah yang dilakukan di luar Senegal. Plaintif dan peguamnya bercadang membawa kes itu di luar Senegal. Beberapa bulan kemudian, 30 mangsa Habré dan peguam mereka telah memfailkan aduan di Belgium terhadap bekas diktator itu dan menuduhnya dengan jenayah terhadap kemanusiaan. Seorang hakim Belgium telah pergi ke tempat kejadian dan mengambil keterangan daripada ramai mangsa dan orang yang dituduh mendera.

Contoh 3: Pada tahun 1998, bekas Presiden Chile, Pinochet, telah ditangkap di United Kingdom atas waran yang dikeluarkan oleh negara Sepanyol yang meminta dia dihantar balik ke negara asal bagi tuduhan membunuh. Tetapi sebelum perbicaraannya dia telah dibebaskan atas alasan perubatan dan dipindahkan ke Chile di mana seorang hakim negara itu telah mendakwanya atas tuduhan yang sama. Pada bulan Ogos tahun 2000, Mahkamah Agung Chile telah mengesahkan bahawa Pinochet patut dilucutkan daripada kekebalan parlimennya dan harus dibicarakan. Tetapi pada bulan Disember, Mahkamah Rayuan Santiago telah memberikan writ *habeas corpus* yang mencabar tuduhan terhadap Pinochet dan memutuskan selanjutnya, pada bulan Julai, untuk menggugurkan sementara tuduhan jenayah terhadapnya. Pada bulan Ogos 2001, Mahkamah Agung Chile, walau bagaimanapun, bersetuju dengan permintaan untuk menyemak semula keputusan itu, yang dibuat berdasarkan kesihatan mental bekas diktator itu.

- Beberapa orang berhujah bahawa apabila mahkamah sesebuah negara mendakwa dan membicarakan seseorang bagi tindakan yang dilakukan di negara lain, mahkamah itu bercampur tangan dalam hal dalaman negara lain. Adakah anda bersetuju? Kenapa ya atau kenapa tidak? Apakah alasan yang mungkin diberi oleh tribunal yang membicarakan “kes negara asing sedemikian”?
- Sesetengah orang berhujah bahawa untuk mengadili jenayah peperangan dengan adil, para pendakwa dan hakim hendaklah tahu akan konteks dan kebudayaan negara di mana jenayah itu telah dilakukan. Apakah pendapat anda?



Setiap Pihak Berkontrak Tertinggi adalah bertanggungjawab untuk mencari orang yang dituduh sebagai telah melakukan, atau mengarahkan untuk dilakukan, pelanggaran sedemikian yang serius, dan hendaklah membawa orang tersebut, tanpa mengira kerakyatannya, menghadap mahkamah-mahkamah sendiri.

– Perkara 49/50/129/146 yang umum kepada Konvensyen Geneva

Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa

B. Tribunal antarabangsa *ad hoc*

Gunakan lembaran fakta “Tribunal antarabangsa *ad hoc*” untuk mempertimbangkan tindakan antarabangsa yang diambil setengah abad selepas Nuremberg dan Tokyo untuk menangani pencabulan undang-undang kemanusiaan di bekas Yugoslavia dan Rwanda.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Kenapakah tribunal-tribunal ini ditubuhkan walaupun jika, menurut Konvensyen Geneva, setiap negara bertanggungjawab untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

[Contohnya: Di bekas Yugoslavia pencabulan memang diketahui dan sangat jelas. Walau bagaimanapun, tribunal antarabangsa tidak dapat atau tidak mahu mengendalikan kes-kes itu. Di Rwanda sistem kehakimannya telah runtuh. Masyarakat antarabangsa mahu memastikan bahawa penjenayah utama peperangan tidak terlepas daripada keadilan, bahawa mereka akan dibicarakan dengan adil, dan bahawa Tribunal itu akan menyumbang kepada proses perdamaian kebangsaan di Rwanda dan kepada pengekalan keamanan di kawasan itu].

- Adakah kewujudan tribunal antarabangsa bermaksud semua penjenayah peperangan akan dibicarakan olehnya?

[Contohnya: Baru-baru ini ada usaha untuk membina pendekatan campuran iaitu peranan antarabangsa dan kebangsaan ke arah keadilan di Kemboja dan Sierra Leone. Bagi kes Rwanda empat pendekatan berlainan telah digubal. Selalunya tribunal antarabangsa tidak mengendalikan semua penjenayah tetapi hanya yang utama sahaja.]



C. Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC)

Bincangkan lembaran fakta “Jawapan kepada soalan-soalan mengenai Mahkamah Jenayah Antarabangsa”.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah perbezaan di antara Tribunal Nuremberg/Tokyo, tribunal antarabangsa *ad hoc* dan Mahkamah Jenayah Antarabangsa tetap?

*[Contohnya: Nuremberg dan Tokyo ditubuhkan oleh negara-negara yang menang untuk membicarakan penjenayah negara yang kalah; mahkamah-mahkamah *ad hoc* dan ICC boleh membicarakan keduanya. Nuremberg/Tokyo dan ICTY/ICTR merupakan tribunal-tribunal sementara, ICC akan menjadi tetap dan sedia untuk beroperasi pada bila-bila masa. Status tetap ICC diinginkan supaya ia bertindak sebagai penghadang sejagat bagi bakal pencabul.]*

Bincangkan setiap kenyataan berikut, yang menggambarkan harapan dan had mahkamah sedemikian.

Saya percaya mahkamah bukan sahaja boleh memujuk bakal pembunuh agar jangan melakukannya tetapi juga boleh memberi pendidikan yang luar biasa, yang membuatkan kerajaan-kerajaan negara-negara Barat untuk mengamalkan polisi luar negara yang lebih telus.

– William Bourdon, peguam dan Setiausaha Agung Persekutuan Hak Asasi Manusia Antarabangsa

Suatu mahkamah antarabangsa (...) boleh mengadili tidak lebih daripada 50 tertuduh setahun. Suatu mahkamah tetap bagi semua negara akan ada masalah yang serupa dan oleh itu, ia patut memilih apa yang akan diteruskannya menurut tahap tanggungjawab sesuatu kes. Oleh itu, adalah mustahil untuk membayangkan bahawa pergelutan terhadap kebebasan tanpa penghakiman hanya boleh mengharap-kan keadilan antarabangsa. Adalah perlu dalam tempoh pertengahan, mahkamah kebangsaan melibatkan diri dan berusaha secara aktif ke arah suatu penyelesaian.

– Louis Joinet, hakim, wakil khas PBB mengenai kebebasan tanpa penghakiman



Kerajaan yang membuat tindakan yang memberikan kesedaran ini memang memahami bahawa Mahkamah Jenayah Antarabangsa yang tetap tidak mengancam negara yang mempunyai sistem keadilan jenayah yang tersusun. Sebaliknya, ia direka untuk melindungi orang yang paling terjejas yang kerajaannya sendiri, jika ada, tidak dapat atau tidak mahu mendakwa orang yang mencabul hak asasi manusia fundamental mereka.

– Kofi Annan, Setiausaha Agung PBB

Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa

Penutup (10 minit)

- Pada pendapat anda kenapakah masa selama 50 tahun telah diambil bagi perkembangan Mahkamah Jenayah Antarabangsa?
- Apakah faedah utama dengan adanya mahkamah antarabangsa tetap untuk mendakwa individu yang dituduh dengan penghapusan bangsa, jenayah peperangan atau jenayah terhadap kemanusiaan? Kenapakah sesetengah negara enggan menandatangani Statut ICC?

Bidang kuasa sejagat adalah berdasarkan anggapan bahawa sesetengah jenayah adalah dikutuk di seluruh dunia hinggakan orang yang melakukannya merupakan musuh kepada semua orang. Ia memberikan hak kepada mana-mana negara untuk menangkap dan membicarakan seseorang bagi kesalahan tertentu.

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Mahkamah Jenayah Antarabangsa telah terbentuk hasil daripada perkembangan pelbagai masalah yang timbul dalam mengenal pasti kuasa dan cara menghukum jenayah peperangan.
- ◆ Apabila individu melakukan pencabulan sama ada mengikut arahan atau tidak, dia tetap tidak terlepas daripada kesalahan tersebut.

Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa

Aktiviti lanjutan



Sejarah, kesusasteraan, peristiwa terkini

Cari contoh daripada sejarah, kesusasteraan atau peristiwa terkini (atas kes-kes andaian) untuk menggambarkan dan jelaskan makna tiap-tiap Prinsip Nuremberg.

Kemukakan kritikan utama terhadap Nuremberg

Tulis suatu karangan (atau buat suatu kertas penyelidikan) sebagai jawapan kepada soalan berikut:

- ▶ Adakah bahawa pihak Sekutu yang menang bersidang bagi mengadili kes musuh yang kalah menjejaskan kredibiliti Tribunal itu?

Adakan perbahasan.

Kesan progres terhadap suatu ICC

Gunakan media dan Internet untuk mengikut perkembangan terkini apabila negara-negara menandatangani dan meratifikasikan Statut yang menubuhkan ICC. Cari apakah pendirian negara anda dan apakah tindakan yang telah diambil.



Latar belakang Nuremberg

Walaupun jenayah peperangan merupakan jenayah terhadap undang-undang antarabangsa, sehingga tahun 1945 ia hanya dikendalikan oleh mahkamah kebangsaan. Pencabul dibicarakan di mahkamah negara di mana kejadian itu berlaku atau di mahkamah negara mereka sendiri. Pada permulaan kurun kedua puluh, contohnya, Amerika Syarikat telah membicarakan dan menyabitkan beberapa askarnya sendiri bagi kekejaman yang dilakukan semasa suatu konflik di Filipina.

Berikutan Perang Dunia II, perbicaraan bagi jenayah peperangan telah dijalankan oleh tribunal ketenteraan atau mahkamah kebangsaan di negara-negara seperti Belanda, Perancis dan Poland, yang telah diduduki oleh angkatan tentera Jerman. Kanada, China, Australia, Britain, Amerika Syarikat, Belanda dan Filipina pula mendengar tuduhan terhadap Nazi dan orang Jepun yang telah melakukan jenayah peperangan di zon peperangan yang lain. Adalah dianggarkan bahawa antara hujung peperangan dan tahun 1950, lebih kurang 10,000 orang telah dibicarakan bagi pencabulan undang-undang peperangan, dan beratus-ratus lagi telah dibicarakan di mahkamah Jerman sejak itu.

Tetapi siapakah yang patut membicarakan para pemimpin atasan yang dituduh merancang dan mengarahkan jenayah antarabangsa terhadap keamanan, jenayah peperangan dan jenayah terhadap kemanusiaan? Pada tahun 1945, Britain, Perancis, Soviet Union dan Amerika Syarikat telah menubuhkan suatu Tribunal Ketenteraan Antarabangsa khas di Nuremberg untuk membicarakan defendan yang terdiri daripada pemimpin atasan Nazi. Suatu Tribunal Ketenteraan Antarabangsa bagi Timur Jauh yang terdiri daripada 11 orang anggota telah ditubuhkan di Tokyo untuk mendengar tuduhan terhadap defendan Jepun yang utama.

Sebelum tribunal Nuremberg dan Tokyo, individu yang terhadapnya undang-undang peperangan telah dikuatkuasakan selalunya merupakan tentera biasa atau tidak lebih daripada pegawai yang berpangkat sederhana. Walau bagaimanapun, tribunal-tribunal antarabangsa yang merupakan pengasas ini, telah membicarakan defendan yang berada dalam hierarki hampir teratas atau teratas bagi angkatan tentera atau orang awam. Hukuman ke atas mereka akan benar-benar memberi makna kepada maksud injunksi yang telah lama wujud bahawa orang yang mengarahkan jenayah peperangan adalah bersalah dan bertanggungjawab terhadapnya.

Sebagai tambahan, tribunal-tribunal ini telah membawa kepada perkembangan yang besar bagi prinsip-prinsip bahawa individu boleh dipertanggungjawabkan bagi kesalahan jenayah di bawah undang-undang antarabangsa, walaupun perlakuan mereka dibenarkan di bawah undang-undang domestik.

Sementara di Tokyo perbicaraan hanya menfokuskan kepada jenayah terhadap keamanan (merancang dan melancarkan peperangan agresif), di Nuremberg pula 22 defendan telah dibicarakan untuk jenayah peperangan dan jenayah terhadap kemanusiaan. Penghakiman yang terhasil telah membawa kepada apa yang sekarang ini dianggap sebagai suatu set garis panduan yang paling penting bagi tanggungjawab persendirian di bawah undang-undang antarabangsa: Prinsip Nuremberg.

Banyak bukti yang menunjukkan tindakan yang menjadi persoalan telah sebenarnya dilakukan telah dikemukakan. (Keterangan, rekod dan dokumen perbicaraan Nuremberg telah mengisi lebih daripada 25,000 muka surat.) Hasilnya, pasukan peguam bela telah membentangkan tiga hujah penting kenapa defendan patut dibebaskan:

- (1) Hitler telah membuat keputusan dan orang-orang ini, sebagai orang bawahannya, tiada pilihan melainkan melaksanakan apa yang dimahukan oleh diktator itu.
- (2) Sesetengah jenayah yang dituduh dilakukan oleh orang-orang ini (seperti penghapusan bangsa) tidak ditetapkan sebagai jenayah di bawah undang-undang antarabangsa pada masa ia dilakukan.
- (3) Orang-orang yang duduk sebagai hakim-hakim bukanlah orang yang lebih baik daripada orang yang dihakimi jika mereka juga melakukan jenayah yang sama.

Sumber: Telford Taylor, *Anatomi Perbicaraan Nuremberg (The Anatomy of the Nuremberg Trials)*, Little Brown, 1992
Yuki Tanaka, *Kengerian Yang Tersembunyi (Hidden Horrors)*, Westview Press, Oxford, 1996
Kurikulum Palang Merah Australia



Suara dari Nuremberg: Tujuan Nuremberg

Daripada hujah pembukaan Ketua Pendakwa Raya Justice Robert Jackson:

Keistimewaan membuat hujah pembukaan bagi perbicaraan pertama dalam sejarah jenayah terhadap keamanan dunia memberikan suatu tanggungjawab yang besar. (...) Bahawa empat negara yang besar, yang membara dengan kemenangan dan terpukul oleh kecederaan, telah berhenti membalas dendam dan dengan sukarela menyerahkan musuh yang ditawan kepada pihak berkuasa undang-undang merupakan salah satu penghormatan yang penting yang diberi oleh Kuasa kepada Alasan.

... Terdapat suatu perbezaan yang dramatik antara keadaan orang yang menuduh dan orang yang dituduh yang boleh menyebabkan kerja kita diragui sekiranya kita teragak-agak (...) dalam menjadi adil dan sederhana. (...) Kita tidak boleh lupa bahawa rekod yang akan digunakan untuk mengadili defendan hari ini ialah rekod yang akan digunakan oleh sejarah untuk mengadili kita kelak.

... Tamadun bertanya sama ada undang-undang begitu ketinggalan sehingga benar-benar tidak boleh diharapkan untuk menangani jenayah yang sebesar ini oleh penjenayah yang begitu penting seperti ini. Ia tidak diharapkan bahawa anda [Tribunal] akan menjadikan peperangan sesuatu

yang mustahil. Ia diharapkan agar tindakan kehakiman anda akan meletakkan kuasa undang-undang antarabangsa, perintah-perintahnya, larangannya dan, yang paling penting sekali, sanksi-sanksinya, untuk memihak kepada keamanan (...).

Daripada hujah pembukaan Ketua Pendakwa Raya Sir Hartley Shawcross:

Kerajaan United Kingdom dan Komanwel British, Amerika Syarikat, Republik Sosialis Soviet Union, dan Perancis, disokong oleh dan bagi pihak setiap negara yang cintakan keamanan dunia, telah bergabung untuk membawa orang yang mencipta dan melaksanakan fahaman Nazi dalam hubungan antarabangsa di hadapan Tribunal ini. Mereka berbuat demikian, supaya defendan-defendan ini boleh dihukum bagi jenayah mereka.

Mereka berbuat demikian, juga kerana, segala perlakuan jahat mereka akan terdedah sepenuhnya

nya dan mereka berbuat demikian dengan harapan bahawa keprihatinan dan kebaikan seluruh dunia akan dapat melihat akibat perlakuan sedemikian dan kesudahannya yang pasti akan terjadi.

Daripada hujah pembukaan Ketua Pendakwa Raya Roman Rudenko:

Sebagai kenangan yang suci terhadap berjuta-juta mangsa keganasan fahaman fasis, demi penyatuan keamanan di seluruh dunia, demi keselamatan masa hadapan negara-negara, kami menyerahkan defendan-defendan ini dengan adil dan dengan butir-butir lengkap untuk diselesaikan. Ini ialah suatu tanggungjawab bagi pihak seluruh kemanusiaan.

▶ **Apakah perkara utama yang diutarakan oleh ketiga-tiga pendakwa raya ini? Apakah alasan yang diberi oleh mereka?**

Sumber: Telford Taylor, *Anatomi Perbicaraan Nuremberg (The Anatomy of the Nuremberg Trials)*, Little Brown, 1992

Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa

Sumber 1
2 daripada 3



Suara dari Nuremberg: Kenyataan terakhir defendan

Hermann Goering

(Timbalan Hitler yang mewujudkan Gestapo dan sistem kem tertumpu)

Satu-satunya motif yang menjadi panduan saya ialah cinta saya terhadap bangsa saya, kegembiraannya, kebebasannya dan kehidupannya.

Rudolph Hess

(Komander ketiga Hitler dan pengikut setia yang lama)

Saya dibenarkan untuk berkhidmat banyak tahun di bawah anak teragung yang dibawa oleh bangsa saya dalam sejarah seribu tahunnya.

Wilhelm Keitel

(Ketua Komander Tinggi Angkatan Tentera Jerman)

Saya percaya, tetapi saya telah silap, dan saya tidak di posisi untuk menghalang apa yang patut dihalang. Itulah kesalahannya. Memang tragik untuk menyedari bahawa apa yang terbaik yang diberikan oleh saya sebagai seorang askar, ketaatan dan kesetiaan, telah dieksploit untuk tujuan yang tidak dapat dikenali pada masa itu, dan bahawa saya tidak nampak adanya batasan untuk seorang askar dalam melaksanakan tugasannya.

Albert Speer

(Bertanggungjawab dalam pengeluaran senjata api, termasuk “menyalah guna dan mengeksploit manusia untuk tenaga buruh paksaan”)

Peperangan ini telah membawa malapetaka besar, dan memulakan malapetaka dunia. Maka, adalah tanggungjawab saya untuk mengaku sebahagian tanggungjawab saya dalam kecelakaan ini di depan rakyat Jerman. (...) Saya, sebagai ahli pimpinan yang utama dalam Reich, berkongsi menanggung tanggungjawab, bermula dengan tahun 1942.

....Perbicaraan ini mesti menyumbang kepada pencegahan peperangan jenis ini di masa depan dan menyumbang kepada membentuk peraturan di mana manusia boleh hidup bersama.

➤ **Apakah tanggungjawab yang diambil oleh setiap seorang daripada mereka? Apakah alasan yang diberi oleh mereka bagi tindakan atau pandangan mereka?**

Sumber: Taylor Telford, *Anatomi Perbicaraan Nuremberg (The Anatomy of the Nuremberg Trials)*, Little Brown, 1992

Suara dari Nuremberg: Daripada keputusan tribunal



Suatu rancangan di mana beberapa orang terlibat melaksanakannya walaupun ideanya dicetuskan oleh seorang sahaja, masih satu rancangan. (...) Hitler tidak mungkin melancarkan peperangan yang agresif seorang diri. Dia perlukan kerjasama negarawan, pemimpin-pemimpin tentera, diplomat dan para usahawan. Apabila mereka, mengetahui akan tujuannya, memberikan kerjasama kepadanya, mereka menjadikan diri mereka sebagai pihak kepada rancangan itu. (...) Bahawa mereka ditugaskan dengan tanggungjawab tertentu oleh seorang diktator tidak membebaskan mereka daripada tanggungjawab terhadap tindakan mereka.



Kita tidak membicarakan sama ada mana mana kuasa lain telah melakukan pelanggaran undang-undang antarabangsa, atau jenayah terhadap kemanusiaan; kita sedang mengadakan perbicaraan sama ada ia dilakukan oleh defendan-defendan ini.



Mereka bertanggungjawab dalam skala yang besar bagi kesengsaraan dan penderitaan yang menimpa berjuta-juta lelaki, wanita dan kanak-kanak. Mereka telah memalukan profesyen ketenteraan. (...)

Ramai daripada mereka ini telah menjadikan sumpah seorang askar mengenai ketaatan terhadap arahan ketenteraan dicemuh. Apabila ia bersetujuan dengan pembelaan mereka, mereka akan mematuhi arahan mereka; apabila dihadapkan dengan jenayah Hitler yang penuh keganasan (...) mereka berkata bahawa mereka tidak mematuhi arahan. Sebenarnya mereka memang mengambil bahagian aktif dalam semua jenayah ini, atau mendiamkan diri atau menerima tanpa bantahan, menyaksikan perlakuan jenayah dalam skala yang besar dan lebih memeranjatkan daripada kejadian-kejadian malang yang pernah diketahui oleh dunia. (...) Setakat mana yang dibenarkan oleh fakta kes ini (...) sesiapa yang bersalah melakukan jenayah ini tidak boleh terlepas daripada hukuman.

➤ **Apakah jawapan yang diberikan oleh tribunal bagi setiap hujah? Apakah alasan yang diberikan bagi keputusan ini?**

Sumber: Taylor Telford, *Anatomi Perbicaraan Nuremberg* (*The Anatomy of the Nuremberg Trials*), Little Brown, 1992



Prinsip-prinsip Nuremberg, 1946 (Dipermudahkan)

- I. Mana-mana orang yang melakukan sesuatu tindakan yang merupakan jenayah di bawah undang-undang antarabangsa bertanggungjawab terhadap tindakan-tanya sendiri dan boleh dihukum.
- II. Walaupun undang-undang domestik tidak mengenaikan hukuman bagi jenayah di bawah undang-undang antarabangsa, orang yang melakukan tindakan sedemikian masih bertanggungjawab di bawah undang-undang antarabangsa.
- III. Walaupun orang yang melakukan tindakan itu merupakan Ketua Negara atau seorang pegawai kerajaan yang bertanggungjawab, dia masih bertanggungjawab secara peribadi.
- IV. Walaupun seseorang melakukan tindakan jenayah di bawah arahan kerajaannya atau pegawai atasannya, dia masih bertanggungjawab.
- V. Mana-mana orang yang dituduh dengan suatu jenayah di bawah undang-undang antarabangsa mempunyai hak terhadap percaraan yang adil berdasarkan fakta dan undang-undang.
- VI. Jenayah yang boleh dihukum di bawah undang-undang antarabangsa ialah:
 - a) *Jenayah terhadap keamanan*: merancang, membuat persediaan, atau memulakan peperangan yang mencabul perjanjian-perjanjian antarabangsa dan mengambil bahagian dalam mana-mana tindakan itu.
 - b) *Jenayah peperangan*, yang termasuklah, tetapi tidak terhad kepada: pembunuhan, layanan buruk, pengusiran hinggalah kepada buruh paksa terhadap orang awam dalam kawasan yang dijajahi; pembunuhan atau layanan buruk terhadap perang, pembunuhan tebusan; pemusnahan bandar, pekan atau kampung dengan sewenang-wenangnya; atau kemusnahan yang tidak boleh dijustifikasikan oleh keperluan ketenteraan.
 - c) *Jenayah terhadap kemanusiaan*, ditetapkan sebagai: pembunuhan, penghapusan, pengabdian, pengusiran, dan apa-apa tindakan tidak berperikemanusiaan lain terhadap orang awam; atau penindasan berdasarkan alasan politik, perkauman atau keagamaan apabila tindakan sedemikian dijalankan berkaitan dengan apa-apa jenayah terhadap keamanan atau apa-apa jenayah peperangan.
- VII. Penglibatan dalam mana-mana jenayah yang dinyatakan di dalam Prinsip VI merupakan suatu jenayah di bawah undang-undang antarabangsa.

Lembaran fakta: Tribunal antarabangsa *ad hoc* Tribunal Jenayah Antarabangsa bekas Yugoslavia (ICTY)

Konflik yang berlaku di Bosnia-Herzegovina, yang bermula pada bulan April 1992 dan berakhir pada November 1995, merupakan peristiwa yang paling ganas yang dialami di Eropah semenjak Perang Dunia II, dengan pelbagai pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL), termasuklah pembunuhan beramai-ramai, penderaan, pengusiran secara paksa orang awam, rogol dan kem tahanan secara besar-besaran.

Asal:

ICTY telah ditubuhkan di The Hague, Belanda oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada bulan Mei 1993.

Bidang kuasa:

ICTY telah diberi mandat untuk mendakwa dan membicarakan orang yang bertanggungjawab bagi kesalahan-kesalahan berikut yang dilakukan di wilayah bekas Yugoslavia sejak tahun 1991:

- Pelanggaran serius terhadap Konvensyen Geneva 1949
- Pencabulan undang-undang atau adat-adat peperangan
- Penghapusan bangsa
- Jenayah terhadap kemanusiaan

Bidang kuasanya juga mengatasi mahkamah-mahkamah kebangsaan.

Kerakyatan hakim-hakim:

(setakat April 2002)

Presiden: Perancis, Guyana

Hakim-Hakim Yang Bersidang: United Kingdom, Jerman dan China

Hakim-Hakim: Zambia, Mesir, Australia, Jamaica, Turki, Sri Lanka, Itali, Malta, Belanda, Korea Selatan, Amerika Syarikat

Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa

Sumber 3
2 daripada 3



Lembaran fakta: Tribunal antarabangsa *ad hoc* Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi Rwanda (ICTR)

Pada bulan April 1994, suatu penghapusan bangsa berskala besar telah berlaku semasa konflik antara tentera kerajaan dengan Barisan Patriotik Rwanda.

Pada bulan Julai, kerajaan telah dikalahkan dan dihalau, yang menamatkan penghapusan bangsa ini. Untuk beberapa bulan yang berikutnya, kerajaan baru telah menangkap dan memenjarakan lebih daripada 120,000 orang yang dituduh sebagai telah mengambil bahagian dalam penghapusan bangsa ini. Memandangkan tiada lagi sistem kehakiman yang berfungsi pada ketika itu, kerajaan baru mula menubuhkan mahkamah-mahkamah keadilan kebangsaan dan melatih hakim-hakim masa hadapan. Tetapi jumlah orang yang menunggu untuk dibicarakan terlampau ramai dan kemudahan pula tidak mencukupi.

Pada bulan November, terkejut dengan tindakan penghapusan bangsa dan pencabulan undang-undang kemanusiaan secara besar-besaran dan berleluasa yang telah dilakukan, Majlis Keselamatan PBB telah membentuk suatu Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi Rwanda (ICTR).

Asal:

ICTR ditubuhkan di Arusha, Tanzania, oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan November 1994.

Bidang kuasa:

ICTR telah diberi mandat untuk mendakwa dan membicarakan orang yang bertanggungjawab bagi kesalahan-kesalahan berikut yang dilakukan di wilayah Rwanda (atau oleh penduduk Rwanda di negara-negara jiran) antara 1 Januari 1994 dan 31 Disember 1994:

- ▲ Penghapusan bangsa
- ▲ Jenayah terhadap kemanusiaan
- ▲ Pencabulan peraturan IHL yang terpakai kepada konflik bersenjata bukan antarabangsa

Bidang kuasanya juga mengatasi mahkamah-mahkamah kebangsaan.

Kerakyatan hakim-hakim: (setakat Oktober 2001)

Presiden Kamar Rayuan: Perancis

Presiden Kamar Perbicaraan: Afrika Selatan, Norway, Tanzania, Saint Kitts dan Nevis

Hakim-Hakim: Senegal, Lesotho, Madagascar, Rusia, Slovenia, Guyana, Australia, Turki, Sri Lanka, Itali, Amerika Syarikat



Lembaran fakta: Tribunal antarabangsa *ad hoc* Usaha untuk keadilan di Rwanda

Di peringkat kebangsaan

- Di Rwanda, mereka yang disyaki melakukan penghapusan bangsa dan jenayah peperangan dibicarakan di mahkamah-mahkamah kebangsaan.
- Memandangkan jumlah orang yang disyaki melebihi 100,000, kerajaan telah memutuskan untuk menghidupkan semula sistem keadilan tradisional Rwanda yang dikenali sebagai “Gacaca” dalam usaha untuk mempercepatkan perbicaraan. Sebanyak 11,000 buah mahkamah Gacaca yang akan ditubuhkan di seluruh Rwanda akan dikendalikan oleh orang awam yang dipilih oleh penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, mahkamah ini tidak boleh menjatuhkan hukuman terhadap mereka yang disabitkan bersalah melakukan jenayah yang serius atau menjatuhkan hukuman mati. Kerajaan merancang untuk membuka mahkamah Gacaca pada tahun 2002, selepas latihan yang secukupnya diberikan kepada bakal hakim Gacaca.

Di peringkat antarabangsa

- Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi Rwanda
- Beberapa penduduk Rwanda yang disyaki terlibat dengan penghapusan bangsa telah ditangkap di luar Rwanda di negara-negara seperti Kenya, Afrika Selatan, Ivory Coast, Togo, Benin, Namibia, Mali, Amerika Syarikat, Belgium dan Denmark. Mereka yang tidak dipindahkan ke ICTR atau ke Rwanda telah diadili oleh tribunal di negara di mana mereka ditangkap.



Lembaran fakta: Jawapan kepada soalan-soalan mengenai: Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC)

Pada Julai 1998, 160 negara telah memutuskan untuk menubuhkan satu Mahkamah Tetap Bagi Jenayah Antarabangsa untuk membicarakan individu-individu yang melakukan kesalahan-kesalahan serius yang menjadi tumpuan masyarakat sedunia, seperti penghapusan bangsa, jenayah peperangan dan jenayah-jenayah terhadap kemanusiaan. Persetujuan itu dialu-alukan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kofi Annan yang menyatakan bahawa persetujuan ini sebagai "satu langkah besar ke arah usaha menegakkan hak-hak asasi sejagat dan kedaulatan undang-undang". Namun wujud pandangan berbeza yang menyatakan bahawa ICC bukan sahaja tidak efektif malahan ia boleh menjadi satu ancaman yang merbahaya terhadap kedaulatan bangsa-bangsa. Lembaran fakta ini akan membicarakan tentang beberapa persoalan yang sering dikemukakan dan salah tanggapan berkaitan ICC.

Latarbelakang: ICC ditubuh berasaskan perjanjian Rom, yang ditandatangani pada Julai 1998, ekoran daripada satu persidangan antarabangsa. Pada 11 April 2002, ratifikasi ke-60 bagi Statut Rom yang telah menubuhkan Mahkamah Jenayah Antarabangsa di The Hague, Belanda, yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2002. Sejumlah 139 negara telah menandatangani Statut itu.

Hakim-hakim: Mahkamah ini terdiri daripada 18 orang hakim yang dipilih oleh tidak kurang daripada dua pertiga negara-negara yang menjadi ahli kepada Statut Rom.

Bidang kuasa: ICC diberi mandat untuk mendakwa dan membicarakan orang yang bertanggungjawab bagi jenayah-jenayah yang paling serius yang menjadi perhatian masyarakat dunia secara keseluruhan. Tertakluk kepada had-had yang dinyatakan secara terperinci, bidang kuasanya adalah umum dan tidak terhad kepada situasi yang tertentu sahaja (sepertimana bidang kuasa ICTY — Tribunal Jenayah Antarabangsa bekas Yugoslavia dan ICTR — Tribunal Jenayah Antara-bangsa Rwanda).

Kuasa: Kuasa Tribunal ialah untuk mendakwa dan membicarakan empat kategori kesalahan iaitu:

- Penghapusan bangsa
- Jenayah terhadap kemanusiaan
- Jenayah peperangan
- Jenayah terhadap pencerobohan

Peranan ICC merupakan subsidiari kepada mahkamah-mahkamah kebangsaan dan tidak mengambil alih kuasa mahkamah-mahkamah kebangsaan.

Mengapa negara-negara memutuskan untuk menubuhkan Mahkamah Jenayah Antarabangsa sekarang?

Perhimpunan Agung PBB pertama kali mengiktiraf keperluan bagi kewujudan mahkamah sedemikian pada tahun 1948, berikutan daripada perbicaraan di Nuremberg dan Tokyo selepas Perang Dunia II, dan ia telah dibincangkan di PBB sejak itu. Tetapi baru-baru ini, kejadian dahsyat yang berlaku di bekas Yugoslavia dan Rwanda — yang membawa kepada penubuhan tribunal-tribunal secara *ad hoc* oleh Majlis Keselamatan PBB — telah mendorong minat antarabangsa dalam keperluan mewujudkan mekanisme tetap untuk mendakwa pembunuhan secara besar-besaran dan penjenayah-penjenayah peperangan. Mahkamah tetap boleh bertindak dengan lebih cepat berbanding dengan badan-badan *ad hoc*, dan akan bertindak sebagai kuasa pencegahan yang lebih kuat.

Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa

Sumber 4
2 daripada 2



Lembaran fakta: Jawapan kepada soalan-soalan mengenai: Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC)

Bila dan di manakah mahkamah itu ditubuhkan?

Statut Mahkamah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2002, selepas 60 buah negara telah meratifikasikannya. Setakat Januari 2006, 101 buah negara telah meratifikasikan instrumen ini dan 139 telah menandatangani, menunjukkan niat mereka untuk menubuhkan mahkamah tetap bagi jenayah antarabangsa. Mahkamah ini terletak di The Hague, tetapi ia dibenarkan untuk membicarakan kes-kes di tempat-tempat lain jika perlu.

Apakah jenis jenayah yang dibicarakan oleh Mahkamah ini?

Jenayah-jenayah yang terletak dalam bidang kuasa Mahkamah ini ialah jenayah penghapusan bangsa, jenayah peperangan, seperti penghapusan orang awam secara sistematik atau berleluasa, pengabdian, penderaan, rogol, mengandug secara paksa, penindasan atas alasan politik, kaum, etnik atau keagamaan, dan pelesenan secara paksa. Statut Mahkamah menyenaraikan dan memberikan definisi bagi semua jenis jenayah untuk mengelakkan kekaburan.

Adakah Mahkamah ini mendakwa jenayah yang melibatkan keganasan seks?

Ya. Statut ini memasukkan jenayah keganasan seks — seperti rogol, perhambaan seks dan mengandug secara paksa — sebagai jenayah terhadap kemanusiaan apabila ia dilakukan sebagai sebahagian daripada serangan yang sistematik atau berleluasa terhadap mana-mana penduduk awam. Ia juga adalah jenayah peperangan apabila ia dilakukan semasa konflik bersenjata dalaman atau antarabangsa.

Kenapakah kita memerlukan suatu mahkamah antarabangsa bagi jenayah-jenayah sedemikian? Tidak bolehkah mahkamah-mahkamah domestik mengendalikannya?

Mahkamah-mahkamah kebangsaan akan tetap ada bidang kuasanya. Di bawah prinsip “saling melengkapi”, Mahkamah Jenayah Antarabangsa hanya akan bertindak apabila mahkamah-mahkamah kebangsaan tidak berupaya atau tidak mahu melakukan pendakwaan. Malangnya, di beberapa negara, semasa konflik atau semasa keruntuhan sistem sosial dan politik, mungkin tiada mahkamah yang mampu mengendalikannya jenayah-jenayah seperti ini dengan sempurna. Ia juga mungkin disebabkan oleh kerajaan yang sedang berkuasa tidak sanggup mendakwa rakyatnya sendiri, terutamanya jika mereka terdiri daripada golongan atasan. Memandangkan orang yang melakukan jenayah di bawah Statut selalunya mencabul had-had yang ditetapkan, maka perlu bagi negara-negara bekerjasama untuk menangkap dan menghukum mereka. Mahkamah Jenayah Antarabangsa akan menyediakan alternatif dalam kes-kes sebegini.

Bagaimana pula dengan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)?

Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), yang merupakan suatu badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, hanya mengendalikankan perbalahan di antara negara-negara, bukan mengambil tindakan terhadap jenayah yang dilakukan oleh individu-individu.

Penerokaan 4B: Perkembangan tribunal-tribunal antarabangsa

Helaian media

Objektif: untuk memberikan kesedaran tentang usaha menguatkuasakan undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL) di negara sendiri dan di seluruh dunia

Penguatkuasaan

1. Pilih suatu artikel daripada akhbar atau majalah atau laporan bagi suatu program khas di radio atau TV yang berkenaan dengan usaha-usaha menguatkuasakan undang-undang kemanusiaan — sama ada IHL atau undang-undang hak asasi manusia.
(suatu tribunal antarabangsa, tindakan perundangan melalui mahkamah-mahkamah kebangsaan, tribunal ketenteraan)
2. Gambarkan situasi yang sedang diasiat atau orang yang sedang dibicarakan.
 - ▶ Siapa yang dituduh? Bagi pencabulan apa?
 - ▶ Apakah tindakan perundangan yang sedang diambil? Oleh siapa?
 - ▶ Apakah status terkini kes itu?
 - ▶ Pada pendapat anda apa akan terjadi seterusnya dan kenapa?
3. Teruskan untuk mengikuti dan laporkan kes yang telah anda pilih.



Kaedah penilaian

▲ Penilaian berterusan

Meneroka undang-undang kemanusiaan (EHL) menyediakan peluang harian kepada guru untuk mengetahui apakah yang dipelajari oleh pelajar mereka dan apakah tanggapan salah yang mungkin ada pada pelajar. Kaedah pengajaran yang aktif, seperti perbincangan dalam kelas, bekerja dalam kumpulan kecil, sumbangsaran dan main peranan semuanya menyediakan peluang sedemikian.

Ambil masa lima minit di penghujung setiap kelas untuk membolehkan pelajar menuliskan sebaris dua ayat bagi soalan-soalan: “Apakah yang telah saya pelajari hari ini?” dan “Apakah soalan-soalan yang ingin saya tanya?” Baca jawapan itu dan gunakannya untuk membina pengetahuan pelajar dan jelaskan tanggapan salah pada pelajaran yang akan datang.

▲ Portfolio kerja pelajar:

Di sepanjang modul ini, pelajar diminta mewawancara pelbagai orang, mengambil pendirian tentang sesuatu isu dan mempertahankannya dengan contoh, menerangkan konsep dengan sajak, persembahan atau kerja seni atau menulis kertas kerja tentang sesuatu topik tertentu dengan mendalam.

Simpan satu folio bagi setiap pelajar, dengan draf hasil tulisan, kerja seni, wawancara dan keratan berita yang disumbangkan kepada kelas. Secara berkala, bincangkan hasil kerja dengan pelajar untuk memantau perkembangan mereka dalam pemahaman undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL).

Tampal hasil kerja pelajar di dinding.

▲ Soalan-soalan di penghujung modul:

Selepas Modul 4 lengkap, anda mungkin mahu menumpukan pelajaran terakhir kepada penilaian bertulis tentang apa yang pelajar telah pelajari. Anda boleh melakukan ini dengan satu soalan karangan (20-30 minit) dan dua atau tiga soalan berjawapan pendek (10 minit setiap satu).

1. Soalan karangan: Pilih satu. (25 minit)

- Apakah kesukaran dalam melaksanakan IHL? Berikan contoh yang konkrit.
- Pada pendapat anda adakah lebih mudah atau lebih sukar untuk melaksanakan IHL pada masa hadapan? Berikan alasan dan contoh.

2. Soalan berjawapan pendek: (10 minit setiap satu)

- Daripada perbicaraan Nuremberg, berikan satu daripada tiga contoh hujah yang digunakan oleh peguam untuk membela mereka yang dituduh dengan jenayah peperangan.
- Apakah satu daripada tiga pendekatan yang digunakan baru-baru ini untuk menguatkuasakan IHL?



Soalan-soalan lain boleh digubal dengan meminta pelajar membina soalan dalam kumpulan kecil dan kemudian memilih salah satu daripadanya sebagai soalan karangan bagi seluruh kelas. Anda juga mungkin boleh minta setiap pelajar mencadangkan satu soalan yang mereka akan jawab semasa ujian. Pelajar akan dinilai berdasarkan kualiti soalan dan juga berdasarkan jawapan. Anda mungkin memilih suatu petikan kata-kata daripada artikel dalam surat khabar, petikan daripada turus sisi dalam salah satu bahan atau sumber lain. Minta pelajar menunjukkan perkara yang paling penting dan sama ada mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengannya.

Kriteria penilaian:

Tindak balas seorang pelajar yang efektif ialah yang:

- ▲ menggunakan konsep, seperti penyaksi, kombatan, dilema atau rantaian kesan akibat dan istilah lain di dalam bahan ini
- ▲ memberikan contoh yang konkrit untuk menyokong faktanya
- ▲ memasukkan contoh daripada pelbagai sumber, seperti media berita, wawancara, perbincangan kelas dan bahan bacaan luar.

Teknik di atas hanyalah cadangan untuk membantu anda menilai hasil kerja pelajar bagi bahan-bahan EHL. Anda bebas untuk mengadaptasikannya mengikut keperluan anda.



Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian

- ▲ Guatemala: Kenangan dalam Kesunyian
<http://hrdata.aaas.org/ceh/report/english/toc.html>
 Terdapat dalam bahasa Inggeris dan Sepanyol
- ▲ Suruhanjaya Kebenaran (Perpustakaan Institut Kedamaian Amerika Syarikat)
<http://www.usip.org/library/truth.html>
- ▲ Suruhanjaya Kebenaran dan Perdamaian (Afrika Selatan)
<http://www.truth.org.za/>

Tribunal Ketenteraan di Nuremberg

- ▲ Perbicaraan Jenayah Peperangan Nuremberg: Projek Avalon di Sekolah Undang-Undang Yale
<http://www.yale.edu/lawweb/avalon/imt/imt.htm>
 Sumber utama dokumen mengenai perbicaraan.
- ▲ Kertas kerja Thomas J. Dodd: Nuremberg
<http://www.lib.uconn.edu/DoddCenter/ASC/dodpmain.htm#Nuremberg>
 Kertas kerja peguam Amerika yang menyelia pengurusan seharian pendakwaan tersebut.
- ▲ Pendakwaan Penjenayah Peperangan: Muzium Toleransi Pusat Pembelajaran Multimedia
<http://motlc.wiesenthal.org/pages/t003/t00398.html>
- ▲ Perbicaraan Jenayah Peperangan (Muzium Peringatan Kemusnahan Amerika Syarikat)
<http://wlc.ushmm.org/>

Tribunal *ad hoc*

- ▲ Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi bekas Yugoslavia
<http://www.un.org/icty/>
- ▲ Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi Rwanda
<http://www.ict.rg/>
 Terdapat dalam bahasa Inggeris dan Perancis

Mahkamah Jenayah Antarabangsa

- ▲ Gabungan bagi Mahkamah Jenayah Antarabangsa
<http://www.iccnw.org/>
 Terdapat dalam bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol
- ▲ Mahkamah Keadilan Antarabangsa
<http://www.icj-cij.org/icjwww/icj002.htm>
 Terdapat dalam bahasa Inggeris dan Perancis



- ▲ Mahkamah Jenayah Antarabangsa (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu)
<http://www.un.org/law/icc/index.html>
- ▲ Undang-Undang Antarabangsa (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu)
<http://www.un.org/law/index.html>
Terdapat dalam bahasa Arab, Cina, Inggeris, Perancis, Rusia dan Sepanyol

5 Modul

Menyahut cabaran akibat peperangan

(enam sesi)

KAJIAN:

- 5A. Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan (satu sesi) ... 293
- 5B. Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan (satu sesi) ... 305
- 5C. Fokus terhadap melindungi tahanan (dua sesi) ... 317
- 5D. Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan (satu sesi) ... 343
- 5E. Etika tindakan kemanusiaan (satu sesi) ... 359

KONSEP:

Keperluan asas
Keperluan bukan berbentuk kebendaan
Pelarian dan orang yang kehilangan tempat tinggal
Prinsip berkecuali
Kesaksamaan

Dalam semua modul:

Maruah manusia
Halangan terhadap tingkah laku kemanusiaan
Dilema
Rantaian kesan dan akibat
Pelbagai perspektif

KEMAHIRAN YANG DIPRAKTIKKAN:

Memilih perspektif
Menganggarkan skop
Menganggarkan usaha
Menganalisa dilema
Mengenal pasti akibat
Bekerja dalam kumpulan

*Apakah akibat
peperangan?*

*Apakah usaha yang
dikehendaki untuk memberi
bantuan kemanusiaan?*

*Apakah dilema yang
terlibat dalam
tindakan kemanusiaan?*

Penerokaan 5A: Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan

Modul 5 menilai akibat peperangan dan usaha yang diperlukan untuk bertindak balas terhadapnya. Dalam penerokaan pertama ini, pelajar akan memeriksa gambar-gambar untuk melihat sumber-sumber yang telah hilang, dan akan menimbangakan keperluan yang disebabkan oleh kehilangan itu. Kemudian mereka akan mengenal pasti beberapa jenis tindakan yang dikehendaki untuk mengurangkan keperluan itu. Melalui video, mereka menggambarkan pengalaman orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan.

Saya memang ingin kembali ke rumah saya. Tetapi dalam sesetengah kes, seluruh kampung telah musnah, jadi seorang individu tidak ada peluang untuk pulang ke kampung mereka.

– I.Ivankovic, Bosnia-Herzegovina, 1999



Setiap orang memang menderita tetapi golongan wanita yang paling menderita kerana mereka kehilangan suami mereka, anak-anak, harta benda dan, sebagai tambahan, mereka terpaksa mencari nafkah bagi menampung anak-anak yang tinggal dan saudara mara mereka. (...) Kebanyakan orang lelaki mati dalam peperangan, tetapi wanita terpaksa menanggung keadaan ekonomi yang teruk.

– wanita yang kehilangan tempat tinggal, Somalia

Objektif:

- ▲ untuk memahami bagaimana peperangan menjejaskan keperluan asas kehidupan biasa manusia
- ▲ untuk menyedari tentang skop tindakan kemanusiaan yang diperlukan untuk mengurangkan dan menghalang penderitaan yang disebabkan oleh konflik bersenjata

Sumber-sumber:

- ▲ Kolaj foto yang digunakan di dalam Penerokaan 2A
- ▲ Terjejas oleh konflik bersenjata — Afghanistan 1999
- ▲ Video dan transkrip: Terpaksa keluar dari rumah

Rujukan guru:

- ▲ Contoh aktiviti ICRC di Afghanistan, 1999

Masa:

Satu sesi 45-60 minit

1. Keperluan yang timbul akibat konflik bersenjata

(Kumpulan kecil) (15 minit)

Setiap pelajar hendaklah memilih suatu foto daripada “Kolaj foto 2A” dan membuat suatu senarai keperluan yang mereka fikirkan orang yang berada dalam situasi dalam foto itu mungkin ada.

Dalam kumpulan kecil, minta pelajar bincangkan foto yang telah dipilih:

- ▲ sumber yang mereka lihat telah dimusnahkan atau hilang
- ▲ keperluan yang telah mereka senaraikan

Minta mereka buat catatan bukan hanya kemusnahan yang memang nyata, seperti bangunan yang musnah, tetapi juga kemusnahan lain, seperti kemusnahan terhadap kemudahan awam, barang persendirian, kematian dan perpisahan antara ahli keluarga, dan kehilangan perkhidmatan masyarakat.

Kumpulkan semula semua kumpulan untuk menyusun senarai sumber yang telah musnah akibat konflik bersenjata. Kemudian minta pelajar senaraikan keperluan yang dikehendaki oleh orang ramai akibat kemusnahan itu.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah kehilangan lain yang mungkin terjadi kepada orang ramai akibat kemusnahan sumber?

Penerokaan 5A: Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan

- Apakah jenis aktiviti yang mungkin boleh membantu orang ramai untuk menghadapi akibat yang disebabkan oleh konflik bersenjata ini?
- Adakah sesetengah jenis tindakan perlu disegerakan daripada tindakan yang lain? Apakah kriteria yang diperlukan untuk menentukan tahap kecemasan itu?
- Kumpulan manakah yang secara amnya patut diberikan perhatian khusus dalam keadaan kecemasan? Kenapa?

2. Menyahut cabaran keperluan

(kumpulan kecil) (15-20 minit)

Dalam tindakan kemanusiaan, banyak organisasi bekerjasama untuk memberi bantuan terhadap mangsa yang memerlukannya. Selain ICRC, banyak lagi pertubuhan lain yang aktif: Contohnya, organisasi PBB yang lain seperti UNICEF, UNHCR dan Program Makanan Sedunia; NGO antarabangsa seperti *Médecins sans frontières* (MSF), Pemerhati Hak Asasi Manusia, Persatuan Antarabangsa Selamatkan Kanak-Kanak dan Orang Kurang Upaya; organisasi tempatan.

Gunakan bahan bacaan “Terjejas Akibat Konflik Bersenjata — Afghanistan 1999” untuk memfokuskan terhadap pelbagai aktiviti yang mesti diatur untuk memberikan respons kepada pelbagai keperluan yang timbul akibat konflik bersenjata. Bentangkan situasi di Afghanistan pada tahun 1999.

Minta pelajar membayangkan akibatnya terhadap orang ramai.

Kemudian minta setiap kumpulan kecil untuk membuat sumbangsaran idea bagi aktiviti kemanusiaan yang spesifik bagi salah satu kategori program. (5 minit) [Gunakan contoh daripada “Contoh aktiviti ICRC di Afghanistan, 1999”, jika perlu, untuk membantu pelajar di peringkat permulaan.]

Berkumpul semula untuk berkongsi idea.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah kesukaran yang mungkin dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan kemanusiaan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti ini? Kenapa?

[Contohnya: masalah keselamatan; penduduk yang memerlukan bantuan tetapi terperangkap dalam zon peperangan; kesukaran dalam membawa konvoi bantuan ke dalam negara itu kerana tiada kebenaran daripada negara jiran; tidak dibenarkan laluan ke kawasan penduduk yang memerlukan kerana mereka dianggap musuh; skop kerja yang sukar dan membingungkan apabila beratus-ratus ribu orang kehilangan tempat tinggal dalam jangka masa yang singkat; orang awam yang memerlukan bantuan bercampur-aduk dengan kombatan-kombatan; kekurangan dana]

- Apakah langkah berjaga-jaga yang perlu diambil apabila merancang atau bertindak dalam keadaan kecemasan kemanusiaan seperti ini?

[Contohnya: menghubungi kumpulan-kumpulan bersenjata untuk memastikan mereka bersetuju dan menyokong tindakan yang dirancang; membuat penilaian dengan berhati-hati untuk memastikan bahawa mangsa dibantu mengikut keperluan mereka dan supaya bantuan itu tidak akan menjadikan mereka bergantung kepadanya; merancang untuk membantu keperluan yang paling mendesak dan untuk mencari punca masalah terlebih dahulu — contohnya; sebelum membawa makanan kering, periksa sama ada terdapat kemudahan untuk memasaknya; memeriksa kualiti air untuk mengelakkan wabak penyakit; menggunakan pakar tempatan di mana boleh]

Saya tidak nampak apa yang saya pijak. Saya sedang berlari dan tiba-tiba saya terdengar letupan.

— berumur 14 tahun, di hospital di Kabul

Apabila saya memotong anggota badan seorang budak lelaki seperti dia, saya merasa seperti saya memotong kaki saya sendiri.

— doktor yang merawatnya, siaran akhbar ICRC



Protokol Tambahan II kepada Konvensyen Geneva

Perkara 14 (...) Membiarkan orang awam keburlan sebagai suatu kaedah peperangan adalah dilarang. Oleh itu adalah dilarang untuk menyerang, memusnahkan, memindahkan atau menjadikan tidak berguna, bagi maksud itu, objek-objek yang sangat diperlukan oleh penduduk awam untuk hidup, seperti bekalan makanan, kawasan pertanian untuk pengeluaran bekalan makanan, tanaman, binatang ternakan, pemasangan dan bekalan air minuman dan kerja pengairan.

Protokol Tambahan I kepada Konvensyen Geneva

Perkara 70-1 (...) Tindakan memberi bantuan yang berbentuk kemanusiaan dan saksama dan dijalankan tanpa perbezaan yang merugikan hendaklah diambil, tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak yang berkenaan dalam tindakan memberi bantuan itu. Pemberian bantuan itu tidak boleh dianggap sebagai campur tangan dalam konflik bersenjata atau tindakan yang tidak mesra (...).

Perkara 81-1 (...) Pihak-pihak kepada konflik hendaklah memberikan segala kemudahan di bawah kuasa mereka kepada Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah bagi membolehkannya menjalankan fungsi kemanusiaan yang ditugaskan kepadanya oleh Konvensyen-Konvensyen dan Protokol ini bagi memastikan perlindungan dan bantuan kepada mangsa-mangsa konflik. (...)

Penerokaan 5A: Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan

Apabila pasukan itu tiba, kami meninggalkan tempat itu. Kami sedang membuat tortillas apabila kami beredar. Kami melarikan diri, meninggalkan semua barang yang kami miliki dalam rumah itu. Apabila kami pulang, semuanya telah musnah, kami hampir mati kelaparan.

– wanita yang kehilangan tempat tinggal, El Salvador



Tam dan keluarganya bertolak pada waktu tengah hari. Isteri dan dua orang anak kecilnya menunggang sebuah basikal, tiga lagi anaknya menunggang basikal yang kedua, dan Tam menunggang basikal yang ketiga, membawa bersamanya beberapa bungkusan pakaian. Hanya pakaian dan wang sejumlah 700 piaster yang dibawa oleh Tam; dia meninggalkan sawah, rumah, perabot dan peralatan memasaknya.

– Susan Sheehan dalam *Sepuluh Orang Vietnam (Ten Vietnamese)*

- Apakah tindakan yang bertujuan mengelakkan akibat yang seterusnya atau mangsa baru?

[Contohnya: menunjukkan akibat tidak mematuhi peraturan IHL kepada pemimpin pejuang; melaporkan keadaan tahanan atau orang awam kepada pihak berkuasa dan membantu mereka mencari penyelesaiannya; memaklumkan mangsa tentang perkhidmatan yang disediakan oleh organisasi kemanusiaan dan cara untuk mendapat faedah daripadanya; membantu tentera atau pemimpin kumpulan bersenjata untuk melatih kombatan mereka mematuhi peraturan IHL]

- Apakah jenis pekerja yang berlainan yang diperlukan bagi aktiviti ini?

[Contohnya: doktor dan jururawat, pakar pemakanan, jurutera kebersihan dan tempat tinggal, ahli logistik, juruterbang, setiausaha, pentadbir, pemandu trak, mekanik, pakar media, peguam, pakar perlindungan, penterjemah, juruteknik sistem maklumat]

Penutup — Bagaimana rasanya? (15 minit)

Walau bagaimanapun, tindakan kemanusiaan bukanlah mengenai pekerja tetapi mengenai orang yang kehidupannya telah musnah akibat konflik bersenjata. Tayangkan video (dan transkrip) “Terpaksa keluar dari rumah”, yang menunjukkan Medin dan Damir (berumur 12 dan 13 tahun) menceritakan bagaimana rasanya terpaksa lari dari rumah; dan Saba, seorang ibu berumur 30 tahun yang mempunyai tiga orang anak, menceritakan perjalanannya ke kem pelarian.

Bincangkan kesan peperangan ke atas kehidupan mereka dan keperluan yang diakibatkan olehnya.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Bagaimanakah budak-budak lelaki itu terjejas apabila menjadi pelarian?
 - Apakah keperluan mereka?
 - Apakah jenis aktiviti kemanusiaan yang boleh memenuhi keperluan mereka?
- Apakah kehilangan yang dihadapi oleh Saba?
 - Pada pendapat anda bagaimanakah kehidupan di kem pelarian akan berbeza daripada kehidupan Saba sebelum ini?
 - Apakah aktiviti kemanusiaan yang boleh membantu keluarganya?

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Konflik bersenjata mengakibatkan kehilangan yang amat besar dari segi sumber-sumber dan menjejaskan keperluan asas kehidupan biasa manusia.
- ◆ Apabila tercetusnya konflik bersenjata, kehidupan dan maruah manusia mudah terjejas dan perlindungan khusus diperlukan.
- ◆ Tanggungjawab untuk memperbaiki sokongan terhadap kehidupan memerlukan tindakan bersama oleh pelbagai agensi kemanusiaan.

Penerokaan 5A: Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan

Aktiviti lanjutan



Suatu inventori keperluan penting bagi diri anda sendiri

Buat satu senarai keperluan asas yang anda kenal pasti sebagai penting untuk kehidupan anda.

- Apakah yang anda perlu untuk hidup dengan keselesaan yang munasabah?

Bulatkan keperluan yang anda percaya sememangnya diperlukan untuk menjalani kehidupan biasa.

Buatkan tanda di sebelah keperluan yang membantu melindungi maruah kemanusiaan anda sendiri.

- Bagaimanakah keperluan ini akan terjejas oleh peperangan?

Bandingkan dan bincangkan senarai anda dengan senarai orang lain.

Pengalaman melarikan diri

Berbanding dengan kejadian-kejadian lain yang menyebabkan orang meninggalkan rumah mereka (kehilangan tempat tinggal, barang-barang yang dimiliki, air, elektrik, pekerjaan, pendidikan, dsb.), kehilangan keselamatan menyebabkan orang membuat keputusan dengan cepat sambil mereka melarikan diri. Bahaya yang menghampiri menyebabkan hanya sedikit masa untuk membuat keputusan. Apabila orang melarikan diri, tidak dapat dipastikan berapa lama mereka akan pergi ataupun sama ada mereka akan kembali lagi. Latihan ini direka untuk membantu anda menghargai kesan pemindahan terhadap kehidupan mangsa.

Dalam kumpulan kecil, bayangkan situasi berikut.

Anda ialah sebuah keluarga atau sekumpulan jiran.

Kawasan rumah anda di bawah serangan.

Anda perlu beredar sekarang untuk menyelamatkan nyawa anda.

Anda tidak tahu ke mana anda akan pergi dan sama ada dapat pulang semula.

Anda hanya mempunyai 10 minit.

1. Secara individu, tuliskan apa yang anda akan bawa.
2. Kemudian, secara berkumpulan, putuskan apa yang boleh anda bawa, kenapa anda membawanya dan bagaimana anda hendak membawanya.
3. Tuliskan rancangan kumpulan tersebut.

Bandingkan rancangan kumpulan anda dengan rancangan kumpulan lain.

- Apakah yang dibawa oleh kumpulan anda dan kenapa?
- Apakah pandangan atau perasaan anda semasa membuat keputusan itu?
- Adakah apa-apa perbezaan sekiranya kumpulan anda terdapat orang dewasa? Bayi atau kanak-kanak?
- Bagaimana kekecohan konflik bersenjata memberi kesan kepada keputusan anda?

[Dalam suatu kelas seorang pelajar berkata yang dia akan pergi ke bank dan mengeluarkan wangnya. Guru bertanya "Siapakah yang akan masih bekerja di bank?"]

Penerokaan 5A: Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan

Aktiviti lanjutan



Pelarian dan orang yang terpaksa berpindah — dahulu dan sekarang

Bincangkan dengan pelajar lain tentang apa yang mereka mungkin ketahui mengenai pelarian dan orang yang terpaksa berpindah disebabkan konflik bersenjata melalui sejarah.

Contohnya, Moses, French Huguenots, peneroka awal sebuah kawasan, James II dari Scotland dan pengikutnya, Karl Marx, Marc Chagall, Pablo Picasso, orang-orang Hindu dan orang-orang Islam yang berada di benua India pada tahun 1940-an, Ayatolla Khomeini, Dalai Lama.

Buat penyelidikan dan tuliskan suatu laporan mengenai seseorang atau kumpulan mengikut pilihan anda.

- Kenapakah mereka perlu melarikan diri?
- Apakah persamaan dan perbezaan yang terdapat berbanding dengan pengalaman Saba atau sepupu di Bosnia?
- Bagaimanakah mereka telah boleh membina semula kehidupan mereka? Apakah yang boleh dicapai oleh mereka selepas itu?

Wawancara

Cari sama ada terdapat pelarian atau orang yang terpaksa berpindah dalam komuniti anda. Wawancara seseorang yang telah dipaksa meninggalkan rumahnya disebabkan keadaan dan berpindah jauh daripada situ.

- Siapakah yang berpindah bersamanya?
- Apakah yang ditinggalkan olehnya yang paling dia rindui sekali?
- Apakah kehilangan yang dia alami semasa perjalanannya itu?
- Bagaimanakah perubahan ke atas kehidupannya?



Contoh aktiviti-aktiviti ICRC di Afghanistan, 1999

[Nota: Selain daripada Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC), terdapat banyak pertubuhan kemanusiaan yang aktif di Afghanistan, melakukan tugas-tugas yang sama.]

Bantuan: Makanan dan bukan makanan

- ▲ Objektif program bagi memulihkan kawasan pertanian ialah untuk membantu petani-petani membaik pulih tanah mereka untuk mengurangkan pergantungan petani-petani daripada pihak luar. Pada masa ini, 12 orang ahli agronomi sedang bekerja dengan lebih daripada 50,000 orang dalam pelbagai aspek.
- ▲ Di Lembah Shamali dan Panjshir dan di Takhar, Kunduz, Bamyan dan Kabul, ICRC telah mengedarkan makanan dan bahan-bahan perlindungan kepada keluarga yang terpaksa berpindah dan mereka yang telah pulang semula ke rumah masing-masing.
- ▲ Dalam projek perintis, ICRC telah mengedarkan “Roti Silo”, iaitu sejenis roti berwarna hitam yang mengandungi nilai nutrisi yang tinggi tetapi yang kurang bersesuaian dengan citarasa orang-orang Afghan. “Strategi untuk diri sendiri” ini, bertujuan untuk menarik minat mereka yang tidak mempunyai pilihan lain dan secara automatik memilih mereka yang benar-benar memerlukan bantuan makanan.
- ▲ Projek-projek pertanian telah diperluaskan ke seluruh negara itu bagi memberi sokongan kepada penduduk tanpa bergantung kepada bantuan daripada pihak luar.
- ▲ ICRC di Afghanistan telah selesai membersihkan terusan pengairan sejauh lima kilometer, yang disalurkan kepada ribuan penduduk di kawasan yang menetap di wilayah Parwan, di utara Kabul. Pembaikan terusan tersebut, yang menyalurkan air dari Sungai Panjshir, telah mengambil masa selama tiga minggu untuk disiapkan dan melibatkan hampir 1,100 orang penghuni di sekitar perkampungan tersebut. Dalam tahun 1999, ICRC telah bekerjasama dengan masyarakat tempatan untuk memulihkan sebanyak 166 terusan dan *karezes*, yang membolehkan pengairan ke atas lebih 60,000 hektar tanah.

Bantuan: Air dan Kebersihan

- ▲ ICRC terus memperbaiki keadaan kesihatan di kawasan bandar dengan membina atau memperbaiki tandas, perigi dan bekas sampah di lima daerah Kabul. Pihak berkuasa di peringkat masyarakat dan majlis tempatan digalakkan untuk memikul tanggungjawab yang lebih besar bagi memaklumkan orang awam tentang penggunaan tandas yang betul.

Perubatan

- ▲ ICRC sebagai orang tengah yang berkecuali, telah menyediakan pengangkutan barang-barang yang perlu bagi program vaksinasi yang pertama kali dijalankan dalam masa beberapa tahun di wilayah Parwan, utara Kabul. Ini membolehkan imunisasi terhadap 50,000 kanak-kanak dan 66,000 wanita dilakukan untuk mencegah penyakit-penyakit biasa sebagai sebahagian daripada kempen yang dianjurkan oleh UNICEF dan pihak berkuasa kesihatan.
- ▲ ICRC telah menambahkan sokongan bagi kemudahan perubatan di ibu negara Afghanistan, di dataran Shamali, dan di lembah Panjshir, dan di pusat bantuan kecemasan berhampiran dengan barisan hadapan, untuk memastikan orang yang tercedera akibat peperangan menerima rawatan yang sempurna.
- ▲ ICRC juga telah membuka pusat rawatan ortopedik di Gulbahar, 80 kilometer di utara Kabul, bagi rawatan kepada mangsa periuk api dan mangsa yang tercedera akibat peperangan di wilayah-wilayah di bahagian utara Afghanistan. Sekarang ini ICRC sedang menyenggarakan lima pusat ortopedik di Afghanistan.



Perlindungan dan tahanan

- ▲ Di beberapa buah penjara, ICRC telah memperbaiki keadaan kesihatan dengan membina atau memperbaiki kemudahan air dan sanitari serta menyediakan perkhidmatan perubatan di penjara lengkap dengan ubat-ubatan dan bekalan-bekalan lain. ICRC terus mengawal keadaan penduduk awam dan menjadi wakil kepada pihak berkuasa yang berkenaan mengenai pencabulan terhadap undang-undang kemanusiaan.
- ▲ Pada 13 dan 14 Februari delegasi ICRC di Afghanistan telah membantu membebaskan 20 orang tahanan secara serentak yang ditahan oleh pihak Taliban dan 20 tahanan lagi yang ditahan oleh angkatan Pakatan Utara Komander Massoud. Rundingan yang membawa kepada pembebasan tahanan ini bermula pada bulan Januari, apabila ICRC membolehkan utusan daripada kedua-dua pihak melawat tahanan-tahanan yang ditahan oleh pihak yang satu lagi. Peranan sebagai orang tengah yang berkecuali ini dapat dijalankan melalui dialog yang berterusan dengan semua pihak yang berkonflik.

Memulihkan hubungan kekeluargaan

- ▲ Tahanan yang dilepaskan diberi bantuan kewangan dan sokongan logistik untuk mereka pulang ke rumah. ICRC juga telah memberikan bantuan kewangan kepada ahli yang terpaksa datang dari jauh untuk melawat tahanan-tahanan.
- ▲ Dengan kerjasama Persatuan Bulan Sabit Merah Afghanistan, pesanan-pesanan Bulan Sabit Merah di antara tahanan-tahanan dan ahli keluarga telah dikumpulkan dan diedarkan. Pada tahun 1998, lebih 24,000 pesanan telah dikumpulkan dan 16,500 telah diedarkan kepada ahli keluarga yang terpisah.

Maklumat dan pendidikan

- ▲ Data mengenai kecederaan akibat periuk api diperolehi melalui Projek Maklumat Mengenai Periuk Api, dikumpul di pusat-pusat rawatan ICRC, dan disebar ke pusat kesihatan di Mazar-i-Sharif dan Pu-i-Khumri. Maklumat ini dikongsi dengan agensi-agensi lain untuk membantu aktiviti-aktiviti penghapusan periuk api di masa hadapan.
- ▲ Dengan hasrat untuk menanamkan rasa hormat terhadap prinsip-prinsip undang-undang kemanusiaan di semua peringkat masyarakat, sesi-sesi mengenai prinsip-prinsip dan undang-undang kemanusiaan telah dibentangkan di tempat-tempat pemeriksaan, di pangkalan-pangkalan tentera dan di sekolah-sekolah, dan telah dihadiri oleh pihak-pihak berkuasa, penduduk yang terpaksa berpindah, para pelajar dan pegawai-pegawai pemerintah dan kombatan dari pihak yang berlainan.
- ▲ Hubungan dengan pihak media dikekalkan dan siaran-siaran akhbar telah dikeluarkan untuk memaklumkan orang awam tentang kepentingan isu-isu kemanusiaan.

– Dipetik daripada siaran akhbar ICRC dan laporan-laporan tahunan

Penerokaan 5A: Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan

Sumber 1



Terjejas akibat konflik bersenjata – Afghanistan 1999

Pada tahun 1999, peperangan di Afghanistan telah memaksa sebilangan besar orang awam keluar dari tempat tinggal mereka dan ini telah menimbulkan pelbagai tuduhan pencabulan terhadap undang-undang kemanusiaan yang dilakukan oleh semua pihak. Pada masa yang sama, pertempuran gerila telah berterusan di kawasan sekitar Mazar-i-Sharif, yang mengambil nyawa ramai orang awam dan menjejaskan keselamatan di kawasan itu.

Peningkatan polarisasi antara pihak-pihak yang berperang meningkatkan ketegangan etnik di antara masyarakat, menyebabkan risiko terhadap tindakan balas dan pencabulan hak-hak lain, malah ke kawasan-kawasan yang tidak terlibat dengan peperangan.

Pertempuran yang berterusan melumpuhkan kehidupan sosial dan ekonomi bagi negara itu, mengurangkan sumber-sumber yang diperlukan untuk memulihkan infrastruktur dan institusi-institusi yang telah dimusnahkan atau telah berkurangan akibat dua dekad peperangan. Di Kabul, sistem pembahagian air berfungsi pada kadar kurang daripada 20% kapasitinya sebelum peperangan. Di kawasan luar bandar, pemusnahan dan pengurangan sistem pengairan telah menjadikan kawasan tanah pertanian yang tidak berguna.

Walau bagaimanapun, yang paling teruk terjejas akibat keruntuhan ekonomi ialah penduduk bandar.

— Laporan Tahunan ICRC 1999

Apakah tindakan kemanusiaan yang nyata yang perlu diambil berkenaan dengan situasi yang digambarkan di sebelah

Program kemanusiaan	Tindakan kemanusiaan yang nyata dicadangkan
Makanan dan pertanian	
Perubatan	
Air dan kebersihan	
Veterinar	
Perlindungan terhadap orang awam dan tahanan	
Mengembalikan hubungan kekeluargaan	
Maklumat dan pendidikan	

Penerokaan 5A: Menyahut cabaran akibat kemusnahan peperangan

Sumber 2



Terpaksa keluar dari rumah

Peperangan mengganggu kehidupan orang awam. Dan ramai orang yang terpaksa berpindah.

Damir dan Medin

Pengulas: Damir dan sepupunya Medin pernah menjadi pelarian, tetapi baru-baru ini mereka telah kembali ke rumah mereka di Bosnia dan Herzegovina.

Ia memang sukar. Saya menangis kerana saya terpaksa meninggalkan rumah saya. Kami menaiki bas dan pergi ke tempat pertama. Apabila kami tiba di situ, kami merasa lapar. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dimakan kerana semua makanan telah ditinggalkan. Orang memberitahu kami supaya pergi ke bandar yang seterusnya. Apabila kami tiba di sana, tiada tempat untuk kami.

Semasa peperangan di bekas Yugoslavia, berjuta-juta orang telah melarikan diri dan mencari perlindungan di mana-mana sahaja yang mereka boleh. Seperti ramai yang lain yang telah melarikan

diri, Damir dan Medin percaya bahawa mereka tidak akan melihat rumah mereka lagi.

Saya ingat saya tidak akan kembali ke sini lagi, kerana mereka memberitahu kami untuk bersedia dalam masa dua jam dan bahawa bas akan menunggu kami.

Saya telah membawa beberapa barang semasa kami meninggalkan rumah – saya membawa radio, gambar dan beberapa selimut supaya kami dapat berselimum apabila kami tidur.

Saya rasa perkara yang paling teruk ialah apabila kanak-kanak lain mula mengusik anda dan memanggil anda “pelarian” dan apabila anda ke sekolah mereka akan mula menjerit “Tengok! Pelarian dah datang”.

Saba

Nama saya Saba. Umur saya 30 tahun. Saya telah berjalan sejauh 50 kilometer dari kampung saya. Saya telah datang bersama-sama anak-anak saya. Di kampung kami, kami adalah petani, tetapi hujan tidak turun, dan tanaman tidak tumbuh.

Suami saya tidak bersama kami. Saya hanya ada anak-anak saya sekarang. Dan saya merindui suami saya. Saya tidak tahu di mana dia. Beberapa orang memberitahu saya bahawa dia telah pergi jauh untuk berniaga setinggi.

Tetapi saya tidak rasa ia benar. Askar telah mengambilnya. Saya tidak mendengar daripadanya semenjak hari itu. Mungkin dia telah mati. Saya tidak tahu.

Kami hanya menunggu di sini, tetapi saya tidak tahu mengapa kami tunggu. Malam berganti siang sama seperti apa yang berlaku di kampung kami, tetapi hari-hari adalah berlainan dan pada waktu malam saya akan menangis.

Penerokaan 5B: Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan

Aktiviti untuk merancang sesuatu kem digunakan untuk memperkenalkan para pelajar kepada skop usaha yang diperlukan untuk membina semula sistem sokongan untuk kehidupan dan untuk menyediakan suatu ilustrasi mengenai salah satu jenis tindakan kemanusiaan yang penting. Pelajar diminta memegang peranan petugas kemanusiaan, menganggarkan keperluan dan merancang bekalan dan tugas. Mereka akan memfokuskan kepada sekurang-kurangnya satu sumber dan mengambil kira jumlah yang diperlukan, keperluan bagi pengangkutan dan apa-apa yang lain yang terlibat dalam memenuhi tugas ini.

Pelarian mewakili satu pertiga daripada jumlah keseluruhan orang yang terpaksa pindah daripada rumah mereka akibat konflik atau penganiayaan. Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian menganggarkan bahawa baki dua pertiga terpaksa berpindah dalam negara mereka sendiri. Mereka yang terpaksa berpindah secara dalaman menghadapi banyak kesukaran yang sama seperti pelarian, tetapi selalunya tidak menerima bantuan.

– Pembangunan Negara (UNICEF), 1997

Kami melarikan diri dengan bayi-bayi di atas bahu kami dan kanak-kanak di dalam tangan kami dan orang-orang tua terhuyung-hayang di belakang kami. Merentasi padang, melalui belukar, kami memasuki paya. Kami semua ketakutan akan kehilangan nyawa kami. Askar telah memasuki kampung yang berhampiran dan dengan sewenang-wenangnya menculik wanita yang tidak pernah muncul lagi selepas itu.

– seorang wanita berusia 60 tahun, Nigeria

Objektif:

- ▲ untuk menyedari skala usaha yang diperlukan untuk membantu memenuhi keperluan manusia akibat kehilangan tempat tinggal, termasuk keselamatan diri.
- ▲ untuk menyedari beberapa aspek bantuan dan perlindungan yang diperlukan oleh manusia yang kehilangan rumah akibat konflik bersenjata.

Sumber:

- ▲ Kolaj foto 5B
- ▲ Merancang suatu kem — suatu laporan
- ▲ Maklumat dan arahan bagi perancang
- ▲ Kertas kerja: Laporan rancangan

Persediaan:

Rancang bagaimana untuk menyediakan “Maklumat dan arahan bagi perancang” dan suatu tugas kepada kumpulan kecil.

Masa:

Satu sesi 45-60 minit

1. Keperluan orang yang terpaksa berpindah akibat konflik bersenjata (10-15 minit)

Sumbangsan mengenai keperluan orang yang telah melarikan diri dari rumah mereka dan mencari perlindungan di kem untuk orang yang terpaksa berpindah ini.

Tajuk berikut boleh digunakan untuk menyusun jawapan yang diterima:

- ▲ air (termasuk bekalan dan saliran)
- ▲ makanan
- ▲ tempat perlindungan
- ▲ rawatan perubatan
- ▲ tenaga (termasuk memasak, memanaskan, lampu)
- ▲ kebersihan dan kemudahan kebersihan
- ▲ keselamatan
- ▲ sokongan psikologi
- ▲ komunikasi (termasuk maklumat dan pendidikan)

[Jawapan boleh juga disusun menggunakan kategori seperti keperluan biologi, sosial atau psikologi]

Penerokaan 5B: Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan

Bentangkan “Kolaj foto 5B” dan bincangkan keperluan yang dipaparkan dalam foto.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah yang anda fikirkan keperluan orang-orang dalam foto tersebut?
- Apakah yang harus petugas kemanusiaan mengambil kira semasa memberikan bantuan keperluan kepada orang dalam kem?

Bentangkan “Merancang suatu kem — suatu laporan” dan minta pelajar mengenal pasti apa yang telah dilakukan oleh perancang untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan itu.



2. Buat pengiraan sumber bagi sebuah kem

(dalam kumpulan kecil) (30-35 minit)

Bentangkan “Maklumat dan arahan bagi perancang”. Kaji semula angka populasi dalam kotak.

Minta setiap kumpulan kecil merangka suatu pelan bagi memenuhi satu kategori keperluan untuk populasi yang terpaksa berpindah dalam kem ini. Setiap kumpulan perlu mengira kuantiti keperluan barang yang diperlukan dan fikirkan bagaimana memperolehi dan mengedarkannya. (10 minit)

Setiap kumpulan perlu kemudiannya membentangkan pelan mereka untuk perbincangan di dalam kelas. (15 minit) Setiap pembentangan hendaklah termasuk:

- ▲ kategori keperluan yang harus diberikan perhatian (contohnya makanan, air, tempat perlindungan)
- ▲ kuantiti bekalan dan perkhidmatan yang diperlukan
- ▲ pelan bagi mendapatkan bekalan/perkhidmatan
- ▲ pelan bagi menghantar bekalan/perkhidmatan
- ▲ pelan yang khusus bagi memenuhi keperluan mereka yang paling terancam (kanak-kanak yang bersendirian, wanita dan budak perempuan, ibu yang mengandung dan menyusukan anak, orang tua, dsb.)

Bincangkan apa yang telah dipelajari melalui perancangan untuk 10,000 orang dengan adanya kem-kem yang wujud di seluruh dunia di mana terdapat suatu jumlah yang lebih besar orang yang berselindung. (5-10 minit)

Soalan yang mungkin:

- Bagaimana pelan anda perlu diubah jika kem itu perlu memenuhi keperluan bagi 300,000 orang?

3. Bagaimana untuk memastikan maruah manusia dan identitinya (10 minit)

Bincangkan keperluan lain selain daripada biologikal yang perlu diambil kira oleh petugas kemanusiaan dalam membantu untuk memulihkan orang yang dipaksa berpindah, mengambil tanggungjawab bagi diri mereka sendiri dan menjaga maruah manusia mereka.



Bagi pelarian kanak-kanak yang dipaksa berpindah, kebosanan dan ketiadaan pelajaran (...) ialah suatu kombinasi yang merbahaya. Ia menghasilkan hari-hari yang tidak membina di mana memori yang trauma sering berlegar di fikiran, ketakutan menghantui, dan kekejaman mungkin boleh berlaku.(...) Budak perempuan mungkin diugut dirogol dan budak laki-laki dipaksa merekrut diri dalam geng. Remaja wanita mungkin mengandung dalam usia yang sangat muda. Kehidupan kanak-kanak, dalam erti kata yang singkat, mulai musnah dengan pantas...

– Marc Sommers, Pendidikan Kecemasan bagi Kanak-Kanak, Ogos 1999

Penerokaan 5B: Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan

Cuaca sangat panas di sempadan. Saya boleh merasakan kehangatan melalui pelapik pada sandal saya. Akan tetapi saya melihat kanak-kanak yang meninggalkan tempat mereka berkaki ayam. Mereka telah berjalan kaki selama tiga hari, mendaki gunung-gunung di Afghan. Mereka hanyalah anak-anak kecil. Mereka mengingatkan saya akan anak-anak ayam. Mereka kelihatan kepenatan.

– seorang pejuang pemberontak

Perpisahan dalam keluarga semasa peperangan telah meninggalkan kaum wanita dan anak-anak perempuan, terutamanya, dalam keadaan lemah. Hampir 80% daripada jumlah 53 juta penduduk yang teralih oleh peperangan adalah kaum wanita dan kanak-kanak. Apabila golongan bapa, suami, adik beradik dan anak lelaki telah diambil untuk berjuang, mereka meninggalkan kaum wanita, mereka yang muda dan orang tua menjaga diri mereka sendiri. Keluarga pelarian menyebut rogol atau ketakutan kemungkinan dirogol sebagai faktor utama dalam keputusan mereka untuk mendapatkan perlindungan.

– Keadaan Kanak-kanak Sedunia, 1996

Semenjak berakhirnya Perang Dunia II, 50 juta pelarian telah sama ada pulang semula ke negara mereka sendiri atau telah diberikan tempat tinggal di negara lain.

– Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian

Saya akan menjadi golongan minoriti sekiranya saya pulang ke perkampungan saya. Tidak ada seorang pun yang hendak pulang semula, dan saya tidak boleh pulang bersendirian. Lagipun terdapat pelarian yang tinggal di tempat anda.

– seorang wanita yang dipaksa berpindah, Bosnia-Herzegovina

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah keperluan sosial, psikologi dan rohani yang perlu diberikan perhatian (pendidikan, maklumat, rekreasi, pengajian agama, dsb.)?
- Sekiranya anda berada dalam situasi seperti orang yang terpaksa berpindah, apa yang boleh anda lakukan untuk terus berperasaan seperti orang yang sama dari komuniti yang sama?
- Hampir 80% orang yang dipaksa berpindah adalah wanita dan kanak-kanak; mengapa?
- Apakah risiko yang mungkin dihadapi oleh wanita, kanak-kanak dan orang tua yang berada di kem bagi orang yang dipaksa berpindah? Bagaimana perkara ini boleh dielakkan?

Penutup — keperluan selepas meninggalkan kem

(10 minit)

Berikan masa beberapa minit kepada pelajar untuk menulis apa yang mereka fikirkan perlu bagi orang ramai setelah mereka meninggalkan kem. Bahagikan pelajar kepada empat kumpulan dan minta setiap kumpulan menumpukan perhatian kepada salah satu daripada kategori orang yang mungkin berada di kem.

- ▲ kanak-kanak di bawah umur enam tahun
- ▲ remaja
- ▲ orang dewasa
- ▲ orang tua

Kemudian bincangkan keperluan yang telah mereka senaraikan dalam kumpulan.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah perbezaan yang terdapat dalam keperluan kanak-kanak dan keperluan orang dewasa?
- Siapakah yang memerlukan perkhidmatan yang khas? Kenapa?
[Contohnya, mereka yang pernah mengalami trauma secara fizikal atau psikologikal mungkin memerlukan kaunseling dan perkhidmatan perubatan jangka panjang, mereka yang terpisah daripada ahli keluarga memerlukan bantuan untuk mencari ahli keluarga mereka, dsb.]
- Pada fikiran anda apakah yang boleh dilakukan oleh orang biasa untuk pelarian?
[Contohnya, membantu pelarian yang memasuki komuniti mereka dengan mengalu-alukan kedatangan mereka, memberikan sumbangan kepada organisasi kemanusiaan, memberitahu wakil politik mereka yang mereka mahukan negara mereka membantu pelarian]

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Bantuan kepada keperluan-keperluan individu yang terpaksa berpindah disebabkan konflik bersenjata memerlukan perancangan dan usaha yang terperinci.
- ◆ Di samping keperluan-keperluan biologikal yang mendesak (air, makanan, tempat perlindungan, penjagaan perubatan, dsb.), keperluan-keperluan sosial dan psikologikal juga perlu diberikan perhatian. Ini termasuklah membolehkan mereka berdikari secepat yang mungkin.

Penerokaan 5B: Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan

Aktiviti lanjutan



Membantu di tempat anda sendiri

Jika anda telah menemui masyarakat pelarian, tanya apakah keperluan mereka. Rancang di dalam kelas anda atau kumpulan anda bagaimana untuk membantu memenuhi keperluan itu, contohnya: makanan, pakaian, mengajar bahasa, mengajar membaca.

Agensi yang membantu

Dari setahun ke setahun telah ada peningkatan penerimaan terhadap hubungan antara aktiviti-aktiviti kecemasan dan pembangunan yang membawa kepada pendekatan yang lebih meluas terhadap bantuan kemanusiaan. Jalankan penyelidikan mengenai usaha-usaha agensi kemanusiaan — di mana mereka bekerja, apa yang mereka lakukan, bagaimana mereka menyelaraskan kerja mereka dengan organisasi lain. Cara yang mungkin untuk menjalankan penyelidikan ini termasuklah

- ▲ menulis kepada organisasi kemanusiaan untuk mendapatkan maklumat
- ▲ menggunakan Internet
- ▲ menggunakan sumber yang ada di perpustakaan
- ▲ memeriksa laporan berita dalam media dan artikel dalam majalah
- ▲ menjemput seseorang daripada kumpulan sedemikian untuk memberikan ceramah dalam kelas anda

Suatu alat bantuan bagi merancang usaha sedemikian ialah makalah “*Dari Keperluan kepada Tindakan*” (“*From Needs to Action*”), Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, 1995.

Untuk menjalankan operasinya, ICRC mempunyai 3,000 trak dan kenderaan-kenderaan lain serta 950 gudang untuk kegunaannya di seluruh dunia. Sebagai tambahan, ia juga mempunyai 15 kapal terbang dan antara dua dan lima buah kapal yang boleh beroperasi pada sesuatu masa.

Jawatankuasa Khidmat Rakan-Rakan Amerika
<http://www.afsc.org/>

Jawatankuasa Pelarian Amerika
<http://www.archq.org/index.shtml>

Projek Merentasi Sempadan
<http://www.acrossborders.org/>

Amnesti Antarabangsa – Pelarian
<http://www.refuge.amnesty.org/>

Care
<http://www.care.org/>

Majlis Pelarian Orang Denmark
<http://www.drc.dk/indexeng.htm>

Doktor Tanpa Sempadan
<http://www.doctorswithoutborders.org/>

Majlis Eropah Bagi Pelarian dan Orang Dalam Buangan
<http://www.ecre.org/>

Perkhidmatan Dunia Exodus
<http://www.e-w-s.org/>

Pemerhati Hak Asasi Manusia
<http://www.hrw.org/>

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah
<http://www.icrc.org/>

Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah
<http://www.ifrc.org/>

Gerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa
<http://www.redcross.int/>

Jawatankuasa Penyelamat Antarabangsa
<http://www.intrescom.org/>

Pertubuhan Antarabangsa IOM Bagi Orang-Orang Yang Berhijrah
<http://www.iom.int/>

Perkhidmatan Pelarian Jesuit
<http://www.jesref.org/>

Jawatankuasa Peguam Bagi Hak Asasi Manusia
<http://www.lchr.org/home.htm>

Perkhidmatan Penghijrahan dan Pelarian
<http://www.nccbuscc.org/mrs/>

Rakan Bagi Pembangunan
<http://www.interaction.org/members/pfd2.html>

Pelarian Antarabangsa
<http://www.refintl.org/>

Selamatkan Kanak-Kanak
<http://www.savethechildren.com/>

Pusat Tindakan Sumber Bagi Asia Tenggara
<http://www.searac.org/>

Jawatankuasa Persekutuan Methodist Terhadap Bantuan
<http://gbgm-umc.org/units/umcor/>

Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
<http://www.unicef.org/>

Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian
<http://www.unhcr.ch/>

Jawatankuasa Amerika Syarikat Bagi Pelarian
<http://www.refugees.org/>

World Concern
<http://www.worldconcern.org/>

Program Makanan Sedunia (PBB)
<http://www.wfp.org/index.htm>

Bantuan Dunia
<http://www.worldrelief.org/>

Visi Dunia
<http://www.worldvision.org/worldvision/master.nsf/>

Penerokaan 5B: Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan

Sumber 2
1 daripada 2



Merancang Suatu Kem – Suatu Laporan

Apabila Krisis Teluk berlaku pada permulaan Ogos 1990, beratus-ratus ribu pekerja asing dari Mesir, India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Filipina dan Thailand telah melarikan diri dari Kuwait dan Iraq. Orang ramai tiba dengan kereta, bas dan trak menyebabkan kesesakan lalu lintas di sempadan Jordan. Seluruh keluarga duduk menunggu, tidak tahu apa yang akan berlaku keesokan harinya. Berpuluh ribu orang tiba-tiba mendapati diri mereka tersadai di gurun pasir di sempadan antara Iraq dan Jordan dengan tiada makanan dan air.

Tindak Balas Segera

Pihak-pihak berkuasa terpaksa mengaturkan tempat perlindungan sementara untuk mereka di atas tanah yang tidak dimiliki oleh sesiapa di antara Iraq dan Jordan. Persatuan Bulan Sabit Merah Jordan dan ICRC dengan segera melancarkan operasi bantuan kecemasan untuk memberikan air, tempat perlindungan dan rawatan perubatan. Beberapa organisasi bukan kerajaan yang lain turut membantu dalam usaha untuk memenuhi peningkatan keperluan akibat situasi itu.

Satu pusat bantuan perubahan kecemasan telah didirikan. Beberapa kes yang serius telah dibawa ke hospital di Ruwayshid. Kawasan itu dengan cepat menjadi terlampau sesak. Pada waktu siang suhu meningkat kepada 50 darjah sentigred, tiada

tempat berteduh daripada selaran matahari dan air menjadi semakin berkurangan.

Air merupakan keperluan paling mustahak dalam keadaan sedemikian. Orang ramai menunggu dalam barisan berjam-jam lamanya untuk cuba mendapatkan hanya beberapa liter air minuman untuk ahli keluarga mereka, dan pergaduhan mungkin berlaku semasa pengagihan botol air jika ia tidak dilakukan dengan baik. Makanan juga semakin kehabisan.

Hanya 30% orang yang terpaksa berpindah mempunyai tempat perlindungan yang sempurna. Manakala yang lain terpaksa menggunakan apa sahaja yang boleh untuk melindungi diri mereka daripada matahari. Tetapi ramai lagi yang tidak mempunyai apa-apa. Angin yang kencang dan habuk yang berpusar-pusar hanya memburukkan keadaan.

Kawasan itu memang jelas tidak sesuai untuk didirikan khemah-khemah yang sempurna. Kenderaan tangki air terpaksa membuat 40 kali perjalanan sehari ke kem itu melalui jalan yang berlubang-lubang sejauh 35 kilometer. Setiap kali air terpaksa dipamkan ke dalam tangki yang boleh lipat dan disalurkan ke paip, di mana orang terpaksa beratur untuk mengambil air untuk keperluan mereka. Beberapa barisan paip telah dibuat

untuk mengelakkan orang ramai menunggu terlalu lama dalam cuaca yang panas.

Penyelesaian Alternatif Terpaksa Dicari

Para jurutera sedar bahawa satu tapak yang lebih sesuai terpaksa dicari. Pihak berkuasa Jordan bersetuju membenarkan suatu kem bagi 30,000 orang dibina berhampiran Azraq.

Hampir keseluruhan keperluan untuk membina kem baru telah dibawa melalui udara ke Amman. Bekalan itu diagihkan di lapangan terbang Amman dan dimuatkan ke dalam trak-trak. Persediaan telah dilakukan untuk mendirikan khemah-khemah dan pasukan khas telah dilatih bagi tujuan itu.

Seorang perancang kem telah menggambarkan kerja-kerja mereka.

Kesukaran kami yang paling utama ialah untuk mendirikan kem dalam masa yang paling singkat.

Pertama kami terpaksa memilih tapak.

Kami terpaksa mencari cerun yang sesuai dan memastikan bahawa angin boleh meniup jauh daripada khemah bau busuk daripada tandas-tandas.

Penerokaan 5B: Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan

Sumber 2
2 daripada 2



Merancang Suatu Kem – Suatu Laporan

Kemudian kami terpaksa memasang sistem bekalan air. Kami memasang paip sepanjang dua kilometer dari jalan utama. Air yang datang daripada paip utama Jordan kemudian dikumpulkan di dalam tangki-tangki besar yang disediakan. Air akan mengalir menuruni bukit daripada tangki-tangki ini (yang boleh menampung 390,000 liter air) kepada 30 pusat pengagihan. Kami juga membuat parit — oleh itu penting untuk membina kem itu di atas kawasan yang agak bercerun supaya air buangan boleh mengalir ke dalam takungan yang besar yang akan kami korek di kawasan bawah bukit jauh dari khemah itu.

Kem itu boleh memuatkan 30,000 orang dan telah dibahagikan kepada sektor-sektor. Setiap sektor terdiri daripada beberapa petak, yang setiap satunya menyediakan tempat tinggal bagi 500 orang. Kami menyediakan jalan tanah di sekitar setiap petak supaya kenderaan boleh dipandu masuk untuk mengambil sampah, menangani masalah-masalah teknikal dan membawa makanan ke pusat-pusat pengagihan. Tandas-tandas telah dikorek bagi penduduk kem, dan kami juga memasang sistem elektrik supaya ia boleh digunakan pada waktu malam.

MENDIRIKAN KEM MELIBATKAN

- ✦ Pemilihan tapak dan pelan
- ✦ Laluan masuk dan sistem gudang
- ✦ Bahan binaan dan peralatan
- ✦ Penyelarasan perkhidmatan-perkhidmatan utama

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN UTAMA IALAH:

- ✦ Bekalan air dan sistem saliran
- ✦ Tempat tinggal
- ✦ Bekalan makanan
- ✦ Pembuangan sampah dan najis manusia
- ✦ Kemudahan perubatan
- ✦ Elektrik dan bekalan kuasa
- ✦ Keselamatan dalaman
- ✦ Komunikasi

Perkara 1

Pelarian didefinisikan secara sah sebagai orang yang berada di luar negara mereka disebabkan ketakutan yang berasas terhadap penganiayaan di negara asal berdasarkan kaum, agama, kerakyatan, pendapat politik atau keanggotaan mereka dalam kumpulan tertentu, dan yang tidak boleh atau tidak mahu pulang ke negaranya.

— Diadaptasikan daripada Konvensyen yang berhubung dengan status pelarian, 1951

Penerokaan 5B: Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan

Sumber 3
1 daripada 2



Maklumat dan arahan bagi perancang

- ▲ Pelarian yang akan datang ke kem ini: 10,000 (3,000 wanita, 1,000 lelaki, 5,000 remaja, dan 1,000 kanak-kanak di bawah lima tahun)
- ▲ Kanak-kanak yang tidak diiringi: 2,000
- ▲ Wanita mengandung dan menyusu: 800
- ▲ Orang yang sakit dan tercedera: 1,000
- ▲ Wanita yang kehilangan suami atau janda: 2,000
- ▲ Orang cacat: 500
- ▲ Orang tua: 2,000
- ▲ Lokasi kem: berbukit, padang terbuka, 200 kilometer dari bandar terdekat
- ▲ Musim: musim luruh
- ▲ Tempoh masa yang anda jangkakan untuk berkhidmat kepada penduduk ini: enam bulan
- ▲ Amalan kebudayaan dan keagamaan penduduk:
 - Bagaimana perbezaan layanan terhadap ahli-ahli keluarga (lelaki, wanita, kanak-kanak); jenis makanan yang mereka makan (sekatan terhadap diet); pegangan agama dan adat yang diikuti

Air

Setiap orang dewasa memerlukan, secara purata, 20 liter air sehari. (3 liter/hari = air yang diperlukan untuk hidup)

- ▶ Berapa banyak air yang diperlukan?
- ▶ Perluakah air minuman dirawat?
- ▶ Bagaimana memperoleh air bagi penduduk itu?
- ▶ Bagaimana air akan diagihkan?

Bekalan perubatan dan rawatan

- ▶ Anggarkan 100 pesakit sehari.
- ▶ Berapa ramai yang sakit, tercedera, orang tua atau orang yang mengandung yang ada dalam khemah?
- ▶ Apakah jenis bekalan perubatan yang diperlukan?
- ▶ Kira jumlah bekalan perubatan yang diperlukan.
- ▶ Apakah jenis kakitangan perubatan yang diperlukan?
- ▶ Apakah prosedur yang perlu diadakan?
- ▶ Apakah bahaya perubatan yang akan dihadapi oleh penduduk?

Makanan

Setiap orang dewasa memerlukan sebanyak 2,250 kalori sehari.

Kiraan biasa bagi sehari = hampir 0.6kg. Ini boleh dibahagikan seperti berikut:

- 500 gram gandum (lebih sedikit daripada satu paun)
- 30 gram minyak yang boleh dimakan
- 30 gram susu tepung
- 20 gram gula
- 3 gram teh

- ▶ Berapa banyak makanan yang diperlukan?
- ▶ Senaraikan pelbagai jenis makanan yang akan anda sediakan
- ▶ Adakah terdapat kanak-kanak yang kekurangan khasiat yang memerlukan diet khusus?
- ▶ Bagaimanakah anda akan mendapatkan makanan yang diperlukan?
- ▶ Bagaimanakah anda akan mengagihkan makanan? (Ingat kembali pengagihan makanan yang telah anda tonton dalam video “Terpaksa keluar dari rumah” dan di dalam beberapa gambar. Fikirkan rancangan yang diperlukan untuk merealisasikankannya.)
- ▶ Adakah memasak diperlukan? Jika ya, bagaimana ia akan dibuat? Apa yang diperlukan?

Penerokaan 5B: Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan

Sumber 3
2 daripada 2



Maklumat dan arahan bagi perancang

Kebersihan

Keadaan kebersihan yang teruk boleh membawa masalah perubatan/kesihatan. Merancang untuk keperluan kebersihan patut mengambil kira pencegahan penyakit berjangkit.

- ▶ Berapa banyak tandas perlu dibina?
- ▶ Di manakah ia akan ditempatkan?
- ▶ Apakah peralatan dan bahan yang akan diperlukan untuk membinanya? (Kayu, ranting-ranting zink?)
- ▶ Apakah rancangan anda untuk membersihkan dan menjaga kebersihannya?
- ▶ Berapa banyak sisa pepejal yang akan dikeluarkan?
- ▶ Bagaimana sisa pepejal akan dilupuskan?

Pakaian

- ▶ Apakah jenis pakaian yang dikehendaki?
- ▶ Jika ada kanak-kanak, berapa banyak lampin atau bahan gantian lain yang diperlukan?
- ▶ Adakah katil diperlukan? Apa yang boleh digunakan?
- ▶ Bagaimana orang akan membasuh pakaian mereka?

Tempat tinggal

Ruang yang paling sesuai bagi setiap orang ialah 30 meter persegi. Apabila keadaan tidak membenarkan peruntukan ruang yang sebegini, unit ruang boleh dikurangkan kepada 10 meter persegi. Dalam keadaan yang amat sukar seperti di pergunungan atau kawasan bandar, ia boleh dikurangkan kepada 3 meter persegi setiap orang.

- ▶ Kira jumlah ruang yang anda kehendaki.
- ▶ Jika kem itu berukuran 150 meter persegi, berapa banyak khemah yang diperlukan?
- ▶ Apakah kesan suhu terhadap rancangan anda untuk menyediakan tempat tinggal?

Bahan api

- ▶ Apakah bahan api yang diperlukan? (memasak, memanaskan, elektrik, menghidupkan penjana, dsb.)
- ▶ Apakah bahan api yang akan digunakan? Bagaimana ia akan dibekalkan?
- ▶ Apakah bahaya yang perlu dielakkan? Apakah langkah keselamatan yang akan anda ambil?

– Kuantiti daripada Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian

Jumlah pelarian akibat konflik bersenjata di seluruh dunia telah meningkat daripada 2.4 juta dalam tahun 1974 kepada lebih daripada 27.4 juta hari ini, dengan 30 juta yang lain dipaksa berpindah dalam negara mereka sendiri.

— laporan UNICEF, 1999

UNHCR, pertubuhan bagi pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, telah diberi mandat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk meneraju dan menyelaraskan tindakan antarabangsa bagi perlindungan pelarian di seluruh dunia dan penyelesaian masalah pelarian. (...) UNHCR berusaha untuk memastikan bahawa setiap orang boleh mendapatkan hak mereka terhadap perlindungan dan mencari tempat berlindung yang selamat di negara lain, dan pulang ke negara asal mereka secara sukarela. (...) UNHCR menawarkan perlindungan dan bantuan kepada pelarian-pelarian dalam keadaan yang saksama berdasarkan keperluan mereka dan tanpa mengira kaum, agama, pendapat politik atau jantina.

— Penyata misi UNHCR

Menyahut cabaran akibat peperangan

Penerokaan 5B: Merancang kem bagi orang yang kehilangan tempat tinggal akibat peperangan

Sumber 4



Laporan perancangan

Kategori keperluan: _____

Bekalan/Perkhidmatan yang diperlukan:	Kuantiti	Rancangan untuk mendapatkan _____ :
		Rancangan penghantaran/pengagihan:
Pertimbangan khusus bagi keselamatan dan kesejahteraan wanita dan kanak-kanak:		Rancangan untuk mendapatkan _____ :
Pertimbangan lain:		Rancangan penghantaran/pengagihan:

Penerokaan 5C: Fokus terhadap melindungi tahanan

Salah satu akibat konflik bersenjata ialah mengambil dan menahan tahanan. Undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL) mengandungi langkah yang tertentu bagi melindungi tahanan. Salah satu tanggungjawab Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) ialah untuk melawat penjara untuk menilai tahap pematuhan peruntukan undang-undang antarabangsa. Video dalam penerokaan ini membolehkan pelajar melihat satu lagi aspek keperluan kemanusiaan yang timbul akibat konflik bersenjata dan cara tindakan kemanusiaan boleh memberikan bantuan. Pelajar akan meneliti dilema petugas semasa lawatan dibuat.

CATATAN: Dalam bahan mengajar ini, istilah “tahanan” merujuk kepada seseorang, sama ada seorang kombatan atau orang awam, yang ditahan akibat konflik bersenjata.



Objektif:

- ▲ untuk menyedari beberapa cara bagaimana undang-undang kemanusiaan boleh melindungi nyawa dan maruah tahanan
- ▲ untuk memahami dilema yang dihadapi oleh petugas-petugas kemanusiaan dalam melindungi tahanan

Sumber:

- ▲ Perlindungan tahanan
- ▲ Video dan transkrip: Cahaya dalam kegelapan
- ▲ Dilema: Bagaimana saya boleh melindungi tahanan ini?
- ▲ Video dan transkrip: Apa yang diingati oleh seorang tahanan
- ▲ Kad pendaftaran
- ▲ Borang pesanan Palang Merah
- ▲ Dari pandangan tahanan

Rujukan guru:

- ▲ Melindungi tahanan — Apakah yang termaktub dalam undang-undang?
- ▲ Melawat tahanan

Masa:

Dua sesi 45-60 minit

1. Kenapa tahanan memerlukan perlindungan

(15 minit)

Minta pelajar berikan alasan bagi jawapan kepada soalan:

- Kenapakah mungkin bagi seseorang yang dipenjarakan akibat konflik bersenjata berada dalam risiko?

[Alasan ini termasuklah disyaki mempunyai maklumat penting, dianggap sebagai musuh, sikap bahawa musuh tidak layak mendapat layanan berperikemanusiaan, huru-hara dan kawalan yang tidak mencukupi terhadap orang yang bertanggungjawab terhadap tahanan, kekurangan cara untuk menahan tahanan dengan sempurna.]

Kemudian minta pelajar bincang dalam kumpulan kecil atau dengan seorang rakan untuk menyenaraikan jawapan kepada soalan:

- Apakah bahaya dan kesukaran yang mungkin dihadapi oleh orang yang ditawan?

Dalam perbincangan berkumpulan, kumpulkan suatu senarai idea mereka.

Penerokaan 5C: Fokus terhadap melindungi tahanan

[Contohnya: bahaya kehilangan; pelaksanaan hukuman tanpa perbicaraan; bahaya didera semasa soal siasat atau dipaksa untuk menandatangani pengakuan; kekurangan makanan, air, pakaian, tempat tinggal, kemudahan membasuh dan bilik air dan ruang tempat yang terbuka; kekurangan hak kepada rawatan perubatan; masalah tidak mendapat berita daripada keluarga (keluarga mungkin tidak tahu bahawa tahanan itu masih hidup); bahaya pendedahan kepada propaganda dan tekanan untuk bekerjasama; kesukaran yang mungkin dengan tahanan lain; trauma ditahan dalam tawanan; rasa tidak berdaya, ketakutan akan nasib keluarganya]

Berdasarkan masalah yang disenaraikan oleh para pelajar, minta kumpulan-kumpulan kecil untuk memikirkan apa yang mesti dilakukan untuk melindungi kesihatan dan maruah tahanan semasa konflik bersenjata. Suruh mereka tuliskan idea mereka bagi peraturan tertentu. Ingatkan mereka bahawa wanita dan kanak-kanak mungkin dipenjarakan juga. Adakah mereka akan mencadangkan perlindungan khusus bagi mereka?

Bincangkan idea yang dicadangkan oleh pelajar.

Soalan yang mungkin:

- Adakah peraturan anda merangkumi semua masalah yang telah dikemukakan oleh kumpulan?

2. Bagaimana IHL melindungi tahanan (20 minit)

Bentangkan sumber “Perlindungan tahanan” dan minta pelajar membincangkan bagaimana cadangan mereka sepadan dengan perlindungan yang diberikan oleh IHL.



Soalan-soalan yang mungkin:

- Perlindungan yang manakah, jika ada, mungkin sukar bagi orang yang menawan untuk menyediakannya? Kenapa?
- Apa yang boleh dilakukan untuk memastikan bahawa tahanan menerima perlindungan ini?

Semasa pelajar melakukan sumbangsaran bagi idea, anda boleh membahagikan mereka di bawah empat tajuk utama.

Cara untuk memastikan rasa hormat terhadap nyawa dan maruah tahanan

1. Tanggungjawab orang yang menawan: Undang-undang menghendaki orang yang bertanggungjawab terhadap penjara menerima latihan mengenai peraturan yang mesti dipatuhi oleh mereka dan bahawa arahan mereka dipantau. Sekiranya apa-apa penganiayaan dikenal pasti, ia hendaklah dihentikan dan diperbetulkan, dan sesiapa yang bertanggungjawab mestilah dihukum. Pihak-pihak berkuasa mesti menyediakan juga dana yang mencukupi untuk penjara itu.

2. Lawatan ke penjara: IHL memperuntukkan organisasi kemanusiaan yang neutral seperti ICRC untuk melawat tahanan dalam kem dan penjara di mana mereka ditahan dan untuk memantau cara mereka dilayan. Selepas melawat tahanan, ICRC akan membuat saranan kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Ia memastikan segala dapattannya dirahsiakan dan membincangkannya hanya dengan pihak berkuasa yang berkenaan.

Pada tahun 2001, ICRC telah melawat 346,807 orang tahanan di 1,988 pusat tahanan atau penjara di seluruh dunia.

Penerokaan 5C: Fokus terhadap melindungi tahanan

Kami lebih suka Palang Merah memberitahu akhbar-akhbar antarabangsa mengenainya. Kami amat berterima kasih sekiranya ia dilakukan. Tetapi apabila anda fikirkan mengenainya, dengan berbuat demikian — iaitu mendedahkan apa yang telah mereka lihat — mungkin akan menyebabkan pihak-pihak berkuasa melarang mereka daripada melawat penjara. Jika itu berlaku, kamilah yang akan rugi.

— seorang tahanan

3. Bantahan awam: Organisasi hak asasi manusia seperti Amnesty Antarabangsa dan Pemerhati Hak Asasi Manusia atau organisasi hak asasi manusia tempatan mendedahkan kepada umum apa yang mereka ketahui tentang penganiayaan terhadap tahanan oleh orang yang menawan mereka. Ini mungkin membantu memberikan tekanan terhadap pihak-pihak yang berperang untuk menghormati IHL atau hak asasi manusia, selalunya bagi tujuan menjaga imej mereka sendiri di kalangan orang ramai. Walau bagaimanapun, kecaman umum seperti itu selalunya menghalang organisasi-organisasi hak asasi manusia peluang berjumpa tahanan atau pihak berkuasa penjara yang diperlukan untuk memperbaiki keadaan pemenjaraan mereka.

4. Pendakwaan oleh tribunal: Satu daripada tujuan sistem keadilan ialah untuk menghalang pencabulan dengan menunjukkan kepada bakal pencabul bahawa pencabulan seperti penderaan atau penghukuman tanpa perbicaraan tidak akan kekal tanpa dihukum (takut terhadap pendakwaan).

Bincangkan keempat-empat cara yang memberikan perlindungan terhadap tahanan-tahanan ini.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah kebaikan dan keburukan setiap satu?
- Adakah kaedah-kaedah ini saling melengkapi atau bercanggah?
- Bolehkah organisasi yang sama melawat penjara dan juga membuat protes awam? Kenapa ya atau kenapa tidak?

3. Melawat tahanan (20-30 minit)

Tayangkan video “Cahaya dalam kegelapan”, di mana para pelajar akan tahu bagaimana delegasi ICRC yang melawat penjara akan membuat lawatan kerap ke penjara yang menahan orang sebagai tahanan atau ditangkap sebagai musuh. Suara (dan sarikata) dalam keratan video adalah pandangan yang disampaikan oleh tahanan-tahanan yang sebenar.

Sebelum menonton video, arahkan separuh daripada pelajar mencari dan membuat catatan bagi salah satu soalan berikut dan separuh lagi bagi soalan yang lain.

- Apakah yang dilakukan oleh delegasi ICRC semasa melawat penjara?
- Bagaimanakah suatu lawatan ICRC ke penjara dapat membantu tahanan?

Minta para pelajar melaporkan apa yang telah dipelajari melalui video.

Soalan yang mungkin:

- Bagaimanakah apa yang anda lihat dapat dikaitkan dengan peraturan yang anda cadangkan?
- Apakah kualiti dan kemahiran sumber manusia yang diperlukan untuk menjalankan lawatan ke penjara?

CATATAN: Jika anda tidak dapat menayangkan video, pelajar boleh mencari jawapan mereka di dalam gambar-gambar dan juga keterangan para tahanan di dalam transkrip. Mereka mungkin perlu membayangkan apa yang mungkin diperiksa jika delegasi melihat di persekitaran dan di sekeliling, bukan hanya di mana pihak berkuasa penjara mahu mereka lihat.



Penerokaan 5C: Fokus terhadap melindungi tahanan

Bentangkan nasihat berikut, yang diberikan kepada delegasi tahanan ICRC.

Semasa anda melawat penjara sebelum anda bercakap secara individu dengan tahanan:

- 1) *Fikirkan ucapan awal yang akan anda buat kepada tahanan.*
- 2) *Perhatikan:*
 - ▲ *Tanda-tanda diskriminasi (“kelas ekonomi, perniagaan, kelas pertama”)*
 - ▲ *“Hutan” penjara (kumpulan, kasta, ...)*
 - ▲ *Tanda amaran*
- 3) *Tidak melabelkan mana-mana tahanan yang tertentu*
 - ▲ *Ingat, melihat seluruh penjara bukan bermakna anda memahami semuanya.*

— daripada artikel dalam *Penyiksaan (“Torture”), Supplementum, 1997*

Soalan yang mungkin:

- ▲ Apakah alasan yang boleh anda fikirkan bagi tiap-tiap bahagian nasihat?

4. Dilema yang dihadapi oleh delegasi penjara

(kumpulan kecil) (20-30 minit)

Bentangkan situasi yang dihadapi oleh delegasi ICRC dalam senario dilema “Bagaimanakah saya boleh melindungi tahanan ini?”

Arahkan separuh daripada kumpulan kecil itu untuk memeriksa (1) pilihan untuk bercakap dengan pengarah penjara mengenai penganiayaan.

Soalan-soalan bagi kumpulan-kumpulan ini:

- Apakah kelebihan dan risiko yang mungkin bagi tahanan-tahanan?
- Apakah yang boleh anda lakukan untuk mengelakkan pengarah penjara atau pengawal dari membalas dendam?

[Contohnya: Ingatkan pengarah bahawa delegasi akan melawat semula tahanan untuk memastikan tiada apa-apa yang berlaku kepada mereka. Bercakaplah mengenai layanan buruk secara umum untuk mengelakkan daripada merujuk kepada tahanan individu atau kumpulan tahanan tertentu.]

Arahkan kumpulan kecil yang lain untuk memeriksa (2) pilihan untuk tidak menyebut masalah mengenai layanan buruk kepada pengarah penjara.

Soalan-soalan bagi kumpulan-kumpulan ini:

- Apakah kelebihan dan risiko yang mungkin bagi tahanan-tahanan?
- Walau bagaimanapun apakah yang anda boleh lakukan untuk membantu tahanan-tahanan?

[Contohnya: Tunggu sehingga tahanan dipindahkan ke penjara lain sebelum membincangkan kes layanan buruk. Berbincang dengan pegawai yang berpangkat tinggi dan laporkan apa yang telah anda dengar tanpa menyatakan di penjara manakah ia berlaku.]

Kemudian ketuai perbincangan bagi setiap pilihan.

Minta para pelajar putus tindakan manakah yang akan mereka pilih dan tuliskan satu perenggan mengenai apa yang akan mereka lakukan dan kenapa.



Dalam lebih kurang 10 tahun konflik antara Iran dan Iraq, ICRC telah memainkan peranan yang unik melindungi tahanan perang di kedua-dua negara: ICRC telah melawat dan mendaftarkan nama 56,925 askar Iraq yang ditahan di Iran dan 39,588 askar Iran yang ditahan di Iraq. Lebih kurang 13 juta pesanan Palang Merah telah ditukar antara tahanan dan keluarga mereka. Semenjak konflik Iran/Iraq terjadi pada tahun 1980, 98,000 tahanan perang yang ditahan oleh kedua-dua pihak telah dihantar balik.

— daripada tindakan ICRC bagi pihak tahanan, 2000

Penerokaan 5C: Fokus terhadap melindungi tahanan

Bincangkan pilihan mereka. Tunjukkan bahawa pilihan sebegini bergantung kepada

- ▲ konteks sebenar
- ▲ jaminan bahawa delegasi akan melawat penjara dengan kerap
- ▲ demi kepentingan yang terbaik para tahanan

Tayangkan “Apa yang diingati oleh seorang tahanan”, yang melaluinya para pelajar akan menemui seorang lelaki yang ditahan di dalam penjara.

Bincang reaksi para pelajar.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah perasaan yang paling penting yang dibangkitkan oleh ingatan tahanan itu?
- Adakah anda terkejut bahawa pintunya dibuka? Kenapakah pada pendapat anda pihak berkuasa penjara membuat keputusan untuk membukanya?
- Apakah kualiti dan keupayaan yang perlu ada pada pekerja kemanusiaan dalam menjalankan kerja melawat penjara?

Penutup

Kembalikan keratan kertas yang diedarkan yang mengandungi senarai perlindungan yang dikehendaki oleh IHL bagi para tahanan.

Soalan yang mungkin:

- Adakah anda terkejut dengan apa-apa yang ada dalam senarai itu, dan jika ya, kenapa? Bagaimanakah ia melindungi maruah manusia seorang tahanan perang atau tahanan politik?
- Adakah apa-apa perlindungan lain yang akan anda tambah kepada senarai ini? Kenapa?

Buat kesimpulan dengan meminta pelajar menggunakan tontonan video, transkrip serta dilema dengan memikirkan tentang:

- ▲ keperluan untuk pelbagai butiran dalam senarai itu
- ▲ peranan lawatan ke penjara

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Nyawa dan maruah manusia orang yang diambil sebagai tahanan akibat konflik bersenjata akan menghadapi risiko.
- ◆ Undang-undang kemanusiaan antarabangsa memberi perlindungan kepada tahanan dan lawatan ke penjara oleh petugas pertubuhan kemanusiaan memastikan agar tahanan diberi perlindungan semasa dalam tahanan.
- ◆ Petugas-petugas pertubuhan kemanusiaan boleh menghadapi dilema semasa menjalankan tugas mereka.

Penerokaan 5C: Fokus terhadap melindungi tahanan

Aktiviti lanjutan



Dokumen: Apakah yang dapat anda pelajari daripada mereka?

Kad pendaftaran:

Periksa kad pendaftaran bagi orang tahanan.

- Mengapakah borang tersebut menanyakan setiap maklumat?
- Siapakah yang akan menggunakan maklumat itu, bila dan kenapa?



Borang pesanan Palang Merah:

Buatkan satu salinan borang pesanan. Isi borang itu sebagaimana seorang tahanan akan mengisikannya.

Tuliskan suatu cerita yang bermula dengan seorang lain yang menerima kad itu dan berakhir dengan tiga orang berlainan yang turut dipengaruhi oleh kad itu pada hari itu.



Cebisan kecil kertas ini mempunyai kuasa yang tidak dapat dipercayai kerana ia merupakan jambatan di antara mereka yang menderita akibat peperangan dan orang kesayangan mereka di tempat yang lain yang juga sedang menderita kerana mereka tidak tahu apa yang sedang berlaku kepada ahli keluarga mereka.

– petugas Palang Merah

Projek seni

Adalah sukar bagi ICRC menilai kesan sebenar lawatannya kepada orang yang disekat kebebasannya; juga sukar untuk menyatakan bagaimana keadaannya jika ICRC tidak dapat beroperasi dalam situasi yang sama atau situasi lain.

Baca teks berikut. Terjemahkan perkataan Nelson Mandela kepada suatu jenis seni pilihan anda.

Apa yang penting ialah bukan hanya kebaikan yang dibawa oleh ICRC, tetapi apa yang buruk yang dapat dihalangnya.

– Nelson Mandela (No. Pendaftaran 220/82, Penjara Pulau Robben, 1962-1990)

Apakah kesukaran yang mungkin dihadapi oleh tahanan selepas dia dibebaskan?

Dengan menggunakan “Dari pandangan tahanan”, tuliskan babak untuk suatu pementasan mengenai kehidupan selepas dibebaskan dari penjara. Watak utama dalam babak anda adalah seorang yang ditahan selama beberapa tahun akibat konflik bersenjata.

Lakonkan drama bagi babak anda.





Melindungi tahanan – Apa yang termaktub dalam undang-undang?

Petikan daripada Konvensyen Geneva III, berkenaan layanan terhadap tahanan perang

Layanan am

- Per. 13** Tahanan perang mestilah pada setiap masa dilayan secara berperikemanusiaan. Begitu juga, tahanan perang mestilah pada setiap masa dilindungi, terutamanya terhadap tindakan keganasan atau ancaman dan daripada tindakan yang boleh memalukan dan menimbulkan kecurigaan umum. Langkah-langkah membalas dendam terhadap tahanan perang adalah dilarang.
- Per. 14** Tahanan perang juga berhak dalam semua keadaan untuk dihormati sebagai manusia dan maruah mereka ...
- Per. 23** Tiada tahanan perang boleh pada bila-bila masa dihantar ke, atau ditahan di kawasan di mana dia mungkin terdedah kepada tembakan dalam zon peperangan ...

Kebersihan dan rawatan perubatan

- Per. 29** ... Tahanan perang hendaklah ada untuk kegunaan mereka, pada waktu siang dan malam, kemudahan yang mematuhi peraturan kebersihan dan yang disenggarakan supaya sentiasa bersih. Di mana-mana kem di mana tahanan perangnya ialah wanita, kemudahan yang berasingan hendaklah disediakan untuk mereka...
- Per. 30** Setiap kem hendaklah mempunyai bilik sakit yang mencukupi di mana tahanan perang boleh diberi perhatian yang mereka perlukan, dan juga diet yang bersesuaian ...

Keadaan yang penting

- Per. 25** Di mana-mana kem yang menempatkan tahanan perang wanita, dan juga lelaki, bilik yang berasingan hendaklah diperuntukkan untuk mereka.
- Per. 26** Keperluan asas bekalan makanan harian hendaklah mencukupi dari segi kuantiti, kualiti dan kepelbagaian untuk memastikan tahanan perang berada dalam kesihatan yang baik. (...) Air minuman yang mencukupi hendaklah dibekalkan kepada tahanan perang. (...) Langkah disiplin kolektif yang melibatkan makanan adalah dilarang.
- Per. 27** Pakaian, pakaian dalam dan kasut hendaklah dibekalkan kepada tahanan perang dalam kuantiti yang mencukupi ...
- Per. 38** Tahanan hendaklah mempunyai peluang untuk membuat aktiviti fizikal, termasuk bersukan dan bermain dan berada di luar bilik. Kawasan terbuka yang mencukupi hendaklah diperuntukkan bagi maksud ini dalam semua kem.

Hubungan kekeluargaan

- Art. 71** Tahanan perang hendaklah dibenarkan menghantar dan menerima surat dan kad ...

Tanggungjawab keagamaan

- Art. 34** Tahanan perang hendaklah menikmati sepenuhnya hak untuk menjalankan kewajipan agamanya. (...) Tempat yang mencukupi hendaklah disediakan di mana upacara keagamaan boleh dijalankan.

Jaminan kehakiman

- Per. 99** ... Tiada paksaan moral atau fizikal boleh dikenakan ke atas seorang tahanan perang dalam membuatkan dia mengaku yang dia bersalah bagi tindakan yang dia dituduh. Tiada tahanan perang boleh disabitkan tanpa diberi peluang untuk membela dirinya dan diberi bantuan oleh peguam yang berkeelayakan.



Penamatan tawanan

Per. 109 ... Pihak-pihak kepada konflik perlu menghantar kembali ke negara mereka, tanpa mengira jumlah atau pangkat, tahanan perang yang mengalami kecederaan serius dan kesakitan serius...

Per. 118 Tahanan perang hendaklah dibebaskan dan dihantar balik tanpa berlengah selepas tamatnya permusuhan yang aktif...

Persatuan bantuan dan organisasi lain

Per. 125 ... Wakil daripada organisasi keagamaan, persatuan bantuan, atau apa-apa organisasi lain yang membantu tahanan perang, hendaklah menerima (...) bagi diri mereka dan ejen mereka yang bertauliah, segala kemudahan yang perlu bagi melawat tahanan dan mengagihkan bekalan bantuan dan bahan. (...) Kedudukan istimewa Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dalam bidang ini hendaklah diiktiraf dan dihormati pada setiap masa...

Petikan di atas terpakai hanya kepada tahanan yang ditawan semasa peperangan antara-bangsa. Walaupun kurang bilangannya, terdapat peruntukan dalam Protokol II tambahan kepada Konvensyen Geneva yang berkenaan dengan tahanan yang ditahan semasa konflik bersenjata dalaman. Contohnya:

Peraturan bagi tahanan semasa konflik bersenjata dalaman: Petikan daripada Protokol II

Per. 4.1 Semua orang yang tidak mengambil bahagian secara langsung atau orang yang telah berhenti mengambil bahagian dalam permusuhan, sama ada atau tidak kebebasan mereka telah disekat, berhak untuk dihormati sebagai diri mereka sendiri, maruah dan keyakinan dan amalan agamanya...

Per. 4.2Tindakan berikut (...) adalah dan akan kekal dilarang pada bila-bila masa dan di mana jua:

- a) keganasan terhadap nyawa, kesihatan dan kesejahteraan fizikal atau mental seseorang, khususnya pembunuhan dan juga layanan kejam seperti penderaan, mencacatkan atau apa-apa hukuman dera yang lain;
- b) hukuman kolektif; ...
- e) perbuatan zalim terhadap maruah seseorang, khususnya layanan yang memalukan dan menghina, rogol, pelacuran secara paksaan dan apa-apa bentuk serangan sumbang; ...

Perkara 5 *Orang yang kebebasannya disekat;*

5.1. ...

- a) orang yang cedera dan sakit hendaklah dirawat (...);
- b) orang (...) hendaklah (...) disediakan dengan makanan dan air minuman dan dijaga berkenaan dengan kesihatan dan kebersihan dan perlindungan terhadap cuaca yang dahsyat dan bahaya konflik bersenjata;
- c) mereka hendaklah dibenarkan untuk menerima bantuan secara individu atau bersama;
- d) mereka hendaklah dibenarkan mengamalkan agama mereka (...);...

5.2. ...

- a) ...kecuali apabila lelaki dan wanita itu adalah ahli keluarga mereka bolehlah ditempatkan sekali, wanita hendaklah diletakkan dalam kuarters berasingan daripada lelaki dan hendaklah dikawal selia oleh wanita;
- b) mereka hendaklah dibenarkan untuk menghantar dan menerima surat dan kad (...);
- c) tempat-tempat tahanan tidak boleh ditempatkan berhampiran dengan zon peperangan (...); ...
- e) keadaan fizikal atau mental dan integriti tidak boleh dibahayakan (...).



Melawat tahanan

Apakah yang dilakukan oleh petugas ICRC semasa melawat penjara

- ▲ Pada mulanya bercakap dengan pengarah untuk mendengar pendapatnya, mengatur lawatan dan memastikan bahawa ICRC akan dapat bercakap secara bersendirian dengan tahanan, mendaftarkan tahanan, memeriksa semua bahagian penjara, menyemak daftar, disediakan dengan salinan sijil kematian dan membuat lawatan seterusnya.
- ▲ Melawat kawasan itu (terutamanya kurungan, tandas dan tempat mandi, laman untuk beriadah, dapur, kurungan seorang diri, bilik sakit).
- ▲ Bercakap secara am dengan kumpulan tahanan untuk membincangkan isu yang tidak sensitif: akses kepada air, makanan, tempat mandi dan tandas; akses kepada rawatan perubatan, beriadah, udara segar dan aktiviti hiburan.
- ▲ Bercakap secara bersendirian dengan tahanan untuk membincangkan isu sensitif atau persendirian seperti layanan semasa soal siasat; kelakuan pengawal; kemungkinan tahanan yang disembunyikan; kemungkinan didera oleh tahanan yang lain; berhubung dengan keluarga; masalah perubatan atau persendirian.
- ▲ Bercakap buat kali terakhir dengan pengarah: petugas ICRC membentangkan carian dapatan mereka dan membuat saranan bagi penambahbaikan.

Saranan yang selalunya dibuat kepada pihak berkuasa:

- arahan ulangan kepada pengawal supaya melayan tahanan dengan rasa hormat;
- menambahkan masa untuk beriadah kepada sekurang-kurangnya satu jam sehari;
- menyediakan tahanan dengan sayur atau buah-buahan sekurang-kurangnya sekali sehari;
- menambahkan bekalan air bersih;
- memperbaiki akses kepada rawatan perubatan.

Apabila perlu, ICRC menyediakan bantuan yang khusus seperti: memperbaiki kemudahan air dan kebersihan; pertukaran pesanan-pesanan Palang Merah; perubatan asas dan barang-barang kebersihan; keperluan masa lapang; bantuan pemulihan bagi mereka yang dibebaskan apabila perlu.

Bagaimana lawatan ke penjara oleh ICRC boleh membantu tahanan

- ▲ Pendaftaran dan menyimpan maklumat tahanan ialah suatu perlindungan terhadap "kehilangan" atau pelaksanaan hukuman terus.
- ▲ Perbualan secara peribadi dengan petugas ICRC mengenai pengalaman diseksa atau kurungan bersendirian boleh membantu mengurangkan beban psikologi.
- ▲ Tahanan boleh menulis pesanan Palang Merah kepada keluarga mereka, untuk memberitahu di mana mereka berada, dan berkemungkinan menerima surat balasan. Pada masa tertentu mereka boleh menerima kunjungan daripada keluarga.
- ▲ Petugas akan membincangkan maklumat yang diterima daripada tahanan berkenaan keadaan rawatan dan bahan-bahan dengan pengarah penjara, dan meminta pembaikan atau menawarkan pertolongan secara langsung seperti menyediakan bahan-bahan untuk mencuci atau memperbaiki sistem kebersihan.



Perlindungan tahanan

(dipenjarakan berhubung dengan konflik bersenjata)

- rawatan perubatan
- akses untuk beriadah
- berhubung dengan keluarga
- makanan dan air yang mencukupi untuk kesihatan yang baik
- penempatan yang selamat dan mencukupi
- kemudahan kebersihan yang mencukupi
- keadilan yang saksama dan terbuka
- ejen bebas untuk memantau pematuhan
- perlindungan terhadap tindakan keganasan atau ancaman
- tiada kewajiban/keperluan untuk memberikan maklumat selain nama, pangkat, tarikh lahir, nombor pengenalan tentera
- tiada layanan kejam atau tidak berperikemanusiaan
- tiada buruh abdi
- kebebasan untuk mengamalkan agama seseorang
- hak untuk mendaftarkan rungutan berkenaan dengan keadaan penahanan seseorang

PERUNTUKAN KHUSUS BAGI WANITA:

- Tahanan wanita: hendaklah mempunyai penempatan yang berasingan di bawah penyeliaan wanita.
- Tahanan wanita: pemeriksaan boleh dilakukan oleh wanita sahaja.
- Tahanan wanita: hendaklah dilindungi terutamanya daripada keganasan seks.

PERUNTUKAN KHUSUS BAGI KANAK-KANAK:

- Kanak-kanak: mestilah mempunyai penempatan yang berasingan daripada orang dewasa melainkan bersama keluarga.
- Kanak-kanak: mestilah mempunyai makanan, penjagaan kebersihan dan rawatan yang bersesuaian dengan umur mereka.
- Kanak-kanak: mestilah dibenarkan meneruskan persekolahan mereka.



Cahaya dalam kegelapan

Buat pertama kali, orang datang dari luar untuk melawat kami. Saya tahu sedikit bahawa ada suatu pertubuhan di Geneva yang membantu orang miskin, orang yang tertindas, tetapi itu sajalah. Saya tidak tahu bahawa mereka boleh masuk ke penjara.

Mereka melihat sekeliling, bukan hanya tempat di mana pihak berkuasa penjara mahu mereka lihat. Sememangnya mereka mahukan gambaran sepenuhnya, dan itu telah meyakinkan kami.

Mereka memang efektif dan berhati-hati. Mereka dipercayai oleh kedua-dua pihak — pihak berkuasa memberikan mereka hak laluan ke tempat-tempat yang orang lain tidak pernah pergi, dan tahanan-tahanan melihat mereka sebagai, seperti kata pepatah, “cahaya dalam kegelapan”.

Semasa keseluruhan enam bulan kami dipenjarakan, kami dilawati oleh Palang Merah. Mereka tidak menghampakan kami. Mereka datang dua kali seminggu, kadangkala lebih.

Mereka mengambil nama kami dan membuat senarai. Selalu akan ada orang baru yang dipenjarakan, dan kami akan buat apa yang kami boleh, untuk mendapatkan nama mereka dimasukkan ke dalam senarai secepat mungkin, kerana senarai itulah yang melindungi kami.

Jika saya masih hidup hari ini, ia adalah kerana saya telah dapat memberikan nama saya kepada wakil Palang Merah.

“Anda dapat menjelaskan ini kepadanya? Ini untuk anda dan ini untuk saudara anda.”

Saya tidak akan melupakan saat itu. Petugas itu telah memberikan harapan dan membuatkan saya merasa bebas untuk bercakap. Dia bertanyakan banyak soalan kepada saya mengenai diri saya, tentang keadaan saya, tentang keluarga saya. Dia tidak mengambil pendirian sama sekali; dia hanya mendengar.

Kami berada di penjara dan kami menderita. Kami memang mahukan Palang Merah memberitahu akhbar antarabangsa mengenainya. Kami memang sangat berterima kasih jika ia dilakukan.

Tetapi, bila difikirkan semula, dengan berbuat demikian — memberitahu apa yang mereka nampak — mungkin akan menyebabkan pihak berkuasa melarang mereka daripada melawat penjara. Jika itu berlaku, kamilah yang akan rugi.



Bagaimana saya boleh melindungi tahanan ini?

Anda merupakan petugas daripada Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) yang melawat penjara.

Anda baru sahaja tamat berbual secara bersendirian dengan tujuh tahanan yang hadir pada hari itu. Tiga daripada mereka memberitahu anda bahawa mereka ka telah dipukul dengan teruk semasa soal siasat oleh pegawai penjara dua minggu yang lalu. Tahanan terpaksa menandatangani pengakuan yang mengakui kesalahan jenayah terhadap negara.

Tahanan-tahanan itu sangat takut. Mereka memberitahu bahawa sekiranya pengarah penjara sedar yang mereka bercakap dengan anda mengenai bagaimana mereka dilayan semasa soal siasat, mereka akan dihukum dan dipukul lagi.

Anda sekarang sedang bercakap dengan pengarah penjara.

Dilema anda: adakah anda akan membincangkan kes salah layanan terhadap tiga orang tahanan itu dengannya?

– dipetik daripada laporan petugas

Perkara yang mungkin diambil kira

- ▲ seorang tahanan yang telah didera
- ▲ pengarah penjara
- ▲ tahanan lain
- ▲ seorang ahli keluarga tahanan
- ▲ penyelia petugas

Apa yang anda putuskan?



Apa yang diingati oleh seorang tahanan

Saya pernah menjadi seorang tahanan politik selama satu setengah bulan.

Semasa saya di penjara, saya tidak diberi makanan dan tidak diberi minuman. Untuk terus hidup, saya terpaksa minum air kencing saya, supaya saya tidak mati kehausan.

Apabila ini berlaku kepada anda, tiada apa yang boleh menghalang anda daripada “hilang” atau daripada dibunuh sahaja. Kadangkala kami mendengar orang menjerit, kemudian bunyi tembakan mesin-gan, kemudian senyap.

Saya mendengar orang mengetuk pintu kurungan lain dan saya terfikir sendiri “Kami ada pelawat”. Mengikut gerak hati, saya mula mengetuk pintu kurungan dari sebelah dalam.

Saya mendengar sekumpulan orang berhenti di hadapan pintu kurungan saya dan suatu suara ber-

kata “Terdapat seseorang di dalam tempat ini”. Orang lain berkata “Tidak, tiada orang di dalam”, tetapi yang lain mendesak dan berkata “Tolong buka pintu ini”.

Ia diikuti dengan suatu perbincangan yang saya rasakan seperti tidak akan tamat sehinggalah akhirnya pintu dibuka dan, buat kali pertamanya dalam suatu jangka masa yang lama, saya nampak cahaya dan wajah seorang manusia. Dan saya terdengar “Helo, saya seorang petugas dari Palang Merah”.

Lawatan yang pertama itu terus memberi kesan secara langsung. Tidak lama kemudian, saya telah diberi air yang kotor dari sebiji tin kecil. Sekurang-kurangnya, ada juga sesuatu untuk saya minum. Dan mereka dengan serta merta berhenti mengugut untuk membunuh kami.

Kad Pendaftaran

JAM/ICRC No:

NAMA KELUARGA/*FAMILY NAME*:

Nama pertama/*First name*:

Nama pertama bapa/*Father's first name*:

Nama penuh bapa/*Father's full name*: Jantina / *Sex*: L/P M/F

Nama lain/*Alias*:

Tarikh dan tempat lahir/*Date and place of birth*:

Kewarganegaraan/*Citizenship*: Kerakyatan/*Nationality*:

Pekerjaan/*Profession*: Gred/*Unit/Grade/Unit*:

Status/*Status*: Kategori/*Category*:
Hukuman/*Sentence*:

Tempat tahanan/*Place of detention*:

Pihak berkuasa yang menahan/*Auth. of det.*:

Tarikh dan tempat ditangkap/*Date & place of arrest*:

Pihak yang menangkap/*Auth. of arrest*:

NAMA DAN ALAMAT KELUARGA/*NAME AND ADDRESS OF FAMILY*:
Nama penuh/*Full Name*:

Alamat penuh/*Full Address*: Tel./*Tel.*:

Hubungan keluarga/*Family link*: Pemberitahuan/*notification*: Y/T.....Y/N

Tarikh/*Date*: CE3/E.N.RU/01.95/EURAS

Borang pesanan Palang Merah



BORANG PESANAN PALANG MERAH MESSAGE CROIX-ROUGE

5. **P E S A N A N**
(Berita keluarga dan/atau persendirian)
(Nouvelle de caractère personnel et/ou familial)

2. **PENGHANTAR / EXPÉDITEUR**

Nama penuh (seperti yang dipanggil di tempat anda) /
Nom complet (selon l'usage local)

Tarikh lahir Jantina / Sexe
Date de naissance L / P

Nama bapa
Nom du père

Nama ibu
Nom de la mère

Alamat penuh
Adresse complète

Daerah dan negara
Province et pays

3. **PENERIMA / DESTINATAIRE**

Nama penuh (seperti yang dipanggil di tempat anda) /
Nom complet (selon l'usage local)

Tarikh lahir Jantina / Sexe
Date de naissance L / P

Nama bapa
Nom du père

Nama ibu
Nom de la mère

Alamat penuh
Adresse complète

Daerah dan negara
Province et pays

4. **JAWATANKUASA AMTAKABANGSA PALANG MERAH**
COMITE INTERNATIONAL DE LA CROIX-ROUGE
19, av. de la Paix-CH-1202 GENEVA

6. Tarikh Tandatangan.....
Penerima ialah
Le destinataire est mon/ma

Penerokaan 5C: Fokus terhadap melindungi tahanan



Sumber 6
2 daripada 2

Borang pesanan Palang Merah



BOHRANG PESANAN PALANG MERAH MESSAGE CROIX-ROUGE

8. PEMCHANTAR / EXPEDITEUR

Nama penuh (seperti yang dipanggil di tempat anda) /
Nom complet (selon l'usage local)

Tarikh lahir Jantina / Sexe
Date de naissance L / P

Nama bapa
Nom du père

Nama ibu
Nom de la mère

Alamat penuh
Adresse complète

Daerah dan negara
Province et pays

9. PENERIMA / DESTINATAIRE

Nama penuh (seperti yang dipanggil di tempat anda) / Nom complet (selon
l'usage local)

Tarikh lahir Jantina / Sexe
Date de naissance L / P

Nama bapa
Nom du père

Nama ibu
Nom de la mère

Alamat penuh
Adresse complète

Daerah dan negara
Province et pays

10. JAWATANKUASA ANTARABANGSA PALANG MERAH
COMITE INTERNATIONAL DE LA CROIX-ROUGE
15, av. de la Paix-CH-1202 GENEVA

11. JAWAPAN KEPADA PESANAN BERTARIKH.....
REPOSE AU MESSAGE DU.....

(Berita keluarga dan/atau persendirian)
(Nouvelle de caractère personnel et/ou familial)

12. Tarikh Tandatangan.....

Penerima ialah
Le destinataire est moi/ma

JAWAPAN/RESPONSE


Menyahut cabaran akibat peperangan



Melalui mata tahanan

Saya meninggalkan isteri dan anak perempuan saya selama lima tahun dan lapan bulan. Akibatnya terdapat banyak kesulitan sosial dan psikologi. Kami berdua telah berubah, tetapi dalam arah yang bertentangan dan terdapat suatu jurang antara saya dengan anak perempuan saya semasa saya berada di penjara.

- seorang tahanan, selepas sepuluh setengah tahun di dalam penjara, dibebaskan pada tahun 1998



Lukisan oleh tahanan yang ditahan semasa konflik bersenjata.



Kejutan yang anda dapat semasa keluar penjara sama seperti kejutan yang anda rasai semasa memasukinya; ia sama mengejutkan. Sekarang anda bebas tetapi anda tidak tahu apa yang akan anda buat dengan kebebasan itu. Bagaimana anda akan memulakan kehidupan anda semula?

- seorang tahanan yang menghabiskan enam tahun di dalam penjara, dibebaskan pada tahun 1997

Sumber: *Bersempua dengan Kebebasan* (Facing Freedom), ICRC, 2001

Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan

Penerokaan 5D memfokuskan tentang kemelut keluarga yang terpisah oleh konflik bersenjata dan usaha yang diperlukan untuk mengembalikan dan mengekalkan hubungan antara ahli keluarga yang terpisah. Suatu kolaj gambar membantu para pelajar untuk mengalami apa yang dirasakan oleh keluarga-keluarga ini. Pelajar akan mengalami kaedah-kaedah yang terlibat dalam mengesan apabila diminta mengisi borang permintaan untuk mengesan ahli keluarga yang “hilang”. Pelajar akan memeriksa skala usaha yang diperlukan dan asas dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL) bagi mengekalkan usaha ini.

Objektif:

- ▲ untuk menyedari keperluan ahli keluarga yang terpisah semasa peperangan
- ▲ untuk memahami skala usaha yang dikehendaki untuk mengembalikan dan mengekalkan hubungan antara ahli keluarga

Sumber:

- ▲ Kolaj foto 5D
- ▲ Borang pertanyaan mengenai pengesanan
- ▲ Borang pesanan Palang Merah
- ▲ Lembaran fakta: Kanak-kanak Rwanda



Rujukan guru:

- ▲ Mengesan dan menyatukan keluarga — dalam konteks perundangan
- ▲ Mengembalikan hubungan kekeluargaan

Persediaan:

Buat salinan borang pengesanan dan borang pesanan untuk digunakan oleh pelajar.

Masa:

Satu sesi 45-60 minit

1. Terpisah oleh konflik bersenjata (10 minit)

Semasa keadaan huru-hara konflik bersenjata, keluarga-keluarga terpaksa melarikan diri dari rumah mereka dan ahli keluarga selalu terpisah. Kita akan melihat tentang skop usaha yang terlibat dalam menyatukan semula hubungan kekeluargaan.

Berikan pelajar statistik berikut mengenai bilangan kanak-kanak yang terpisah daripada keluarga mereka akibat konflik bersenjata.

Lebih separuh daripada anggaran 50 juta pelarian dan orang yang dipaksa berpindah secara dalaman di dunia hari ini adalah kanak-kanak dan remaja. Lebih daripada dua juta adalah kanak-kanak yang terpisah daripada keluarga mereka. Sebagai kanak-kanak yang tidak diiringi, mereka amat terdedah kepada penderaan, eksploitasi seks dan perekrutan sebagai askar kanak-kanak.

Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan

Untuk membantu pelajar memahami betapa besarnya bilangan ini, tanya soalan-soalan seperti:

- Berapa ramai daripada kita yang berada dalam kelas ini? Berapa banyak kelas yang diperlukan untuk dua juta orang?

Atau

- Berapa banyak stadium sukan yang diperlukan untuk menampung 50 juta orang?

Bincangkan maksud dipisahkan daripada ahli keluarga semasa konflik bersenjata.

Soalan yang mungkin:

- Selain kanak-kanak, siapa lagi yang mungkin memerlukan perhatian khas untuk mengembalikan hubungan kekeluargaan?

[Contohnya: orang tua yang bersendirian, orang kurang upaya, tahanan yang tidak ada cara untuk berkomunikasi]

2. Pengalaman apabila terpisah (20 minit)

Perkenalkan “Kolaj foto 5D”, yang menggambarkan beberapa usaha yang terlibat dalam mengesan dan juga pengalaman keluarga semasa terpisah dan disatukan semula. Minta para pelajar berikan respons dan tanya:



Soalan-soalan yang mungkin:

- Pernahkah anda hilang? Apa yang anda ingat mengenai pengalaman itu? Berapa umur anda pada masa itu? Bagaimana anda ditemui?
- Siapakah orang yang paling perlu untuk mengetahui khabar tentang keluarga mereka? Kenapa?
- Apakah beberapa masalah bagi keluarga yang terpisah? Terutamanya bagi kanak-kanak yang terpisah? Bagi tahanan? Bagi orang tua?
- Apakah beberapa masalah yang akan dihadapi oleh pekerja kemanusiaan apabila mereka cuba menemukan keluarga-keluarga ini?

[Contohnya: kanak-kanak yang terlalu muda atau terlalu terjejas oleh trauma untuk berkomunikasi, perbezaan bahasa, peperangan yang berterusan, ketidakupayaan untuk mendapatkan laluan melepasi garisan peperangan yang membahagikan ahli keluarga, ahli keluarga yang berada di merata-rata tempat di kawasan yang luas, saudara mara yang telah melarikan diri, terpaksa berpindah atau telah mati]

3. Tugas mengesan dan menemukan ahli keluarga

(15-20 minit)

Dalam kebanyakan konflik, keadaan menjadikan ia sukar untuk bertindak terhadap keperluan untuk menyatukan ahli keluarga yang terpisah. Bincangkan situasi-situasi berikut yang seorang petugas kemanusiaan mungkin hadapi. Minta pelajar cadangkan kriteria untuk bila dan di mana hendak diaturnya penemuan semula:

- ⤴ Bolehkah diterima sekiranya diadakan penemuan semula keluarga bagi pihak seorang laki-laki yang berumur 30 tahun dalam kawasan di mana kesemua lelaki melebihi 18 tahun sedang dikerah untuk pergi berperang?
- ⤴ Adakah wajar untuk menemukan semula seorang kanak-kanak yang tinggal dalam kem dengan ahli keluarganya yang berada di bandar yang terlibat dalam konflik bersenjata?

Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan



[Contoh kriteria: tahap terjejas, had umur bagi kaum lelaki untuk menghalang mereka membantu kombatan sebenar atau yang berpotensi, situasi keselamatan dan menghalang orang daripada berpindah ke tempat yang lebih teruk daripada yang telah sedia ada]

Gunakan “Borang pertanyaan mengenai pengesanan” untuk berkongsi dengan para pelajar tentang maklumat keluarga yang telah dikutip.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah tindakan atau langkah yang boleh diambil oleh petugas kemanusiaan untuk mengesan orang yang lesap atau hilang?

[Contohnya: pergi ke alamat yang terakhir sekali; mencari di hospital dan kawasan perkuburan; mencari di dalam senarai pelarian dan orang yang dipaksa berpindah; membuat pertanyaan di penjara; menyuruh pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan maklumat di kalangan penduduk perkampungan; menerbitkan senarai nama melalui akhbar, radio, Internet, poster, papan tanda; memaparkan gambar kanak-kanak; membawa ibu dan bapa ke pusat kanak-kanak untuk mengenal pasti kanak-kanak kecil.]

CATATAN: Kesemua tindakan mengesan haruslah menghormati kehidupan peribadi individu.

- Apakah sebab yang mungkin mengapa selalunya begitu sukar untuk mengumpul maklumat mengenai orang yang hilang semasa konflik bersenjata?

Gunakan “Borang pesanan Palang Merah” untuk menunjukkan bagaimana maklumat dihantar.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah jenis maklumat yang dibenarkan dalam pesanan itu?
- Mengapakah petugas Palang Merah memeriksa kandungan yang terdapat di dalam pesanan Palang Merah sebelum menghantarnya?

[Berita yang dihantar melalui pesanan Palang Merah mestilah semata-mata hal peribadi bagi mengelakkan penyampaian maklumat yang sensitif berkenaan dengan perkara konflik atau politik.]

- Kenapakah perlu untuk mengetahui kandungan pesanan itu?

[untuk mengelakkan pihak musuh daripada membuat bantahan terhadap penghantaran pesanan keluarga.]



4. Pemindahan kanak-kanak yang tidak diiringi

(10-15 minit)

Gunakan lembaran fakta “Kanak-kanak Rwanda” bagi membincangkan situasi kanak-kanak yang tidak diiringi semasa konflik bersenjata.

Soalan yang mungkin:

- Apakah langkah pencegahan yang anda cadangkan perlu diambil bagi menghalang sebaik yang mungkin dilema berikut:

Dalam sesetengah negara di mana kanak-kanak telah dipindahkan, saudara mara yang dekat ataupun yang jauh muncul beberapa tahun kemudian untuk menanyakan di manakah kanak-kanak itu

Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan

berada dan mendesak supaya mereka dipulangkan semula. Di negara-negara hos, di mana sebahagian daripada kanak-kanak tersebut telah dijadikan anak angkat, sesetengah orang berkata yang kanak-kanak tersebut telah integrasi dengan baik dengan keluarga baru mereka dan adalah tidak wajar untuk memindahkan mereka semula setelah mereka telah membiasakan diri dengan kehidupan yang baru. Ada yang lain pula berkata yang pengambilan anak angkat antarabangsa tidak boleh dilakukan semasa peperangan kerana ia tidak dapat dipastikan sama ada kanak-kanak itu benar-benar telah ditinggalkan.

5. Orang yang hilang

Penderitaan keluarga yang tidak menerima sebarang berita mengenai saudara mara yang telah hilang semasa konflik tidak berakhir apabila bunyi tembakan tidak kedengaran lagi. Adakah orang yang mereka sayangi itu tercedera, dipenjarakan atau telah mati?

Soalan-soalan yang mungkin:

- Apakah tindakan tambahan yang boleh diambil apabila, di sebalik usaha-usaha mengesan, tiada maklumat yang diperolehi mengenai orang yang hilang? [Lihat contoh dalam sumber guru.]
- Berikan sebab mengapa selalunya begitu sukar untuk mendapatkan maklumat mengenai orang yang telah hilang semasa konflik bersenjata.



Penutup

Bacakan petikan yang telah dipilih daripada artikel IHL iaitu “Mengeskan dan menyatukan keluarga — dalam konteks perundangan” dan minta pelajar mengenal pasti bagaimana mereka fikir peraturan dalam artikel tersebut membantu dalam proses mengesan dan menyatukan keluarga.

[Contohnya: pihak berkuasa perlu bekerjasama dengan organisasi kemanusiaan dengan menyediakan semua maklumat yang berkaitan yang mereka ada (sebagai contoh, senarai nama orang yang ditahan), dengan membenarkan petugas kemanusiaan menyiasat atau mengedarkan pesanan Palang Merah; orang yang menahan mesti membenarkan tahanan berhubung dengan keluarga mereka]

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Konflik bersenjata mengakibatkan sebilangan besar orang ramai yang terpisah daripada keluarga mereka tanpa sebarang saluran komunikasi.
- ◆ Berdasarkan undang-undang kemanusiaan antarabangsa, langkah-langkah diambil untuk memulihkan hubungan antara ahli keluarga yang terpisah, termasuk langkah-langkah untuk menyatukan keluarga.
- ◆ Pelbagai langkah yang perlu diambil untuk mengesan dan menyatukan kembali ahli-ahli sesuatu keluarga.

Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan

Aktiviti lanjutan



Kesedihan keluarga orang yang telah hilang

Cuba fikirkan tentang penderitaan keluarga-keluarga yang tidak mendapat sebarang berita mengenai saudara mara mereka yang telah hilang — keluarga-keluarga yang tidak mengetahui sama ada orang yang mereka sayangi telah tercedera, hilang dan kelaparan, telah dipenjarakan atau mati.

Tuliskan satu sajak pendek atau karangan bagi menyuarakan kesedihan mereka.

Pesanan harapan

Baca cerita berikut.

Saya masih percaya dan berharap yang suami saya masih hidup dan akan pulang ke pangkuan keluarga supaya kami boleh hidup bersama seperti dahulu. Tetapi saya perlu mengetahui takdirnya — baik atau sebaliknya. Terdapat beribu-ribu orang yang menghadapi nasib seperti saya. Kami berhak mendapat jawapan kepada persoalan kami.

— wanita yang suaminya seorang kolonel dalam tentera Bosnia, telah hilang selama beberapa tahun

Dari Manila ke Baghdad: harapan dalam pesanan keluarga

Seperti yang dilakukan olehnya setiap pagi, Maria mendengar berita di radio. Berita daripada Teluk begitu mencemaskan hari ini: pengeboman ke atas Baghdad telah bermula. Maria mula risau terhadap kakaknya yang bekerja sebagai jururawat di Iraq dan tidak mendengar berita daripada kakaknya sejak beberapa bulan. Talian telefon di antara negaranya, Filipina dan Baghdad telah dipotong dan perkhidmatan pos telah ditamatkan. Maria telah putus harapan untuk berjumpa dengan kakaknya lagi.

Beberapa hari kemudian, dia terdengar perbualan mengenai perkhidmatan mengesan oleh Palang Merah Filipina di Manila. Dia terus pergi ke sana dan harapannya pulih kembali: dia digalakkan untuk menulis pesanan keluarga yang akan dihantar kepada kakaknya melalui petugas ICRC di Iraq. Tidak lama kemudian, kurang daripada sebulan, Maria menerima panggilan daripada Palang Merah yang memberitahunya bahawa balasan kepada pesannya telah diterima. Maria menitiskan air mata kelegaan — kakaknya masih hidup!

Tuliskan pesanan yang Maria mungkin telah tuliskan kepada kakaknya dan balasan daripada kakaknya.

Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan

Aktiviti lanjutan



Mengembalikan hubungan kekeluargaan

Lihat semula kolaj foto. Buat catatan terhadap pelbagai emosi yang ditunjukkan.

Buatkan satu poster untuk memberitahu orang ramai mengenai aktiviti mengesan dan menyatukan keluarga. Apakah pesanan yang akan anda gunakan?

ATAU

Berdasarkan inspirasi cerita berikut, sampaikan emosi penyatuan keluarga melalui sebarang bentuk seni.

Tiga wanita sangat menginginkan pesanan Palang Merah

Keadaan terlalu sunyi sehinggakan anda boleh mendengar bunyi pin jatuh di dalam bilik utama di sebuah rumah ladang yang lama di utara Albania, di mana Andye Kortoci, seorang tua, mula membaca pesanan-pesanan Palang Merah. Tangannya yang kasar memegang surat-surat itu dengan terketar-ketar, tetapi tiada siapa yang perasan. Ketiga-tiga wanita yang mengelilinginya mendengar setiap patah perkataan yang dibaca olehnya.

Setiap wanita itu telah menerima satu pesanan: satu daripada abangnya, satu daripada suaminya dan satu daripada anaknya, yang kesemua mereka telah memiliki senjata semasa konflik di Kosovo dan telah ditahan di Serbia selama hampir dua tahun.

Ketiga-tiga tahanan itu berasal dari kampung yang sama, Myhejan, di mana ketiadaan mereka telah membebaskan keluarga mereka. Kerja-kerja mereka — mengerjakan ladang, menjaga lembu dan tugas lain di ladang — telah diambil alih, seboleh yang mungkin, oleh ahli komuniti yang lain. Bahkan kanak-kanak juga turut sama membantu.

Selim Musa, petugas Palang Merah dari Albania, pergi ke Myhejan sekali dalam setiap tiga bulan, untuk membawa pesanan-pesanan Palang Merah yang sampai daripada Serbia, melalui Tirana. Oleh kerana terlampau sedikit bilangan orang yang datang melawat Myhejan, penduduk kampung dapat mengenali bayangnya daripada jauh lagi. Selim Musa adalah satu-satunya penghubung yang tinggal di antara tahanan dengan keluarga mereka di Albania.

– Berita ICRC, Mac 2001



Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan

Mengesan dan menyatukan keluarga – dalam konteks perundangan

daripada **Protokol I sebagai tambahan kepada Konvensyen Geneva 12 Ogos 1949 Perkara 78**

1. Pemindahan kanak-kanak

Tidak ada pihak yang terlibat dalam konflik boleh mengaturkan pemindahan kanak-kanak, melainkan rakyat negaranya sendiri, ke suatu negara asing kecuali suatu pemindahan sementara atas sebab-sebab desakan kesihatan atau rawatan perubatan terhadap kanak-kanak atau (...) keselamatan mereka, adalah sangat diperlukan. Di mana ibu bapa mereka atau penjaga yang sah boleh dijumpai, surat persetujuan bagi pemindahan tersebut dikehendaki. Sekiranya orang-orang ini tidak dijumpai, surat persetujuan bagi pemindahan tersebut dikehendaki daripada seseorang yang secara undang-undang atau adat bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penjagaan kanak-kanak itu...

daripada **Kenyataan bersama ICRC, UNHCR dan Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, pada 27 Jun 1994 mengenai pemindahan kanak-kanak yang tidak diiringi di Rwanda**

Dalam keadaan sekarang di Rwanda, adalah mustahil untuk mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai mengenai nasib atau takdir ahli-ahli keluarga yang telah terpisah. Seinggallah pengesanan saudara mara boleh dilakukan, andaian perlu dibuat yang setiap kanak-kanak yang tidak diiringi mungkin mempunyai saudara mara yang masih hidup di Rwanda atau di negara-negara jiran.

Pemindahan, penerimaan dan penjagaan hendaklah dirancang dengan mengambil kira penyatuan semula kanak-kanak dan saudara mara mereka secepat yang mungkin.

Kanak-kanak yang dalam konteks kecemasan tidak boleh dijadikan anak angkat. Memandangkan kebanyakan kanak-kanak yang tidak diiringi ini bukan anak yatim piatu, apa yang mereka perlukan ialah penjagaan sementara dengan tujuan untuk menyatukan semula dengan keluarga mereka, dan bukan untuk dijadikan anak angkat.

Ringkasan daripada perkara-perkara yang berkaitan:

Penyatuan semula ahli-ahli keluarga yang telah terpisah

Negara-negara haruslah memberikan kemudahan dalam apa keadaan sekali pun bagi penyatuan semula keluarga-keluarga yang telah terpisah disebabkan konflik bersenjata dan hendaklah memberi sokongan kepada organisasi-organisasi kemanusiaan yang terlibat dengan tugas ini. (Per. 74, Protokol Tambahan I).

Mengesan orang yang hilang

Pihak yang berperang hendaklah cuba membantu untuk menjawab pertanyaan yang dibuat oleh ahli keluarga yang telah berselerak di merata-rata tempat akibat konflik untuk membantu mereka mengembalikan perhubungan antara satu sama lain dan cuba untuk menyatukan mereka kembali. Pihak-pihak yang terlibat dalam konflik hendaklah juga menggalakkan kerja organisasi yang terlibat dengan tugas ini. (Per. 26, Konvensyen Keempat).

Keluarga-keluarga mempunyai hak untuk diberitahu tentang nasib saudara mara yang telah hilang. Pihak-pihak yang terlibat dalam konflik mesti mencari orang yang telah dilaporkan hilang oleh pihak yang menentang. (Per. 32 dan Per. 33, Protokol Tambahan I).



Mengembalikan hubungan kekeluargaan

Kanak-kanak yang tidak diiringi dan orang lain yang mudah terjejas

Dalam hampir semua keadaan kecemasan – konflik bersenjata, perpindahan secara terpaksa bagi populasi yang ramai, dan situasi krisis yang lain – kanak-kanak terpisah daripada ibu bapa mereka, keluarga dan orang dewasa lain yang bertanggungjawab. Disebabkan status mereka yang selalunya tidak dapat dijelaskan dengan serta merta, mereka lebih dirujuk sebagai “kanak-kanak terpisah atau yang tidak diiringi” daripada status sebagai “anak-anak yatim piatu”.

Yang lainnya, seperti orang tua atau orang yang kurang upaya, mungkin juga berada dalam situasi yang rumit semasa sesuatu konflik. Mereka mungkin ditinggalkan, dasingkan dan dipisahkan daripada saudara mara mereka dan tidak berupaya untuk menjaga diri sendiri. Disebabkan keadaan mereka yang mudah terjejas, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) akan mengusahakan, apabila perlu, tindakan khusus bagi tujuan perlindungan mereka dan penyatuan semula keluarga.

Rangkaian tahanan dan keluarga mereka

Mengikut mandat yang diberikan, ICRC melakukan pelbagai usaha untuk mendapatkan maklumat mengenai seseorang yang kebebasannya telah dirampas disebabkan konflik dan untuk melawat mereka di tempat mereka ditahan. Lawatan sebegitu membolehkan delegat ICRC memberikan kepastian kepada keluarga tentang nasib saudara mara mereka dan, melalui rangkaian pesanan Palang Merah, membolehkan tahanan dan keluarga mereka berhubung antara satu sama lain.

Teknologi komputer bagi mengembalikan hubungan kekeluargaan

Semua maklumat mengenai mangsa peperangan yang dikumpul oleh ICRC diuruskan di dalam pangkalan data yang telah disusun mengikut delegasi di seluruh dunia. Tujuan suatu pangkalan data ialah untuk memantau situasi bagi kategori khusus benefisiari perkhidmatan Palang Merah dengan sentiasa memantaunya bagi menjamin perlindungan mereka dan untuk membantu mewujudkan semula ikatan keluarga atau untuk menentukan nasib saudara mara yang telah hilang. Soal kerahsiaan adalah penting dan langkah berjaga-jaga perlu diambil apabila berkongsi dan menerbitkan maklumat.

ICRC mempunyai lebih daripada 70 pangkalan data; yang paling utama ialah mengenai Rwanda (butiran terperinci mengenai 448,000 individu); Peperangan Teluk (123,000); Israel, wilayah-wilayah yang diduduki dan wilayah-wilayah yang berautonomi (152,000); bekas Yugoslavia (140,000); Sri Lanka (37,000); Somalia (31,000); Peru (27,000); Colombia (24,000) dan Afghanistan (25,000).

Fakta dan angka

- ▲ Di Timur Timor, lebih daripada 55,000 pesanan Palang Merah telah disampaikan dalam masa lapan bulan berikutan pertelingkahan tahun 1999.
- ▲ Pada tahun 2000 di Republik Demokratik Congo, lebih daripada 200,000 pesanan telah diterima atau dihantar melalui 120 pejabat yang telah dibuka di negara itu.
- ▲ Hampir satu juta pesanan Palang Merah telah bertukar-tukar di seluruh dunia dalam tahun 2001.



Aktiviti untuk mengembalikan hubungan kekeluargaan

Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk mengembalikan atau mengekalkan hubungan di antara ahli-ahli keluarga yang terpisah disebabkan konflik bersenjata atau situasi keganasan yang lain, termasuklah tahanan, untuk melegakan penyiksaan mental mereka. Ia melibatkan terutamanya:

- ▲ membawa berita keluarga (melalui pelbagai cara, seperti pesanan Palang Merah, pesanan radio, telefon dan Internet) melalui rangkaian Palang Merah dan Bulan Sabit Merah di seluruh dunia (Persatuan Kebangsaan dan delegasi-delegasi ICRC);
- ▲ mengendalikn penghantaran balik dan penyatuan semula keluarga;
- ▲ membantu keluarga melawat saudara mara yang ditahan atau membantu mereka menyeberangi garisan peperangan;
- ▲ mengeluarkan dokumen perjalanan ICRC bagi orang, yang disebabkan oleh konflik, tidak mempunyai atau tidak lagi mempunyai kertas pengenalan, dan yang akan dihantar pulang atau ditempatkan di negara ketiga.

Aktiviti untuk mencari orang yang hilang

Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk memberikan harapan tentang di manakah orang-orang yang telah hilang ini berada. Ia melibatkan terutamanya:

- ▲ mengumpulkan permintaan untuk mengesan daripada keluarga orang yang telah hilang itu, dan juga maklumat mengenai penahanan, kehilangan dan kematian, dan mengemukakannya kepada pihak berkuasa;
- ▲ menyediakan mekanisme untuk memudahkan perbincangan antara pihak berkuasa dan ahli keluarga orang yang hilang itu bagi mempercepatkan proses mengesan, termasuklah mengorek semula dan mengenal pasti mayat.
- ▲ memaklumkan dan memberikan sokongan kepada keluarga-keluarga orang yang telah hilang.

– Laporan Tahunan ICRC 1999 dan 2000

Contoh

Lapan belas bulan selepas konflik Kosovo tahun 1999, lebih 3,600 orang masih dicari oleh keluarga mereka. Walaupun ICRC telah bertanya berkali-kali, tetapi ia tidak mendapat jawapan mengenai nasib orang-orang yang telah hilang itu. ICRC juga meletakkan suatu senarai nama orang yang hilang ini yang dibawa kepada perhatian ICRC di laman webnya oleh keluarga-keluarga dengan harapan untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Di Bosnia-Herzegovina, ICRC telah menerbitkan sebuah buku yang mengandungi gambar barang-barang persendirian yang ditemui pada mayat seramai 344 orang yang tidak dapat dikenal pasti. Penerbitan ini, yang sememangnya amat menyakitkan untuk dilihat oleh ahli keluarga, telah membantu proses pengenalpastian bergerak. Walau bagaimanapun, masih ada 18,000 kes yang tidak dapat diselesaikan selepas lebih lima tahun peperangan tamat.

Di Timur Tengah, Suruhanjaya Tripartite yang dipengerusikan oleh ICRC meneruskan usaha untuk memberikan harapan tentang nasib orang yang hilang semasa Peperangan Teluk tahun 1991. Setakat ini, walau bagaimanapun, hasilnya tidak memenuhi apa yang dijangkakan.

Borang pertanyaan mengenai pengesanan

6. PENANYA / DEMANDEUR

Nama penuh (seperti yang dipanggil di tempat anda) / *Nom complet (selon l'usage local)*

Nama sebelum berkahwin / *Nom de jeune fille*

Tarikh lahir (hari/bulan/tahun) _____ Jantina: _____
Date de naissance (jour/mois/année) _____ *Sexe* L P

Tempat dan negara kelahiran / *Lieu et pays de naissance*

Alamat penuh / *Adresse complète*

Telefon / *Téléphone*

E-mel / *E-mail*

Orang yang hendak dikesan ialah
Le recherché est mon/ma

Tandatangan penanya
Signature du demandeur

Tarikh dan tempat pertanyaan
Date et lieu de la demande

JAWATANKUASA ANTARABANGSA PALANG MERAH/
COMITE INTERNATIONAL DE LA CROIX-ROUGE
19, av. de la Paix - CH - 1202 GENEVA



PERMINTAAN UNTUK MENGESAN

DEMANDE DE RECHERCHES

1. ORANG YANG HENDAK DIKESAN / PERSONNE RECHERCHEE

No. ICRC
No CICR

Nama penuh (seperti yang dipanggil di tempat anda)
Nom complet (selon l'usage local)

Nama lain / *Alias*

Tarikh lahir (hari/bulan/tahun) _____ Jantina: _____
Date de naissance (jour/mois/année) _____ *Sexe* L P

Tempat lahir
Lieu de naissance

Nama penuh bapa
Nom complet du père

Nama penuh ibu

Nom complet de la mère

Kerakyatan
Nationalité

Asal
Origine

Pekerjaan
Profession

Status perkahwinan
Etat civil

Nama sebelum berkahwin
Nom de jeune fille

Nama pasangan
Nom du conjoint/Partenaire

Pangkat*
*Grade**

Unit*
*Unité**

Nombor perkhidmatan*
*No. matricule** _____ * jika berkaitan / *si approprié*
DR/Fn. Fr./10.000/ACR

Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan

Sumber 2
2 daripada 2



2. BUTIR-BUTIR PERTANYAAN / EXPOSE DE LA DEMANDE

Tarikh dan jenis berita terakhir yang diperolehi / *Date et nature des dernières nouvelles*

Alamat terakhir yang diketahui / *Dernière adresse connue*

Keadaan yang menyebabkan kehilangan perhubungan
Circumstances ayant entraîné la rupture de contact

3. AHLI KELUARGA YANG MENEMANI ORANG YANG HENDAK DIKESAN *MEMBRES DE LA FAMILLE ACCOMPAGNANT LE RECHERCHE*

Nama penuh
Nom complet

Tarikh lahir
Date de naiss.

Jantina
Sexe

Hubungan
Lien de parenté

4. MAKLUMAT TAMBAHAN / AUTRES INFORMATIONS

Sila berikan semua maklumat yang boleh membantu penyiasatan, seperti: tempoh dan alamat tempat tinggal terdahulu, alamat perniagaan yang tepat atau alamat tempat bekerja yang tepat, agama, dsb...

Veillez fournir tous les renseignements susceptibles de faciliter les recherches tels que : durée et adresse des séjours précédents, précisions au sujet du domicile professionnel de la personne recherchée ou de la firme pour laquelle elle travaille éventuellement, religion, etc...

5. NAMA DAN ALAMAT ORANG YANG BOLEH MEMBERIKAN MAKLUMAT *NOM ET ADRESSE DES PERSONNES SUSCEPTIBLES DE FOURNIR DES INFORMATIONS*

Keluarga, rakan, hubungan perniagaan, dsb.../
Famille, amis, relations de travail, etc...

Menyahut cabaran akibat peperangan

Borang Pesanan Palang Merah



BORANG PESANAN PALANG MERAH MESSAGE CROIX-ROUGE

5. _____
(Berita keluarga dan/atau persendirian)
(Nouvelle de caractère personnel et/ou familial)

P. F. S. A. N. A. N

2. PENERIMA / EXPÉDITEUR

Nama penuh (seperti yang dipanggil di tempat anda) /
Nom complet (selon l'usage local)

.....
Tarikh lahir Jantina / Sexe
Date de naissance L / P

Nama bapa
Nom du père

Nama ibu
Nom de la mère

Alamat penuh
Adresse complète

Daerah dan negara
Province et pays

3. PENERIMA / DESTINATAIRE

Nama penuh (seperti yang dipanggil di tempat anda) /
Nom complet (selon l'usage local)

.....
Tarikh lahir Jantina / Sexe
Date de naissance L / P

Nama bapa
Nom du père

Nama ibu
Nom de la mère

Alamat penuh
Adresse complète

Daerah dan negara
Province et pays

4. JAWATANKUASA ANTARABANGSA PALANG MERAH
COMITE INTERNATIONAL DE LA CROIX-ROUGE
19, av. de la Paix-CH-1202 GENEVA

6. Tarikh Tandatangan

Penerima ialah
Le destinataire est mon/ma

Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan

Borang Pesanan Palang Merah

Sumber 3
2 daripada 2



BORANG PESANAN PALANG MERAH
MESSAGE CROIX-ROUGE



7.

P E S A N A N
(Berita keluarga dan/atau persendirian)
(Nouvelle de caractère personnel et/ou familial)

8. **PENGHANTAR / EXPEDITEUR**
 Nama penuh (seperti yang dipanggil di tempat anda) /
 Nom complet (selon l'usage local)

 Tarikh lahir Jantina / Sexe
 Date de naissance L / P
 Nama bapa
 Nom du père
 Nama ibu
 Nom de la mère
 Alamat penuh
 Adresse complète
 Daerah dan negara
 Province et pays

9. **PENERIMA / DESTINAIRE**
 Nama penuh (seperti yang dipanggil di tempat anda) /
 Nom complet (selon l'usage local)

 Tarikh lahir Jantina / Sexe
 Date de naissance L / P
 Nama bapa
 Nom du père
 Nama ibu
 Nom de la mère
 Alamat penuh
 Adresse complète
 Daerah dan negara
 Province et pays

10. **JAWATANKUASA ANTARABANGSA PALANG MERAH**
COMITE INTERNATIONAL DE LA CROIX-ROUGE
19, av. de la Paix-CH-1202 GENEVA

MCR2/EN/FR/01.92/AF

JAWAPAN/REPONSE

6. Tarikh Tandatangan.....
 Penerima ialah
 Le destinataire est mon/ma

Penerokaan 5D: Fokus terhadap mengembalikan hubungan kekeluargaan

Sumber 4



Lembaran fakta: Kanak-kanak Rwanda

Semasa penghapusan bangsa dan peperangan pada tahun 1994 yang menghuru-harakan Rwanda dan menyebabkan pelarian beramai-ramai penduduk Rwanda, kanak-kanak juga tidak terkecuali daripada dibunuh, dcederakan, dipaksa meninggalkan negara mereka atau dibiarkan keseorangan selepas ibu bapa mereka dibunuh. Dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa kanak-kanak ini, beberapa organisasi dan individu telah memutus-kan untuk menerangkan mereka ke negara Afrika yang berhampiran atau ke Eropah.

Askar Perancis, contohnya, telah membawa 72 orang kanak-kanak pada bulan April 1994 ke negara Perancis di mana mereka ditempatkan di sebuah rumah desa yang besar yang ditadbir oleh majlis daerah. "Kanak-kanak ini memang sepatutnya pulang ke negara asal mereka. Kami telah mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan suatu cara hidup komuniti bagi mereka, supaya mereka tidak hilang punca dan untuk memudahkan mereka pulang ke negara mereka. Kami menjaga dan memastikan kanak-kanak ini diajar dalam kedua-dua bahasa — Perancis dan Rwanda — supaya tidak menyingkirkan mereka daripada bahasa mereka sendiri," kata seorang pegawai Perancis.

Pada bulan Julai 1996, 46 orang kanak-kanak telah diterangkan balik ke Rwanda. Palang Merah telah mengenal pasti 20 keluarga yang berkenaan dan sedang membuat siasatan lanjut bagi 26 yang

lain. "Jika pencarian ini tidak berjaya, mereka akan ditempatkan bersama keluarga-keluarga angkat. Bantuan untuk penjagaan mereka akan berupa bekalan keperluan asas", kata seorang petugas Palang Merah.

Pada penghujung tahun 2000, enam tahun selepas kejadian di Rwanda, 67,000 daripada 74,700 orang kanak-kanak yang tidak diiringi yang didaftarkan di Rwanda atau di negara luar oleh organisasi kemanusiaan telah disatukan semula dengan keluarga mereka.

Protokol I Tambahan Kepada Konvensyen Geneva 12 Ogos 1949

Per. 78 1. Pemindahan kanak-kanak

Tidak ada pihak yang terlibat dalam konflik boleh mengaturkan pemindahan kanak-kanak, melainkan rakyat negaranya sendiri, ke suatu negara asing kecuali suatu pemindahan sementara atas sebab-sebab desakan kesihatan atau rawatan perubatan terhadap kanak-kanak atau (...) keselamatan mereka, adalah sangat diperlukan. Di mana ibu bapa mereka atau penjaga yang sah boleh dijumpai, surat persetujuan bagi pemindahan tersebut dikehendaki. Sekiranya orang-orang ini tidak dijumpai, surat persetujuan bagi pemindahan tersebut dikehendaki daripada seseorang yang secara undang-undang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penjagaan kanak-kanak itu...

Kenyataan bersama ICRC, UNHCR dan Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, pada 27 Jun 1994 mengenai pemindahan kanak-kanak yang tidak diiringi di Rwanda

Dalam keadaan sekarang di Rwanda, adalah mustahil untuk mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai mengenai nasib atau takdir ahli-ahli keluarga yang telah terpisah. Sehingga lah pengesanan saudara mara boleh dilakukan, andaian perlu dibuat yang setiap kanak-kanak yang tidak diiringi mungkin mempunyai saudara mara yang masih hidup di Rwanda atau di negara-negara jiran.

Pemindahan, penerimaan dan penjagaan hendaklah dirancang dengan mengambil kira penyatuan semula kanak-kanak dan saudara mara mereka secepat yang mungkin.

Penerokaan 5E: Etika tindakan kemanusiaan

Penerokaan 5E memeriksa dilema yang dihadapi oleh petugas kemanusiaan. Para pelajar memeriksa dua prinsip tindakan kemanusiaan — berkecuali dan kesaksamaan. Mereka akan menggunakan pembelajaran kes-mini untuk mempelajari maksud dan bagaimana ia diamalkan dengan menganalisa dilema sebenar yang dihadapi oleh petugas kemanusiaan.

Objektif:

- ▲ untuk menyedari tentang beberapa prinsip, seperti berkecuali dan kesaksamaan, yang menjadi asas kepada tindakan kemanusiaan
- ▲ untuk memahami dilema yang dihadapi oleh petugas-petugas kemanusiaan dalam melaksanakan tugas mereka

Sumber:

- ▲ Prinsip semasa bertugas dalam tindakan kemanusiaan

Masa:

Satu sesi 45-60 minit

Berkecuali (tidak memihak kepada mana-mana pihak)

Dalam usaha untuk mendapatkan dan mengekalkan keyakinan semua orang, petugas-petugas kemanusiaan tidak boleh memihak kepada mana-mana pihak yang sedang bermusuhan atau sedang berkontroversi.

Kesaksamaan (keutamaan berdasarkan keperluan)

Petugas-petugas kemanusiaan tidak boleh mendiskriminasikan berdasarkan kerakyatan, kaum, kepercayaan agama, kelas sosial atau pendapat politik. Mereka dibimbing semata-mata oleh keperluan-keperluan individu dan mestilah memberikan keutamaan mengikut kes yang paling memerlukan perhatian segera.

Kebebasan (menentang tekanan)

Organisasi kemanusiaan menentang tekanan atau pengaruh daripada orang luar walaupun mereka merupakan penderma, badan-badan antarabangsa atau kerajaan-kerajaan dalam usaha untuk membolehkan mereka bertindak dengan berkesan menurut keperluan kemanusiaan yang sebenar.

1. Prinsip semasa bertugas dalam tindakan kemanusiaan (5 minit)

Bincangkan idea bahawa orang ramai menerima prinsip untuk membimbing tugas mereka.

Soalan-soalan yang mungkin:

- Adakah anda tahu apa-apa prinsip yang tertentu yang mengikat perlakuan seseorang semasa menjalankan profesion mereka?

[Contohnya: Sumpah Hippokratik yang menyenaraikan peraturan dan tugas yang seseorang doktor harus ikuti, kod etika wartawan yang termasuk tidak mendedahkan nama orang yang telah memberikan maklumat kepada mereka jika ia boleh membahayakan pemberi maklumat itu atau permintaan mereka untuk dibiarkan bersendirian.]

Penerokaan 5E: Etika tindakan kemanusiaan

- Apakah prinsip yang pada pendapat anda para petugas kemanusiaan perlukan untuk membimbing mereka dalam melaksanakan aktiviti mereka bagi pihak mangsa konflik bersenjata?

2. Pemakaian prinsip bertugas

(15-20 minit)

Banyak organisasi kemanusiaan yang mempunyai kanun tatacara kelakuan yang termasuklah prinsip seperti Kesaksamaan, Berkecuali atau Kebebasan.

Minta pelajar mengguna pakai prinsip ini kepada beberapa situasi yang dibentangkan dalam Sumber 1.

Bagi setiap situasi, tanya

- Apakah jawapan mereka jika mereka adalah petugas kemanusiaan?
- Apakah prinsip yang menyebabkan mereka menjawab sedemikian?
- Apakah pertimbangan utama yang harus dipertahankan oleh petugas kemanusiaan dalam situasi sebegini?

Berkumpul semula untuk berbincang idea ini. Setiap kumpulan hendaklah membuat catatan tentang peranan yang dimainkan oleh prinsip berkecuali dan kesaksamaan dalam keputusan yang perlu dibuat oleh para petugas kemanusiaan. Bantu pelajar untuk mengenal pasti situasi yang selalu melibatkan kedua-dua prinsip.



Untuk menjadi neutral dan saksama bukanlah satu-satunya matlamat tetapi merupakan suatu cara untuk melaksanakan tugas-tugas kemanusiaan, satu-satunya pertimbangan untuk membantu orang yang memerlukan bantuan dan perlindungan.

Prinsip ICRC mengenai berkecuali (tidak memihak kepada mana-mana pihak), kesaksamaan (memberikan khidmat kepada semua mangsa mengikut keperluan) dan kebebasan (bukan orang suruhan kepada mana-mana pihak berkuasa politik) menghendaki ICRC menentang cubaan oleh pihak yang bermusuhan untuk memilih perkhidmatannya atau tidak membenarkan perkhidmatan sedemikian diberi kepada pihak musuh. Penentangan ini bukanlah menggunakan kekerasan dan bukanlah berat sebelah. (...) Oleh yang demikian, petugas ICRC mestilah terus bersabar, berhati-hati, tidak menggunakan kekerasan (...) dan bersedia untuk hidup dengan dilema.

— Nicholas Berry, Peperangan dan Palang Merah
(*War and the Red Cross*)

3. Dilema etika dalam tindakan kemanusiaan

(15-20 minit)

Tindakan kemanusiaan kadangkalanya dikritik dan dipersoalkan. Selalunya pengkritik akan menuding kepada etika dilema yang dihadapi oleh petugas kemanusiaan dalam melaksanakan tugas mereka.

Minta pelajar mengenal pasti dilema etika dalam beberapa situasi berikut, putuskan apakah tindakan yang akan diambil dan buat hujah sebagai persediaan untuk menjawab kritikan itu.

Suatu *dilema etika* boleh didefinisikan sebagai suatu situasi di mana percubaan untuk mencapai matlamat yang wajar berkonflik dengan suatu matlamat lain atau membawa kepada sesuatu yang buruk dan juga baik.

Penerokaan 5E: Etika tindakan kemanusiaan

Kami berhak kepada kehidupan biasa seperti semua orang lain. Apa yang dilakukan oleh masyarakat dunia sekarang amat sedikit. Masyarakat dunia boleh memberhentikan ini lebih awal lagi jika ia mahu.

– seorang wanita yang hidup dalam tren wagon selama enam tahun, selepas konflik bersenjata di Bosnia-Herzegovina

CATATAN: Para pelajar boleh berdebat sama ada atau tidak meneruskan tindakan kemanusiaan — kenapa ya atau tidak.

Atau tiga kumpulan kecil boleh mengendalikan satu situasi setiap kumpulan dan memutuskan apa perlu dibuat; kemudian bentangkan situasi dan keputusan mereka kepada semua.

A. Adakah kita memanjangkan peperangan?

Agensi bantuan datang untuk menyelamatkan orang awam yang terdesak dalam kawasan yang musnah akibat peperangan. Memandangkan agensi menyediakan sokongan luar bagi memastikan orang awam selamat, kumpulan yang sedang bermusuhan boleh mengabaikan keperluan orang awam mereka sendiri. Bantuan luar ini membolehkan mereka menggunakan segala sumber dalam negara untuk dibekalkan kepada askar mereka. Dan ini akan membantu untuk tidak menamatkan peperangan itu.

B. Adakah kita membantu polisi pemisahan etnik?

Orang awam melarikan diri ke Zon Perlindungan yang didirikan sebagai tempat perlindungan bagi mangsa “pembersihan etnik” dalam negara mereka. Daripada zon ini, petugas kemanusiaan membantu memindahkan mereka ke pusat pelarian di luar negara. Tindakan kemanusiaan ini menyumbang kepada pembersihan etnik dengan mengeluarkan mangsa dari tanah air mereka sendiri.

C. Adakah tindakan kemanusiaan menyediakan helah bagi ahli politik menafikan penglibatan mereka?

Dua negara sedang berperang, dan pembunuhan di kalangan penduduk awam sangat besar. Sesetengah suara di negara-negara lain mengutuk keadaan pahit getir yang terpaksa dihadapi oleh mangsa, tetapi tiada kerajaan asing yang sanggup campur tangan sama ada untuk meminta kedua-dua pihak yang berperang itu untuk berhenti atau memberi tekanan kepada mereka supaya tidak membunuh penduduk awam. “Apakah erti cuba untuk membawa bantuan kemanusiaan apabila kita sememangnya tahu bahawa ia hanyalah ‘setitik air di lautan’ dan tanpa tekanan politik negara asing atau campur tangan ketenteraan, pertubuhan kemanusiaan hanya memberikan perasaan tidak bersalah kepada dunia” berkata dengan sedih seorang petugas kemanusiaan.

D. Adakah kita membenarkan perpindahan secara paksaan terhadap orang awam?

Untuk menguatkuasakan kawalan di sebuah kampung dalam zon peperangan di mana pemberontak menggunakannya sebagai tempat perlindungan, orang awam terpaksa tinggal di dalam kem 30 kilometer jauhnya daripada rumah mereka. Agensi bantuan kemanusiaan telah diminta membawa makanan dan bantuan perubatan ke kem itu. Dengan berbuat demikian, bermakna, kita membenarkan perpindahan secara paksaan terhadap orang awam.

4. Prinsip-prinsip kerahsiaan (15-25 minit)

Sejak dua tahun kebelakangan ini, petugas Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) telah melawat beberapa penjara di Nepal dan telah berjumpa dengan lebih 600 tahanan, kebanyakannya yang mempunyai hubungan dengan gerakan Mao. Apabila ditanya tentang keadaan tahanan ini di dalam penjara atau sama ada mereka telah didera, Jean-Jacques Bovay, ketua delegasi bagi ICRC di Nepal tidak mahu memberikan sebarang komen, dan berkata “Ia akan melanggar prinsip ICRC. Kami tidak boleh mendedahkan perkara ini kepada pihak akhbar tetapi kami telah memaklumkan pegawai-pegawai kerajaan tentang apa yang kami telah lihat semasa lawatan ke penjara.”

Penerokaan 5E: Etika tindakan kemanusiaan

Apabila ditanya sama ada pihak ICRC itu ada maklumat berkenaan lebih daripada 60 pemberontak yang telah hilang yang ditanya berkali-kali oleh pihak Mao kepada kerajaan supaya mendedahkannya kepada umum, Bovay berkata bahawa ICRC “mungkin ada maklumat sedemikian” tetapi sekali lagi menegaskan bahawa dia tidak boleh berkongsi maklumat itu dengan pihak akhbar.

– Sumber: *Kathmandu Post* melalui laman web *Nepalnews.com*, 23 Mac 2001

Soalan-soalan yang mungkin:

- Dalam cara apakah prinsip kerahsiaan membantu petugas kemanusiaan untuk mendekati mangsa?
- Dalam cara apakah ia berhubung dengan prinsip berkecuali dan kesaksamaan?

Penutup

Tulis perkataan prinsip berkecuali, kesaksamaan, kebebasan dan kerahsiaan di mana semua orang boleh lihat. Bincangkan bagaimana pelajar mengambil kira prinsip-prinsip ini semasa mereka membuat keputusan.

- Kenapa prinsip berkecuali dan kesaksamaan diperlukan dalam tindakan kemanusiaan?

[Dengan mengekalkan prinsip berkecuali, petugas kemanusiaan boleh bergerak melalui zon peperangan untuk membantu mangsa di kedua-dua belah pihak bagi sesuatu konflik. Dengan mengamalkan kesaksamaan, mereka boleh memberikan perkhidmatan kepada mangsa semata-mata berdasarkan keperluan]

Bagi ICRC, suatu peraturan yang ketat mengenai tatacara kelakuan adalah penting kerana ia memberikan mandat untuk melaksanakan tugas yang sensitif seperti melawat tahanan di penjara atau bertindak sebagai orang tengah yang berkecuali antara dua pihak yang berperang.

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Keperluan untuk mewujudkan satu kod etika untuk pertubuhan kemanusiaan semasa menjalankan aktiviti bantuan kemanusiaan.
- ◆ Petugas-petugas pertubuhan kemanusiaan haruslah berkecuali dan saksama dalam memberi perlindungan dan bantuan untuk mendapatkan serta mengekalkan keyakinan daripada semua pihak yang terlibat dalam sesuatu konflik.
- ◆ Petugas-petugas pertubuhan kemanusiaan sering mengalami dilema etika dalam menjalankan tugas mereka. Walaupun tiada satu jawapan atau keputusan terbaik yang boleh dicapai dalam sesuatu situasi, adalah penting untuk memahami bahawa dengan tidak melakukan apa-apa pun juga merupakan satu keputusan yang akan membawa kesan yang tersendiri.

CATATAN: Para pelajar mungkin akan berkata bahawa beberapa situasi adalah “tidak menang” (iaitu, tidak boleh diselesaikan dengan memuaskan walau apapun keputusan yang dibuat). Tunjukkan bahawa walaupun dalam keadaan tidak menang, petugas kemanusiaan tidak boleh mengelak daripada membuat pilihan. Tidak berbuat apa-apa juga ialah suatu pilihan sama seperti kita mengambil sesuatu tindakan yang tertentu.

Aktiviti lanjutan



Prinsip berkecuali dan kesaksamaan di sekeliling anda

Bincangkan bagaimana sesuatu prinsip seperti prinsip berkecuali berbeza apabila diguna pakai dalam kehidupan sehari-hari. (Pada kebanyakan masa kita perlu memihak. Fikirkan hanya mengenai penglibatan politik oleh rakyat yang memang tidak selaras dengan prinsip berkecuali.)

Cari satu cerita daripada sejarah, agama atau kesusasteraan di mana menjadi berkecuali (atau tidak menjadi neutral) telah menjadi penting.

Atau tulis esei yang meneroka kenapa kita marah apabila kita mengesyaki seseorang yang berkuasa tidak adil dalam cara dia melayan orang ramai.

Anda berada di sana — dilema

Bayangkan anda ialah seorang petugas kemanusiaan dalam salah satu situasi yang diperuntukkan dalam aktiviti ini (atau suatu situasi yang diinspirasikan daripadanya).

Dalam kumpulan kecil, main peranan bagi salah satu situasi berikut:

- ▲ suatu pertenggaran mengenai apa yang perlu dilakukan apabila menghadapi masalah
- ▲ suatu wawancara oleh pihak akhbar di mana keputusan anda dikritik
- ▲ memberikan respons terhadap rungutan daripada pelarian yang tidak berpuas hati atau rakan setugas anda

Dalam satu kelas, para pelajar membayangkan dan melakonkan watak seorang petugas yang memberikan bantuan di pintu masuk khemah pelarian. Dia menemui satu keluarga yang mahu masuk ke dalam tetapi takutkan musuh yang berada di dalam. Bapa keluarga itu menegaskan dia mahu menyimpan pistolnya bagi tujuan melindungi isteri dan anaknya yang sedang sakit. Keluarga itu juga takut akan terpisah.

Selepas mereka melakonkan senario ini, kelas telah membincangkan prinsip yang diambil kira oleh petugas itu dan sama ada sesetengah prinsip itu berkonflik dengan prinsip lain dalam keadaan ini.



Prinsip semasa bertugas dalam tindakan kemanusiaan

Bagi setiap situasi: Apakah jawapan yang akan anda berikan jika anda ialah seorang petugas kemanusiaan? Terangkan prinsip di sebalik setiap jawapan.



Gambar: Gignoux/ICRC

1. Suatu daerah telah mengalami kebuluran disebabkan musim kemarau dan peperangan yang berlarutan. Suatu agensi kemanusiaan telah membuat suatu projek veterinar bagi orang-orang nomad yang bergantung kepada lembu-lembu mereka untuk hidup. Orang bagi suatu puak atau puak yang lain selalu berkata kepada para petugas kemanusiaan, "Awak tidak boleh pergi ke puak yang satu lagi kerana mereka ialah musuh kami. Bagaimana anda boleh membantu kami jika awak membantu mereka juga?"
2. Seorang pejuang pemberontak yang cedera parah baru sahaja dipindahkan ke hospital, di mana dia dirawat. Dua orang askar kerajaan, yang mengalami kecederaan yang tidak begitu serius, tiba di hospital. Semasa kakitangan perubahan merawat pemberontak itu, askar-askar itu bersemuka dengan mereka, dan berkata "Awak tentu berada di pihak mereka jika awak membantu mereka dan membuatkan kami menunggu. Tidakkah awak tahu apa yang telah dia lakukan kepada kami? Kami ingat awak sepatutnya berkecuali".



Gambar: B. Ryf/ ICRC

3. Semasa konflik bersenjata, organisasi kemanusiaan tempatan sedang mencari dana untuk membantu beribu-ribu orang yang terpaksa berpindah di utara negara yang musnah akibat peperangan. Ia didatangi oleh wakil suatu perniagaan antarabangsa yang terkenal yang menyatakan bahawa syarikatnya akan membayar untuk memberikan bantuan terus kepada penduduk yang tinggal di suatu bandar di selatan di mana dia memiliki sebuah kilang untuk mengurangkan tekanan yang menghalang ramai pekerja daripada pergi kerja setiap hari. Organisasi kemanusiaan menolak tawarannya.
- Apakah hujah yang akan anda gunakan untuk menyokong penolakan ini?

Helaian media

Objektif: untuk memberikan kesedaran mengenai tindakan kemanusiaan yang dijalankan di seluruh dunia

1. Apa yang sedang berlaku?
 - Cari laporan media mengenai perubahan kemanusiaan antarabangsa untuk mempelajari apa yang sedang mereka lakukan.
 - Tulis kepada mereka untuk mendapatkan laporan mereka mengenai aktiviti mereka di kawasan tertentu di seluruh dunia (atau akses laman web mereka untuk membaca laporan mereka).
 - Senaraikan perubahan dan program yang telah anda kaji. Gariskan aktiviti utama bagi setiap satu.
2. Apakah dilema yang dihadapi oleh petugas kemanusiaan?
 - Kenal pasti dilema dalam tindakan kemanusiaan yang anda jumpa dalam berita media atau melalui penyelidikan anda.
 - Buat analisa mengenai dilema itu.

Pilihan: Apakah tindakan yang mungkin boleh diambil?

Akibat: Apakah akibat yang mungkin bagi setiap tindakan?

(disengajakan/tidak disengajakan, positif/negatif, jangka masa pendek/panjang)

Perspektif: Bagaimana orang yang berlainan melihat situasi dan pilihan bagi setiap tindakan?

Keputusan: Apa yang akan anda cadangkan yang perlu dilakukan oleh pertubuhan kemanusiaan atau petugas kemanusiaan?



Kaedah penilaian

▲ Penilaian berterusan

Meneroka undang-undang kemanusiaan (EHL) menyediakan peluang harian kepada guru untuk mengetahui apakah yang dipelajari oleh pelajar mereka dan apakah tanggapan salah yang mungkin ada pada pelajar. Kaedah pengajaran yang aktif, seperti perbincangan dalam kelas, bekerja dalam kumpulan kecil, sumbangsaran dan main peranan semuanya menyediakan peluang sedemikian.

Ambil masa lima minit di penghujung setiap kelas untuk membolehkan pelajar menuliskan sebaris dua ayat bagi soalan-soalan: “Apakah yang telah saya pelajari hari ini?” dan “Apakah soalan-soalan yang ingin saya tanya?” Baca jawapan itu dan gunakannya untuk membina pengetahuan pelajar dan jelaskan tanggapan salah pada pelajaran yang akan datang.

▲ Portfolio kerja pelajar:

Di sepanjang modul ini, para pelajar diminta mewawancara pelbagai orang, mengambil pendirian tentang sesuatu isu dan mempertahankannya dengan contoh, menerangkan konsep dengan sajak, persembahan atau kerja seni atau menulis kertas kerja tentang sesuatu topik tertentu dengan mendalam.

Simpan satu folio bagi setiap pelajar, dengan draf hasil tulisan, kerja seni, wawancara dan keratan berita yang disumbangkan kepada kelas. Secara berkala, bincangkan hasil kerja dengan pelajar untuk memantau perkembangan mereka dalam pemahaman undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL).

Tampal hasil kerja pelajar di dinding.

▲ Soalan-soalan di penghujung modul:

Selepas Modul 5 lengkap, anda mungkin mahu menumpukan pelajaran terakhir kepada penilaian bertulis tentang apa pelajar telah pelajari. Anda boleh melakukan ini dengan satu soalan karangan (20-30 minit) dan dua atau tiga soalan berjawapan pendek (10 minit setiap satu).

1. Soalan karangan: Pilih satu. (25 minit)

- Apakah beberapa dilema etika yang dihadapi oleh para petugas kemanusiaan? Berikan contoh.
- Terangkan maksud kesaksamaan dan berkecuali, dan berikan suatu contoh bagi setiap satu.

2. Soalan berjawapan pendek: Pilih dua. (10 minit setiap satu)

- Kenal pasti empat langkah yang diperlukan untuk menyatukan semula keluarga yang terpisah oleh peperangan.
- Senaraikan lima cara di mana peperangan memusnahkan sokongan normal terhadap kehidupan manusia.
- Senaraikan tiga perkara yang perlu dirancang oleh petugas semasa menyediakan kem bagi penduduk yang terpaksa berpindah.



Soalan-soalan lain boleh digubal dengan meminta pelajar membina soalan dalam kumpulan kecil dan kemudian memilih salah satu daripadanya sebagai soalan karangan bagi seluruh kelas. Anda juga mungkin boleh minta setiap pelajar mencadangkan satu soalan yang mereka akan jawab semasa ujian. Pelajar akan dinilai berdasarkan kualiti soalan dan juga berdasarkan jawapan. Anda mungkin memilih suatu petikan kata-kata daripada artikel dalam surat khabar, petikan daripada turus sisi dalam salah satu bahan atau sumber lain. Minta pelajar menunjukkan perkara yang paling penting dan sama ada mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengannya.

Kriteria penilaian:

Tindak balas seorang pelajar yang efektif ialah yang:

- ▲ menggunakan konsep, seperti penyaksi, kombatan, dilema atau rangkaian kesan akibat dan istilah lain di dalam bahan ini
- ▲ memberikan contoh yang konkrit untuk menyokong faktanya
- ▲ memasukkan contoh daripada pelbagai sumber, seperti media berita, wawancara, perbincangan kelas dan bahan bacaan luar.

Teknik di atas hanyalah cadangan untuk membantu anda menilai hasil kerja pelajar bagi bahan-bahan EHL. Anda bebas untuk mengadaptasikannya mengikut keperluan anda.



Pelarian

- ▲ Pelarian (Amnesti Antarabangsa)
<http://www.refuge.amnesty.org/htm/home.htm>
- ▲ Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian
<http://www.unhcr.ch/>
- ▲ Jawatankuasa Amerika Syarikat bagi Pelarian
<http://www.refugees.org/>

Bantuan kemanusiaan

- ▲ Doktor Tanpa Sempadan
<http://www.doctorswithoutborders.org/>
- ▲ Projek Kemanusiaan dan Peperangan
http://www.brown.edu/Departments/Watson_Institute/H_W/mission.html
- ▲ Interaksi (Majlis Amerika bagi Tindakan Sukarela Antarabangsa)
<http://www.interaction.org/index.html>
- ▲ Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah
<http://www.icrc.org/eng>
Terdapat dalam bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol

Tahanan perang dan tahanan politik

- ▲ Konvensyen Geneva berkenaan dengan Layanan Terhadap Tahanan Perang
<http://www.icrc.org/ihl>
Terdapat dalam bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol
- ▲ Projek Hilang (Argentina)
<http://www.desaparecidos.org/arg/eng.html>
Terdapat dalam bahasa Inggeris dan Sepanyol

Penerokaan Penutup

Ke manakah kita akan pergi dari sini?

(Satu sesi persediaan, perancangan, dan masa projek, dan perjumpaan penilaian)

Bagaimanakah anda boleh menggalakkan rasa hormat terhadap maruah manusia?

Apakah yang boleh anda lakukan untuk membawa perubahan?

Bagaimana anda dapat mengembangkan kesedaran pada orang lain?

PENEROKAAN:

Ke manakah kita akan pergi dari sini? 375

KONSEP:

Pengerahan golongan muda
Kumpulan sasaran
Matlamat projek
Kekuatan dan sumber masyarakat
Maruah manusia

KEMAHIRAN YANG DIPRAKTIKKAN:

Mengenal pasti masalah
Menilai keperluan
Merancang tindakan
Menyimpan rekod
Penilaian projek

Penerokaan penutup: Ke manakah kita akan pergi dari sini?

Salah satu cara yang paling berkesan untuk menggalakkan dan mengekalkan pembelajaran datang dari peluang yang diberikan kepada pelajar untuk memakai konsep dan perlakuan yang sedang diajar. Para pelajar akan menggunakan kandungan pelajaran ini untuk mengajar orang lain, mencipta bahan untuk dikongsi dengan orang lain, dan menggunakan apa yang telah mereka pelajari melalui projek.

Pelajar dalam *Meneroka undang-undang kemanusiaan* (EHL) boleh mengembangkan kesan projek selain kumpulan mereka sendiri — kepada keluarga, rakan mereka dan masyarakat. Mereka juga boleh mengajar kanak-kanak, memberitahu cerita yang telah mereka kumpulkan kepada orang lain atau melibatkan diri dalam aktiviti kemanusiaan untuk membantu orang yang mudah terjejas.



Objektif:

- ✦ untuk mengaplikasi sesuatu yang telah dipelajari untuk merancang suatu projek yang memartabatkan maruah manusia
- ✦ untuk menjalankan suatu projek yang memartabatkan maruah manusia

Sumber:

- ✦ Video dan transkrip: Meneroka peperangan melalui drama

Jenis tindakan kemasyarakatan

Pelajar mungkin mereka suatu projek atau projek-projek untuk:

- ✦ mengajar orang lain mengenai undang-undang kemanusiaan antara-bangsa (IHL)
- ✦ menangani keperluan kemanusiaan yang khusus dalam kawasan mereka
- ✦ mempromosikan sokongan untuk IHL melalui aktiviti penyelidikan

IDEA BAGI PROJEK:

- A. Sampaikan perkhidmatan kepada kanak-kanak kecil dan/atau kumpulan masyarakat (melalui buku cerita, komik, pementasan pendek, pameran, persembahan, drama, surat kepada media, program panggilan melalui radio, buku panduan, dsb.)
- B. Menawarkan diri secara sukarela (membantu orang yang tiada tempat tinggal, pelarian, orang yang terpaksa berpindah, anak yatim, orang yang sakit, orang tua, dsb.)
- C. Daripada penyelidikan kepada tindakan (Buat penyelidikan mengenai pelaksanaan IHL atau langkah anti-diskriminasi di pelbagai peringkat, atau sertai pertubuhan kemanusiaan atau hak asasi manusia, dsb.)

Soalan-soalan untuk menilai kepentingan sesuatu projek yang mungkin:

- Adakah projek itu akan memberi pelajar hubungan peribadi dengan topik itu?
- Adakah projek itu menggalakkan pelajar untuk menunjukkan sifat sesuatu tindakan yang menyokong matlamat IHL?
- Adakah projek itu memberikan kuasa kepada para pelajar untuk menyebarkan pengetahuan mengenai IHL?

Penerokaan penutup: Ke manakah kita akan pergi dari sini?

Dari mula hingga akhir

1. Merancang projek
 - Projek ini untuk siapa?
 - Apakah matlamat projek?
 - Apa yang kita perlukan untuk mencapai matlamat untuk orang-orang itu?
2. Menjalankan projek
 - Apa yang berlaku setiap hari semasa rancangan itu?
 - Apakah penyesuaian yang perlu kita lakukan semasa pelaksanaan projek dan kenapa?
3. Refleksi
 - Apakah hasil projek kita?
 - Bagaimana reaksi orang ramai?
 - Apakah perbezaan hasil daripada projek itu terhadap saya?
 - Apa yang saya ingin lakukan sekarang?

Jadikan proses ini formal melalui beberapa cara, melalui tulisan atau cara lain seperti menyimpan rekod dan perbincangan, jadikan ia berfaedah kepada para pelajar dengan menyumbang kepada perkembangan peribadi mereka.

Persediaan untuk bertugas dalam masyarakat

Memahami aspek yang berkenaan dengan masyarakat yang menjadi sasaran merupakan suatu langkah yang penting. Cara pemikiran berikut mempunyai hubungan terutamanya dengan projek sukarela. Tetapi idea di sebaliknya boleh digunakan untuk merancang untuk sampai kepada kumpulan sasaran atau kepada projek penyelidikan-kepada-tindakan juga.

Sebelum memulakan projek sukarela, pelajar patut mengenali kekuatan dan kelemahan masyarakat sasaran. Walaupun semasa masyarakat mudah terjejas dan memerlukan sokongan, kemahiran dan sumbangan mereka, bila-bila boleh, hendaklah dimasukkan dalam mana-mana rancangan yang hendak dibuat untuk memberikan respons terhadap keperluan mereka. Para pelajar mungkin tidak boleh mendapatkan maklumat mengenai masyarakat itu, tetapi mereka haruslah sedar bahawa adalah penting kepada kedua-dua pihak untuk berunding dan bekerja dengan masyarakat apabila memberikan bantuan. Gerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah telah menetapkan empat langkah utama dalam menjalankan kerja dalam masyarakat.

1. Bekerja dengan orang ramai untuk mengenal pasti kekuatan masyarakat mereka.
2. Bekerja bersama-sama untuk mengenal pasti masalah, keperluan dan ancaman.
3. Kenal pasti orang yang paling memerlukan sokongan dan orang yang paling tinggi keutamaannya dengan kemahiran dan sumber yang ada.
4. Bekerja dengan masyarakat untuk memperbaiki situasi bagi orang yang paling mudah terjejas.

— Diadaptasikan daripada *Keperluan untuk bertindak (Needs to action)*, Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, 1995.

Semasa pelajar menimbangkan projek yang akan mereka jalankan, mereka patut memikirkan mengenai bagaimana mereka akan menggunakan sumber dan sumbangan daripada masyarakat.

Penerokaan penutup: Ke manakah kita akan pergi dari sini?

IDEA-IDEA UTAMA

- ◆ Terdapat pelbagai cara bagaimana seseorang itu boleh membantu memartabatkan maruah manusia. Antara cara yang terbaik ialah dengan melibatkan diri dalam sesuatu projek yang bersesuaian dengan kemahiran dan minat seseorang.
- ◆ Apabila menjalankan tugas bagi pihak orang lain, adalah penting untuk mengambil kira perspektif mereka.
- ◆ Penilaian perlu dijalankan untuk meninjau pelaksanaan sesuatu projek untuk membolehkan rancangan untuk masa hadapan dapat dinilai semula secara berkala.

Penerokaan penutup: Ke manakah kita akan pergi dari sini?

Aktiviti lanjutan



Sampaikan melalui drama

Tonton video “Meneroka peperangan melalui drama”, yang menunjukkan satu kumpulan drama dari Ireland Utara yang melakonkan babak mengenai kesusahan yang dihadapi oleh mangsa konflik bersenjata. Walaupun kumpulan orang-orang muda ini telah bekerja bersama-sama selama beberapa tahun, persembahan mereka boleh memberikan idea dan inspirasi untuk anda melakonkan babak-babak anda sendiri.

Pilih beberapa isu daripada *Meneroka undang-undang kemanusiaan* yang anda ingin lakonkan. Bekerja dengan para pelajar yang lain untuk membuat babak-babak anda sendiri.

Fikirkan mengenai para penonton (seperti suatu sekolah atau organisasi agama atau masyarakat) dan aturkan bagaimana untuk mempersembahkan lakonan anda.



Penerokaan penutup: Ke manakah kita akan pergi dari sini?

Sumber



Meneroka peperangan melalui drama

Lelaki: Afghanistan

Perempuan: Somalia

Lelaki: Chechnya

Perempuan: Rwanda

Perempuan: Sierra Leone

Perempuan: Sri Lanka

Perempuan: Uganda

Perempuan: Afrika Selatan

Lelaki: Colombia

Perempuan: Israel

Lelaki: Ireland Utara

Lelaki: Kiri, kiri, kiri, kiri,

Lelaki: Berhenti. Menghadap kanan.

Perempuan: Mereka menyebabkan saya meninggalkan rumah saya.

Lelaki: Mereka menyebabkan saya meninggalkan keluarga saya.

Perempuan: Mereka menyebabkan saya meninggalkan negara saya.

Ahli-ahli kumpulan kemudian melakukan babak yang diingati oleh seorang pelajar perempuan pada hari dia diberikan tempoh 24 jam untuk meninggalkan rumahnya. Isteri menuduh suami bahawa dia telah mengatakan sesuatu yang salah yang menyebabkan mereka terpaksa berpindah, tetapi si suami menafikannya. Mereka memberitahu anak perempuan mereka yang kecil bahawa mereka akan pergi bercuti.

Semasa mengenang kembali, anak perempuan itu mengingati akan perkara-perkara zaman kanak-kanaknya yang terpaksa dia tinggalkan pada hari itu — kawan baiknya, peluangnya untuk bermain anak patung “Malibu Barbie”, majlis hari jadi di suatu tempat istimewa yang dipanggil “Bananas”.

Anak lelaki yang berusia 18 tahun enggan pergi bersama mereka, dan menyalahkan bapanya bagi kesudahan yang terpaksa dihadapi.

[Selepas babak ini, sambung dengan korus]

Perempuan: Saya adalah wanita berusia 72 tahun dari Chechnya

Perempuan: Afrika Selatan

Perempuan: Somalia

Lelaki: Afghanistan

Perempuan: Israel

Perempuan: Ireland Utara

Perempuan: Iraq

Perempuan: Ini suami saya dan ini rumah kami; ia telah bersama keluarga kami selama beberapa generasi.

[Jeritan askar-askar apabila mereka memusnahkan rumah dan memukul penghuninya.]

Perempuan: Saya adalah wanita berusia 72 tahun dari Chechnya [menangis]

Perempuan: Afrika Selatan

Perempuan: Somalia

Lelaki: Afghanistan

Perempuan: Israel

Perempuan: Iraq

Perempuan: Ireland Utara

Ke manakah kita akan pergi dari sini?

Penerokaan penutup: Ke manakah kita akan pergi dari sini?

Helaian media

Objektif: untuk mengumpulkan maklumat yang membantu anda memilih projek untuk mengenal pasti media mana yang boleh membantu anda belajar mengenai masyarakat anda
untuk mengenal pasti media mana yang perlu digunakan bagi maklumat penyelidikan

1. Cari suatu laporan berita mengenai situasi di mana maruah manusia berada dalam risiko, suatu situasi yang memberikan anda inspirasi untuk melibatkan diri.
 - Apakah situasi itu?
2. Jika situasi itu dalam masyarakat anda:
 - Cari akhbar atau saluran televisyen yang melaporkan berita mengenai dan bagi masyarakat itu.
 - Senaraikan cara sumber berita itu boleh membantu anda.
3. Jika masalah itu suatu masalah di seberang dunia yang lain:
 - Cari sumber berita, maklumat latar belakang dan senarai kumpulan yang bekerja untuk menangani masalah yang sama.
 - Senaraikan sumber anda.





Kaedah-kaedah penilaian

▲ Penilaian berterusan

Meneroka undang-undang kemanusiaan (EHL) menyediakan peluang harian kepada guru untuk mengetahui apakah yang dipelajari oleh pelajar mereka dan apakah tanggapan salah yang mungkin ada pada pelajar. Kaedah pengajaran yang aktif, seperti perbincangan dalam kelas, bekerja dalam kumpulan kecil, sumbangsaran dan main peranan semuanya menyediakan peluang sedemikian.

Ambil masa lima minit di penghujung setiap kelas untuk membolehkan pelajar menuliskan sebaris dua ayat bagi soalan-soalan: “Apakah yang telah saya pelajari hari ini?” dan “Apakah soalan-soalan yang ingin saya tanya?” Baca jawapan itu dan gunakannya untuk membina pengetahuan pelajar dan jelaskan tanggapan salah pada pelajaran yang akan datang.

▲ Portfolio kerja pelajar:

Di sepanjang modul ini, pelajar diminta mewawancara pelbagai orang, mengambil pendirian tentang sesuatu isu dan mempertahankannya dengan contoh, menerangkan konsep dengan sajak, persembahan atau kerja seni atau menulis kertas kerja tentang sesuatu topik tertentu dengan mendalam.

Simpan satu folio bagi setiap pelajar, dengan draf hasil tulisan, kerja seni, wawancara dan keratan berita yang disumbangkan kepada kelas. Secara berkala, bincangkan hasil kerja dengan pelajar untuk memantau perkembangan mereka dalam pemahaman undang-undang kemanusiaan antarabangsa (IHL).

Tampal hasil kerja pelajar di dinding.

Simpan satu folder khas untuk projek penerangan, masyarakat atau penyelidikan untuk modul ini. Masukkan pendapat pelajar mengenai projek di peringkat yang berlainan: mengenal pasti masalah, penilaian keperluan, perancangan tindakan, menyimpan rekod, menulis jurnal dan penilaian projek.

▲ Soalan di penghujung modul:

Selepas semua projek lengkap, anda mungkin mahu menumpukan pelajaran terakhir kepada penilaian bertulis tentang apa pelajar telah pelajari. Anda boleh melakukan ini dengan satu soalan karangan (20-30 minit) dan dua atau tiga soalan berjawapan pendek. Ini adalah suatu peluang bagi pelajar untuk memberikan gambaran tentang penyelidikan atau projek tindakan mereka.

1. Soalan karangan: Pilih satu.

- Dalam cara apakah anda telah berjaya mencapai matlamat projek? Apakah perbezaan yang akan anda buat pada masa akan datang? Apakah langkah seterusnya untuk melanjutkan matlamat projek anda?
- Apakah yang telah anda pelajari mengenai undang-undang kemanusiaan, tindakan kemanusiaan, kekuatan masyarakat dan sumber-sumber, dan diri anda sendiri melalui pengalaman?
- Apakah yang anda telah pelajari mengenai penggunaan media untuk kajian dan tindakan berkenaan dengan undang-undang kemanusiaan antarabangsa?



2. Soalan-soalan berjawapan pendek:

Soalan-soalan lain boleh digubal dengan meminta pelajar membina soalan dalam kumpulan kecil dan kemudian memilih salah satu daripadanya sebagai soalan karangan bagi seluruh kelas. Anda juga mungkin boleh minta setiap pelajar mencadangkan satu soalan yang mereka akan jawab semasa ujian. Pelajar akan dinilai berdasarkan kualiti soalan dan juga berdasarkan jawapan. Anda mungkin memilih suatu petikan kata-kata daripada artikel dalam surat khabar, petikan daripada turus sisi dalam salah satu bahan atau sumber lain. Minta pelajar menunjukkan perkara yang paling penting dan sama ada mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengannya.

Kriteria penilaian:

Tindak balas seorang pelajar yang efektif ialah yang:

- ▲ menggunakan konsep, seperti penyaksi, kombatan, dilema atau rantaian kesan akibat dan istilah lain di dalam bahan ini
- ▲ memberikan contoh yang konkrit untuk menyokong faktanya
- ▲ memasukkan contoh daripada pelbagai sumber, seperti media berita, wawancara, perbincangan kelas dan bahan bacaan luar

Teknik di atas hanyalah cadangan untuk membantu anda menilai hasil kerja pelajar bagi bahan-bahan EHL. Anda bebas untuk mengadaptasikannya mengikut keperluan anda.



Projek tindakan

- ▲ Suara Belia UNICEF: Belia dari seluruh dunia menulis mengenai projek tindakan di mana mereka terlibat:

<http://www.unicef.org/young>

Projek khidmat masyarakat

Jika anda mahu menjalankan projek khidmat dalam masyarakat anda dan mahu menggunakan Web untuk mencari idea dan peluang, periksa laman web Persatuan Palang Merah Kebangsaan anda dan organisasi sukarela yang lain.

Penyelidikan atau projek publisiti

Jika anda mahu membuat penyelidikan atau projek publisiti mengenai apa-apa topik yang telah anda teroka dalam EHL, periksa laman web yang disenaraikan di hujung modul yang berkenaan dengan topik itu. Dua laman yang boleh anda gunakan untuk membuat penyelidikan mengenai kejadian semasa adalah:

<http://www.oneworld.org>

Artikel semasa dan yang lama dari seluruh dunia daripada pelbagai sumber. Bahasa: Inggeris, Belanda, Finland, Jerman, Norway, Sepanyol dan Sweden.


<http://www.un.org/cyberschoolbus>

Kertas taklimat untuk belia mengenai pelbagai topik yang berhubung dengan maruah manusia. Bahasa: Arab, China, Inggeris, Perancis, Rusia dan Sepanyol.

Meneroka Undang-Undang Kemanusiaan



Istilah



ICRC



Banyak perkataan yang diguna dalam *Meneroka Undang-undang Kemanusiaan* digunakan dalam cara yang tersendiri. Contohnya, penggunaan “tindakan kemanusiaan” oleh kami adalah lebih sempit berbanding dengan penggunaan biasa istilah ini. Pembaca harus sedar bahawa kebanyakan istilah di bawah mempunyai penggunaan umum yang lebih meluas daripada yang dinyatakan di sini.

akibat (bukan perundangan) (*consequence (non-legal)*) – keadaan yang terjadi akibat sesuatu tindakan atau tingkah laku.

belas kasihan, enggan memberikan (*quarter, to refuse to grant*) – amalan yang tidak sah yang terdiri daripada enggan membiarkan seseorang hidup, termasuklah seseorang yang tidak berdaya untuk mempertahankan diri mereka sendiri atau orang yang telah menyerah diri.

berkecuali (*neutrality*) – tidak memihak kepada mana-mana belah dalam suatu konflik.

berkuat kuasa (*entry into force*) – masa apabila sesuatu perjanjian mula mempunyai kesan undang-undang.

bukan kombatan (*non-combatant*) – orang yang tidak, atau tidak lagi, mengambil bahagian dalam permusuhan.

darurat (bukan perundangan) (*emergency (non-legal)*) – dalam kerja-kerja kemanusiaan, keadaan yang perlu untuk memenuhi keperluan yang mendesak orang ramai yang sedang dalam risiko sama ada oleh sebab sesuatu bencana atau konflik bersenjata. Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah hanya campur tangan dalam keadaan konflik bersenjata atau kekacauan dalaman sementara Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah campur tangan dalam hal-hal bencana alam.

dilema etika (bukan perundangan) (*ethical dilemma (non-legal)*) – keadaan di mana pelaksanaan suatu tujuan yang bermanfaat berkonflik dengan suatu tujuan bermanfaat yang lain atau membawa kepada keburukan dan juga kebaikan.

hors de combat (hors de combat) – merujuk kepada kombatan yang telah ditangkap, tercedera, yang sakit atau ditimpa nahas kapal dan tidak lagi boleh berperang.

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (*International Committee of the Red Cross (ICRC)*) – pertubuhan kemanusiaan yang saksama, berkecuali dan bebas yang mempunyai misi untuk melindungi nyawa dan maruah mangsa peperangan dan keganasan dalaman dan memberikan bantuan kepada mereka. ICRC mengarah dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti bantuan antarabangsa dalam keadaan konflik. Ia juga berusaha untuk menghalang penderitaan dengan menggalakkan dan memperkukuhkan undang-undang kemanusiaan dan prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat.

jenayah peperangan (*war crime*) – pelanggaran serius undang-undang kemanusiaan antarabangsa, seperti membunuh secara sengaja; penderaan dan layanan tidak berperikemanusiaan; dengan sengaja menyebabkan penderitaan yang terlampau; dengan serius membahayakan integriti fizikal atau kesihatan; menyerang penduduk awam; mengusir keluar atau secara tidak sah memaksa kumpulan-kumpulan penduduk berpindah; menggunakan senjata atau kaedah-kaedah peperangan yang dilarang (senjata kimia, bakteria atau yang boleh membakar); atau merampas harta awam atau persendirian.

jenayah terhadap kedamaian (*crimes against peace*) – perancangan, persediaan, permulaan atau pelancaran suatu peperangan, pencerobohan, atau peperangan yang mencabuli perjanjian antarabangsa. Semua jenayah ini telah diberikan definisi sedemikian rupa oleh Piagam Tribunal Nuremberg.

jenayah terhadap kemanusiaan (*crimes against humanity*) – pembunuhan, pemsuhan, pengabdian, pengusiran, pemenjaraan atau penyeksaan, apabila dilakukan sebagai sebahagian daripada serangan yang secara meluas atau sistematik yang diarahkan terhadap mana-mana penduduk awam. Ini telah diberikan definisi, dengan sedikit perbezaan, oleh Piagam Tribunal Nuremberg dan oleh Statut Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi bekas Yugoslavia, Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi Rwanda dan Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

kanak-kanak (*child*) – Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1989 mengenai Hak Kanak-Kanak mendefinisikan seorang kanak-kanak sebagai “manusia di bawah umur lapan belas tahun melainkan wujudnya undang-undang yang digunapakai dalam sesebuah negara yang mentakrifkan kanak-kanak selain dari definisi ini”.



kekacauan dalaman (*internal disturbances*) – cetusan serius dalaman akibat perbuatan ganas yang bukan konflik bersenjata (misalnya, rusuhan, pergolakan antara parti atau terhadap pihak berkuasa).

kepatuhan (*compliance (adherence)*) – terma yang bererti bahawa sesuatu tingkah laku sesuatu negara atau pertubuhan adalah konsisten dengan apa yang ditetapkan di bawah sesuatu perjanjian antarabangsa.

keperluan ketenteraan (*military necessity*) – konsep di mana penggunaan kekerasan tertentu dalam sesuatu pertempuran yang diperlukan untuk mencapai objektif peperangan dijustifikasikan, objektif peperangan ialah penyerahan sepenuhnya pihak musuh seberapa cepat yang boleh dengan jumlah kehilangan manusia, bahan-bahan dan kewangan yang minimum.

kerahsiaan (*confidentiality*) – keupayaan untuk menyimpan sesuatu rahsia. Kerahsiaan telah dipilih sebagai suatu kaedah kerja standard oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC), dalam usaha untuk mendapatkan akses kepada mangsa-mangsa dan melindungi mereka dengan mengadakan dialog yang efisien dengan pihak-pihak berkuasa. Undang-undang kes-kes mengesahkan bahawa ICRC mempunyai hak mutlak untuk tidak membuat pendedahan. Sesiapa yang bekerja dengan ICRC tidak boleh (melainkan diberi kuasa oleh ICRC sendiri) memberi keterangan di mana-mana mahkamah atau tribunal mengenai apa-apa perkara yang dibawa ke perhatian mereka semasa menjalankan tugas (Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi bekas Yugoslavia, kes Simic, 27 Julai 1999).

kerosakan sampingan (*collateral damage*) – kerosakan atau kehilangan yang disebabkan semasa suatu serangan walaupun semua langkah berjaga-jaga yang perlu telah diambil untuk menghalang, atau dalam apa-apa hal untuk meminimumkan, kehilangan nyawa orang awam, kecederaan kepada orang awam dan kerosakan kepada objek awam.

kesaksamaan (bukan perundangan) (*impartiality (non-legal)*) – berkhidmat kepada orang ramai atau membuat keputusan berkenaan orang berdasarkan keperluan mereka, tanpa mengira kerakyatan, ras, pegangan agama, kedudukan sosial atau pendapat politik.

kesan kocakan (bukan perundangan) (*ripple effect (non-legal)*) – tanggapan bahawa suatu tindakan sahaja atau perbuatan boleh merebak dan menghasilkan kesan yang lebih luas, seperti seketul batu yang dilemparkan ke dalam air yang boleh menghasilkan suatu alunan lingkaran air yang semakin berkembang.

keseimbangan (*proportionality*) – prinsip yang menurutnya kehilangan nyawa orang awam dan kerosakan kepada objek awam tidak boleh keterlaluan berhubung dengan kepentingan ketenteraan yang dijangkakan daripada suatu serangan terhadap suatu objektif ketenteraan.

Klausu Marten (*Martens Clause*) – peruntukan ini termasuk dalam kebanyakan perjanjian IHL semenjak tahun 1899 yang menawarkan suatu perlindungan yang umum kepada orang awam dan kombatan-kombatan. Klausu Marten ini dipetik sepenuhnya seperti berikut:

Bagi kes-kes yang tidak diliputi oleh peraturan-peraturan bertulis undang-undang antarabangsa, orang awam dan kombatan kekal di bawah perlindungan dan penguatkuasaan prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa yang berasal daripada adat yang sudah mantap, daripada prinsip-prinsip kemanusiaan dan mengikut hemat awam.

kod (*code*) – suatu kaedah atau suatu set kaedah-kaedah. Kod boleh jadi bertulis atau tidak bertulis (adat).

kombatan (*combatant*) – seseorang yang mengambil bahagian secara langsung dalam keganasan atau ahli angkatan bersenjata sesuatu negara atau pertubuhan yang terlibat dalam konflik bersenjata.

konflik bersenjata (*armed conflict*) – situasi di mana dua atau lebih kumpulan yang terancang, terlibat dalam konflik bersenjata, sama ada di peringkat antarabangsa ataupun dalaman.

konflik bersenjata antarabangsa (*international armed conflict*) – peperangan antara angkatan bersenjata yang melibatkan sekurang-kurangnya dua buah negara. Peperangan melibatkan liberasi kebangsaan (yang ditakrif oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) telah diklasifikasikan sebagai konflik bersenjata antarabangsa.



konflik bersenjata bukan antarabangsa (*non-international armed conflict*) – pertempuran dalam wilayah sesebuah negara antara pihak tentera yang biasa dan kumpulan bersenjata yang dikenal pasti, atau di antara kumpulan-kumpulan bersenjata antara satu sama lain; juga dikenali sebagai konflik dalaman atau perang saudara.

konflik dalaman (*internal conflict*) – konflik bersenjata yang dilancarkan dalam wilayah sesebuah Negara antara kerajaan dan puak pemberontak atau antara kumpulan bersenjata yang berperang antara satu sama lain (lihat “konflik bersenjata bukan antarabangsa”).

Konvensyen Geneva (*Geneva Conventions*) – perjanjian-perjanjian yang ditandatangani di Geneva pada tahun 1949, yang menjadi asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang moden. Ia menitikberatkan:

- I. Angkatan tentera yang cedera dan sakit di medan peperangan
- II. Angkatan tentera di laut yang cedera, sakit dan mengalami nahas kapal
- III. Tawanan perang
- IV. Penduduk awam.

Mahkamah Jenayah Antarabangsa (*International Criminal Court (ICC)*) – mahkamah tetap yang akan menyiasat dan menghukum pencabulan undang-undang antarabangsa yang paling serius, termasuk penghapusan bangsa, jenayah terhadap manusia, jenayah peperangan dan tindakan keganasan. Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) akan ditubuhkan selepas 60 negara meratifikasikan perjanjian bertulis pada mesyuarat antarabangsa di Rom pada tahun 1998.

mangsa-mangsa (*victims*) – mereka yang menderita akibat konflik bersenjata.

maruah manusia (bukan perundangan) (*human dignity (non-legal)*) – harga diri dan kehormatan semua orang tanpa mengambil kira kerakyatan, ras, pegangan agama, kedudukan sosial, pendapat politik atau ciri-ciri persendirian atau kumpulan yang lain.

memegang kuasa (*accession*) – proses di mana suatu Kerajaan bersetuju untuk terikat dengan suatu perjanjian yang telah berkuat kuasa.

mengesan (bukan perundangan) (*tracing (non-legal)*) – proses mengesan dan mengenal pasti orang yang mungkin telah terpisah daripada unit ketenteraannya (“hilang semasa bertugas”) atau daripada keluarga semasa suatu konflik bersenjata.

mengurangkan (bukan perundangan) (*derogate (non-legal)*) – untuk merampas.

objek awam (*civilian object*) – apa-apa objek yang bukan objek ketenteraan.

objektif ketenteraan (*military objectives*) – objek-objek yang secara semula jadinya, lokasi, tujuan atau kegunaannya memberikan sumbangan yang berkesan kepada tindakan ketenteraan dan kemusnahannya menawarkan kelebihan yang tertentu kepada pihak tentera.

orang awam (*civilian*) – seseorang yang bukan kombatan.

orang tahanan (*internee*) – orang awam atau kombatan yang tidak dituduh melakukan jenayah tetapi ditahan sebagai suatu langkah keselamatan pencegahan semasa konflik bersenjata.

orang yang dipaksa berpindah (*displaced person*) – (lihat “orang yang dipaksa berpindah secara dalaman”)

orang yang dipaksa berpindah secara dalaman (*internally displaced persons*) – orang yang telah berpindah dari rumah mereka, tetapi tidak meninggalkan negara, kerana takut akan penindasan, dalam usaha untuk mengelak daripada kesan konflik bersenjata atau keganasan, pencabulan hak asasi manusia atau malapetaka semula jadi atau yang dibuat oleh manusia.

paramilitari (*paramilitary*) – unit tentera yang, walaupun bukan secara rasmi menjadi sebahagian daripada angkatan tentera atau polis, mendapat sokongan kerajaan secara rasmi atau tidak rasmi untuk mengambil bahagian dalam operasi-operasi ketenteraan.

pelanggaran serius (*grave breaches*) – pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang paling serius, ditakrifkan oleh Konvensyen Geneva termasuklah:

- ▲ pembunuhan yang disengajakan
- ▲ seksaan atau layanan tidak berperikemanusiaan, termasuklah eksperimen biologi
- ▲ dengan sengaja menyebabkan penderitaan melampau atau kecederaan yang serius terhadap badan atau kesihatan, dan pemusnahan meluas dan pengam-



bilan harta benda, yang tidak boleh dijustifikasikan untuk keperluan ketenteraan dan dijalankan secara tidak sah dan sewenang-wenangnya

- ▲ memaksa tawanan perang untuk berkhidmat dalam angkatan musuh
- ▲ dengan sengaja melucutkan hak perbicaraan yang adil dan saksama seseorang tawanan perang seperti yang ditetapkan di dalam Konvensyen ini
- ▲ mengusir atau memindahkan secara tidak sah atau penahanan secara tidak sah seseorang yang dilindungi, memaksa seseorang yang dilindungi untuk berkhidmat dalam angkatan musuh
- ▲ dengan sengaja melucutkan hak perbicaraan yang adil dan saksama seseorang yang dilindungi seperti yang ditetapkan di dalam Konvensyen ini
- ▲ pengambilan tebusan

Protokol Tambahan I telah melanjutkan senarai ini dengan menambah:

- ▲ serangan terhadap orang awam atau individu awam
- ▲ serangan secara sembarangan yang melibatkan orang awam atau objek awam
- ▲ serangan terhadap apa-apa pemasangan yang mengandungi kuasa merbahaya
- ▲ serangan terhadap kawasan yang tidak dilindungi dan zon yang tidak boleh mempunyai sebarang angkatan tentera
- ▲ penggunaan secara khianat lambang palang merah atau bulan sabit merah
- ▲ kelewatan dalam menghantar pulang tawanan perang ke negara asal
- ▲ aparteid dan amalan lain yang menghina dan menjatuhkan maruah
- ▲ serangan ke atas monumen bersejarah, artistik atau keagamaan

pelarian (*refugee*) – seseorang yang, disebabkan oleh ketakutan akan penyeksaan, peperangan atau kejadian-kejadian yang secara serius mengganggu ketenteraman awam, terpaksa meninggalkan kampung halamannya dalam usaha mencari perlindungan di tempat lain di luar negara asalnya. Sesetengah pelarian, apabila tiba di negara hos, berhak kepada suatu status istimewa. Syarat-syarat untuk mendapatkan status itu adalah ditetapkan dalam Konvensyen 1951 mengenai Status Pelarian.

pembersihan etnik (*ethnic cleansing*) – secara paksa memindahkan atau menghapuskan sesuatu penduduk etnik daripada sesuatu kawasan tertentu untuk menonjolkan identiti dan kuasa suatu kumpulan etnik yang lain.

penderitaan yang tidak perlu (*unnecessary suffering*) – kesakitan atau kesengsaraan yang tidak perlu dalam mencapai sesuatu objektif ketenteraan (atau penderitaan yang tidak perlu bagi menghalang suatu penderitaan yang lebih besar). Walaupun tidak wujud definisi yang lebih tegas bagi penderitaan yang tidak perlu, ia dan kecederaan melampau/terlampau, adalah diharamkan oleh undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

pengampunan (*amnesty*) – pengampunan menyeluruh yang diberikan kepada sesuatu kumpulan individu yang telah melanggar undang-undang.

penghapusan bangsa (*genocide*) – penghapusan secara terancang dan sistematik sesuatu bangsa, etnik, agama atau kumpulan budaya, dengan cara membunuh, mencederakan, memburukkan keadaan hidup, menghalang kelahiran atau memindahkan kanak-kanak.

penguatkuasaan (*enforcement*) – membawa orang yang bertanggungjawab melakukan jenayah peperangan ke muka pengadilan melalui cara undang-undang. Undang-undang kemanusiaan antarabangsa menghendaki negara-negara untuk mencari dan menghukum orang yang melanggar secara serius undang-undang kemanusiaan antarabangsa, tanpa mengira tempat di mana pencabulan itu berlaku atau kerakayatan penjenayah itu.

penyaksi (bukan perundangan) (*bystander (non-legal)*) – seseorang yang berada, tanpa terlibat, di sesuatu tempat kejadian di mana nyawa atau maruah orang lain terancam. Seorang penyaksi boleh memutuskan untuk campur tangan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) dalam kejadian itu.

peperangan pembebasan nasional (*war of national liberation*) – konflik di mana orang ramai berperang terhadap kuasa penjajah, pendudukan asing atau rejim perkauman. Di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa, suatu peperangan pembebasan nasional (yang diiktiraf sedemikian oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) ialah suatu konflik bersenjata antarabangsa.



perbezaan di antara orang awam dan kombatan (*distinction between civilians and combatants*) – membezakan di antara orang yang tidak terlibat dalam pertempuran dan orang yang bertempur ialah suatu prinsip asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa, seperti yang dinyatakan di dalam Protokol 1 tambahan kepada Konvensyen Geneva:

Pihak-pihak kepada konflik hendaklah pada setiap masa membezakan di antara penduduk awam dan kombatan dan di antara objek awam dan objektif ketenteraan dan maka hendaklah mengarahkan operasi mereka hanya terhadap objektif ketenteraan.

perbuatan khianat (*perfidy*) – membuatkan musuh anda mempercayai bahawa dia berhak kepada perlindungan, atau bahawa dia mesti memberikan perlindungan, dengan niat untuk mengkhianati kepercayaan itu.

periuk api (*landmines*) – senjata yang dicipta untuk meletup sewaktu kehadiran, berhampiran atau melalui sentuhan seseorang, haiwan atau kenderaan yang boleh mencacatkan keupayaan, mencederakan atau membunuh seseorang atau merosakkan kenderaan.

Perkara 3 yang umum kepada Konvensyen Geneva (*Article 3 common to the Geneva Conventions*) – Perkara yang sama dalam keempat-empat Konvensyen Geneva dan yang terpakai kepada konflik bersenjata bukan antarabangsa (walaupun keseluruhan Konvensyen yang lain terpakai kepada konflik antarabangsa sahaja). Perkara ini mengandungi kaedah-kaedah asasi IHL. Perkara 3 dipetik sepenuhnya, di bawah.

Perkara 3

Dalam hal konflik bersenjata yang bukan bercirikan antarabangsa yang terjadi di salah satu wilayah Pihak Berkontrak Tertinggi, tiap-tiap pihak kepada konflik hendaklah terikat untuk memakai, secara minimum, peruntukan-peruntukan berikut:

(1) Orang yang tidak mengambil bahagian aktif dalam keganasan, termasuklah ahli-ahli angkatan bersenjata yang telah meletakkan senjata dan yang telah ditempatkan di bawah "hors de combat" akibat kesakitan, kecederaan, tahanan, atau apa-apa sebab lain, hendaklah dalam semua keadaan dilayan secara berperikemanusiaan, tanpa sebarang perbezaan yang dibuat mengikut ras, warna kulit, agama atau kepercayaan, jantina, tempat lahir atau kekayaan, atau kriteria lain yang serupa.

Untuk tujuan/maksud ini, tindakan-tindakan berikut adalah dilarang dan terus dilarang pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat jua berkenaan dengan orang-orang yang disebut di atas:

- (a) keganasan terhadap nyawa dan orang, terutamanya apa-apa jenis pembunuhan, pencacatan, layanan kejam dan penyeksaan;*
- (b) pengambilan tebusan;*
- (c) pencabulan maruah diri, terutamanya layanan yang memalukan dan menjatuhkan maruah;*
- (d) menjatuhkan hukuman dan menjalankan hukuman tanpa dihakimi sebelumnya oleh mahkamah yang ditubuhkan secara biasa, yang memberikan jaminan kehakiman yang diakui sebagai sangat diperlukan oleh orang-orang yang bertamadun.*

(2) Orang yang cedera dan sakit patut dikumpulkan dan dijaga.

Suatu pertubuhan kemanusiaan yang tidak berat sebelah, seperti Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, boleh menawarkan perkhidmatannya kepada pihak-pihak yang berkonflik.

Pihak-pihak kepada konflik sepatutnya berusaha untuk menguatkuasakan, dengan cara persetujuan yang khas, semua atau mana-mana bahagian peruntukan-peruntukan Konvensyen yang ada sekarang.

Pemakaian peruntukan-peruntukan di atas tidak akan memberi kesan terhadap status sah pihak-pihak kepada konflik.

Pihak Berkontrak Tertinggi (*High Contracting Party*) – Negara yang telah meratifikasi suatu Konvensyen.



- pihak kepada suatu konflik (*parties to a conflict*)** – pihak-pihak yang terlibat dalam pertempuran, termasuklah kedua-dua kerajaan dan angkatan yang bertempur yang mungkin tidak diberi sanksi secara sah oleh sesuatu kerajaan atau negara.
- protokol tambahan (*additional protocols*)** – ia melengkapkan suatu perjanjian atau suatu badan undang-undang antarabangsa. Contohnya, Konvensyen Geneva 1949 yang asal telah ditambah dengan dua protokol tambahan pada tahun 1977.
- Rantai kesan akibat (bukan perundangan) (*chain reaction (non-legal)*)** – suatu siri kejadian yang tiap-tiap satunya memberi kesan atau menyebabkan kejadian yang berikut.
- ratifikasi (*ratification*)** – proses yang melaluinya sesuatu kerajaan atau organisasi secara rasmi mengisytiharkan bahawa ia tertakluk kepada sesuatu perjanjian atau apa-apa perjanjian antarabangsa yang lain selepas menandatangani.
- senjata yang sembarangan (*indiscriminate weapon*)** – senjata yang digunakan tidak boleh membezakan mangsa iaitu termasuk mencederakan orang awam dan objek awam termasuk kombatan dan objektif ketenteraan. Senjata ini terus membunuh dan mencederakan orang awam walaupun konflik sudah berakhir.
- serangan secara sembarangan (*indiscriminate attacks*)** – serangan ke atas objektif ketenteraan dan awam atau objek awam tanpa membezakan sama ada ia adalah objek ketenteraan atau objek awam.
- tahanan (*detainee*)** – orang awam yang dituduh bagi sesuatu jenayah dan ditahan sebagai tawanan semasa konflik bersenjata.
- tawanan perang (*prisoner of war*)** – kombatan yang ditawan dalam konflik bersenjata antarabangsa. Hanya kombatan yang memenuhi syarat-syarat tertentu yang berhak kepada status ini (terutamanya ahli-ahli angkatan bersenjata).
- tekanan sosial (bukan perundangan) (*social pressure (non-legal)*)** – pengaruh keluarga, rakan atau orang lain terhadap seseorang individu untuk bertindak mengikut suatu cara yang tertentu.
- tindakan kemanusiaan (bukan perundangan) (*humanitarian act (non-legal)*)** – suatu tindakan melindungi nyawa dan maruah manusia, biasanya terhadap seseorang yang pada kebiasaannya tidak kita lindungi, dan mungkin akan melibatkan risiko persendirian atau pengorbanan diri.
- Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi bekas Yugoslavia (*International Criminal Tribunal for the former Yugoslavia (ICTY)*)** – mahkamah yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1993 untuk mendakwa orang-orang yang bertanggungjawab bagi jenayah peperangan, penghapusan bangsa dan jenayah terhadap manusia yang dilakukan di wilayah bekas Yugoslavia semenjak 1991.
- Tribunal Jenayah Antarabangsa bagi Rwanda (*International Criminal Tribunal for Rwanda (ICTR)*)** – mahkamah yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1995 untuk mendakwa orang-orang yang bertanggungjawab bagi penghapusan bangsa, jenayah terhadap manusia dan jenayah peperangan yang dilakukan di wilayah Rwanda dan oleh orang-orang Rwanda di negara-negara yang berhampiran di antara 1 Januari 1994 dan 31 Disember 1994.
- Triti Ottawa (*Ottawa Treaty*)** – persetujuan yang dicapai di Ottawa, Kanada, pada tahun 1997, untuk melarang penggunaan, pengumpulan stok, pengeluaran dan pemindahan periuk api pembina anggotanya, secara rasmi disebut “Konvensyen Mengenai Larangan Bagi Penggunaan, Pengumpulan Stok, Pengeluaran atau Pemindahan Periuk Api Pembina Anggotanya dan Kemusnahannya”.
- undang-undang adat antarabangsa (*customary international law*)** – kaedah-kaedah yang tidak bertulis yang ditakrifkan oleh amalan lazim dan suatu persetujuan umum di kalangan negara-negara.
- undang-undang hak asasi manusia (*human rights law*)** – suatu badan undang-undang, yang terpakai pada setiap masa, yang melindungi maruah manusia, terutamanya terhadap perlakuan sewenang-wenang sesebuah Negara.
- undang-undang kemanusiaan antarabangsa (*International Humanitarian Law (IHL)*)** – peraturan-peraturan yang, semasa konflik bersenjata, bertujuan melindungi orang-orang yang tidak, atau tidak lagi, mengambil bahagian dalam permusuhan dan menghadkan kaedah-kaedah dan cara-cara menjalankan peperangan – juga dikenali sebagai undang-undang peperangan.